

**KELUAR DARI LINGKARAN KEMISKINAN:
MOBILITI SOSIAL DI KALANGAN KOMUNITI PESISIR PANTAI,
KUALA TERENGGANU**

NOR HAYATI SA'AT

**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
JUN 2010**

**KELUAR DARI LINGKARAN KEMISKINAN:
MOBILITI SOSIAL DI KALANGAN KOMUNITI PESISIR PANTAI,
KUALA TERENGGANU**
*(Leaving The Poverty Circle: Social Mobility Among The Coastal Community
In Kuala Terengganu)*

Oleh

NOR HAYATI SA'AT

**Satu tesis yang diserahkan kepada pejabat Dekan Penyelidikan dan
Pascasiswazah, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa,
Universiti Utara Malaysia
sebagai memenuhi syarat pengijazahan
Ijazah Doktor Falsafah**



Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa
(College of Law, Government and International Studies)
Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

NOR HAYATI SA'AT

Ph.D

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

**"KELUAR DARI LINGKARAN KEMISKINAN : MOBILITI SOSIAL DI KALANGAN KOMUNITI
PESISIR PANTAI , KUALA TERENGGANU."**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : **24 Mei 2010**

*That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on: **24 May 2010***

Pengerusi Viva
(Chairman for Viva)

: **PROF. MADYA DR. RUSNIAH AHMAD**

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar
(External Examiner)

: **PROF. DR. RAHIMAH ABDUL AZIZ**

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam
(Internal Examiner)

: **PROF. DR. ABDUL RAHMAN ABDUL AZIZ**

Tandatangan
(Signature)

Tarikh: **24 MEI 2010**
(Date)

Nama Pelajar
(Name of Student)

: NOR HAYATI SA'AT

Tajuk Tesis
(Title of the Thesis)

: "KELUAR DARI LINGKARAN KEMISKINAN : MOBILITI SOSIAL
DI KALANGAN KOMUNITI PESISIR PANTAI , KUALA
TERENGGANU."

Program Pengajian
(Programme of Study)

: Ph.D

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia

: PENYELIA - PROF. DR. MANSOR MOHD
NOOR



Tandatangan
(Signature)

**KELUAR DARI LINGKARAN KEMISKINAN:
MOBILITI SOSIAL DI KALANGAN KOMUNITI PESISIR PANTAI,
KUALA TERENGGANU**
*(Leaving The Poverty Circle: Social Mobility Among The Coastal Community
In Kuala Terengganu)*

Oleh

NOR HAYATI SA'AT

Satu tesis yang diserahkan kepada pejabat Dekan Penyelidikan dan
Pascasiswazah, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa,
Universiti Utara Malaysia
sebagai memenuhi syarat pengijazahan
Ijazah Doktor Falsafah

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

20 Jun 2010

NOR HAYATI SA'AT
90644

KEBENARAN MENGGUNA (*PERMISSION TO USE*)

Dalam membentangkan tesis ini, bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk ijazah lanjutan Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti boleh secara bebas membenarkan sesiapa saja untuk memeriksa. Saya juga bersetuju bahawa penyelia saya atau jika ketiadaannya, Dekan Pusat Pengajian Siswazah diberi kebenaran untuk membuat salinan tesis ini dalam sebarang bentuk, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya bagi tujuan keserjanaan. Adalah dimaklumkan bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan tesis ini sama ada sepenuhnya atau sebahagian daripadanya bagi tujuan keuntungan kewangan, tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis daripada saya. Juga dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberi kepada saya dan Universiti Utara Malaysia dalam sebarang kegunaan keserjanaan terhadap sebarang petikan daripada tesis saya.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau mengguna mana-mana bahan dalam tesis ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, hendaklah dialamatkan kepada :

Dekan Penyelidikan dan Pasca Siswazah
Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa,
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman

In presenting this thesis in full fulfillment of the requirements for a post-graduate degree from Universiti Utara Malaysia, I agree that University Library may make it freely available for inspection. I further agree that permission for copying of this thesis in any manner, in whole or in part, for scholarly purposes may be granted by my supervisor or in his absence, by Dean of the College of Law, Government and International Studies. It is understood that any copying or publication or use of this thesis or parts there of for financial gain shall not be allowed without my written permission. It is also understood that due recognition shall be given to be me and to Universiti Utara Malaysia for any scholarly use which may be made of any material from my thesis.

Request for permission to copy or make other use of material in this thesis, in whole or in part, should be addressed as above.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah di atas petunjuk dan hidayat, serta kudrat-Nya, akhirnya tesis ini dapat disiapkan juga. Penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih ditujukan khas kepada penyelia saya, Prof. Dr. Mansor Mohd Noor (dahulunya di Universiti Utara Malaysia, kemudian semenjak Januari 2009 bertugas di Institut Kajian Etnik – KITA – Universiti Kebangsaan Malaysia) atas segala kepercayaan, dorongan, nasihat serta tunjuk ajar kepada saya. Sebagai pelajar, saya menghadapi banyak rintangan, dugaan, cabaran dan masalah dalam proses penyiapan tesis ini. Akan tetapi dengan penuh kesabaran beliau memberikan nasihat dan pandangan demi mengatasi pelbagai kelemahan ini, akhirnya impian saya menyiapkan tesis ini telah menjadi kenyataan.

Pengajian untuk Ph.D. saya ini adalah atas tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di bawah Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) beserta kelulusan daripada Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Saya amat berterima kasih kepada pihak Universiti kerana memberi cuti belajar kepada saya, dan kepada JPA dan KPT kerana memberi peluang kepada saya untuk meneruskan pengajian pada peringkat kedoktoran falsafah ini.

“Proses melakukan penyelidikan dan menghasilkan tesis Ph.D. adalah satu perjalanan sendiri yang seringkali sepi keseorangan....tetapi dalam kesepian ada hikmah dan ilham. Justeru, bulatkan tekad....pendakian ilmu memang sukar tetapi ia tidak mustahil dengan azam, *passion*, usaha yang cekal dan sikap optimis.” Inilah antara kata-kata seorang ‘tok guru’ saya, Prof. Emeritus Dato’ Dr. Abdul Rahman Haji Embong, Felo Utama IKMAS, UKM, tempat saya pernah berguru untuk menyiapkan pengajian MPhil kira-kira sembilan tahun lalu, dan terus menjadi guru saya sehingga kini, yang tidak jemu-jemu membimbing, memberi tunjuk ajar, nasihat dan dorongan untuk menyiapkan pengajian Ph.D ini. Kata-kata beliau ini saya sentiasa jadikan sebagai pendorong dan ‘pembakar’ semangat serta motivasi untuk terus berjuang menyiapkan tesis ini. Alhamdulillah, dalam tempoh empat tahun yang diperuntukkan, maka terhasillah tesis ini. Ucapan terima kasih yang tidak dapat dinilai saya tujukan khas buat beliau.

Ribuan terima kasih dirakamkan khusus kepada 300 orang responden di kalangan komuniti pesisir pantai di Kuala Terengganu, terutamanya di empat kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) terpilih yang sudi ditemubual secara mendalam. Juga kepada 16 orang daripada mereka yang dipilih sebagai informan utama secara khusus untuk temubual mendalam merangkumi biografi kehidupan mereka, jutaan terima kasih saya ucapkan atas maklumat yang saya perlukan untuk kajian ini. Tidak lupa ucapan terima kasih saya kepada semua informan lain kajian ini terutamanya kepada semua pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan yang terlibat, serta kepada pengerusi,

naib pengerusi dan setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) setiap kampung yang dikaji.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada *sifu-sifu* saya yang lain di IKMAS, UKM, khususnya Prof. Norani Othman, Dr. Diana Wong dan Dr. Sumit K. Mandal yang tidak jemu-jemu bertanya perkembangan kajian saya dan memberikan pandangan, bimbingan dan ilmu yang sangat berguna dalam usaha memantapkan penulisan tesis ini.

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua sahabat baik dan rakan seperjuangan, iaitu, Kak Rosyati, Wahi, Fitri, Roslina, Marhana, Au Yong, Shearon, Olin, Anim, adik Nurul Hayati, adik Faradiana dan ramai lagi yang tidak dapat disebutkan nama mereka di sini. Kata-kata semangat, galakan, nasihat dan gelak ketawa kalian semua menjadi pendorong kepada saya untuk menyiapkan tesis ini. Khas buat anak saudaraku Zetty Akma yang menjadi 'pembantu peribadi' yang baik selama ini, *Ucu* ucapkan terima kasih.

Buat emak tercinta dan arwah ayah yang dikasihi, abah dan mama Suraya yang disayangi, Akak & Abang, Ngah & Kak Ngah, Uda & Kak De, Utih & Pak Utih, Andak & Kak Dak, Itam & Pak Itam, Anjang & Kak Jang, Acik dan Kak Cik, adik Azrian Sani, serta ahli keluarga yang amat disayangi semua, terima kasih yang tidak terhingga di atas doa dan sokongan yang diberikan selama ini. Akhirnya, kepada pelbagai pihak lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses penyediaan tesis ini, berbanyak-banyak terima kasih atas segalanya. Semoga Allah memberkati hidup kalian.

20 Jun 2010

ABSTRAK

Persoalan berkaitan dengan perubahan dan transformasi sosial yang berlaku dalam komuniti pesisir pantai ini telah dibincangkan oleh tiga kajian karya agung pada zaman masing-masing dan masih relevan sekarang ini; iaitu, kajian Firth (1940-an), Ungku Aziz (1960-an) dan Ishak Shari (1980-an). Pada hari ini, komuniti pesisir pantai didapati masih terdiri daripada kaum nelayan yang sering digambarkan sebagai komuniti terpinggir, mundur serta tertinggal daripada arus pembangunan. Anggota-anggota komuniti ini dikatakan masih “terperangkap dalam lingkaran kemiskinan dan keterbelakangan”. Namun proses pembangunan dan pemodenan secara langsung atau tidak langsung mencetuskan perubahan di kalangan anggota komuniti ini dan komuniti ini juga turut mengalami transformasi. Bertolak daripada latar belakang keterbelakangan dan kemunduran di satu pihak serta transformasi di pihak lain, penyelidikan ini bertujuan mengkaji fenomena ‘keluar dari lingkaran’ kemiskinan, yakni fenomena mobiliti sosial di kalangan komuniti pesisir pantai, khususnya, di Kuala Terengganu. Kajian ini bertolak daripada pendirian kerangka teoritikal bahawa tidak ada satu faktor semata-mata yang boleh menghuraikan proses dan perubahan mobiliti sosial ini. Sebaliknya, perubahan dalam bentuk mobiliti itu perlu dilihat dalam kerangka analisis *multi-causal* atau *multi-factoral*. Untuk pergerakan atau mobiliti sosial menegak seseorang itu memerlukan gabungjalinan faktor-faktor pendorong khususnya faktor pendidikan, ekonomi dan sosio-budaya, dengan aktor atau diri sendiri (modal manusia), keluarga dan komuniti (modal sosial), serta negara/kerajaan (faktor struktural) berperanan serentak. Kaedah survei ke atas 300 orang responden serta interviu dan pemerhatian telah dijalankan. Sumber-sumber sekunder telah digunakan untuk melihat perubahan dan mobiliti di kalangan ahli-ahli komuniti pesisir pantai ini dengan menggunakan perspektif sejarah. Umumnya, melihat masyarakat pesisir pantai ini dalam konteks perkembangan sejarah 60 tahun lebih ini, pekerjaan nelayan didapati telah semakin berkurangan dan semakin kurang diminati. Kajian menunjukkan satu transformasi yang besar telah berlaku dalam komuniti pesisir ini berdasarkan perbandingan empat generasi nelayan yang dikaji – datuk, bapa, responden dan anak responden. Laut sebagai sumber utama rezeki dan pekerjaan komuniti pesisir sudah berubah, dengan komuniti menjadi semakin rencam. Ini terbukti apabila peratusan nelayan di kalangan komuniti pesisir yang dikaji hanya 47 peratus, manakala kumpulan-kumpulan lain berjumlah 53 peratus. Mereka terdiri daripada kategori pentadbiran (15 peratus), perniagaan (22.7 peratus) dan buruh (15.3 peratus). Berdasarkan analisis pengukuran mobiliti yang telah dibentuk untuk kajian ini, empat pola atau corak mobiliti sosial di kalangan anggota komuniti pesisir pantai ini telah ditemui. Mereka yang mampu memiliki pendidikan dan berpindah kepada kegiatan komersial secara relatif lebih banyak telah berjaya keluar dari lingkaran sosial kemunduran ini. Kajian ini dapat menyumbang kepada korpus ilmu sosiologi pembangunan, khususnya, kajian mengenai perubahan dan mobiliti sosial di kalangan masyarakat pesisir. Hasil kajian ini telah meyakinkan pengkaji bahawa memiliki kefahaman yang tepat tentang masalah masyarakat pesisir pantai akan membantu kerajaan dan pihak berkepentingan lain untuk menggubal dasar dan pelaksanaan program di kawasan ini yang boleh mendorong dan mengurus perubahan dan pembangunan komuniti yang terpinggir ini dengan lebih baik lagi.

ABSTRACT

The issue of social change and transformation of coastal communities has been the subject of study in earlier landmark works, namely, by Firth (1940s), Ungku Aziz (1960s), and Ishak Shari (1980s). Today, it is found that coastal communities still consist mainly of fishermen who are often portrayed as marginalized, underdeveloped communities and left out of mainstream development. Members of the communities are often regarded as being “trapped within the circle of poverty and backwardness”. However, processes of development and modernisation have directly or indirectly triggered changes among these communities while the latter too have undergone transformation. Based on this backdrop of backwardness and underdevelopment on the one hand, and transformation on the other, this study seeks to investigate the phenomenon of “getting out of the circle”, vis., the phenomenon of social mobility among the coastal community by focusing on the coastal community in Kuala Terengganu. The theoretical position of the study is that there is no one single factor that can explain social mobility. On the contrary, the changes in the form of social mobility have to be seen within the analytical framework that emphasises multicausality or multi-factoral analysis. For upward social mobility, an individual requires the combination of a host of contributing factors such as education, economy, and socio-cultural, with the actor (human capital), family and community (social capital), as well as the state (structural factor) playing their roles simultaneously. A survey of 300 respondents has been administered, together with interviews and observations. The researcher also undertook a study of secondary materials and documents to analyse change and social mobility in the coastal community over time by using a historical perspective. In general, examined in the context of the history of the last sixty years or so within the coastal community, the fisherfolk is found to be on the decline as this occupation is becoming less and less popular. The study shows that a major transformation has taken place within the coastal community when four generations -- grandfather, father, respondent, and the respondent’s son -- are compared. The role of the sea in providing the principal source of income or the principal occupation for members of the coastal community has become more heterogenous. This can be seen from the fact that the percentage of fishermen among the coastal community today only stands at 47 percent while other categories that make 53 percent, comprised of those doing administrative jobs (15 percent), business (22.7 percent) and labourers (15.3 percent). Based on the scale of mobility measurement constructed for the study, it is found that there are four patterns of mobility within the coastal community. Among individuals with better education and who have moved into commercial activities they are relatively more successful in ‘getting out of the circle’. This study contributes towards the corpus of knowledge on sociology of development, particularly the study of change and social mobility of coastal communities. The outcome of this study strengthens the researcher’s belief that only a proper understanding of the problems of coastal communities will assist the government and other stakeholders to formulate policy and plan programmes that can facilitate and manage change and development of marginalized communities so that they can be empowered.

KANDUNGAN

	Mukasurat
PENGAKUAN	ii
KEBENARAN MENGGUNA (<i>PERMISSION TO USE</i>)	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI SINGKATAN	xix
BAB I PENDAHULUAN	
1.1 Latar belakang kajian dan pernyataan masalah kajian	1
1.2 Objektif kajian	9
1.3 Persoalan kajian	10
1.4 Kepentingan kajian	12
1.5 Kerangka analisis kajian	14
1.6 Batasan kajian	20
1.7 Persembahan kajian	21

BAB II	KERANGKA TEORI DAN KONSEPTUAL ‘KELUAR DARI LINGKARAN’ KEMISKINAN	
2.1	Pengenalan	23
2.2	Konsep Kemiskinan	25
2.3	Ungkapan ‘Putaran Ganas Kemiskinan’	27
2.4	Pengertian ungkapan ‘keluar dari lingkaran’ kemiskinan	28
2.5	Perubahan stratifikasi sosial dan mobiliti sosial	29
2.6	Pembangunan dan transformasi sosial	34
2.7	Pengoperasian konsep utama kajian	37
	2.7.1 ‘Keluar dari lingkaran’ kemiskinan	37
	2.7.2 Konsep komuniti pesisir pantai	38
	2.7.3 Mobiliti sosial	41
2.8	Penyumbang mobiliti sosial	45
	2.8.1 Faktor modal manusia	45
	2.8.2 Faktor modal sosial	47
	2.8.3 Faktor struktural	50
2.9	Kerangka analisis kajian	53
BAB III	WACANA TENTANG KOMUNITI DAN FAKTOR-FAKTOR MOBILITI SOSIAL	
3.1	Pengenalan	54
3.2	Wacana tentang konsep ‘Komuniti’	55
	3.2.1 Kekaburan dan kekusutan konsep	55
	3.2.2 Perkembangan konsep komuniti	58
3.3	Jenis-jenis komuniti	61
	3.3.1 Komuniti desa	62
	3.3.2 Komuniti bandar	64
	3.3.3 Komuniti pesisir pantai – Kajian-kajian di Malaysia	66
	3.3.4 Komuniti pesisir pantai dan mobiliti sosial – kajian di luar Malaysia	82
3.4	Persoalan mobiliti sosial	85

3.5	Wacana tentang modal manusia, modal sosial dan faktor struktural	88
3.6	Kesimpulan	96
BAB IV METODOLOGI KAJIAN		
4.1	Pengenalan	98
4.2	Rekabentuk penyelidikan	100
4.3	Unit analisis	101
4.4	Saiz sampel kajian	102
4.5	Tatacara pengumpulan data	103
4.6	Pembolehubah dan alat pengukuran kajian	108
4.7	Indikator ukuran mobiliti sosial dan faktor penyumbang mobiliti	110
	4.7.1 Dimensi ukuran mobiliti sosial	110
	4.7.2 Dimensi ukuran faktor penyumbang mobiliti sosial	112
	4.7.2.1 Faktor struktural	113
	4.7.2.2 Modal manusia	113
	4.7.2.3 Modal sosial	115
4.8	Analisis data	116
4.9	Kesimpulan	117
BAB V PROFIL KAWASAN KAJIAN DAN RESPONDEN		
5.1	Pengenalan	119
5.2	Latar belakang kawasan kajian	119
	5.2.1 DUN Batu Buruk	122
	5.2.2 DUN Batu Rakit	124
	5.2.3 DUN Seberang Takir	127
	5.2.4 DUN Tepoh	129

5.3	Profil Responden	131
5.3.1	Jantina, umur dan taraf perkahwinan	132
5.3.2	Tempoh menetap, jenis dan status pemilikan rumah kediaman	133
5.3.3	Tahap pendidikan	135
5.3.4	Saiz keluarga	136
5.3.5	Klasifikasi pekerjaan dan sektor perkhidmatan	142
5.3.6	Komuniti pesisir dan kepelbagaian pekerjaan	147
5.3.7	Pendapatan bulanan ketua keluarga dan keupayaan menabung	149
5.4	Pemilikan aset	153
5.5	Ruang sosial dan interaksi komuniti	155
5.6	Kesimpulan	159

BAB VI MOBILITI SOSIAL DALAM KOMUNITI PESISIR DARIPADA PELBAGAI DIMENSI UKURAN

6.1	Pengenalan	161
6.2	Bahagian I : Mobiliti antara generasi	162
6.2.1	Mobiliti sosial berdasarkan pendidikan	162
6.2.2	Mobiliti sosial berdasarkan pekerjaan	166
6.3	Bahagian II : Mobiliti dalam satu generasi	170
6.4	Analisis dimensi ukuran objektif	171
6.4.1	Mobiliti sosial dan tahap pendidikan	171
6.4.2	Mobiliti sosial dan kategori pekerjaan	173
6.4.3	Mobiliti sosial dan tahap pendapatan	174
6.4.4	Mobiliti sosial dan kadar simpanan	175
6.4.5	Mobiliti sosial dan pemilikan aset pilihan	175
6.5	Analisis dimensi ukuran subjektif	177
6.6	Kesimpulan	180

BAB VII	POLA MOBILITI SOSIAL MENDATAR DAN TIADA MOBILITI	
7.1	Pengenalan	183
7.2	Pola mobiliti sosial mendatar atau berterusan sama	185
	7.2.1 Faktor objektif	187
	7.2.2 Faktor subjektif	190
7.3	Kes kajian	194
	7.3.1 Sampel dari pola mobiliti mendatar atau berterusan sama menegak jarak tinggi	195
	7.3.2 Sampel pada kedudukan tiada mobiliti	203
7.4	Rumusan dari lapan kajian kes di atas : Beberapa indikator penting	208
7.5	Faktor penyumbang mobiliti sosial mendatar tinggi dan tiada mobiliti	209
	7.5.1 Faktor modal manusia	209
	7.5.2 Faktor modal sosial	213
	7.5.3 Faktor struktural	215
7.6	Kesimpulan	217
BAB VIII	POLA MOBILITI SOSIAL DINAMIK KE ATAS DAN KE BAWAH	
8.1	Pengenalan	219
8.2	Perubahan kedudukan mobiliti	220
8.3	Faktor objektif	222
8.4	Faktor subjektif	225
8.5	Kes kajian	228
	8.5.1 Sampel dari pola mobiliti ke atas (tinggi)	228
	8.5.2 Sampel dari pola mobiliti ke bawah	236
8.8	Rumusan dari lapan kajian kes di atas : Beberapa indikator penting	243

8.9	Faktor penyumbang mobiliti ke atas dan ke bawah	243
	8.9.1 Faktor modal manusia	243
	8.9.2 Faktor modal sosial	248
	8.9.3 Faktor struktural	251
8.10	Kesimpulan	253
BAB IX	KESIMPULAN	255
9.1	Implikasi teori	260
9.2	Implikasi dasar	267
9.3	Cadangan kajian-kajian susulan	273
	BIBLIOGRAFI	275
	LAMPIRAN	284

SENARAI JADUAL

No. Jadual

1.1	Pecahan item-item ukuran berdasarkan pembahagian pola mobiliti sosial Untuk membentuk 'model mobiliti sosial'	16
4.1	Kawasan kajian dan sampel survei ketua keluarga	102
4.2	Ukuran pola mobiliti menegak jarak tinggi	111
4.3	Ukuran pola mobiliti menegak jarak sederhana	111
4.4	Ukuran pola mobiliti menegak jarak rendah	112
4.5	Ukuran tiada mobiliti	112
5.1	Profil kampung-kampung dalam DUN Batu Buruk	123
5.2	Profil kampung-kampung dalam DUN Batu Rakit	125
5.3	Profil kampung-kampung dalam DUN Seberang Takir	128
5.4	Profil kampung-kampung dalam DUN Tepoh (Bahagian Pantai)	130
5.5	Profil asas responden	133
5.6	Pemilikan rumah responden	134
5.7	Tahap pendidikan responden	135
5.8	Saiz dan tanggungan keluarga	137
5.9	Perbandingan struktur umur dan pekerjaan Ketua Keluarga dengan bilangan anak	138
5.10	Kekerapan mengunjungi ibu bapa yang masih hidup	139
5.11	Hubungan dengan ahli keluarga	140
5.12	Tingkhilaku responden mengenai penjagaan yang paling baik untuk ibu bapa yang sudah tua/uzur dan pandangan responden tentang keluarga	141
5.13	Kategori pekerjaan dan klasifikasi sektor perkhidmatan ketua keluarga sekarang	145
5.14	Pekerjaan sampingan ketua keluarga dan golongan nelayan dahulu dan sekarang	148

5.15	Kategori pendapatan dan kadar tabungan ketua keluarga komuniti pesisir pantai	150
5.16	Persepsi diri terhadap tahap pendapatan sekarang berbanding dahulu	153
5.17	Pemilikan aset umum dan aset pilihan komuniti pesisir pantai dahulu dan sekarang	154
5.18	Aktiviti dalam komuniti dan penglibatan responden dalam aktiviti kejrangan	156
5.19	Bentuk interaksi dan kekerapan melakukan interaksi sosial sesama ahli komuniti kejrangan	158
6.1	Perbezaan tahap pencapaian pendidikan tiga generasi	164
6.2	Perubahan pekerjaan empat generasi	167
6.3	Mobiliti intra-generasi responden: Perbandingan dahulu dan sekarang	170
6.4	Mobiliti sosial dan faktor objektif	172
6.5	Mobiliti sosial dan faktor subjektif	177
7.1	Pola mobiliti sosial di kalangan komuniti pesisir pantai	185
7.2	Pola mobiliti sosial dahulu dan sekarang	186
7.3	Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial berterusan sama: Faktor objektif	187
7.4	Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial berterusan sama: Faktor Subjektif	191
7.5	Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial berterusan sama: perbezaan tahap pendidikan, aspek nilai dan sikap pemerksaan/keupayaan anak dan diri sendiri	210
7.6	Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial berterusan sama: Aspek semangat diri -- kerja	212
7.7	Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial berterusan sama: Perubahan kategori pekerjaan	212

7.8	Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial berterusan sama: Hubungan/jaringan sosial luar dalam perniagaan dan bantuan ahli keluarga dalam perniagaan	214
7.9	Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial berterusan sama: Penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan	215
7.10	Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial berterusan sama: Peranan Kerajaan dalam membantu perniagaan	216
7.11	Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial berterusan sama: Rumusan faktor yang mendorong untuk berniaga	216
8.1	Pola mobiliti sosial ke atas	221
8.2	Pola mobiliti sosial ke bawah	221
8.3	Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial ke atas dan ke bawah: Faktor objektif	222
8.4	Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial ke atas dan ke bawah: Faktor subjektif	226
8.5	Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial ke atas dan ke bawah: Perbezaan tahap pendidikan, aspek nilai dan sikap pemerkasaan/keupayaan anak dan diri sendiri	244
8.6	Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial ke atas dan ke bawah: Aspek semangat diri -- kerja	246
8.7	Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial ke atas dan ke bawah: Perubahan kategori pekerjaan	247
8.8	Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial ke atas dan ke bawah: Pengaruh latarbelakang pekerjaan bapa	248
8.9	Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial ke atas dan ke bawah: Hubungan/jaringan sosial luar dalam perniagaan dan bantuan ahli keluarga dalam perniagaan	249
8.10	Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial ke atas dan ke bawah: Penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan	250

8.11	Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial ke atas dan ke bawah: Peranan Kerajaan dalam membantu perniagaan	251
8.12	Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial ke atas dan ke bawah: Rumusan faktor yang mendorong untuk berniaga	253

SENARAI RAJAH

No. Rajah		
1	Model Mobiliti Sosial	17
2	Peta kawasan kajian	121

SENARAI SINGKATAN

ADUN	-	Ahli Dewan Undangan Negeri
AIM	-	Amanah Ikhtiar Malaysia
AJK	-	Ahli Jawatankuasa
ASB	-	Amanah Saham Bumiputera
DUN	-	Dewan Undangan Negeri
FAMA	-	<i>Federal Agricultural Marketing Authority</i>
IKBN	-	Institut Kemahiran Belia Negara
IKMAS	-	Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa
IPC	-	<i>Island and Peripheral Communities</i>
IPTA	-	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	-	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
JKKK	-	Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung
JKM	-	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KEMAS	-	Jabatan Kemajuan Masyarakat
Kg	-	Kampung
Km	-	kilometer
KPN	-	Kawasan Pembangunan Nelayan
LKIM	-	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
MAIDAM	-	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu
MARA	-	Majlis Amanah Rakyat
MRSM	-	Maktab Rendah Sains Mara
NGO	-	<i>Non-government Organisation</i>
PAR	-	Pembantu Am Rendah
PGK	-	Petunjuk Garis Kemiskinan
PIBG	-	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
PKS	-	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PPRT	-	Program Pembangunan Rakyat Termiskin
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	-	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
SPVM	-	Sijil Pelajaran Vakasional Malaysia
SRP	-	Sijil Rendah Pelajaran
STPM	-	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TEKUN	-	Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga
UDM	-	Universiti Darul Iman
UiTM	-	Universiti Teknologi Mara
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UMNO	-	<i>United Malays National Organisation</i>
UMT	-	Universiti Malaysia Terengganu
UPEN	-	Unit Perancang Ekonomi Negeri
YPK	-	Yayasan Pembangunan Keluarga
YPU	-	Yayasan Pembangunan Usahawan

BABI

PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG DAN PERMASALAHAN KAJIAN

Ungkapan ‘keluar dari lingkaran’ dalam kajian ini bermaksud perubahan atau pergerakan dalam bentuk mobiliti sosial yang dialami oleh seseorang individu atau kumpulan untuk keluar daripada keadaan yang dahulunya terbelakang kepada keadaan baru yang lebih baik dan selesa. Salah satu komuniti yang sering dikaitkan sebagai berada dalam lingkaran keterbelakangan sedemikian ialah komuniti pesisir pantai yang menjadi tumpuan kajian ini. Komuniti pesisir pantai di Terengganu secara tradisinya merupakan komuniti nelayan pantai. Hasil tangkapan mereka rendah dan pendapatan mereka kecil. Mata pencarian mereka bukan sahaja dipengaruhi oleh cuaca seperti musim tengkujuh tetapi juga oleh kekurangan modal, teknologi, serta kekurangan pengetahuan mencari pasaran, kemahiran kerja serta motivasi untuk menjadi nelayan usahawan.

Namun, sejak Merdeka dan lebih-lebih lagi sejak tahun 1970-an, negeri Terengganu telah mengalami perubahan. Walau bagaimanapun, darjah perubahan itu agak perlahan berbanding negeri-negeri di pantai barat Semenanjung Malaysia. Misalnya, sejak sekian lama sehingga tahun 1950-an atau 60-an, salah satu penjana pertumbuhan

Terengganu ialah ekonomi nelayan melalui industri perikanan bersama perlombongan bijih besi. Mulai tahun 1970-an dan berterusan dalam tahun 1980-an sehingga sekarang, industri cari gali minyak dan gas melalui Perbadanan Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS), telah menjadi penjana utama pertumbuhan ekonomi Terengganu. Sejak tahun 1990-an pula, Terengganu mengalami perubahan lagi. Pendidikan tertiar, seperti penubuhan IPTA, IPTS, sekolah berasrama penuh, dan industri pelancongan mula melangkah mengambil tempat seiring dengan industri petroleum sebagai penjana pertumbuhan ekonomi negeri. Sektor perikanan semakin mengecil walaupun permintaan untuk hasil laut terus meningkat.

Kesan daripada pelbagai perubahan ini telah wujud pelbagai projek pembangunan kerajaan dan juga swasta di kawasan pesisir pantai khususnya di daerah Kuala Terengganu, di mana terdapatnya komuniti nelayan itu. Selain itu, institusi pendidikan seperti sekolah rendah, sekolah menengah, maktab, dan universiti wujud dengan ketara di samping kemudahan-kemudahan prasarana seperti jalan raya, lapangan terbang yang diperbesarkan dan dinaiktaraf sebagai lapangan terbang antarabangsa, Stadium Sultan Mizan dan sebagainya. Perkara-perkara ini merupakan penjana pertumbuhan baru dalam komuniti tersebut.

Apakah petunjuk-petunjuk perubahan di negeri Terengganu? Seperti dinyatakan di atas, keadaan negeri Terengganu semenjak kemerdekaan telah beransur-ansur berubah hasil daripada program pembangunan yang dilaksanakan secara lebih ketara dalam tempoh 30 tahun ini (1980-2010). Menurut dokumen Kerajaan Negeri, perancangan pembangunan Negeri Terengganu telah melalui dua fasa, iaitu Fasa Pertama dari 1980 hingga 1995, dan Fasa Kedua dari 1996 hingga 2010. Hasil daripada program

pembangunan dalam tempoh 15 tahun Fasa Pertama kemajuan terjelma, khususnya, dalam bentuk peningkatan taraf hidup rakyat. Data menunjukkan pendapatan isi rumah bulanan telah mengalami peratusan peningkatan, iaitu, RM905.00 pada tahun 1990 kepada RM1,113.00 pada tahun 1995. Memasuki Fasa Kedua, pendapatan isi rumah meningkat lagi kepada RM2,463.0 pada tahun 2007. Dalam pada itu, kadar pengangguran juga semakin berkurangan. Dalam Fasa Pertama dan Kedua, kadar pengangguran menurun daripada 10 peratus pada tahun 1980 kepada 8.8 peratus pada tahun 1990. Kadar pengangguran pada tahun 2000 dicatatkan pada kadar 4.2 peratus dan menurun lagi kepada 3.2 peratus pada tahun 2007 (UPEN Terengganu, 2007).

Salah satu penyumbang pertumbuhan ekonomi Terengganu ialah sektor perlombongan, iaitu, petroleum di mana sumbangannya kepada KDNK negeri sebanyak 58.6% (2005). KDNK negeri Terengganu juga telah semakin meningkat dari RM8,171.5 juta pada tahun 1990 kepada RM12,082.9 juta pada tahun 1995. Pada tahun 2005, ia meningkat lagi kepada RM16,821.2 juta dan RM31,844.1 juta pada tahun 2007 (UPEN Terengganu, 2007).

Oleh sebab peningkatan KDNK negeri khususnya hasil pengeluaran minyak, maka pendapatan perkapita negeri Terengganu juga meningkat. Data menunjukkan daripada RM10,759.8 juta pada tahun 1990, telah meningkat kepada RM13,363.1 juta pada tahun 1995. Pendapatan tersebut terus bertambah pada tahun 2007 yang mencatat sebanyak RM29,819.3 juta (UPEN Terengganu, 2007).

Namun, apakah kedudukan komuniti pesisir pantai pada hari ini pada akhir dekad 2000-an berbanding dengan sepuluh atau lima belas tahun dulu yakni pada akhir dekad 1990-an? Apakah mereka sudah keluar daripada lingkaran kemiskinan dan keterbelakangan? Perkara ini hanya dapat dijawab secara ilmiah melalui kajian yang teliti.

Angka-angka di atas memberi gambaran bahawa negeri Terengganu dan rakyatnya adalah 'kaya' tetapi sebenarnya terdapat paradoks yang ketara. Walaupun petunjuk-petunjuk sosioekonomi sepertimana dibincangkan di atas menunjukkan rakyat di Terengganu telah 'keluar' dari lingkaran kemunduran dalam batas-batas tertentu, akan tetapi data juga menunjukkan Terengganu mempunyai kadar kemiskinan kedua tertinggi di Malaysia selepas Sabah pada tahun 2005 (Malaysia, 2006: 348). Data bilangan ketua isi rumah miskin tegar juga menunjukkan negeri Terengganu berada di tempat yang ketiga dengan jumlah 7,038 selepas negeri Kelantan (9,391) dan Sabah (13,837) (Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, 2007).

Fakta ini menunjukkan bahawa lingkaran kemiskinan dan keterbelakangan masih wujud walaupun negeri menunjukkan angka-angka yang 'kaya'. Antara komuniti yang masih berpendapatan rendah, miskin dan terpinggir di Terengganu ialah komuniti pesisir pantai, khususnya, nelayan. Justeru, kajian ini memberi tumpuan kepada golongan komuniti pesisir pantai yang berasal daripada keturunan nelayan sahaja. Bertitik tolak dari pernyataan 'lazim' yang mengaitkan golongan nelayan dengan kemunduran, maka kajian ini iaitu mengkaji proses dan pola mobiliti sosial dalam komuniti pesisir pantai. Proses mobiliti itu diumpamakan dengan ungkapan 'keluar dari lingkaran'. Kajian ini akan meneliti dan mengenalpasti faktor-faktor yang

boleh membawa kepada mobiliti sosial di peringkat individu, keluarga dan komuniti pesisir pantai.

Kajian kepustakaan menunjukkan bahawa masalah ketinggalan dan kemunduran majoriti komuniti nelayan adalah disebabkan budaya hidup mereka. Beberapa pengkaji (misalannya Mohd Yaakub et. al., 1994: 170) menghujahkan bahawa komuniti nelayan masih mengamalkan cara hidup yang sederhana dan sering berpuashati dengan kemampuan dan perolehan yang mereka ada. Aspek keharmonian kekeluargaan dan kesepaduan persaudaraan adalah diberi keutamaan. Oleh itu adalah tidak mustahil untuk mendapati bahawa komuniti ini mempunyai bilangan isirumah yang besar. Hubungan kekeluargaan yang sebegini rupa bukanlah satu masalah tersendiri, namun kesan kekeluargaan yang kuat boleh mempunyai implikasi yang negatif ke arah pertambahan perolehan ekonomi isirumah tersebut. Ini disebabkan di dalam keluarga besar, ahli-ahli keluarga tersebut mengamalkan tradisi saling bantu-membantu. Ahli-ahli keluarga yang tidak bekerja dibantu oleh ahli keluarga yang bekerja. Mereka saling bergantung dan melengkapi, menyebabkan di dalam satu isirumah, jarang berlaku kekurangan yang total. Akibatnya ialah kadar tanggungan keluarga nelayan pada umumnya adalah tinggi. Ini seterusnya menyebabkan pendapatan perkapita yang rendah (Mohd Yaakub et. al., 1994: 170).

Pendidikan adalah satu faktor penting membawa perubahan. Namun, menurut sesetengah pengkaji, misalnya, Wan Hashim (1990: 68-69) dalam kajiannya ke atas komuniti nelayan di Pulau Pangkor, budaya mementingkan pendidikan di kalangan komuniti nelayan juga masih rendah. Satu perkara yang amat penting yang perlu diambil kira ialah kesedaran ibu bapa untuk memberi semangat dan perangsang

kepada anak-anak mereka supaya bersungguh-sungguh masih lagi berkurangan jika dibandingkan dengan ahli-ahli komuniti lain yang tinggal di bandar atau dikampung yang berdekatan dengan bandar. Oleh kerana kurangnya galakan dari ibu bapa, maka kuranglah juga semangat anak-anak mereka untuk berusaha bersungguh-sungguh supaya berjaya di dalam pelajaran mereka. Faktor kejayaan dalam pelajaran adalah berkaitan dengan kebolehan bermobiliti dari strata sosio-ekonomi bawahan kepada strata yang lebih tinggi. Apabila pencapaian dalam bidang pelajaran agak rendah, maka peluang untuk bermobiliti juga turut rendah. Wan Hashim juga menyatakan pelajaran merupakan satu dimensi yang paling tinggi bagi orang Melayu mengalami mobiliti menegak sejak zaman penjajahan hinggalah ke hari ini. Pencapaian dalam pelajaran boleh menentukan sama ada seseorang itu akan tinggal sebagai petani dan pekerja buruh ataupun menjawat jawatan tinggi dalam pentadbiran awam ataupun swasta. Bilangan mereka yang dapat keluar dari komuniti nelayan dan memegang jawatan yang lebih tinggi dengan gaji yang tetap dan lumayan masih amat kecil. Wan Hashim menyimpulkan bahawa ini merupakan satu aspek budaya hidup yang membawa kemunduran dan kemiskinan bagi komuniti nelayan yang dikaji di Pulau Pangkor itu (Wan Hashim, 1980: 68-69).

Dilihat secara sejarah, masalah kemiskinan di kalangan komuniti nelayan telahpun dibincangkan sejak zaman Abdullah Munshi (1796-1854) pada pertengahan abad ke-19 lagi. Dalam catatan pelayarannya ke sana, beliau memerhatikan bahawa masalah ini berleluasa di Pahang, Terengganu dan Kelantan ketika itu (Shaharuddin, 1988: 35). Hampir satu abad kemudian Za'ba telah menulis rencana tentang "Kemiskinan Orang Melayu" dan "Jalan Keselamatan bagi Orang Melayu" pada bulan Disember 1923. Idea beliau dikupas dan dihalusi serta dilanjutkan lagi oleh seorang pengkaji

kemiskinan negara ini, iaitu, Prof DiRaja Ungku Abdul Aziz (1964, 1987) yang membincangkan tentang kemiskinan dalam konteks pembangunan luar bandar. Beliau menghujahkan kemiskinan timbul disebabkan ketaksetaraan agihan pendapatan dan kekayaan, dan memperkenalkan satu indeks yang dikenali sebagai indeks sarung per kapita untuk mengukur kemiskinan di kalangan orang Melayu di kampung. Selanjutnya, kajian tentang kemiskinan ini diteruskan oleh beberapa pengkaji lagi termasuklah Ishak (1979), Chamhuri (1991) dan Ragayah (1981) (Ragayah, 2009: 38).

Kajian mengenai komuniti pesisir pantai dalam tesis ini tidak meneliti masalah kemiskinan secara khusus, tetapi kemiskinan digunakan sebagai garis asas petunjuk untuk melihat lingkaran kemunduran dan keterbelakangan yang dialami komuniti itu. Untuk berlaku transformasi dalam kehidupan seseorang individu atau komuniti, ia harus melalui proses mobiliti sosial. Ini bererti individu atau komuniti harus bergerak keluar daripada lingkaran kemiskinan dan kemunduran supaya mereka berada pada kedudukan yang lebih baik.

Siapakah para pengkaji yang telah membina korpus ilmu tentang kemiskinan dan juga tentang kaum nelayan di Semenanjung Malaysia? Daripada tinjauan literatur terdapat beberapa orang tokoh yang telah membuat sumbangan penting yang boleh dikemukakan di sini. Mereka ialah Za'ba yang mengkaji tentang kemiskinan orang Melayu pada 1920-an, Raymond Firth tentang nelayan pada 1940-an (yang disusuli pada 1960-an), Ungku Aziz pada 1950-an, dan Ishak pada 1978-80. Kajian Raymond Firth pada masa sebelum Perang Dunia Kedua, dan pada tahun 1960-an serta kajian Ishak Shari pada 1978-1980 dilakukan dalam kawasan kajian yang sama, iaitu, di

sebuah perkampungan nelayan Melayu di Perupok dalam jajahan Bachok, Kelantan. Kepentingan kedua-dua kajian ini dari segi penelitian dan analisis mendalam mereka tentang komuniti pesisir pantai telah menarik minat pengkaji untuk menjadikannya sebagai 'bench mark' bagi menganalisis perbandingan sejarah proses transformasi sosial yang dialami oleh komuniti pesisir pantai, khususnya di pantai timur Semenanjung Malaysia.

Apakah intipati kajian-kajian mereka? Za'ba (1920-an) didapati mengkaji kemiskinan Melayu-desa berpunca dari kekurangan pengisian sosio-budaya sebagai yang utama, iaitu tidak mendapat pelajaran yang betul dan adanya tiga sifat yang tidak sesuai di kalangan orang Melayu iaitu sikap puashati, sederhana dan segan. Ungku Aziz (1950-an) pula menegaskan bahawa lingkaran kemiskinan desa-nelayan orang Melayu disebabkan oleh daya usaha rendah serta kurangnya pelajaran dan pengetahuan kemahiran, di samping penindasan dan keadaan terbiar atau pengabaian. Sementara faktor yang ditonjolkan Za'ba lebih bersifat siso-budaya, faktor yang dikemukakan oleh Ungku Aziz bersifat struktural.

Kajian oleh Firth (1940-an, 1960-an) dan Ishak (1980-an) menyimpulkan terdapat empat persoalan penting, iaitu, pemilikan dan penguasaan alat pengeluaran; pemasaran hasil tangkapan mereka; organisasi tenaga kerja mereka; serta alat teknologi; dan cara pengeluaran mereka yang membebani kaum nelayan. Daripada empat faktor ini, dua faktor iaitu pemilikan dan penguasaan alat pengeluaran serta pemasaran adalah paling penting. Ini kerana mereka mendapati masalah kemiskinan yang dialami oleh sebahagian besar kaum nelayan di Perupok berkait rapat dengan masalah penindasan yang dilakukan oleh golongan pemodal dan orang tengah.

Daripada empat kajian besar di atas kita boleh rumuskan bahawa masih tiada lagi pengkaji yang menyelidiki tentang proses mobiliti sosial dalam komuniti pesisir pantai secara lebih khusus dan mendalam. Justeru, selepas tempoh hampir 30 tahun ini (iaitu selepas kajian Ishak pada 1980an), perlu satu lagi kajian mendalam ke atas komuniti desa-nelayan yang mendiami kawasan pesisir pantai ini dengan tumpuan kepada isu mobiliti. Usaha memahami dan menjelaskan permasalahan mobiliti sosial atau proses 'keluar dari lingkaran' ini perlu meliputi pelbagai dimensi pembangunan tersebut serta perubahan yang perlu dilakukan. Justeru, kajian ini memutuskan untuk mengkaji persoalan mobiliti sosial di kalangan masyarakat pesisir pantai Kuala Terengganu bagi mengenalpasti faktor dan pola proses 'keluar dari lingkaran kemunduran dan kemiskinan' yang dialami komuniti tersebut.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai empat objektif seperti berikut:

Pertama, mengenalpasti pola dan ciri komuniti nelayan di kalangan masyarakat pesisir pantai.

Kedua, mengenalpasti dan menganalisis proses perubahan komuniti berkenaan sama ada mereka mengalami taraf hidup yang lebih tinggi atau sebaliknya berbanding dengan keadaan mereka dahulu.

Ketiga, meneliti corak atau pola mobiliti sosial yang dialami oleh komuniti pesisir pantai, dan

Keempat, meneliti faktor-faktor – dalaman dan luaran – yang menyumbang ataupun sebaliknya menghalang perubahan atau mobiliti tersebut.

1.3 SOALAN-SOALAN KAJIAN

Maka daripada objektif dan berdasarkan latar belakang kajian itu, soalan-soalan kajian ini ialah :

PERTAMA, apakah bentuk komuniti di kalangan komuniti pesisir pantai nelayan sekarang ini? Persoalan kajian yang pertama ini dipecahkan kepada empat aspek yang terperinci. Aspek pertama memberi tumpuan kepada pendefinisan dari segi kawasan geografi. Adakah komuniti ini dikenalpasti sebagai komuniti pesisir pantai berdasarkan kawasan semata-mata atau ada ciri-ciri lain untuknya? Aspek kedua meneliti corak kehidupan sosioekonomi mereka adakah masih berbentuk homogen, iaitu masih tinggal tetap sebagai nelayan semata, atau telah beransur ke lebih rencam (*heterogenous*)? Aspek ketiga meneliti aspek sumber budaya mereka, adakah masih berpegang kepada norma dan nilai tradisi yang berteraskan kekuatan agama dan budaya, atau sudah semakin berubah? Aspek keempat melihat keterikatan anggota komuniti melalui institusi dalam komuniti, adakah aktiviti-aktiviti gotong royong, kenduri kahwin, kematian, saling menziarahi dan lain-lain yang berkaitan masih lagi menjadi amalan komuniti ini?

KEDUA ialah, apakah faktor-faktor yang membolehkan mobiliti sosial berlaku di kalangan komuniti ini dan apakah berlaku mobiliti inter-generasi atau antara-generasi di kalangan komuniti ini? Dua jenis mobiliti di analisis, iaitu, mobiliti antara generasi dan mobiliti segenerasi. Ukuran mobiliti sosial segenerasi dianalisis berdasarkan dua faktor dengan sepuluh indikator. Lima indikator di bawah faktor objektif ialah tahap

pendidikan; jenis atau kategori pekerjaan; jumlah pendapatan yang diperolehi; kadar simpanan; dan aset-aset pilihan yang dimiliki.

Lima indikator di bawah faktor subjektif ialah tahap kerja sekarang berbanding dahulu; kepuasan kerja sekarang berbanding dahulu; jumlah pendapatan sekarang mencukupi; tahap pendapatan sekarang berbanding dahulu; dan status sosial yang ditentukan berdasarkan tanggapan individu sekarang terhadap mereka. Perbandingan tempoh masa digunakan untuk menganalisis perubahan mobiliti yang dialami berdasarkan semua indikator ini, iaitu dalam tempoh 10 atau 15 tahun dahulu dan sekarang (semasa kerja lapangan, 2007/08).

Mobiliti antara generasi diteliti berdasarkan dua indikator, iaitu, tahap pendidikan dan kategori pekerjaan. Mobiliti berdasarkan tahap pendidikan ialah meneliti pergerakan keupayaan memiliki tahap pendidikan tertinggi oleh tiga generasi (bapa responden, responden, dan anak responden). Mobiliti berdasarkan kategori pekerjaan dilihat melalui perubahan pekerjaan yang dialami oleh empat generasi, iaitu datuk responden, bapa responden, responden, dan anak responden.

KETIGA, apakah corak atau pola mobiliti sosial yang dialami, iaitu, pergerakan tahap mobiliti dalam komuniti ini? Apabila mengkaji mobiliti sosial, kita sebenarnya menganalisis perubahan atau pergerakan yang dialami oleh seseorang individu daripada kedudukan yang dimiliki pada tingkat tertentu kepada kedudukan sama ada kedudukan yang tinggi atau rendah ataupun sama dalam sistem tangga sosial. Justeru, kajian cuba mengenalpasti dan menganalisis proses perubahan komuniti berkenaan sama ada mereka mengalami taraf hidup yang lebih tinggi atau sebaliknya ataupun

sama berbanding dengan keadaan mereka dahulu. Apakah mobiliti mereka itu mendatar atau menegak? Ataupun sebaliknya mereka merosot dari segi taraf sosioekonomi?

KEEMPAT, meneliti faktor-faktor, dalaman dan luaran, yang menyumbang ataupun sebaliknya menghalang perubahan/mobiliti tersebut. Adakah faktor luaran, seperti projek dan program pembangunan serta faktor ruang dan peluang oleh Kerajaan yang tidak berkesan, atau faktor dalaman di peringkat individu dan keluarga yang masih tidak cukup 'kuat' untuk mendorong mereka berubah? Setakat mana faktor-faktor ini menyumbang kepada kejayaan sesetengah anggota dalam komuniti untuk 'keluar dari lingkaran'?

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini tergolong di dalam bidang kajian sosiologi pembangunan dengan tumpuan kepada pembangunan komuniti pesisir. Di Terengganu dan Kelantan, komuniti pesisir pantai dan pulau menduduki tempat istimewa dalam sejarah mereka. Mereka pernah menjadi pedagang dan pelaut, di samping menjadi nelayan dan tukang kraftangan. Dalam dua dekad lebih ini, proses modenisasi berkembang pesat dan memberi kesan mendalam ke atas komuniti ini. Walaupun komuniti pesisir ini dianggap sebagai komuniti warisan dari zaman lampau tapi ia tetap wujud pada zaman moden dan mempunyai peranan yang tersendiri dari aspek sosio-ekonomi dan sosio-budaya. Oleh itu, komuniti pesisir pantai, khususnya corak perubahan sosial dan mobiliti sosial di kalangan kaum nelayan perlu dikaji dan didokumentasikan.

Kajian ini diharap dapat memberi sumbangan dalam dua segi. Pertama, sumbangan kepada korpus ilmu, iaitu, sumbangan ilmiah dalam bidang kajian pembangunan. Kajian ini diharapkan dapat menambahkan korpus ilmu dari aspek yang belum diberi tumpuan khusus, iaitu, mobiliti sosial di kalangan kaum nelayan.

Secara khusus kajian ini memberi satu lagi sumbangan kepada kajian kemiskinan komuniti Melayu-desa khususnya kaum nelayan melalui perspektif ilmu sosiologi. Dari ruang lingkup yang lebih menyeluruh, kajian ini penting sebagai penerusan kepada pencarian jawapan kepada permasalahan kemiskinan di Malaysia dan khususnya di kalangan orang Melayu itu sendiri.

Selanjutnya kajian ini memberi sumbangan kepada kajian pembangunan komuniti melalui satu pemetaan sejarah proses transformasi yang dilalui oleh komuniti pesisir pantai dari era 1940-an, 1950-an, 1960-an, 1980-an dan kini, 2000-an. Kajian ini penting dalam memberikan satu senario latar asas kehidupan sosio-ekonomi komuniti yang secara khusus menjadikan laut sebagai sumber mencorak budaya dan ekonomi mereka.

Sumbangan kedua ialah dari aspek dasar. Kajian ini diharap dapat memberi sumbangan kepada penggubalan dan pelaksanaan dasar, khususnya, pembuat dasar Kerajaan Negeri Terengganu yang berkaitan dengan program-program pembangunan komuniti pesisir pantai. Seterusnya ia dijangka boleh menyumbang idea, khususnya, bagaimana kerajaan boleh mendorong dan mengurus perubahan dan pembangunan komuniti yang terpinggir supaya mereka diperkasakan.

1.5 KERANGKA ANALISIS KAJIAN

Seperti yang akan diuraikan nanti dalam Bab II mengenai kerangka teori dan kerangka konseptual mengenai proses mobiliti sosial, kerangka analisis kajian ini dibentuk berdasarkan kerangka analisis *multi-causal* yang diajukan oleh Max Weber. Dengan mengambil kira kerangka teori dan konseptual (dalam Bab II) tersebut, pengkaji membina satu “model mobiliti sosial”.

Model mobiliti sosial ini terdiri daripada item-item ukuran bagi pola mobiliti sosial kajian ini. Pertama, ukuran mobiliti menegak jarak tinggi; kedua, ukuran mobiliti menegak jarak sederhana; ketiga, ukuran mobiliti menegak jarak rendah; dan keempat, ukuran tiada mobiliti. Indikator pencapaian keempat-empat ukuran mobiliti sosial ini dianalisis berdasarkan sepuluh item yang dibahagikan kepada dua faktor, iaitu, faktor objektif dan faktor subjektif.

Faktor objektif terdiri daripada aspek tahap pendidikan, kategori pekerjaan, tahap pendapatan, jumlah simpanan dan pemilikan aset pilihan. Faktor subjektif lebih menjurus kepada tanggapan atau persepsi diri responden itu sendiri terhadap lima item ini iaitu “tahap pekerjaan sekarang berbanding dahulu”; “kepuasan kerja sekarang berbanding dahulu”; jumlah pendapatan sekarang mencukupi berbanding dahulu”; tahap pendapatan sekarang berbanding dahulu”; dan status sosial di mana anggapan orang terhadap diri sekarang berbanding dahulu diambil kira.

Jadual 1.1 dan Rajah 1 di bawah menunjukkan pecahan-pecahan bagi setiap item sebagai ukuran mobiliti komuniti pesisir pantai yang dikaji ini. Kesemua item ukuran

itu dianalisis berdasarkan perbandingan responden sendiri tentang keadaannya dulu dan sekarang, kecuali tahap pendidikan formal yang diterima. Kajian mobiliti ini diukur dari dua titik masa. Ini kerana untuk melihat gerakan mobiliti itu perlu ada dua masa. Tempoh masa dahulu yang bertindak sebagai 'garis asas' ialah 10 hingga 15 tahun dahulu, dan 'kedudukan sekarang' ialah tahun 2007-2008. Asas perbandingan mobiliti sosial pula ialah ketua keluarga (KK) yang dipilih sebagai responden kajian mesti berasal usul daripada keturunan datuk/moyang yang bekerja sebagai nelayan.

Berdasarkan empat ukuran mobiliti ini, boleh dikesan empat pola mobiliti sosial. Pertama pola mobiliti sosial ke atas; kedua pola mobiliti sosial ke bawah; ketiga pola mobiliti mendatar; dan keempat tiada mobiliti.

Pertama, pola mobiliti sosial ke atas, di mana mereka dari mobiliti menegak jarak sederhana, rendah dan tiada mobiliti telah meningkat kepada mobiliti menegak jarak tinggi, jarak sederhana dan jarak rendah. Kedua, pola mobiliti sosial ke bawah, di mana mereka dari mobiliti menegak jarak tinggi, sederhana dan rendah, telah bermobiliti ke bawah kepada mobiliti sederhana, rendah dan tiada mobiliti. Ketiga, pola mobiliti mendatar, di mana mereka yang berada pada kedudukan mobiliti yang sama pada tahap mobiliti menegak jarak tinggi, sederhana, rendah dan tiada mobiliti dahulu dan sekarang. Keempat pula, mereka yang tiada mobiliti, iaitu, mereka yang masih terperangkap dalam lingkaran kemiskinan.


Jadual 1.1
 Pecahan item-item ukuran berdasarkan pembahagian pola mobiliti sosial untuk
 membentuk 'model mobiliti sosial'

Item ukuran	Mobiliti menegak jarak tinggi	Mobiliti menegak jarak sederhana	Mobiliti menegak jarak rendah	Tiada mobiliti
A. FAKTOR OBJEKTIF				
1. Tahap pendidikan	- kolej/politeknik - universiti	- SRP/PMR - SPM/STPM	- sek. Rendah	- tidak sekolah
2. Kategori pekerjaan	i. pentadbiran - pegawai/guru/pensyarah ii. perniagaan - PKS iii. nelayan - Juragan	i. pentadbiran - perkeranian dan berkaitan ii. perniagaan - runcitan	i. pentadbiran - khidmat masyarakat ii. nelayan - tekong & awak-awak	i. nelayan - pesisir pantai ii. buruh
3. Tahap pendapatan	i. pendapatan tinggi (RM10,001 dan ke atas) ii. pendapatan sederhana tinggi (RM5,001 – 10,000)	i. pendapatan sederhana (RM3,001 - 5,000)	i. pendapatan sederhana rendah (RM1,001 – 3,000)	i. pendapatan rendah (RM1,000 & ke bwh)
4. Simpanan sekarang	"lebih separuh" & "separuh"	"satu pertiga"	"simpan sedikit"	"tak menyimpan"
5. Pemilikan aset pilihan (17 item)	"8 dan ke atas"	"4-7 item"	"1-3 item"	"tiada"
B. FAKTOR SUBJEKTIF				
1. Persepsi tahap kerja skrg banding dulu	"amat baik"	"baik"	"sama sahaja"	"kurang baik" dan "amat tidak baik"
2. Persepsi kepuasan kerja skrg	"amat puas hati"	"puas hati"	"sederhana"	"tak puas hati"
3. Persepsi jumlah pendapatan skrg mencukupi?	"amat mencukupi"	"mencukupi"	"sederhana"	"kurang mencukupi" & "tak mencukupi"
4. Persepsi tahap pendapatan skrg banding dulu	"amat lebih baik"	"lebih baik"	"sama saja"	"kurang baik"
5. Status sosial – anggapan orang skrg	"sangat hormat"	"hormat"	"biasa saja"	"pandang rendah"

Nota:

Model ini dibina berdasarkan soal selidik (sila lihat lampiran).

Rajah 1: Model Mobiliti Sosial



Indikator penyumbang pencapaian mobiliti sosial diteliti berdasarkan, pertama faktor struktural, kedua, modal sosial, dan ketiga modal manusia. Ketiga-tiga indikator ini dianalisis mengikut perspektif sosiologi bersifat makro dan mikro. Analisis sosiologi secara makro menganalisis faktor struktural berdasarkan aspek ruang dan peluang yang diberikan oleh pentadbir atau kerajaan serta faktor makro lain seperti proses perindustrian yang berlaku dalam komuniti ini. Telah dibentuk soalan-soalan berkaitan dengan peluang yang telah diberikan oleh pihak kerajaan dalam membantu komuniti ini untuk maju ke hadapan. Ia termasuk soalan-soalan yang berkaitan dengan pengaruh kemajuan dipersekitaran kawasan, jenis-jenis bantuan dan pinjaman yang diberikan kepada mereka untuk memajukan diri dan keluarga. Analisis faktor struktural juga telah ditanya kepada mereka yang bekerja sendiri sebagai ahli perniagaan dan juragan laut dalam yang memiliki bot sendiri.

Perspektif secara mikro pula adalah lebih fokus kepada faktor modal sosial dan modal manusia di kalangan komuniti. Bagi faktor modal manusia, pengkaji meneliti aspek pendidikan, pengetahuan, kemahiran, sikap, nilai dan semangat diri seseorang individu itu. Penelitian aspek pendidikan dilakukan dengan melihat mobiliti tahap pendidikan ibu/bapa (responden sebagai unit analisis yang bertindak sebagai ketua keluarga) berbanding dengan tahap pendidikan responden. Aspek pengetahuan diteliti dari segi kehidupan seharian responden, khususnya, minat membaca dan menonton TV yang berbentuk pengetahuan.

Soalan-soalan berkenaan kehidupan seharian sedemikian perlu untuk mengukur tahap pengetahuan am mereka tentang negara dan dunia, juga tentang peluang memajukan diri seperti rancangan-rancangan pembangunan, motivasi diri serta sains teknologi

terkini terutamanya dalam bidang pertanian, perniagaan dan perikanan. Sementara itu, satu set soalan dibentuk untuk melihat sikap, nilai dan semangat diri responden untuk meneliti aspek dalaman individu yang menjadi daya penggerak mendorong kepada perubahan yang positif kepada diri dan keluarga. Nilai, sikap dan semangat serta motivasi diri dirangkumkan dalam satu konsep untuk membina “kekuatan dalaman yang mendorong seseorang melakukan sesuatu untuk perubahan, merebut peluang dan kejayaan” dalam kehidupan.

Modal sosial dalam kajian ini dilihat sebagai terdiri daripada satu set norma, nilai dan kepercayaan tidak rasmi yang dikongsi bersama anggota komuniti serta rangkaian atau jaringan yang mereka miliki. Kesemua unsur tersebut akan diteliti melalui hubungan dan keterikatan antara keluarga dan anggota-anggota komuniti serta juga di luar komuniti. Jaringan sosial, kepercayaan dan kerjasama komuniti dilihat dengan aktiviti-aktiviti tradisi, penglibatan komuniti dengan aktiviti yang dijalankan dan keterlibatan dalam organisasi yang membawa faedah dalam komuniti tersebut.

Faktor struktural, modal sosial dan modal manusia ini diteliti pengaruhnya ke atas empat kategori pola mobiliti yang paling menonjol. Pertama, pola mobiliti sosial menegak tinggi berterusan. Kedua, pola mobiliti sosial ke atas (tinggi). Ketiga, pola mobiliti sosial menurun berterusan, dan keempat, pola mobiliti sosial ke bawah (menurun).

Kerangka analisis melalui model mobiliti sosial ini telah memandu penyelidikan tesis ini untuk membina metodologi kajian, termasuk merekabentuk kajian, mengutip data survei, analisis, mentafsir dan mempersembahkan tesis ini keseluruhannya.

1.6 BATASAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa batasan. Pertama, sampel kajian ini adalah kecil dengan hanya seramai 300 orang responden yang dipilih secara bertujuan serta berbentuk bola salji. Oleh itu, ia bukanlah satu kajian yang bercorak representatif yang dapat mewakili kepada semua komuniti pesisir pantai yang dikaji.

Kedua, walaupun kajian ini meneruskan kajian yang dilakukan oleh Firth, Ungku Aziz dan Ishak, tetapi pengkaji tidak melakukan kajian di tempat yang sama dilakukan mereka. Apa yang sama ialah mengkaji tentang komuniti pesisir pantai sahaja, tetapi kawasan geografi yang berbeza.

Batasan sumber kewangan yang terhad dan faktor masa menyebabkan pengkaji hanya dapat menumpukan kepada empat daripada tujuh kawasan pesisir pantai di daerah Kuala Terengganu, iaitu, kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tempoh, DUN Batu rakit, DUN Seberang Takir dan DUN Batu Buruk.

Tempoh perubahan yang diliputi oleh kajian ini ialah melihat proses mobiliti sosial seseorang itu pada masa 10 hingga 15 tahun dahulu sebagai 'garis asas', dengan masa sekarang, ialah dari masa kajian lapangan berjalan. Walaupun kajian ini menggariskan skop dan batasan, namun berdasarkan beberapa kaedah yang telah digunakan, hasil kajian ini tetap bermanfaat dari segi ilmu dan juga dalam memberi input kepada dasar kerajaan. Ia memberikan satu sumbangan tentang perkara yang agak kurang diselidiki dalam sosiologi pembangunan dan kajian pembangunan komuniti.

1.7 PERSEMBAHAN KAJIAN

Tesis ini mengandungi sembilan bab. Perbincangan keseluruhan bab dibahagikan kepada empat bahagian utama. Bahagian pertama merangkumi Bab I, Bab II, Bab III dan Bab IV membincangkan tentang isu yang berkaitan dengan kerangka konseptual, teoritis, konseptual dan kerangka analitikal utama kajian. Ulasan sedemikian dinyatakan dalam Bab I yang memberi penjelasan perkara-perkara asas kajian merangkumi tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan, objektif, kepentingan, skop dan batasan kajian.

Bab II berkaitan perbincangan tentang kerangka teoritis 'keluar dari lingkaran' kemiskinan, pengoperasian konsep utama kajian dan penyumbang mobiliti sosial. Bab III berkaitan dengan wacana komuniti dan faktor-faktor mobiliti sosial yang terdapat dalam literatur tentang permasalahan yang dikaji.

Bab IV juga tentang literatur kajian tapi bersifat metodologi, juga penjelasan tentang kaedah penyelidikan yang digunapakai dalam kajian ini. Bab I, II, III dan IV ini adalah sebagai landasan atau sebagai 'tiang seri' yang mendukung bab-bab empirikal kajian.

Bahagian kedua merangkumi Bab V yang membentangkan dapatan empirikal secara deskriptif tentang profil kawasan kajian dan responden.

Bahagian ketiga merangkumi empat bab, bermula dari Bab VI, VII, dan VIII. Semua bab ini membincangkan dan menganalisis secara mendalam tentang dapatan empirikal untuk menjawab objektif, persoalan dan permasalahan utama kajian ini.

Bahagian keempat, ialah Bab IX yang membincangkan hasil penemuan utama kajian dari segi pembinaan korpus ilmu selaras dengan objektif dan implikasi kajian.

BAB II

KERANGKA TEORI DAN KONSEPTUAL 'KELUAR DARI LINGKARAN' KEMISKINAN

2.1 PENGENALAN

Teori ialah alat heuristik untuk membuat penghuraian terhadap satu-satu permasalahan yang dikaji. Umumnya, teori sosial ditakrifkan sebagai satu sistem yang menghubungkan idea yang menyusun atur dan meringkaskan ilmu pengetahuan mengenai fenomena dunia sosial (Neuman, 2006). Ia menerangkan tentang kenapa, bagaimana, dan juga akibat yang muncul tentang satu-satu fenomena yang dikaji. Asasnya dalam kerangka teori itu ada kaitan pada keseluruhan, makro dan mikro, dan juga ada konteks sejarahnya. Teori memainkan peranan yang penting dalam sesebuah penyelidikan. Lebih kompleks permasalahan yang dikaji, maka teori yang digunakan perlu lebih jitu dan sofistikated.

Justeru, bagi permasalahan mengenai mobiliti sosial komuniti pesisir ini ialah : Apakah teori yang boleh membantu pengertian mengenai komuniti 'keluar dari lingkaran' kemiskinan dan keterbelakangan? Keluar dari lingkaran bermakna seseorang atau sesuatu kelompok itu mengalami perubahan. Komuniti yang dikaji ini ialah komuniti yang berada dalam proses peralihan, yang sedang mengalami perubahan yang juga bukan semata-mata perubahan tetapi transformasi yang agak

mendalam. Misalnya dari kelompok yang agak homogen kepada kelompok yang lebih beragam. Sepertimana diuraikan dalam permasalahan kajian (dalam Bab I), 50 hingga 70 tahun dahulu komuniti pesisir ini lebih bersifat komuniti nelayan. Akan tetapi dengan adanya pelbagai projek dan pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan swasta, dan juga perubahan-perubahan lain yang berlaku di sekelilingnya, perubahan bahkan transformasi yang lebih mendalam telah berlaku. Satu perkara yang menarik perhatian pengkaji ialah apakah status ekonomi yang diduduki oleh anggota masyarakat tersebut sekarang? Bagaimana dan kenapa komuniti ini boleh berubah atau mengalami mobiliti sosial mereka? Ini semua perlu diuraikan dan dijelaskan melalui kerangka teori yang utuh.

Kajian ini memanfaatkan pemikiran Weber tentang perlunya kerangka analisis gabungan pelbagai faktor (*multi-causal analysis*), kerana tidak ada satu faktor tersendiri yang boleh mendorong atau mencetuskan perubahan itu (Clammer, 1996). Justeru, kajian ini menggabungkan tiga faktor, iaitu, faktor modal manusia, modal sosial dan faktor struktural untuk menganalisis perubahan dan mobiliti sosial di kalangan komuniti pesisir pantai yang dikaji ini.

Dalam kepustakaan, ada beberapa perspektif teori yang cuba menguraikan persoalan perubahan dan transformasi. Satu kupasan tentang teori sosial yang penting berkait rapat dengan isu perubahan stratifikasi sosial dan mobiliti sosial, serta teori asas berkait dengan isu pembangunan dan transformasi sosial masyarakat perlu diketengahkan di sini. Umumnya, konsep kemiskinan, ungkapan proses 'keluar dari lingkaran' kemiskinan dan konsep 'putaran ganas kemiskinan' juga dinyatakan dalam

perbincangan kerangka teori ini kerana ia mendasari intipati perbincangan teori dan konseptual kajian ini.

2.2 KONSEP KEMISKINAN

Salah satu isu penting apabila mengkaji komuniti pesisir dan mobiliti sosial di Malaysia ialah kemiskinan. Di Malaysia, kadar kemiskinan di kawasan luar bandar telahpun berkurangan daripada 14.8 peratus pada 1999 kepada 11.9 peratus pada 2004. Walaupun kadar kemiskinan di kawasan luar bandar berkurangan, namun kemiskinan masih ketara sebagai fenomena luar bandar dengan 70.6 peratus daripada isirumah miskin tinggal di kawasan luar bandar (Malaysia, 2006).

Fenomena kemiskinan boleh dilihat daripada pelbagai dimensi, antaranya ekonomi, sosiobudaya, agama, pendidikan, kesihatan, temporal, ruwang, gender, alam sekitar dan sebagainya. Dari segi ekonomi, kemiskinan dimengertikan sebagai keadaan kekurangan daripada paras keperluan tertentu. Kemiskinan ini sering merujuk kepada kemiskinan harta benda atau kebendaan, juga merujuk kepada kekurangan pendapatan, matawang atau modal. Dari segi sosiobudaya, kemiskinan sering dikaitkan dengan budaya kemiskinan dan kemiskinan sikap yang menuntut perubahan ke arah sikap positif (Chamhuri, 2001).

Dari segi pendidikan, kemiskinan sering dikaitkan dengan kemiskinan minda, pengetahuan, ilmu atau pelajaran. Seperti dinyatakan oleh Ungku Aziz, keciciran pendidikan boleh menyumbang kepada 'putaran ganas' kemiskinan (lihat di bawah) melalui pencapaian akademik, pekerjaan dan pendapatan rendah. Dalam zaman

ekonomi berasaskan pengetahuan (K-ekonomi) dan teknologi maklumat, ketinggalan penguasaan pengetahuan komputer dan teknologi maklumat mencerminkan suatu petunjuk kemiskinan yang boleh meluaskan 'jurang digital' yang membawa ketidaksamaan pendapatan. Dari segi kesihatan, kemiskinan boleh dikaitkan dengan kekurangan pengambilan protein yang menyumbang kepada 'kebuluran tak ketara' yang menyumbang kepada kerencatan akal dan fizikal dalam satu 'putaran ganas' (Ungku Aziz, 1965).

Beberapa sebab kemiskinan menjadi satu isu sosial yang kritikal. Antaranya, kemiskinan terlampau boleh memberi kesan kepada kesejahteraan psikologi dan fizikal seseorang itu. Terdapat sejumlah kajian menunjukkan anak-anak yang dibesarkan dari keluarga miskin mengalami perkembangan kognitif, pencapaian pendidikan dan emosi yang rendah (Iceland, 2007).

Dalam keadaan kepelbagaian faktor dan dimensi kemiskinan ini, persoalan pengukuran menjadi suatu masalah yang rumit. Komponen ekonomi sering menjadi ukuran penting yang dibahagikan kepada dua, iaitu, kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif (Cheong Kee Cheok & Fredericks, 1977: 3-21). Pertama, konsep kemiskinan mutlak menentukan jumlah isi rumah yang tergolong sebagai miskin sebagaimana ditentukan melalui pendapatan garis kemiskinan (PGK). Mengikut konsep ini, kemiskinan digambarkan sebagai suatu keadaan di mana sesebuah isi rumah tidak berupaya mencapai pendapatan yang boleh menampung keperluan hidup minimum dari segi makanan, pakaian, tempat tinggal dan kemudahan asas (Mat Noor, 1999).

Kedua, konsep kemiskinan relatif yang diukur dengan perbandingan mengenai taraf hidup. Konsep ini membincangkan kedudukan sosioekonomi individu atau sekumpulan penduduk. Seseorang dianggap miskin secara relatif, sekiranya taraf sosioekonominya berada di paras yang rendah berbanding orang lain, walaupun telah mengatasi tahap kemiskinan mutlak (Chamhuri, 1999). Bagi konsep kemiskinan tegar atau *hardcore poverty* pula, ia merupakan tahap kemiskinan dari pendapatan separuh daripada PGK. Mereka adalah golongan yang terkebawah dan paling sedikit menerima faedah pembangunan (Azizan, 2004).

Bertitik tolak dari definisi kemiskinan di atas, untuk keluar dari lingkaran kemiskinan ini, ia memerlukan seseorang atau sesebuah komuniti itu bergerak atau mengalami mobiliti sosial menuju ke arah penghidupan yang lebih baik.

2.3 UNGKAPAN ‘PUTARAN GANAS KEMISKINAN’

A vicious circle of poverty atau lingkaran/putaran ganas kemiskinan ialah satu keadaan dalam mana sesuatu penyebab menghasilkan kesan yang sendirinya menghasilkan penyebab asal, dan dengan itu meneruskan seluruh proses itu (John, 2007). ‘Putaran ganas kemiskinan’ ini merujuk kepada keadaan kemiskinan atau perangkap kemiskinan yang banyak digunakan dalam kajian pembangunan dan kemiskinan pada tahun 1960-an dan 1970-an, apabila mengkaji khusus keadaan kemiskinan dalam masyarakat tani dan nelayan (Myrdal, 1971). Putaran sedemikian menghasilkan keadaan kemiskinan yang berterusan di kalangan kelompok masyarakat berkenaan tanpa harapan untuk keluar daripadanya.

Teori putaran ganas kemiskinan menegaskan bahawa kemiskinan itu membentuk pewaris yang miskin dan akan lebih miskin dari generasi ke generasi. Masalah kemiskinan yang melanda masyarakat Melayu yang diistilahkan sebagai 'putaran ganas kemiskinan' oleh Ungku Aziz meliputi faktor-faktor sosio-budaya seperti sikap, tiada motivasi kerja, mudah berpuashati, terlalu mengharap bantuan, tidak bertanggungjawab dan tidak mempunyai dorongan kejayaan. Selain daripada faktor itu, terdapat faktor-faktor ekonomi seperti daya pengeluaran yang rendah, kekurangan modal dan teknologi, khususnya di luar bandar.

Kajian-kajian mengenai kedudukan sosio-ekonomi komuniti nelayan di Semenanjung Malaysia sering menyimpulkan bahawa golongan nelayan ini merupakan salah satu dari kumpulan-kumpulan miskin yang perlu diberikan perhatian supaya taraf hidup mereka diperbaiki. Apa yang menarik perhatian berkaitan dengan isu kemiskinan golongan nelayan ini ialah berkembangnya satu kesimpulan umum bahawa golongan ini mundur dan miskin kerana telah tercicir dan dipencilkan dalam proses pembangunan, dan seterusnya tidak menikmati hasil dari perkembangan teknologi dan pemodenan (Kamaruddin, 1993).

2.4 PENGERTIAN UNGKAPAN 'KELUAR DARI LINGKARAN' KEMISKINAN

'Keluar dari lingkaran' kemiskinan ialah satu proses pergerakan atau perubahan dari satu keadaan yang kurang baik kepada keadaan yang lebih baik. 'Lingkaran' di sini bukan bermaksud kemiskinan semata-mata tetapi merangkumi keadaan struktural, sosial dan budaya yang mencabar di mana terdapat halangan-halangan untuk kemajuan menyebabkan individu dan komuniti itu terus berada dalam

keterbelakangan. Manifestasi keadaan kurang baik itu ialah keadaan ketinggalan meliputi ekonomi, kemudahan prasarana seperti perumahan, pendidikan, budaya, kesihatan dan lain-lain.

Ungkapan 'lingkaran' yang dimaksudkan dalam kajian ini pula bukan sepenuhnya sama ertinya dengan ungkapan 'putaran ganas kemiskinan' itu. Dalam kajian ini 'lingkaran' itu tidak bersifat 'ganas' sehingga anggota-anggotanya terperangkap dan tidak dapat keluar. Hal ini kerana lingkaran ini bersifat terbuka, bukan tertutup, mempunyai kedinamikanya yang mencetuskan proses pergerakan. Keadaannya tidak statik atau beku, komuniti pula tidak homogen tetapi rencam dari segi lapisan sosio-ekonominya, disebabkan terdapat pelbagai faktor luaran dan dalaman yang mencetuskan dinamikanya. Lebih pesat pembangunan di sekitar kawasan berkenaan (faktor struktural atau luaran) dan lebih kuat modal manusia dan modal sosial, maka usaha untuk keluar dari lingkaran akan lebih berhasil.

Seperti yang dinyatakan di atas, dalam ungkapan 'lingkaran' ini ditekankan "keadaan struktural, sosial dan budaya yang mencabar di mana terdapatnya halangan-halangan untuk kemajuan". Kajian ini akan tertumpu kepada faktor-faktor yang membolehkan aktor dalam masyarakat mengatasi halangan-halangan berkenaan dengan mengambil peluang daripada proses dinamika yang wujud di dalam lingkaran itu. Usaha sedemikian membolehkan berlakunya mobiliti sosial.

2.5 PERUBAHAN STRATIFIKASI SOSIAL DAN MOBILITI SOSIAL

Stratifikasi adalah istilah umum yang digunakan untuk menggambarkan dua senario, iaitu, pertama, stratifikasi berdasarkan pengagihan pendapatan, kuasa, prestij dan sumber-sumber bernilai lain kepada ahli-ahli masyarakat secara tidak sama rata. Kedua, stratifikasi yang mewujudkan kelas-kelas tersendiri ahli masyarakat yang berbeza dari segi kebudayaan, tingkahlaku dan organisasi (Turner, 1984a).

Menurut Tumin (1988:19), terdapat lima ciri asas fenomena stratifikasi. Pertama, sosial yang sifatnya berpola. Kedua, ia mempunyai sejarah yang lama, ditemui dalam semua masyarakat dahulu kala. Ketiga, ia ada di mana-mana. Keempat, ia mempunyai bentuk yang berbagai-bagai. Kelima, kewujudan sejak dalam sejarah menunjukkan ia sesuatu yang paling penting, yang paling diingini. Ketiadaan stratifikasi ialah sesuatu yang jarang-jarang berlaku dalam kehidupan manusia disebabkan bahan-bahan asas yang tidak sama rata agihannya.

Perkara utama yang dititikberatkan dalam teori stratifikasi ialah bagaimana seseorang individu itu berada dalam strata yang berbeza? Terdapat dua kriteria iaitu askripsi (*ascription*) dan pencapaian (*achievement*) yang telah dikenalpasti menjadi sangat penting dalam menentu dan meletakkan seseorang individu kepada kumpulan status sosioekonomi yang berbeza. Dalam sesebuah masyarakat yang kriteria keturunan mendominasi, seseorang yang ditentukan kedudukan sosial mereka dalam masyarakat dengan merujuk kepada faktor-faktor seperti ikatan persaudaraan, keluarga, etnik, pegangan agama, gender dan umur. Sebaliknya, masyarakat yang memberikan sokongan berterusan kepada kriteria pencapaian membenarkan seseorang individu itu

mencapai status melalui aktiviti perusahaan dalam perniagaan, perdagangan, industri atau perolehan pengetahuan (Jasbir, 1989).

Sejauhmana seseorang individu itu bergerak ke atas atau ke bawah dalam hirarki sesebuah masyarakat itu selalunya bergantung asasnya kepada peluang-peluang yang disediakan melalui sistem stratifikasi. Oleh kerana stratifikasi adalah antara sistem dinamik yang utama dalam perkembangan masyarakat manusia, maka ia telah menjadi satu tapak teori yang dititikberatkan dan diambil perhatian sejak bermulanya ilmu sosiologi. Teori yang dikembangkan oleh Marx dan Weber tentang status, kuasa dan prestij telah membentuk satu analisis sosiologi paling penting tentang kelas dan stratifikasi (Craib, 1997). Kajian ini mengambilkira teori kedua-dua tokoh ini untuk menghuraikan fenomena sosial permasalahan mobiliti komuniti pesisir pantai yang dikaji.

Menurut Marx yang menulis pada tahun 1860-an, sesiapa di antara mereka yang memiliki sumber pendapatan sesuatu penghasilan dalam sesebuah masyarakat, seperti memiliki modal dan sumber pengeluaran, justeru mereka ini telah bersedia untuk mengawal kuasa, simbol kebudayaan, aktiviti kerja dan gaya hidup orang lain. Berdasarkan analisis tentang kapitalisme, Marx meletakkan golongan ini sebagai satu kelompok pemilik punca-punca pengeluaran, yang dikenali sebagai kelas pemodal (*bourgeois*). Kelompok kedua ialah kelas pekerja (*proletariat*) yang selalu ditindas disebabkan ketiadaan kuasa dan tiada pemilikan punca-punca pengeluaran. Justeru, analisis Marx tentang stratifikasi sosial merujuk kepada ketidaksamaan berpunca dari kewujudan kelas-kelas sosial tersebut (Turner, 1994).

Sementara itu, Weber yang menulis kemudian daripada Marx menjelaskan stratifikasi sosial sebagai perbandingan tiga dimensi, iaitu, harta kekayaan, status/prestij, dan kuasa. Harta kekayaan ini merujuk kepada sumber ekonomi. Dalam masyarakat kapitalis, ia terdiri daripada keupayaan pasaran seseorang yang diperolehi melalui pekerjaan dan pendapatan bagi membolehkan mereka berada pada kelas tertentu dalam sesebuah masyarakat. Prestij bergantung kepada pemberian kepada seseorang yang pada dasarnya ialah penghormatan sosial. Individu yang memiliki kedudukan penting dalam sesebuah institusi utama dalam masyarakat diakui mempunyai status tertentu yang sangat dihormati. Kuasa sebagai sumber sosial merujuk kepada kekuasaan atau kewibawaan seseorang yang terdapat dalam sesebuah kumpulan dan organisasi. Akan tetapi, kuasa ini tidak seperti huraian Marx, kerana ia tidak menunjukkan hubungan secara langsung kepada pemilikan punca-punca pengeluaran. Menurut Weber, ahli sesebuah masyarakat itu boleh memperoleh kuasa tanpa sejumlah besar pemilikan punca pengeluaran dan begitu juga sebaliknya (Turner, 1994; Marger, 2002).

Sejauhmana seseorang individu itu mencapai mobiliti, iaitu, bergerak ke atas atau ke bawah dalam hirarki sesebuah masyarakat itu selalunya bergantung pada peluang-peluang yang disediakan melalui sistem stratifikasi. Sistem stratifikasi sama ada tertutup atau terbuka adalah tidak pernah sempurna, iaitu, ia boleh berubah bagi sebelah pihak atau tertutup sahaja pada yang lain. Stratifikasi bagi masyarakat terbuka secara teorinya menunjukkan tiada penghalang kepada mobiliti. Seseorang individu bergerak dari segi hirarki kelas ke atas dan ke bawah adalah berasaskan kepada keinginan, merit dan bakat atau keupayaan. Stratifikasi begini melambangkan sistem kelas dalam masyarakat moden. Setiap individu bersaing untuk mencapai kedudukan

dalam kelas sosial dan mengumpulkan sumber-sumber yang membolehkan mereka bergerak ke atas. Pergerakan ke bawah juga boleh berlaku apabila individu gagal disebabkan kekurangan kemahiran atau disebabkan keadaan tertentu yang di luar kawalan mereka.

Bagaimanakah tanggapan teori ini dalam ‘menjawab’ permasalahan komuniti pesisir pantai untuk keluar dari lingkaran? Banyak perdebatan berkenaan faktor penyumbang tentang pergerakan atau mobiliti sosial seseorang individu dan juga sesebuah komuniti oleh sarjana pelbagai aliran. Faktor-faktor lazim yang dinyatakan mempengaruhi mobiliti sosial ataupun faktor pendorong untuk ‘keluar dari lingkaran’ kemunduran dan kemiskinan, ialah faktor pekerjaan, pendidikan, pendapatan, perkahwinan, dan faktor individu itu sendiri (Lipset & Bendix, 1959; Miller, 2001; Jencks, 1990; Lin, 1990; Sarjit Singh, 1989; Rohana, 1996).

Faktor-faktor ini secara umumnya boleh dikategorikan sebagai modal manusia. Secara tradisinya, dua lagi bentuk modal yang seringkali dikaitkan dengan perkembangan dan pertumbuhan ekonomi sesebuah masyarakat dan negara ialah modal semulajadi dan modal fizikal (Grootaert, 1997, Becker, 1975). Pengiktirafan tiga jenis modal tersebut yang hanya cenderung kepada proses pertumbuhan ekonomi semata-mata menyebabkan mereka terlupa atau terlepas pandang bagaimana pelaku atau aktor ekonomi bertindakbalas dan menyusun diri mereka untuk memacu dan menjana pertumbuhan dan perkembangan. Hubungan yang ‘tidak kelihatan’ itu ialah modal sosial (Grootaert, 1997).

Sementara itu, beberapa orang sarjana melalui pendekatan struktural menyatakan bahawa masalah kemiskinan berpunca pada sistem pengeluaran dan bukannya pada individu dalam sistem ini semata-mata. Pendekatan ini menganggap kemiskinan sebagai keadaan yang dihadapi seseorang individu disebabkan oleh faktor luaran individu itu (Frank, 1978).

Justeru, dalam konteks kajian ini, faktor struktural, modal manusia dan modal sosial itu dianalisis dengan meneliti peranan ketiga-tiga faktor ini sebagai penyumbang kepada mobiliti sosial komuniti pesisir pantai. Analisis struktural ini penting kerana ia mengaitkan aspek kelas yang berhubung rapat dengan kedudukan individu dan golongan dalam sistem stratifikasi sosial. Stratifikasi sosial dalam masyarakat secara tidak langsung menunjukkan ketaksamaan dan ketidakadilan yang berlaku dalam masyarakat yang berupaya menyekat mobiliti seseorang individu itu.

2.6 PEMBANGUNAN DAN TRANSFORMASI SOSIAL

Sejak berdekad, persoalan tentang pembangunan telah menjadi isu yang sering diperdebatkan oleh ramai sarjana sama ada di peringkat tempatan dan antarabangsa. Pelbagai teori dan konsep pembangunan dizahirkan namun masalah kemiskinan, kemunduran, dan ketidaksamaan masih lagi melingkari kehidupan masyarakat. Dalam konteks ini, ramai sarjana menganggap dunia pada akhir abad ke-20 dan awal abad ke-21 merupakan dunia yang semakin tidak sama rata; bumi yang kaya raya ini dilihat hanya untuk sejumlah kecil manusia, manakala sejumlah besar masih tetap terpinggir.

Antara sarjana tempatan yang berpendapat demikian ialah Ishak Shari (1999; 2002). Kenapakah keadaan ini terjadi? Menurut beliau, persoalan ini tidak mudah dijawab dan ia memerlukan refleksi yang mendalam berhubung tiga permasalahan utama, iaitu, permasalahan mengkonsepsi dan menjana teori pembangunan; permasalahan dalam perancangan dan pelaksanaan program pembangunan; dan permasalahan memahami struktur dunia dalam era globalisasi yang bukan sahaja terus mengekalkan struktur ketidaksamaan, malah menjadikannya lebih buruk lagi. Ketiga-tiga permasalahan ini terus menerus menjadi medan pertempuran pemikiran dan tidak menghasilkan kata sepakat di kalangan mereka yang terlibat.

Justeru, pelbagai wacana telah dibahaskan oleh aliran pemikiran atau ahli teori kajian pembangunan menyatakan tentang proses transformasi yang dilalui oleh konsep pembangunan itu. Misalnya, pada akhir 1950-an, bidang kajian pembangunan telah didominasi oleh aliran pemikiran teori pemodenan. Pada akhir 1960-an aliran pemikiran ini dicabar oleh teori kebergantungan yang radikal. Pada akhir 1970-an teori sistem-dunia telah meningkat keangkatannya yang menawarkan perspektif alternatif untuk menilai isu pembangunan. Pada akhir 1980-an telah memperlihatkan bahawa tiga aliran pemikiran teori ini telah bergerak ke arah pertemuan, di mana perhatian bukan sahaja telah diberi kepada pertumbuhan ekonomi, tapi juga kepada pembangunan sosial (So, 1990).

Dari segi konsep, pengertian pembangunan turut mengalami transformasi daripada hanya tertumpu kepada pertumbuhan ekonomi semata-mata kepada pertumbuhan ekonomi yang disertai dengan pengurangan dalam pengangguran, kemiskinan dan ketidakseimbangan agihan pendapatan (Seers 1972). Begitu juga pembangunan

negara-negara sedang membangun seperti Malaysia, dari segi menghapuskan masalah kemiskinan dianggap sebagai satu cabaran sosial dan ekonomi yang paling penting dan mendesak yang dihadapi oleh manusia. Peningkatan tumpuan dan minat ini juga berlaku apabila disedari bahawa pembangunan dikaji bukan sahaja dari aspek ekonomi atau kebendaan, bahkan juga dari aspek-aspek lain seperti politik dan sosial (Rahimah, 2001).

Bemula era 1990-an dan kini, ditambah kepada konsep pembangunan manusia sebagai agenda penting dalam proses pembangunan (Haq, 1995). Haq (1995) dan Ishak (1999), menyatakan bahawa pembangunan perlu merangkumi empat aspek penting yang saling melengkapi dan perlu dicapai. Pertama, kesaksamaan atau keadilan, dengan pembasmian kemiskinan dan pengurangan jurang perbezaan pendapatan. Kedua, kemapanan atau kelestarian, dengan menjamin pembangunan yang berterusan dan tidak mengancam kehidupan generasi akan datang. Ketiga, produktiviti, dengan memastikan pencapaian pertumbuhan ekonomi yang pesat, dan keempat, pemerdayaan (*empowerment*), dengan memperkasakan rakyat, khususnya kepada golongan miskin. Konsep ini menganggap bahawa pembangunan dan pertumbuhan ekonomi itu penting, tetapi ia hanya sebagai satu kaedah dan bukannya matlamat yang perlu untuk memajukan masyarakat.

Kajian tentang 'keluar dari lingkaran' ini sedikit sebanyak bertolak daripada perbincangan ini. Ini kerana, transformasi aliran pemikiran melalui pendekatan ini dapat memberi panduan untuk menajamkan persoalan dan permasalahan kajian untuk komuniti pesisir ini berupaya keluar dari lingkaran. Ia seiringan dengan pendapat Joseph Stiglitz (1998) yang menulis bahawa "pembangunan itu menggambarkan satu

transformasi masyarakat, perubahan daripada perhubungan tradisional, corak pemikiran tradisional, cara tradisional bila berurusan dengan pendidikan dan kesihatan, dan kaedah pengeluaran yang tradisional kepada cara yang moden” (dlm. Harrison & Huntington, 2000).

2.7 PENGOPERASIAN KONSEP UTAMA KAJIAN

Abdul Rahman (2007: 11) merujuk kepada pandangan Stiglitz (2006), bahawa “strategi pembangunan yang berjaya memerlukan empat tonggak penting, iaitu, kuasa pasaran, pemerintah, individu dan komuniti. Anggota komuniti sering kali bekerjasama antara satu sama lain sama ada dengan bantuan pemerintah atau organisasi bukan-kerajaan (NGO), ataupun kedua-duanya bagi menjayakan pembangunan”. Justeru, kajian ini meneliti beberapa konsep penting untuk membangunkan komuniti pesisir pantai kepada satu transformasi kehidupan yang lebih baik, seperti konsep ‘keluar dari lingkaran’, konsep komuniti pesisir pantai, mobiliti sosial berdasarkan perubahan status sosial dan status pekerjaan. Analisis mengenai faktor-faktor penyumbang kepada mobiliti sosial, seperti faktor modal manusia, modal sosial dan faktor struktural juga diteliti.

2.7.1 ‘Keluar dari lingkaran’ kemiskinan

‘Keluar dari lingkaran’ kemiskinan ialah proses anggota-anggota komuniti keluar dari keadaan lama kepada keadaan baru yang lebih baik melalui proses gerakan mobiliti. ‘Lingkaran’ ini lebih bersikap terbuka. Huraian lengkap seperti yang dinyatakan di atas.

2.7.2 Konsep komuniti pesisir pantai

Malaysia mendefinisikan zon pinggir pantai sebagai satu jaluran tanah sehingga 5 km ke daratan dari garis pinggir pantai atau garis pesisir yang merupakan garis pertemuan antara air laut dan daratan. Sekiranya zon pinggir pantai itu mempunyai paya bakau atau paya nipah, zon itu terdapat ke daratan sejauh 5 km dari sempadan daratan paya tersebut, dan di dalam kes paya gambut pula zon pinggir pantai bermula dari garis pesisir sehingga had paling ke daratan paya itu yang mungkin lebih 5km lebarnya. Ke arah laut hadnya ialah 200 batu nautika dari garis pesisir dan merangkumi Zon Ekonomi Eksklusif (Malaysia, 1992a).

Berdasarkan definisi itu, semua negeri di Malaysia (melainkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya), serta pulau-pulau yang terdapat di bawah bidang kuasa Zon Ekonomi Eksklusif mempunyai zon pinggir pantai. Daripada segi keluasan, Malaysia mempunyai zon pinggir pantai seluas lebih kurang 4,316,292 hektar ataupun bersamaan 13.3 peratus keluasan Malaysia. Angka ini menjadikan zon pinggir pantai negara merangkumi jumlah keluasan tanah sebanyak 8.9 peratus di Semenanjung Malaysia, 13 peratus di Sabah dan 18 peratus (Malaysia, 1992a).

Di zon pinggir pantai terdapat ramai penduduk. Justeru, siapakah komuniti pesisir pantai ini? Adakah nelayan sahaja yang termasuk dalam komuniti pesisir pantai? Bagaimana pula dengan mereka yang tinggal di pulau, adakah juga boleh tergolong sebagai komuniti pesisir pantai? Apakah ciri-ciri komuniti pesisir ini? Memadai sahajakah 'penanda' komuniti ini hanya berlandaskan kedudukan geografi mereka, seperti tinggal berhampiran dengan pantai? Inilah antara persoalan-persoalan

konseptual mengenai komuniti pesisir pantai yang dibahaskan oleh beberapa sarjana dan turut dibahaskan dalam bab ini.

Ringkasnya, komuniti ialah suatu himpunan manusia yang terikat dalam suatu kawasan tertentu, oleh ciri-ciri yang dikongsi bersama, oleh nilai dan norma serta oleh identiti sepunya dan imaginasi bersama dalam batas tertentu. Komuniti ini juga mempunyai kehomogenan serta interaksi bersemuka dalam darjah tertentu (De Koninck, 1992).

Berdasarkan kepada penelitian dari aspek konseptual dan empirikal mengenai komuniti ini, maka satu aspek utama yang diambil perhatian pengkaji ialah ciri keterpinggiran atau keciciran daripada pembangunan arus perdana yang dialami oleh komuniti berkenaan. Hakikat bahawa komuniti berkenaan tinggal di pesisir pantai dan pulau memberikan ruang geografi kepada keterpinggiran itu. Ruang geografi sedemikian mencorakkan ataupun mempengaruhi aktiviti ekonomi yang mereka boleh melibatkan diri seperti aktiviti perikanan, perniagaan kecil berasaskan sumber laut, aktiviti ekonomi tradisional lain dan pelancongan (Abdul Rahman, 2007).

Berasaskan kepada ciri utama tersebut, maka definisi konsep komuniti pesisir pantai yang digunakan dalam kajian ini ialah :

- (1) komuniti yang tinggal berhampiran dengan pantai (kurang dari jarak 5km mengikut definisi rasmi),
- (2) komuniti merangkumi nelayan dan bukan nelayan,

- (3) komuniti menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi tradisional seperti berniaga kecil-kecilan yang berasaskan sumber laut seperti membuat keropok kering, lekor, sotong kering, ikan kering, berniaga runcit dan lain-lain lagi, juga dalam pelancongan; dan
- (4) komuniti dalam konteks satu bentuk komuniti terpinggir yang kebanyakannya berada di kawasan luar bandar.

Justeru, empat persoalan mengenai komuniti pesisir pantai yang cuba diteliti oleh pengkaji ialah, pertama, pendefinisian dari segi kawasan geografi, adakah komuniti ini dikenalpasti sebagai komuniti pesisir pantai berdasarkan kawasan semata atau ada ciri-ciri lain untuknya. Kedua, meneliti sosioekonomi komuniti sama ada bergantung sepenuhnya dengan menjadi nelayan, atau telah merencamkan sumber pendapatan yang berasaskan sumber laut seperti perusahaan membuat keropok dan lain-lain yang berkenaan. Ketiga, dari aspek sumber budaya mereka, adakah masih berpegang kepada norma dan nilai tradisi yang berteraskan kekuatan agama, atau sudah semakin berubah? Keempat, dari segi keterikatan melalui institusi dalam komuniti, adakah aktiviti-aktiviti gotong royong, kenduri kahwin, kematian, saling menziarahi dan lain-lain yang berkaitan masih lagi menjadi amalan komuniti ini. Melihat juga sejauhmana jawatan ketua kampung dan JKK masih mempunyai pengaruh kepada kehidupan seharian komuniti ini.

Secara keseluruhannya pengkaji ingin melihat, adakah kini corak kehidupan sosioekonomi mereka masih berbentuk homogen, masih tinggal tetap sebagai nelayan semata-mata, atau telah beransur ke lebih rencam? Apakah faktor-faktor yang boleh membantu mereka untuk 'bergerak keluar dari lingkaran' kemiskinan dan

kemunduran? Tidak ada lagi kajian khusus yang menyentuh komuniti pesisir pantai dari aspek mobiliti sosial mereka dan ini adalah tumpuan utama kajian ini.

2.7.3 Mobiliti sosial

Perbincangan mengenai mobiliti berkait rapat dengan pergerakan seseorang individu, sama ada yang berkait rapat dengan impak kepada struktur sosial, atau sebab akibat daripada perubahan dalam struktur, yang mana ia terhasil daripada mobiliti secara kumpulan atau individu (Davies, 1970).

Konsep mobiliti sosial merujuk kepada proses di mana seseorang individu berubah atau bergerak daripada satu kedudukan kepada kedudukan yang lain dalam sesebuah masyarakat, di mana kedudukan itu dipersetujui umum yang boleh memberikan nilai hierarki secara khusus. Apabila mengkaji mobiliti sosial, ia sebenarnya menganalisis perubahan atau pergerakan yang dialami oleh seseorang individu daripada kedudukan yang dimiliki pada tingkat tertentu kepada kedudukan sama ada kedudukan yang tinggi atau rendah dalam sistem sosial (International Encyclopedia of the Social Sciences, 1968; Strauss, 1971; Jencks, 1990; Rohana, 1996; Aldridge, 2001).

Menurut Lipset dan Bendix (1964), terdapat dua sebab asas mengapa mobiliti sosial wujud dalam setiap masyarakat. Pertama, perubahan dalam tuntutan untuk pencapaian atau peningkatan. Masyarakat adalah kompleks dan berubah, dan perubahan sosial itu pula sama ada lambat atau pantas akan membawa perubahan pada tuntutan di mana kedudukan yang berbeza akan diberikan kepada mereka yang mampu memperolehnya. Kedua, perubahan dalam membekalkan bakat atau kebolehan.

Sepertimana terdapat perubahan dalam permintaan pada pelbagai jenis bakat dan kebolehan, maka akan sentiasa terdapat dan berlakunya perubahan secara berterusan pada penawaran. Tidak ada mana-mana kelas elit atau pemerintah boleh mengawal pengagihan dan pembahagian kepada bakat, intelektual atau keupayaan-keupayaan lain, walaupun ia boleh memonopoli peluang-peluang pendidikan dan latihan. Ini kerana ramai daripada mereka yang mempunyai keupayaan yang tinggi adalah di kalangan mereka yang berada di strata bawahan. Walaupun peluang yang diberikan kepada mereka kecil untuk dikembangkan potensi misalnya, sebagai ketua, tetapi cepat atau lambat mereka akan berjaya menembusnya.

Kajian literatur memperlihatkan perbezaan tafsiran tentang mobiliti sosial. Mengikut literatur bidang sosiologi, mobiliti sosial merujuk kepada pergerakan antara kelas sosial atau kumpulan-kumpulan pekerjaan (*occupational groups*). Sementara literatur bidang ekonomi umumnya memberi tumpuan pada pendapatan dan mobiliti pendapatan. Kadar pendapatan mempunyai kelebihan sebagai alat pengukuran terus kepada sumber-sumber, akan tetapi kelas sosial boleh menjadi pengukuran yang lebih baik pada peluang-peluang kehidupan.

Mobiliti sosial boleh dinilai melalui kedua-dua peringkat, iaitu, secara inter-generasi dan intra-generasi. Mobiliti inter-generasi atau mobiliti antara generasi ialah perubahan taraf sosial yang berlaku di antara satu generasi dengan satu generasi yang lain. Dalam mobiliti inter-generasi juga dilihat sejauhmana peluang-peluang itu dibuka kepada anak-anak adalah ditentukan oleh kelas sosial atau kadar pendapatan ibubapa mereka. Manakala mobiliti intra-generasi atau mobiliti dalam satu generasi ialah perubahan kedudukan sosial yang berlaku dalam hayat hidup seseorang individu

itu. Dalam mobiliti intra-generasi dilihat had apa kedudukan sosial seseorang individu itu atau perubahan kadar pendapatan di dalam kehidupan di sepanjang hayat hidup mereka sendiri (Rohana, 1996). Ahli sosiologi umumnya memberi tumpuan kepada mobiliti inter-generasi dan ahli-ahli ekonomi kepada mobiliti intra-generasi. Mobiliti juga boleh didefinisikan melalui aspek pekerjaan, kawasan geografi atau budaya (Aldridge, 2001).

Untuk membincangkan pelbagai implikasi kepada mobiliti adalah penting untuk membezakan peringkat atau tahap 'objektif' kepada mobiliti mana ia boleh diukur melalui pekerjaan, kuasa, harta, kepenggunaan dan sebagainya lagi, dan pembolehubah-pembolehubah lain yang memberikan mobiliti kepentingan dan makna tertentu. Gino Germani (1966) mencadangkan tiga peringkat yang boleh dianalisis. Pertama adalah sifat atau ciri seseorang individu atau kumpulan dan bilangan yang terlibat dalam mobiliti. Kedua adalah campurtangan pembolehubah psiko-sosial seperti kepuasan atau kekecewaan seseorang individu, pengenalan, dan penyesuaian peribadinya. Ketiga, campurtangan pembolehubah mengikut konteks seperti struktur kepada sistem stratifikasi, darjah dan tahap pertumbuhan ekonomi dan konfigurasi kepada sektor yang boleh bergerak dan tidak boleh bergerak (*mobile and non-mobile*).

Sementara, Pitirim Sorokin (1959 [1927]), salah seorang ahli sosiologi menerbitkan karya klasik beliau '*social mobility*' menyatakan, bahawa tiada struktur kelas yang sebenarnya bersifat tertutup atau terbuka, iaitu secara keseluruhannya membenarkan persaingan 'percuma' dengan pilihan pada kedudukan. Sorokin memberi perhatian pada kenyataan bahawa tiada dua masyarakat yang menyerupai antara satu sama lain dalam peringkat sama ada penghormatan kelas mereka itu terbuka atau tertutup.

Mereka berbeza dalam peringkat yang mengizinkan mobiliti kelas, bergantung pada perbezaan dalam institusi undang-undang, perundangan secara sejarah, ideologi, kestabilan institusi ekonomi dan lain-lain lagi. Menurut beliau lagi, keterbukaan struktur kelas dalam mana-mana masyarakat berubah di setiap masa, bergantung pada perubahan daripada sumber-sumber lain dalam institusi sosial.

Merujuk Sorokin lagi, ia telah memperlihatkan bahawa di mana-mana pun tidak terdapat trend yang kekal jelas yang membawa kepada sama ada struktur kelas yang lebih terbuka atau lebih tertutup untuk menunjukkan yang situasi ini benar, ia bergantung pada pelbagai faktor. Pertamanya, tuah atau nasib yang baik dari aspek ekonomi yang berubah dalam masyarakat di setiap masa. Keduanya, kecederungan seseorang untuk mendapatkan keistimewaan untuk mencapai matlamat dalam memilih kedudukan. Menurut Sorokin lagi, mobiliti menegak boleh dilanjutkan kepada dua jenis '*ascending*' atau '*descending*'. Hari ini pengkaji lebih gemar kepada istilah '*upward*' dan '*downward*' mobiliti. Akan tetapi apa jua terminalogi yang digunakan, maksudnya di sini ialah mana-mana struktur kelas menunjukkan pergerakan dua arah antara kelas-kelas. Sebahagian muncul dengan kedudukan kuasa, harta dan pengaruh, di semasa yang lain 'tergelincir' kepada pencapaian yang rendah pada struktur peluang. Secara kasarnya, lebih banyak kadar mobiliti menegak dan ke bawah, lebih luas keterbukaan pada struktur kelas. Adalah jelas bahawa masyarakat itu berstratifikasi dan ahli-ahli mereka akan dibagikan kepada dua kategori, di bawah atau di atas antara satu sama lain, pada beberapa skala kedudukan lebih tinggi dan ada yang lebih bawah (Svalastoga, 1965: 2).

2.8 PENYUMBANG MOBILITI SOSIAL

Faktor penyumbang kepada mobiliti diteliti berdasarkan kepada tiga faktor, iaitu modal manusia, modal sosial dan faktor struktural.

2.8.1 Faktor modal manusia

Modal manusia (*human capital*) merujuk secara ekonominya kepada sumber personal atau perseorangan yang penting dan menonjol (seperti kemahiran, pengetahuan khusus yang berhubung kait dengan pekerjaan tertentu, pendidikan umum), dan secara ringkasnya boleh dijadikan contoh yang akan dipertimbangkan oleh majikan sebagai justifikasi tawaran kepada sesuatu pekerjaan itu (Becker, 1964; Coleman, 1988).

Kita perlu jelas yang ciri-ciri ini semua hanya ada nilai dalam hubungan untuk memberikan struktur pada pengeluaran dan pengagihan. Individu dan kumpulan-kumpulan berkongsi menunjukkan minat dan kepentingan yang kedua-duanya boleh mendapat faedah/manfaat, misalnya dengan meningkatkan nilai pada sumber-sumber tersebut dan terlibat dalam transformasi pada struktur-struktur tersebut melalui perjanjian/tawar menawar bagaimana sumber-sumber mereka boleh dipecah dan diatur kedudukan dalam pengeluaran (Gershuny, 2002a).

Konsep pembangunan modal manusia adalah sebahagian daripada konsep pembangunan 'pembangunan manusia' yang dipelopori oleh Mahbub ul Haq (1995). Beliau mentakrifkan konsep 'pembangunan manusia' ialah pembangunan yang berpusatkan manusia, di mana manusia menjadi ejen pembangunan dan sekaligus

manusia itu sendiri sebagai matlamat akhir kepada pembangunan. Terdapat empat komponen utama dalam konsep ini, iaitu, kesaksamaan, produktiviti, pemerksaan dan kemapanan/kelestarian (Haq, 1995; Ishak, 1999).

Abdul Rahman (2007) menarik perhatian bahawa pandangan yang lazim tentang pembangunan modal manusia ialah penyediaan pendidikan, pengetahuan dan kemahiran bagi individu dan komuniti yang disalurkan melalui institusi rasmi. Akan tetapi, menurut beliau, komponen-komponen tersebut sahaja tidak mencukupi untuk menjamin agar modal manusia yang terhasil itu boleh terus menyumbang kepada pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat. Menurut beliau lagi, pembinaan modal manusia yang unggul adalah melalui pendidikan, pengetahuan dan kemahiran yang dilengkapi dengan kemahiran yang bukan semata-mata teknikal tetapi merangkumi aspek personaliti dan keupayaan kepimpinan, kemahiran kognitif (berfikir dan juga menganalisis), kemahiran bahasa dan komunikasi serta kemahiran sosial. Seterusnya, pembinaan set nilai yang kukuh dan sikap yang murni serta pandangan hidup yang luhur dan beretika dan berintegriti. Set nilai ini penting kerana ia memberikan ukuran baik-buruk dan benar-salah sesuatu itu, dan set nilai boleh dibentuk dan dipengaruhi oleh pegangan agama dan budaya seseorang dan masyarakatnya serta pendidikan dan pengalaman hidupnya. Akhirnya, individu perlu dipupuk supaya mempunyai sikap yang tepat seperti sikap yang proaktif yang sentiasa inginkan perubahan untuk kebaikan dan kemajuan, dan tidak berpuas diri dan alpa dengan apa yang diketahui dan dikuasainya.

Berdasarkan pandangan teoretis ini, kajian ini menegaskan bahawa ciri-ciri seseorang aktor atau individu yang terdapat dalam modal manusia menjadi pendorong dan

membantu komuniti pesisir pantai untuk ‘keluar dari lingkaran’, khususnya, modal manusia dari aspek nilai, sikap dan motivasi yang dianggap sebagai ‘tenaga dalaman’ yang mengarah kepada perubahan tersebut.

2.8.2 Faktor modal sosial

Penelitian dalam satu bidang yang dipanggil “new economic sociology” oleh ahli sosiologi dan sains politik, serta sesetengah ahli ekonomi mengenai modal fizikal dan modal manusia, hingga kini mereka telah mula berbincang mengenai modal sosial, satu tema yang luas merangkumi norma dan jaringan dalam memudahkan tindakan bersama untuk faedah bersama. *Ceteris paribus* sesebuah komuniti itu adalah mengharapkan yang mereka bernasib baik kerana memiliki modal sosial yang tinggi stoknya untuk menjadi lebih selamat, bersih, sihat, lebih *literate*, mempunyai kerajaan lebih baik, dan secara keseluruhannya lebih gembira daripada komuniti yang mempunyai modal sosial yang rendah. Ini kerana komuniti yang mempunyai modal sosial yang tinggi, ahli-ahli komunitinya lebih berupaya untuk mendapatkan kerja yang baik, memulakan projek-projek yang boleh memberi khidmat untuk kepentingan publik, tidak perlu sentiasa membuat pemantuan terhadap tingkahlaku individu antara satu sama lain, *enforce contractual agreements*, menggunakan dengan lebih efektif sumber-sumber yang wujud, menyelesaikan pertikaian yang timbul dengan cara lebih mesra dan memberikan maklumbalas dengan kadar yang segera masalah dan aduan dari rakyat (Woolcock, 1998).

Modal sosial menurut Putnam (1993: 167) merujuk kepada sifat atau ciri-ciri organisasi sosial seperti kepercayaan, aturan-aturan atau norma dan jaringan yang

membantu meningkatkan kecekapan masyarakat dengan memudahkan penyelarasan dan tindakan-tindakan untuk faedah bersama. Menurut beliau lagi, modal sosial adalah sebagai satu set “horizontal associations” atau hubungan horizontal antara komuniti masyarakat, iaitu, modal sosial terdiri daripada jaringan pembabitan sosial (*networks of civic engagement*) dan hubungannya dengan norma yang mana ia memberi kesan ke atas penghasilan kepada komuniti.

Terdapat dua kebarangkalian empirikal merujuk kepada konsep modal sosial, iaitu jaringan dan norma. Kedua-duanya secara empirikalnya ia bersatu dan mempunyai kaitan yang memberikan kesan yang penting kepada pertumbuhan ekonomi. Menurut Putnam lagi, modal sosial hanya dapat dibangunkan apabila setiap individu itu bersedia untuk mempercayai individu lain sehingga mereka mahu membuat komitmen yang dapat dipertanggungjawabkan untuk mengembangkan bentuk-bentuk hubungan yang saling menguntungkan. Ciri utama modal sosial dalam definisi ini, iaitu, modal sosial itu memudahkan penyelarasan dan kerjasama untuk faedah bersama ahli-ahli persatuan/pertubuhan (Putnam, 1993).

Konsep modal sosial yang lebih luas dikemukakan oleh Coleman (1988: S98) yang mendefinisikan modal sosial sebagai : “modal sosial bukanlah satu entiti tetapi ia adalah kepelbagaian entiti yang berbeza dengan dua elemen yang menjadi kebiasaan, iaitu, mereka semua terdiri daripada beberapa aspek struktur sosial, dan mereka memudahkan beberapa tindakan tertentu pada individu/aktor sama ada secara perseorangan (*personal*) atau sekumpulan individu (*corporate actors*), dalam struktur tersebut”. Sepertimana lain-lain bentuk modal, modal sosial adalah produktif yang membolehkan pencapaian pada matlamat tertentu, iaitu dengan ketiadaannya tidak

akan terjadi atau tidak mungkin dapat dicapai. Ini meluaskan lagi konsep modal sosial untuk memasukkan hubungan menegak begitu juga hubungan mendatar dan juga tingkahlaku di kalangan entiti-entiti lain seperti institusi-institusi. Hubungan menegak adalah dicirikan oleh perhubungan yang berhierarki/mengikut darjat atau pangkat dan pengagihan kuasa yang tidak sama atau tidak adil di kalangan ahli-ahli. Yang jelasnya, kewujudan jurang yang luas pada hubungan ini juga menutupi objektif-objektif pada hubungan sama ada yang berbentuk positif atau negatif. Coleman menerangkan dengan jelas kenyataan tentang ini, iaitu, “memberikan kaedah kepada modal sosial yang mana ia bernilai dan berguna dalam memudahkan tindakan tertentu yang mungkin tidak berguna dan juga merbahaya untuk yang lain”. Kenyataannya, pandangan ke atas modal sosial ini telah menerangkan konsep struktur sosial dengan luas, seperti mana mengendalikan tingkahlah interpersonal dengan melihat ia sesuatu yang ditinjau sebagai satu atau secara keseluruhan.

Pandangan konsep modal sosial yang lebih menyeluruh adalah meliputi persekitaran sosial dan politik yang membolehkan norma-norma dibangunkan dan mewujudkan struktur sosial. Modal sosial menurut North (1990) dan Olson (1982), pula menekankan lebih banyak kepada perhubungan institusi dan struktur sosial rasmi seperti pemerintahan politik, peraturan undang-undang dan sistem perundangan, sistem mahkamah dan kebebasan politik dan sivil. Mereka membahaskan bahawa institusi-institusi sosial rasmi tersebut telah memberikan kesan yang penting ke atas corak dan taraf peningkatan kepada pembangunan dan kemajuan ekonomi.

Satu lagi pandangan yang perlu diketengahkan ialah konsep modal sosial yang diajukan oleh Francis Fukuyama (1999, 2000), yang tulisan-tulisannya dianggap

kontroversial tapi popular. Beliau menekankan bahawa modal sosial memiliki sumbangan cukup besar pada terbentuk dan berkembangnya ketertiban dan dinamika ekonomi. Modal sosial umumnya didefinisikan sebagai satu set norma dan nilai tidak rasmi (informal) yang dikongsi di kalangan ahli-ahli dalam suatu kumpulan yang memberi 'izin' kepada mereka untuk bekerjasama dan mewujudkan kepercayaan antara satu sama lain. 'Kepercayaan' itu boleh bertindak sebagai 'pelincir' yang membolehkan mana-mana kumpulan atau organisasi beroperasi dan bergerak dengan lebih cekap lagi. Dalam konteks ini bererti modal sosial bukan undang-undang formal tetapi norma informal yang menganjurkan tingkahlaku konsensus dan kerjasama yang terkandung di dalamnya kejujuran, memenuhi dan menjalankan tanggungjawab, saling mempercayai dan kesediaan untuk saling menolong (*reciprocity*) (Fukuyama, 2000).

Manakala faktor modal sosial dalam kajian ini adalah terdiri daripada satu set norma, nilai dan kepercayaan tidak rasmi yang dikongsi bersama anggota komuniti serta rangkaian atau jaringan yang mereka miliki. Kesemua unsur tersebut diteliti melalui hubungan dan keterikatan antara keluarga dan anggota-anggota komuniti serta juga di luar komuniti. Jaringan sosial, kepercayaan dan kerjasama komuniti dilihat melalui aktiviti-aktiviti tradisi, penglibatan komuniti dengan aktiviti yang dijalankan dan keterlibatan dalam organisasi yang membawa faedah dalam komuniti tersebut.

2.8.3 Faktor struktural

Kedua-dua faktor di atas, iaitu modal manusia dan modal sosial lebih kepada analisis mikro yang berlatarbelakangkan aktor atau individu dan hubungan kekeluargaan serta

kejiranan dalam komuniti. Sementara, faktor struktural adalah analisis struktur makro yang bersandarkan kepada persekitaran sosio-ekonomi dan politik pentadbiran negeri yang melingkungi komuniti pesisir ini. Penelitian permasalahan kemiskinan dan kemunduran yang melingkari komuniti desa-nelayan Melayu seperti dinyatakan oleh Za'ba, Ungku Aziz, Raymond Firth dan Ishak Shari di atas, antaranya disebabkan oleh masalah atau halangan struktural.

Beberapa sarjana melalui pendekatan struktural menyatakan bahawa masalah kemiskinan berpunca pada sistem pengeluaran dan bukannya pada individu dalam sistem ini. Pendekatan ini menganggap kemiskinan sebagai keadaan yang dihadapi seseorang individu disebabkan oleh faktor luaran individu itu. Ia juga menekankan masalah kemiskinan yang disebabkan oleh sistem dalam masyarakat seperti sistem sosial, politik dan ekonomi (Frank, 1978).

Analisis struktural juga mengaitkan aspek kelas yang berhubung rapat dengan kedudukan individu dan golongan dalam sistem stratifikasi sosial atau susunlapis masyarakat. Stratifikasi sosial dalam masyarakat secara tidak langsung menunjukkan ketaksamaan dan ketidakadilan yang berlaku dalam masyarakat. Ketidakadilan yang berlaku dalam masyarakat kapitalis lazimnya berdasarkan kepada ketaksamaan kelas.

Anderson (1974) berpendapat bahawa aspek penting mengenai ketidakadilan ialah dari segi ekonomi terutama bersangkutan dengan peluang untuk menguasai punca-punca pengeluaran, barangan dan perkhidmatan. Kelas yang mempunyai kuasa ke atas punca-punca pengeluaran adalah kelas yang memiliki sebahagian besar hasil ekonomi. Dalam masyarakat kapitalis dikenali sebagai golongan pemodal. Kumpulan

yang mengalami ketidakadilan yang ketara sekali ialah kumpulan miskin, yang berada pada kedudukan terendah dalam sistem stratifikasi sosial masyarakat. Masyarakat kapitalis merujuknya juga sebagai golongan kelas pekerja yang tidak berharta tetapi menjual tenaga untuk mendapatkan upah.

Namun, dalam konteks tesis ini, pengkaji lebih menumpu kepada analisis struktural oleh Giddens (1984) melalui konsep teras dalam teori *structuration*. Melalui teori ini beliau menyatakan bahawa ia adalah satu percubaan untuk menyelaraskan dikotomi/pembahagian teori sosial seperti agensi/struktur, subjektif/objektif dan perspektif mikro/makro. Pendekatan ini tidak menumpu kepada aktor individu atau kepada masyarakat sepenuhnya “but social practices ordered across space and time” (Giddens, 1984: 2). Ia menyokong kedudukan seimbang ini untuk mengolah pengaruh struktur (termasuk budaya) dan agensi dengan saksama. Menurut Giddens (1984) lagi, agensi adalah tindakan manusia (human action), dan struktur itu ialah peraturan (*rules*) dan sumber (*resources*). Peraturan adalah bentuk yang diikuti oleh manusia dalam kehidupan sosial. Sumber berkait dengan apa yang dihasilkan oleh tindakan manusia. Justeru, keseimbangan agensi dan struktur merujuk kepada satu konsep ‘keduaan struktur’ (*duality of structure*), iaitu, struktur sosial menjadikan tindakan sosial yang munasabah, dan pada masa yang sama tindakan sosial menjadikannya sangat berstruktur dan teratur. Umumnya, semua tindakan sosial melibatkan struktur dan semua struktur membabitkan tindakan sosial.

2.9 KESIMPULAN

Kerangka teori adalah penting untuk menerangkan tentang kenapa, bagaimana, juga sebab akibat tentang satu-satu fenomena atau isu yang dikaji itu berlaku. Asasnya, ini bermakna dalam pembentukan kerangka teori itu perlu ada kaitan secara keseluruhan, iaitu, mikro dan makro, dan juga ada konteks sejarahnya. Permasalahan utama kajian tentang mobiliti di kalangan komuniti pesisir pantai ini, ialah ‘keluar dari lingkaran’ yang membawa erti seseorang itu mengalami perubahan. Komuniti pesisir pantai ini ialah komuniti yang berada dalam proses peralihan sosial dan yang sedang mengalami perubahan sosial. Lebih tepat lagi, bukan semata-mata perubahan sosial tetapi satu transformasi sosial yang agak mendalam. Ini berlaku kerana pembangunan di persekitaran komuniti yang dikaji berada dalam kawasan pembangunan yang didokongi oleh Kerajaan hingga membuka pelbagai peluang dan perubahan yang berlaku di sekeliling mereka.

Kerangka analisis kajian ini mengambil panduan daripada pemikiran Weber bahawa tidak ada satu faktor yang tersendiri yang boleh mendorong atau mencetuskan perubahan. Justeru, analisis kajian ini menggunakan ‘multi-causal analysis’ atau analisis multi-faktor, iaitu, gabungan pelbagai faktor sebagai panduan mengungkai permasalahan mobiliti sosial komuniti pesisir pantai ini. Dalam kajian ‘keluar dari lingkaran’ kemiskinan komuniti pesisir pantai ini, pengkaji cuba menggabungkan ketiga-tiga faktor di atas, iaitu, modal manusia, modal sosial dan faktor struktural dalam menganalisis proses mobiliti sosial yang dialami oleh komuniti ini.

BAB III

WACANA TENTANG KOMUNITI DAN FAKTOR-FAKTOR MOBILITI SOSIAL

3.1 PENGENALAN

Pergerakan atau mobiliti sosial menegak memerlukan perubahan daripada pelbagai aspek termasuk dari dimensi ekonomi, sosio budaya dan juga pendidikan. Kemampuan seseorang individu untuk bergerak atau mengalami mobiliti sosial dari 'kepompong' kemiskinan itu memerlukan beberapa 'suntikan' sama ada yang dimainkan oleh diri sendiri, keluarga, komuniti ataupun negara. Kajian ini cuba untuk mendalami dan meneliti kehidupan komuniti pesisir pantai dari aspek mobiliti sosial mereka, iaitu apakah, mengapakah dan bagaimanakah mereka ini boleh 'keluar dari lingkaran' kemunduran dan kemiskinan.

Justeru, tumpuan analisis bab ini berkisar kepada perbincangan mengenai konsep dan kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan persoalan mobiliti sosial melalui faktor modal manusia, modal sosial, modal material dan faktor struktural berkaitan ruang dan peluang untuk berubah. Untuk meneliti persoalan ini, perlu membincangkan konsep komuniti terlebih dahulu. Mendalami tentang komuniti ini penting untuk memberi satu kefahaman isu komuniti pesisir pantai yang dikaji.

Bab ini juga menghuraikan konsep komuniti dari aspek konseptual dengan mengambil kira kajian-kajian mengenai komuniti yang dikemukakan oleh beberapa tokoh sarjana klasik dan sarjana terkini dalam bidang sains sosial. Seterusnya, penelitian kajian-kajian yang pernah dilakukan oleh penyelidik-penyelidik tempatan yang ada menyentuh aspek komuniti di Malaysia. Ulasan kajian lepas ini juga menjurus kepada isu pembangunan dan transformasi sosial yang berkait dengan kemiskinan dan kemunduran di kawasan luar bandar, dan khususnya di kawasan kajian komuniti pesisir pantai yang dikaji.

3.2 WACANA TENTANG KONSEP ‘KOMUNITI’

Konsep komuniti memang menimbulkan banyak persoalan kerana kekaburannya. Ini diakui oleh ramai pengkaji. Abdul Halim Ali (2005:ix) yang melakukan kajiannya di Sarawak mengatakan, “Kekaburan istilah komuniti dalam penyelidikan ilmu sosial menyukarkan kita menentukan sikap dan batasan penyelidikan empirikal di pesisiran Pulau Borneo-Kalimantan”. Berdasarkan petikan tersebut, sebahagian bab ini meneliti ‘perjalanan’ konsep komuniti yang menjadi tumpuan dalam kajian ini.

3.2.1 Kekaburan dan kekusutan konsep

Sejak abad ke-19, satu perkara utama yang dititikberatkan dalam teori sosial adalah mengenai proses industrialisasi dan urbanisasi akan membawa akibat kepada penghapusan komuniti. “Loss of community” adalah tesis pertama yang dikeluarkan oleh seorang ahli sosiologi Jerman, Ferdinand Tonnies dalam buku beliau yang bertajuk *Gemeinschaft und Gesellschaft* (terbitan pertama, 1887). Melalui konsep

kembar Tonnies ini, beliau cuba menyampaikan apa yang beliau nampak tentang perbezaan yang wujud antara masyarakat tradisional dengan masyarakat bandar yang baru mengindustri, terutama tentang ciri-ciri perhubungan sosial di antara manusia (Slattery, 1992).

Konsep *Gemeinschaft* mendefinisikan 'komuniti' sebagai satu konsep yang menimbulkan memori yang romantik pada satu masa lalu di mana wujudnya keadaan harmoni dan stabil. Walau bagaimanapun, Tonnies menggunakan konsep tersebut dengan lebih khusus untuk merujuk kepada perhubungan manusia yang tinggi hubungannya. Ia bersifat peribadi dan bersemuka, mesra dan rapat dan serta bertahan lama, di mana penglibatan seseorang itu bukan sahaja sebagai ahli dalam keluarga, tetapi sebagai sahabat baik atau sebuah kumpulan yang mempunyai hubungan yang rapat. Mereka mempunyai hubungan ikatan bersama (*communal ties*) yang kukuh dengan komuniti kampung tradisional dengan terdapat susunan sosial yang rapat di antara mereka. Setiap orang tahu kedudukan mereka, status telah ditentukan, mobiliti mereka telah dibataskan sama ada berkenaan sosial atau berkenaan geografi. Keseluruhan cara hidup di kawal oleh budaya yang homogen, di mana satu nilai yang ketat serta moral dan kawalan sosial yang wujud berasaskan kepada agama. Ia seperti masyarakat yang berskala kecil, di mana setiap orang mengetahui mengenai orang lain dan berkait melalui darah atau perkahwinan. Mereka terikat dengan tanah, tali persaudaraan dan bentuk-bentuk sosial yang lain; dan hanya sebilangan kecil yang berpindah keluar dari kawasan kediaman mereka. Perhubungan mereka juga kelihatan lebih semulajadi, organik dan emosi, dengan mempunyai makna dan pengertian yang mendalam berbanding hubungan di antara manusia yang ada sekarang (Slattery, 1992).

Sementara, konsep *Gesellschaft* diterjemahkan sebagai ‘masyarakat’ atau ‘kesatuan’. Tonnies menggunakannya untuk merujuk kepada semua yang bertentangan dengan *Gemeinschaft*. *Gesellschaft* ialah satu hubungan yang *impersonal*, cetek dan yang bertahan sementara sahaja seperti hubungan dalam kehidupan moden di bandar. Jadi hubungan mereka itu lebih spesifik dan terbatas. Misalnya, bila bercakap dengan pembantu kedai atau kerani bank adalah bermaksud untuk membeli atau mendapatkan sesuatu. Tidak ada tempat atau masa untuk membina perasaan dan emosi dalam kehidupan masyarakat industri moden itu.

Secara keseluruhan corak kehidupan masyarakat *gesellschaft* adalah lebih pantas, dinamik, dan kompetitif sifatnya. Ia seiring dengan usaha ke arah mencapai kemajuan dan pembangunan ekonomi untuk mendapatkan taraf kehidupan yang tinggi status sosialnya. Justeru, tipologi Tonnies selalu digambarkan sebagai satu tugas dan hubungan yang bertentangan antara mereka yang berada di bandar dengan yang berada di kampung. Beliau juga menggunakannya untuk membuat perbandingan pada perbezaan antara jenis dan kualiti hubungan, sebagai contoh kawan dengan kenalan, perniagaan keluarga dengan syarikat moden. Tonnies juga menghujahkan bahawa proses industrialisasi telah menghapuskan kedudukan peranan perasaan dalam berkomuniti (Slattery, 1992).

Ringkasnya dapat dinyatakan bahawa Tonnies yang memperkenalkan konsep kembar *Gemeinschaft und Gesellschaft* adalah ‘peneroka’ kajian komuniti dan sosiologi bandar. Walaupun buku beliau tidak dibaca secara meluas hinggalah pada 1930an, ia telah memberi inspirasi kepada kajian besar-besaran di setiap jenis masyarakat dan aspek kehidupan komuniti. Seterusnya, ahli sains sosial lain seperti Durkheim, Weber,

Robert Redfield (1930) dan Louis Wirth (1938), juga telah mengembangkan teori tentang *continuum* desa-bandar. Mereka secara khusus membandingkan cara kehidupan masyarakat petani dan bandar sebagai “dua kutub dalam rujukan pada yang mana satu atau lain-lain penempatan manusia berkecenderungan untuk mengatur rancangan untuk menyelesaikan sesuatu cabaran kehidupan yang dihadapi oleh diri mereka sendiri”. Seperti dirumuskan oleh Slattery (1992), ‘di mana’ anda tinggal akan menentukan ‘bagaimana’ kehidupan anda.

3.2.2 Perkembangan konsep komuniti

Konsep komuniti ini telah diperdebatkan dengan pelbagai tafsiran dan pengertian. Ahli sosiologi misalnya, telah memberi pengertian dan fahaman mereka sendiri ke atas apa yang dimaksudkan ataupun apa yang terdiri daripada komuniti itu. Justeru konsep komuniti tersebut yang telah menimbulkan pelbagai gambaran, Worsley (1977) pertamanya, telah mempersoalkan sama ada ia mempunyai nilai dalam sosiologi. Maka menurut beliau konsep komuniti itu perlu dianalisis dengan lebih teliti. Akan tetapi ahli-ahli sosiologi telah berusaha sedaya upaya untuk memperluaskan dalam percubaannya untuk mentakrifkan konsep komuniti walaupun tanpa mencapai sebarang konsensus. Keduanya, berhubung rapat dengan halangan kepada pemikiran yang lebih jelas bahawa konsep itu biasanya digunakan untuk tujuan-tujuan yang berbeza dalam menerangkan dan membuat analisis tentang masyarakat. Justeru beliau menekankan bahawa kita perlu membezakan antara penggunaan oleh orang kebanyakan (*layman uses*), iaitu, ‘*folks models*’ dengan penggunaan oleh ahli-ahli sosiologi. Konsep komuniti melalui gaya percakapan umum, lazimnya merujuk kepada manusia atau sekelompok manusia mendiami satu-

satu kawasan, mempunyai tahap kesefahaman autonomi politik, mempunyai rasa persahabatan, mempunyai satu set kepercayaan agama, kemungkinan mempunyai kepelbagaian etnik, dan kerap ada fungsi tertentu atau pekerjaan yang dominan (Worsley, 1977).

Beberapa ahli sosiologi terus menganggap komuniti itu sebagai satu unit, walaupun terdapat banyak bentuk perbezaan yang perlu diambil kira dalam konteks yang berbeza di mana ia boleh berlaku. Konig (1968) sebagai contoh melihat komuniti sebagai 'satu bentuk asas', di mana menurut beliau komuniti itu tidak hilang atau lenyap dalam kebangkitan industri dan revolusi bandar sepertimana yang selalu diujahkan. Schnore (1967) bersetuju dengan pandangan ini, apabila beliau secara tegas mengkategorikan komuniti itu adalah unit asas dalam struktur sosial sesebuah masyarakat. Akan tetapi, menurut Worsley (1977), penulis-penulis ini tidak memperjelaskan persoalan komuniti, sama ada mereka menggunakan konsep seperti 'bentuk asas' dan 'unit asas' untuk menyifatkan yang komuniti itu sebenarnya wujud sebagai satu 'benda' yang objektif, sesuatu yang wujud "di luar sana", atau sama ada ia adalah satu kategori analitikal yang perlu digunakan sebagai unit analisis untuk menerangkan aspek-aspek organisasi sosial yang diambil daripada dunia sebenar.

Sementara itu, satu pernyataan menarik yang dirumuskan oleh Hillery (1955) mengenai komuniti berpendapat semua definisi tersebut berhubungan dan berkaitan dengan manusia. Rumusan ini diperolehi hasil daripada analisis beliau ke atas 94 definisi komuniti yang terdapat dalam penulisannya, "*Definition of Community: Areas of Agreement*". Menurut analisis Hillery, definisi komuniti yang ideal ialah sekumpulan manusia yang menduduki sebuah kawasan geografi. Elemen utama yang

perlu ada dalam sesebuah komuniti ialah kawasan, ikatan umum yang membentuk satu unit sosial dengan nilai tersendiri, dan interaksi (Bell dan Newby, 1971).

Seiringan dengan tafsiran Hillery tetapi dengan penambahan satu elemen baru, ialah Sussman (1959), yang menyatakan bahawa “sesebuah komuniti itu boleh dikatakan wujud apabila interaksi antara individu mempunyai tujuan bagi keperluan individu dan mengekalkan matlamat kumpulan, “(S)atu kawasan geografi yang terbatas adalah salah satu ciri komuniti. Ciri-ciri interaksi sosial, struktur fizikal, keperluan sosial dan psikologi dan kawasan geografi yang terbatas adalah asas kepada definisi komuniti itu”. Akan tetapi, penekanan yang secara khusus kepada pencapaian matlamat individu dan kumpulan telah agak menyukarkan definisi ini diterima dan digunakan kerana ia adalah satu tugas yang sukar untuk dicapai (Bell dan Newby, 1971).

Pada tahun yang sama dengan Sussman, seorang pengkaji lagi, Kaufman (1959) dalam tulisannya “*Toward an Interactional Conception of Community*” telah mengemukakan tiga aspek dalam definisi komuniti, dengan dua aspek pertamanya sangat hampir dengan pengertian Sussman. Pertama, komuniti adalah satu tempat atau kawasan; dan kedua, komuniti itu menunjukkan satu aturan atau susunan sebagai satu cara kehidupan. Kedua-dua definisi ini menggambarkan bagaimana manusia melaksanakan aktiviti dan apa yang mereka mahu, dan ini semua adalah matlamat institusi dan matlamat kolektif mereka (komuniti). Sementara pengertian ketiga Kaufman (1959) adalah lebih radikal yang menitikberatkan tindakan secara kolektif, iaitu “Individu dalam sesebuah komuniti tidak sepatutnya boleh melakukan sesuatu perkara itu, tetapi perlu lebih kerap membuat perkara bersama-sama dalam menitikberatkan kehidupan seharian”. Oleh itu, terdapat tiga elemen utama dalam

model interaksi Kaufman (1959) tentang komunitas, yaitu, penglibatan komunitas, pertumbuhan dan perkumpulan dalam komunitas, dan akhirnya fase dan proses kepada tindakan komunitas (Bell dan Newby, 1971).

Sementara itu, Sutton dan Keloja (1960) pula, memberikan takrifan komunitas itu sebagai sebilangan keluarga yang menetap di sesebuah kawasan kecil, di mana di dalamnya mereka telah mengembangkan amalan sosio-budaya yang agak lengkap dengan mempunyai identifikasi secara kolektif. Hal ini membawa makna mereka telah menyelesaikan masalah-masalah yang timbul daripada hasil perkongsian kawasan yang mereka duduki bersama (Bell dan Newby, 1971).

Umumnya, sebagai rumusan awal menurut *International Encyclopedia of the Social Sciences* (1968: 163), komunitas ialah satu sistem sosial yang diikat mengikut sesuatu kawasan atau sesuatu set subsistem yang berfungsi secara bersatu (seperti melalui ekonomi, politik, agama, etnik, pendidikan, undang-undang, proses sosial dan sebagainya lagi) yang berkhidmat sebagai satu populasi yang tetap, termasuk kekayaan budaya atau pertumbuhan fizikal melalui cara-cara subsistem itu beroperasi. Wujud juga ciri-ciri seperti harmoni, kasih sayang dan kemesraan yang dipaparkan terdapat dalam masyarakat pra-industri, walaupun konsensusnya agak minima.

3.3 JENIS-JENIS KOMUNITI

Fenomena komunitas wujud dalam pelbagai bentuk. Komunitas itu mungkin digunakan untuk merujuk kepada ruang tertentu atau unit geografi (seperti sebuah kampung atau sebuah bandar), atau untuk melambangkan satu set kepada unit-unit tertentu (seperti

kawasan kampung dan bandar yang kecil yang mungkin berlawanan dengan pusat metropolitan dan bandar). Ada juga menyatakan yang komuniti digunakan dalam membuat penilaian sepertimana apabila mengatakan misalnya, kampung itu adalah 'real community', tetapi tidak pada kampung lain, juga pada 'community of scholars', yang tidak langsung merujuk kepada kawasan geografi (Worsley, 1977). Misalnya, bagi sejumlah pengkaji kegiatan usahawan Cina, mereka dapati sesetengah kejayaan perniagaan mereka ada kaitannya dengan keterikatan mereka dengan komuniti masing-masing, iaitu, melalui ikatan klan atau kelompok sub-etnik mereka (Chin, 2003).

3.3.1 Komuniti desa

Umumnya, perbincangan tentang sifat komuniti, khususnya persoalan di mana 'komuniti' itu wujud dan 'boleh dipanggil komuniti' terus menjadi tumpuan pengkaji-pengkaji sosial seperti mana yang dibincangkan sebelum ini. Konsep komuniti selalu dipasangkan dengan konsep 'village' atau 'peasant', dan konsep ini telah digunakan oleh sebahagian besar ahli sains sosial untuk menganggarkan secara adil sebahagian besar realiti sosial (De Koninck, 1992).

Dalam bidang yang dipanggil sebagai kajian petani (*peasant studies*), tren yang terawal dipelopori oleh Robert Redfield dalam 'the little community'. Dalam tulisannya, Redfield (1960: 4) sendiri menyatakan bahawa komuniti kecil itu mempunyai empat kualiti asas, iaitu, '*distinctiveness, smallness, homogeneity* dan *all-providing self-sufficiency*'. Konsep ini telah dikritik atas alasan yang pelbagai. Yang pertama, senarai kualiti takrifan Redfield tidak menunjukkan perbezaan kriteria

kepada 'komuniti kecil' dalam mana-mana kekuatan yang ada pada perkataan 'little'. Jarang komuniti kecil (small communities) mempunyai sempadan yang jelas sebagaimana menurut Redfield. Keduanya, ciri kesamaan (homogeneity) dan *self-sufficiency* adalah ciri-ciri yang relatif dan arbitrari. Kebanyakan kampung dalam dunia moden mengandungi manusia yang mempunyai pekerjaan yang berbeza dan kedudukan sosial yang berbeza, pegangan agama dan ikatan politik yang selalu berbeza dan sebagainya. Kampung sekali lagi adalah selalunya juga terikat kepada sistem pasaran sama ada pada skala yang kecil atau yang besar. Dalam abad ke-20, kampung dalam semua benua dan dalam kedua-dua jenis negara samada negara maju atau negara sedang membangun, telah menjadi semakin maju dan berkembang kerana ia terlibat dalam ekonomi dan sistem pasaran di mana ia telah merebak ke seluruh dunia dan sebenarnya dalam lingkungan antarabangsa (Worsley, 1977).

Persoalan tentang sifat kepada sesuatu yang telah wujud dipanggil sebagai kampung tradisional telah tersebar luas di kalangan pengkaji di Asia Tenggara. Ia muncul dengan agak menarik dan dimasukkan dalam literatur kajian masyarakat Malaysia di kawasan pedalaman. Seperti yang dinyatakan oleh Syed Husin Ali (1975: 40), "many anthropologists have attempted to define the Malay village and quite often their definitions tend to be as varied as the villages that they study". Bukan sahaja di kalangan ahli antropologi tetapi semua cabang ilmu sains sosial termasuk ahli ekonomi, sains politik dan geografi juga mempunyai definisi tertentu. Menurut Firth (1966: 4) dalam kajiannya tentang komuniti nelayan Melayu, "A *kampung* is not normally an administrative unit or religious unit, but it is a social unit with some degree of solidarity and neighbourly feelings".

Umumnya, ciri-ciri utama pada struktur sosial sesebuah kampung dalam hubungan dengan solidariti kawasan, iaitu, pertama, semua kelemahan pada organisasi dan institusi yang berautonomi atau berpemerintahan sendiri adalah pada diri para peladang/petani itu sendiri. Kedua, saling membantu antara saudara mara adalah lebih kuat ikatannya daripada yang berasaskan ikatan kawasan. Contohnya, kelemahan pada kawasan adalah kesepaduan yang bersifat perkauman dalam masyarakat kampung. Dan ketiga, kekurangan atau kelemahan kawalan pentadbiran yang sistematik oleh kerajaan kepada masyarakat kampung (De Koninck, 1992).

3.3.2 Komuniti bandar

Umumnya, perbincangan mengenai 'komuniti' setakat ini menyatakan 'komuniti kampung', "adalah satu dunia kecil untuk diri kita sendiri... di mana kita kenal setiap orang dan dikenali oleh semua orang juga, mengambil tahu semua orang dan bergembira untuk mengharapkan bahawa setiap orang juga bergembira untuk mengenali dan berminat dengan kita" (Mitford, 1951: 3). Tetapi istilah itu boleh juga membawa konotasi atau maksud tersirat yang berbeza sebagaimana bila kita bercakap tentang 'komuniti metropolitan' ataupun komuniti bandar.

Ringkasnya, komuniti bandar selalu dilihat sebagai tidak bersedia untuk menjalin persahabatan yang baik. Sebaliknya, ia dilihat sebagai satu tempat yang 'anomie', yang 'terasing' dan mempunyai 'budaya massa' tanpa keupayaan secara individu untuk menghadapi dunia kapitalisme dan industrialisasi dan secara peribadi berjuang untuk menghadapi golongan teknokrat dan birokrat yang impersonal (Worsley, 1977).

Ahli geografi barat seperti Maunier (1957), mengatakan bahawa bandar adalah suatu masyarakat yang lengkap, di mana kedudukan geografinya menghadkan saiz penduduknya atau di mana elemen-elemen kawasannya lebih banyak bergabung jika dibandingkan dengan elemen-elemen kemanusiaannya. Sementara ahli sosiologi seperti Louis Wirth (1938), lebih menekankan bentuk dan kualiti bandar sebagai kawasan penempatan yang mempunyai penduduk yang ramai, padat dan latar belakang sosial yang pelbagai. Betgel (1955) yang juga lebih banyak menumpukan aspek perekonomian, menyatakan bahawa penduduk bandar pada kebiasaannya menjalankan aktiviti-aktiviti selain daripada pertanian.

Terdapat sebilangan kajian yang dilakukan pada masyarakat industri seperti Britain, Amerika Syarikat dan Jepun mencadangkan bahawa kumpulan sosial seperti komuniti, kadang kala, hidup dan berkembang dalam gabungan yang wujud di tengah-tengah kehidupan bandar. Di Jepun, dari hasil kerja yang dipelopori oleh Yanagita Kunio (1875-1962) dan kemudiannya dikembangkan oleh Kamishima Jiro, Kosaku (1992: 98-103) telah menghujahkan bahawa bila penduduk kampung Jepun berpindah ke bandar, mereka telah membawa bersama mereka organisasi sosial gaya kampung dan sistem kepercayaan dan membentuk 'kampung kedua' atau yang 'seakan-akan kampung' (quasi-villages) di dalam bandar. Walaupun selepas kehancuran 'natural village' corak tradisional tidak berganjak daripada pendirian mereka di bandar yang seakan-akan kampung itu. Kosaku menyatakan di Jepun, sesebuah syarikat itu selalunya dianggap sebagai satu contoh unggul 'quasi-village'. Prinsip sosial komuniti kampung tradisional digunakan untuk menghasilkan semula perhubungan dalam perkumpulan tidak rasmi di kalangan pekerja-pekerja syarikat Jepun itu (Abdul Rahman, 2002).

Sementara itu, kajian Abdul Rahman (2002) dibuat sedikit berbeza. Tumpuan kajian beliau adalah mengenai kelas menengah Melayu di dua lokasi yang berbeza tuntutan perindustriannya. Pertama, di kawasan metropolitan yang pelbagai etnik dan budaya di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, dan kedua bahagian yang sama tapi kurang membangun dan lebih berbentuk homogen, iaitu, di Kota Bharu dan Kuala Terengganu. Beliau menganggap terdapat 'folk urbanites', iaitu, penghuni-bandar yang mempunyai gaya hidup yang relatifnya sederhana, dengan keluarga yang kukuh dan mempunyai orientasi komuniti. Mereka cenderung untuk beroperasi dalam nilai budaya Melayu, mengamalkan keagamaan, dan menggunakan sumber-sumber budaya yang asal dalam membina komuniti 'ala-kampung' dalam pekan atau bandar yang mereka duduki berasaskan kepada nostalgia kampung Melayu tradisional. Walau bagaimanapun diujahkan di sini bahawa walaupun cara kehidupan itu seakan-akan mengikut tradisi, tetapi pada dasarnya ialah adalah moden. Pada kenyataan ini beliau berkongsi dengan Clive Kessler (1992:133-57) yang menyatakan pandangannya bahawa apa yang muncul dan kelihatan sebagai 'tradisi' dalam masyarakat moden bandar 'pada dasarnya adalah baru, moden dan kotemporari – iaitu satu bentuk kotemporari'.

3.3.3 Komuniti pesisir pantai -- Kajian-kajian di Malaysia

Kajian komuniti adalah suatu kajian yang menarik untuk dilaksanakan. Ramai pengkaji di Malaysia, umumnya, dan juga di Asia, membangkitkan soal komuniti dalam pembangunan (S.Husin Ali 1964, Firth 1966, Dahlan dan Wan Hashim 1979, Shamsul 1986, Wong 1987, Ishak 1990, Mohkzani 2006, Abdul Rahman Embong, 2007). Antara perkara yang dibangkitkan ialah kajian komuniti di Asia termasuk

Malaysia menarik kerana dipercayai komuniti di Asia termasuk Malaysia masih mengekalkan ciri-ciri komuniti, misalnya, dari segi ikatan kekeluargaan kerana nilai-nilai Asia.

Daripada penelitian kepustakaan didapati di Malaysia, walaupun kajian tentang komuniti agak banyak, tetapi kajian khusus mengenai komuniti pesisir pantai secara relatifnya masih kurang. Kebergantungan hidup komuniti pesisir pantai ini terhadap alam semulajadi menyebabkan keadaan hidup dan persekitaran mereka mempunyai kelainan berbanding komuniti lain di Malaysia. Justeru, kajian ini cuba untuk mendalami dan meneliti kehidupan komuniti pesisir pantai dari aspek mobiliti sosial mereka, iaitu, apakah mereka mampu dan berupaya untuk keluar dari lingkaran? Mengapakah mereka ini masih terperangkap dalam lingkaran kemiskinan dan keterbelakangan? Serta bagaimanakah mereka ini boleh melakukan perubahan atau pergerakan itu?

Kajian Firth (1966: terbitan pertama 1945), adalah analisis terperinci tentang produktiviti, pemasaran dan agihan dalam komuniti nelayan Melayu yang dikaitkan dengan struktur dan nilai komuniti. Menurut Firth, masalah yang sukar dibentaras ialah berkait dengan masalah produktiviti. Ini kerana ia lazimnya berkait rapat dengan masalah meningkatkan pendapatan dan taraf kehidupan nelayan. Dalam tempoh 60 tahun, Firth (1939-40) menyatakan tiga faktor pengeluaran rendah nelayan, iaitu, ketiadaan penggunaan peralatan moden, sebahagiannya kerana sifat konservatif mereka sendiri, dan kerana kekurangan modal untuk meningkatkan keusahawanan mereka ke peringkat teknikal yang tinggi.

Kemudiannya, kajian susulan Firth pada 1963, iaitu, kira-kira 20 tahun kemudian, beliau menyatakan bahawa produktiviti melalui pendapatan nelayan masih rendah walaupun teknologi semakin baik dan kemudahan modal semakin meluas. Ini kerana, pada zaman tersebut, telah wujud satu kekuatan gerak kuasa ekonomi dalam pembentukan satu jenis masyarakat baru. Proses-proses ekonomi dikatakan memperluaskan jurang di antara para pengusaha kapitalis dengan para nelayan tidak berharta. Ini antara lain disebabkan oleh sistem ekonomi yang dilaksanakan ketika itu masih tidak dilandaskan dengan begitu ketara oleh rangkaian ikatan persanakan dalam sistem sosial tempatan (Firth, 1990).

Umumnya, keadaan ekonomi bagi keseluruhan komuniti nelayan di Perupok pada tempoh 60 tahun dahulu (1940) dan 40 tahun dahulu (1960), diakui Firth secara relatifnya adalah miskin (1990: 465). Namun, dari segi mobiliti sosial berlaku sedikit transformasi antara tahun 1940-an dengan tahun 1960-an, walaupun perkembangannya tidak begitu menonjol. Firth mendapati yang beberapa orang anak-anak komuniti ini yang berjaya sampai ke peringkat tinggi persekolahan serta berjaya menjawat jawatan tinggi dalam kerajaan. Mobiliti sosial dari aspek peningkatan taraf hidup melalui keadaan rumah kediaman juga puratanya lebih bermutu pada 1960-an berbanding dengan 1940-an.

Walau bagaimanapun, stratifikasi atau susun lapis masyarakat masih lagi tidak diperlihatkan wujud secara ketara. Komuniti ini masih berpegang kuat kepada tradisi tempatan, mempunyai satu rangkaian ikatan persanakan yang luas, di samping terdapatnya beberapa perbezaan yang kian bertambah dari segi kekayaan dan pelajaran tapi dengan budaya hidup yang masih seragam. Satu keadaan yang nyata

dikekalkan oleh komuniti ini ialah, dari segi pekerjaan yang polanya adalah sama dari tahun 1940-an dan tahun 1960-an. Sebanyak 73 peratus pekerjaan utama golongan lelaki bekerja nelayan pada 1963, adalah hampir sama pada 20 tahun dahulu pada tahun 1940-an, sebanyak 75 peratus. Namun, mobiliti sosial golongan pertengahan meningkat sedikit, iaitu, dari segi bilangan orang tengah dan pegawai-pegawai. Ini menurut Firth ialah satu perubahan yang selaras dengan aliran umum ke arah pemodenan ekonomi (Firth, 1990).

Selepas Perang Dunia Kedua, khususnya, pada masa sebelum dan selepas merdeka, Ungku Aziz meneruskan penelitian Za'ba mengenai kemiskinan, khususnya kemiskinan komuniti desa. Rumusan utama dari kajian Ungku Aziz ke atas golongan Melayu miskin di desa menunjukkan kemiskinan desa adalah disebabkan oleh dayausaha rendah, penindasan, kekurangan modal dan keadaan terbiar. Misalnya, dalam kajiannya di Beserah, Pahang pada 1950-an, khusus kepada komuniti pesisir pantai nelayan Melayu, hanya 30 peratus dari perahu dan pukut-pukat itu dimiliki oleh orang yang menggunakannya. Barang-barang modal yang besar dimiliki oleh pedagang ikan dan juragan yang di bawah penguasaan ekonomi pedagang ikan tertentu. Nelayan yang tidak memiliki alat pengeluaran, khususnya, perahu dan pukut terpaksa membayar sewa yang mengundang kepada pelbagai isu seperti penindasan dan pengabaian. Justeru, beliau menyatakan bahawa penghapusan kemiskinan Melayu harus bermula dengan menghapuskan penindasan, meninggikan dayausaha melalui pelajaran, pengenalan teknologi moden ke dalam kegiatan ekonomi desa dan membetulkan keadaan yang terbiar (Ungku Aziz, 1987).

Bagaimana pula dengan 'tingkat lingkaran kemiskinan dan kemuduran' yang melingkari komuniti pesisir ini pada 30 tahun kemudiannya, iaitu pada tahun 1980-an? Ishak (1990), menjalankan kajian pada 1978-80 untuk menganalisa proses perubahan sosial yang dialami oleh komuniti nelayan di Perupok, khususnya yang berlaku sejak tahun 1939-40 hingga tahun 1978-80. Antara yang utama ialah menganalisa proses transformasi sosial yang berlaku dalam masyarakat nelayan setelah keseluruhan ekonomi negara menjadi sebahagian daripada sistem ekonomi kapitalis dunia, dan modal serta teknologi moden meluaskan pengaruhnya dalam pelbagai sektor ekonomi negara. Satu fenomena sosial dikaji ialah melihat bagaimana kesan perkembangan tersebut terhadap proses pembezaan dan pembentukan kelas dalam masyarakat nelayan. Permasalahan yang menarik perhatian mendalam Ishak melalui kajiannya menerangkan mengapa sebahagian besar nelayan di negara ini masih hidup dalam kemunduran dan kemiskinan walaupun teknologi baru sudah diperkenalkan dan usaha membangunkan masyarakat nelayan telah dilaksanakan.

Umumnya, pada tahun 1980-an, menurut kajian Ishak, ekonomi Perupok masih lagi bergantung kepada perusahaan menangkap ikan, iaitu 57 peratus daripada 786 orang lelaki dewasa yang bekerja masih lagi bergantung kepada laut sebagai sumber rezeki, dengan 52 peratus bekerja sebagai nelayan, dan 5 peratus pekerjaan berkaitan perusahaan perikanan. Justeru, berbanding pada tahun 1940-an dan tahun 1960-an di Perupok dahulu, jelas bahawa peratusan penduduknya yang terlibat dalam perusahaan perikanan telah banyak berkurang. Antara faktor penyebab ialah tanaman tembakau memberi pulangan lebih lumayan, pencapaian yang tinggi dalam pendidikan memberi peluang memasuki jawatan awam, dan penghijrahan penduduk Perupok ke luar. Ini memperlihatkan telah berlakunya proses mobiliti sosial yang meningkatkan taraf

hidup komuniti pesisir pantai yang lebih baik berbanding 40 tahun dahulunya (Ishak, 1990).

Bagaimana pula dengan tingkat lingkaran kehidupan komuniti pesisir pantai yang terdiri daripada golongan nelayan? Adakah perkembangan teknologi dan modal memberi kesan yang positif dalam meningkatkan taraf hidup golongan nelayan ini?

Menurut Ishak, perkembangan teknologi dalam perusahaan perikanan pada tahun 1960-an dan tahun 1970-an menyebabkan kaum nelayan di kawasan ini memerlukan modal yang besar. Namun beliau mendapati, daripada 189 orang nelayan di Perupok pada tahun 1980-an, hanya 93 orang (49 peratus) memiliki bot dan pukak sendiri, 4 orang memiliki bot sahaja, dan 11 orang memiliki pukak sahaja. Jelas terdapat satu perbezaan yang amat ketara dari segi pemilikan modal dan alat pengeluaran, iaitu, dari 40 peratus nelayan tidak langsung mempunyai alat pengeluaran pada tahun 1940-an, meningkat kepada 67 peratus pada tahun 1960-an dan terus meningkat kepada 73 peratus pada tahun 1980-an. Ini menunjukkan bahawa ketidaksamaan agihan pendapatan di kalangan anggota masyarakat nelayan Perupok pada tahun 1978-80 sudah menjadi semakin meluas jika dibandingkan dengan keadaan pada tahun 1939-40 dan awal tahun 1960-an. Ini menyebabkan sebahagian besar golongan nelayan-pekerja di Perupok pada tahun 1980-an masih lagi hidup di bawah garis kemiskinan, terutamanya di kalangan nelayan yang bergantung sepenuhnya pada kegiatan laut untuk menyara diri dan keluarga (Ishak, 1990).

Daripada kajian Firth dan Ishak ini, mereka telah membahagikan kepada beberapa kategori sosio-ekonomi atau kelas penduduk Perupok. Pada tahun 1963, Firth

membahagikan komuniti Melayu kepada tiga. Pertama, kelas pemodal (golongan pemilik modal); kedua, kelas pekerja (golongan nelayan-pekerja dalam unit pukut jerut); dan ketiga, satu pertiga nelayan bekerja bersendirian (mempunyai bot atau perahu sendiri).

Ishak pada tahun 1978-80 pula, telah membahaginya kepada empat kategori. Pertama, tauke-pemilik (2 peratus) – sebahagian besar terdiri daripada bekas juruselam dan juragan peraih pukut takul dan pemilik pukut jerut; kedua, nelayan kaya (8 peratus) – terdiri daripada juruselam dan jongsolor pukut jerut; ketiga, nelayan sederhana (24 peratus) – terdiri daripada nelayan pantai yang menggunakan bot kecil dan alat penangkapan mereka milik sendiri; dan keempat, nelayan miskin (66 peratus) – merupakan golongan terbawah dan terbesar masyarakat Perupok yang tidak memiliki alat pengeluaran, bekerja sebagai awak-awak dan pendapatan sangat rendah. Justeru, Ishak menyatakan tiga bentuk perbezaan antara dua golongan, pemodal dan nelayan ialah dari segi pemilikan alat dan pendapatan, dicerminkan dalam bentuk rumah kediaman dan pemilikan barang tahan lama, dan pembezaan pemilikan harta selain bot dan pukut seperti tanah pusaka dan bentuk pelaburan.

Kajian oleh Kamaruddin (1981) di Kuala Perlis telah membahagikan golongan nelayannya kepada tiga, iaitu golongan pemodal, golongan nelayan kecil dan golongan pekerja upahan. Kajian kes di Kuala Perlis memperlihatkan bahawa perubahan mode pengeluaran tani kepada mode pengeluaran kapitalis telah berlaku. Walau bagaimanapun, oleh kerana beberapa ciri mode pengeluaran tani itu masih kekal, terumamanya kerana masih terdapat golongan nelayan kecil yang menjalankan kegiatan ekonomi secukup hidup, maka pembentukan mode pengeluaran kapitalis ini

masih belum lengkap. Tetapi, disebabkan mode pengeluaran kapitalis ini adalah dominan di peringkat nasional, maka perubahan selanjutnya akan, secara beransur-ansur melengkapkan transformasi ini (1981: 83).

Menurut Kamaruddin (1990) lagi, golongan nelayan kecil mungkin tidak akan dapat bertahan kerana modal dan pelaburan yang dikuasai oleh golongan pemodal akan merupakan kuasa terpenting yang akan melengkapkan transformasi ini. Akhir-akhirnya golongan nelayan kecil ini mungkin tidak akan berdaya untuk meneruskan kegiatan ekonomi secukup hidup apabila sumber-sumber hasil laut yang terdapat di pesisir pantai semakin pupus. Kajian beliau mendapati, masalah kemiskinan yang dihadapi oleh golongan nelayan ini berpunca dari masalah eksploitasi oleh orang-orang tengah dalam konteks ekonomi nelayan tradisional, kini telah digantikan dengan eksploitasi oleh golongan pemodal ke atas kedua-dua golongan nelayan kecil dan awak-awak.

Umumnya, kajian oleh Firth (1966) dan Kamaruddin (1981) cuba menunjukkan perubahan yang telah dialami oleh ekonomi dan komuniti nelayan itu dianggap mencerminkan suatu bentuk perubahan struktural, iaitu, dari mode pengeluaran tani kepada mode pengeluaran kapitalis.

Kajian Wan Hashim (1980), daripada perspektif antropologi sosial dan sosiologi, membuat generalisasi mengenai kedudukan sosio-ekonomi dan ketaksamaan yang wujud di kalangan komuniti nelayan di Pulau Pangkor. Tujuan utama kajian beliau ialah untuk memahami aktiviti menangkap ikan dengan secara lebih dekat meliputi organisasi pekerjaan, teknologi, pemasaran dan pembahagian pendapatan serta isu

sosial yang berkaitan dengan kehidupan komuniti nelayan berkenaan. Antara penemuan kajian beliau golongan pemilik modal yang menguasai ekonomi industri perikanan telah mengaut keuntungan berlipat ganda daripada golongan pekerja nelayan. Walaupun begitu, komuniti nelayan di Pulau Pangkor menurut beliau 'agak berada' sedikit daripada nelayan di kawasan lain. Justeru, beliau memberikan beberapa cadangan untuk meningkatkan taraf kehidupan komuniti ini, iaitu, dengan mempelbagaikan perusahaan perikanan, memberi bantuan bot, pukot dan enjin kepada nelayan, penguasaan pemasaran ikan dan memberi tanah untuk kerja sampingan (1980: 88).

Masalah kemiskinan dan kemunduran juga seringkali dikaitkan dengan masyarakat nelayan. Kajian oleh Abdul Malik Ismail et.al (1996), iaitu 'Kemiskinan Nelayan di Kawasan Pembangunan Nelayan (KPN) Pantai Timur Semenanjung Malaysia' memaparkan persoalan kemiskinan di kalangan nelayan yang masih merupakan masalah utama dalam sektor perikanan, terutamanya di Pantai Timur. Kajian kes dilakukan di tiga KPN pantai timur. Seramai 300 peserta KPN diambil sebagai responden kajian. KPN ialah program pembangunan bersepadu yang dijalankan oleh LKIM untuk memperbaiki keadaan sosio-ekonomi masyarakat nelayan. Hasil kajian mendapati program KPN telah lama berjalan namun kemiskinan semakin serius. Kemiskinan di kalangan nelayan masih menjadi masalah utama dalam sektor perikanan. Antara ciri kemiskinan yang dikenalpasti ialah saiz isi rumah dan tanggungan yang besar, taraf pendidikan yang rendah, keadaan rumah tidak memuaskan, kurang pemilikan harta modal, tiada atau kurang menikmati kemudahan asas dan tiada atau sedikit simpanan. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan program KPN kurang berkesan kerana didapati tidak banyak kejayaan yang boleh

dibanggakan di kawasan yang terlibat dan tidak kelihatan perbezaan yang ketara dalam taraf hidup antara nelayan di KPN dengan nelayan di kawasan bukan KPN.

Kajian mengenai keberkesanan Kawasan Pembangunan Nelayan (KPN) sebagai satu strategi pembangunan telah dilakukan oleh Tengku Mahmud Mansor melalui tesis Ph.Dnya pada tahun 1994 dengan tumpuan di Setiu, Terengganu. Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengkaji dan menganalisis proses transformasi sosial yang berlaku dalam masyarakat nelayan setelah keseluruhan ekonomi negara menjadi sebahagian daripada sistem ekonomi kapitalis dunia. Di samping itu kajian ini cuba mengesan sejauhmana perubahan teknologi telah berlaku dalam perusahaan perikanan di Setiu dan peranan yang dimainkan oleh Kerajaan dalam mengurangkan jurang perbezaan yang terdapat di dalam masyarakat nelayan yang dikaji akibat proses transformasi sosial yang berlaku. Seramai 482 orang ketua keluarga nelayan dipilih sebagai responden kajian.

Umumnya, kajian ini mendapati usaha yang dijalankan oleh KPN di Setiu selama 10 tahun untuk mengurangkan kemiskinan di kalangan nelayan tidak menampakkan kejayaan yang memuaskan. Kajian menunjukkan masih terdapat 73.45 peratus daripada nelayan yang dikaji berpendapatan kurang dari RM300 sebulan. Walaupun banyak peruntukan yang dikeluarkan menerusi skim kemudahan kewangan dan bantuan subsidi kepada nelayan, tetapi golongan pekerja khususnya awak-awak tidak menerima faedah daripada pembangunan kerajaan. Dari segi menggalakkan pertumbuhan industri perikanan, KPN pada dasarnya kurang berjaya membawakan teknologi tersebut yang boleh meningkatkan perkembangan industri perikanan di Setiu (Tengku Mahmud Mansor, 1994).

Satu lagi kajian tentang sosio-ekonomi nelayan termasuk isu kemiskinan telah dijalankan di Johor oleh satu pasukan penyelidik yang dilantik oleh Biro Rundingan dan Inovasi, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1997 diketuai oleh Ishak Shari dan Abdul Rahman Embong atas permintaan Kerajaan Negeri Johor. Matlamat utama kajian ini adalah untuk memahami kedudukan masyarakat nelayan serta kesan yang sedang mereka alami akibat proses pembangunan ekonomi yang pesat di negeri Johor pada masa itu. Seramai 758 isirumah nelayan diseluruh negeri Johor diambil secara rambang sebagai responden kajian. Berbeza dengan keadaan nelayan di Terengganu di mana kadar kemiskinan lebih tinggi, kadar kemiskinan di kawasan nelayan Johor didapati rendah.

Sungguhpun kadar kemiskinan di kawasan nelayan didapati rendah, namun data agihan pendapatan di kalangan nelayan menunjukkan bahawa masih banyak isirumah nelayan yang berpendapatan kurang daripada RM1000 sebulan: 79.2 peratus di Mersing, 41.8 peratus di Sedili, 38.9 peratus di Muar, 31.3 peratus di Pengerang, 30.7 peratus di Johor Bahru, 28 peratus di Batu Pahat, 27 peratus di Pontian dan 21.7 peratus di Endau. Dengan mengambil kira kos hidup di Johor yang secara relatifnya lebih tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia, maka boleh dikatakan kehidupan golongan ini yang sebahagian besarnya mendapat pendapatan kasar yang melebihi pendapatan garis kemiskinan, masih dalam kesempitan. Sementara itu, data pendapatan nelayan Johor ini jelas menunjukkan bahawa sektor perikanan merupakan sektor yang boleh membawa pulangan yang lumayan dengan tiga syarat. Pertama, kawasan perairan masih luas dan kaya raya dengan sumber perikanan dan tidak dicemari. Kedua, teknologi penangkapan ikan nelayan itu sendiri. Ketiga, kedudukan

sosio-ekonomi nelayan lebih tinggi jika mereka memiliki bot dan alat tangkapan mereka sendiri (Ishak dan Abdul Rahman, 1997: 13).

Pada tahun 2000-an, satu penyelidikan tentang IPC (island and peripheral communities) telah dilakukan sepasukan penyelidik dari Universiti Malaysia Terengganu (2007). Mereka menjalankan satu ekspedisi ke Kuala Besut pada September 2005 untuk memahami aspek-aspek kehidupan komuniti nelayan di Besut. Agenda utama kajian adalah untuk meningkatkan kesedaran kerajaan dan orang awam tentang pentingnya alam sekitar, ekologi, pembangunan mapan dan juga penghidupan mapan. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan di sepanjang tempoh ekspedisi termasuklah menemuramah inividu, kumpulan, kakitangan agensi kerajaan, NGO, lawatan ke kawasan perumahan dan tempat aktiviti ekonomi dijalankan, pemerhatian dan pengumpulan maklumat daripada rekod-rekod yang tersimpan.

Dari aspek budaya dan perubahan sosiobudaya komuniti dapat dikesan bahawa pola pemikiran komuniti di Kuala Besut adalah berkisar di sekitar aktiviti harian sahaja seperti bagaimana mereka boleh mendapat wang bagi perbelanjaan makan, minum serta beberapa perbelanjaan lain termasuk anak ke sekolah. Para pengkaji kumpulan ini mengandaikan faktor yang menjadikan mereka sukar untuk keluar daripada kemiskinan walaupun kadang-kadang mereka memperoleh pendapatan harian yang lumayan ialah pola pemikiran mereka yang tidak memandang jauh ke hadapan dan mereka boros berbelanja. Berapa banyak pun pendapatan harian yang mereka peroleh, mereka akan menghabiskan pada hari itu juga kerana tidak ada perancangan masa depan. Nilai dan sikap nelayan ke atas pekerjaan sebagai nelayan agak negatif. Sebahagian besar ketua keluarga mahu anak-anak mereka 'keluar dari lingkaran'

untuk tidak bekerja sebagai nelayan. Generasi muda di Kuala Besut ramai yang tidak lagi cenderung untuk menjadi nelayan (Ibrahim dan Nor Hayati, 2007: 13-17).

Satu lagi kajian meliputi kawasan pesisiran pantai Kemaman-Dungun di negeri Terengganu dijalankan oleh Katiman Rostam et.al (2006). Kajian ini bertujuan memeriksa dan menjelaskan corak perubahan ruang sosial-ekonomi koridor pembangunan termasuk aspek ruang yang berkaitan dengan demografi, ekonomi, sosial, politik, bandar kecil dan persekitaran fizikal. Kajian ini bukan khusus kepada komuniti pesisir tetapi penemuannya menunjukkan komuniti nelayan semakin kecil. Sebanyak tiga kaji selidik telah dijalankan di kawasan kajian.

Kaji selidik dilakukan di petempatan utama sekitar Kemaman, Dungun, Paka, Kerteh, Kemasik, Kijal dan Chukai. Kaji selidik pertama dilakukan pada 2002 dengan 334 responden ketua isirumah bertujuan untuk melihat perubahan sosio-ekonomi khususnya daripada segi ekonomi, sikap, budaya penggunaan perkhidmatan dan waktu senggang, kesedaran dan partisipasi politik kepartian dan hal-hal berkaitan. Kaji selidik kedua dilakukan di koridor ini pada 2003 dengan 400 ketua isi rumah bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang gaya dan kualiti hidup penduduk kawasan berkenaan. Gerakan kaji selidik yang ketiga pula bertujuan untuk melihat latar belakang perniagaan di kalangan pengusaha yang aktif di bandar kecil di koridor tersebut.

Hasil kajian ini mendapati bandar kecil yang dahulunya terkenal sebagai pusat perikanan, perlombongan dan pertanian, sebahagiannya kini telah berubah menjadi pusat perindustrian dan perkhidmatan. Kemaman, Kerteh dan Paka adalah pusat yang

mengalami perubahan yang ketara. Pengeluaran petroleum dan gas asli di luar pantai negeri Terengganu menjadi mangkin kepada perubahan fungsi dan peranan pusat-pusat tersebut. Perkembangan sektor perlombongan dan pembuatan telah mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak. Kemerosotan sektor tradisional, pertanian termasuk perikanan dan ternakan amat ketara sekali. Bilangan para petani dan nelayan yang bergiat dalam aktiviti berkenaan semakin merosot, bukan sahaja kerana kekurangan tenaga muda yang mahu meneruskan usaha ekonomi tradisional itu tetapi juga kerana tawaran upah dalam sektor moden, khususnya pembuatan dan pelancongan lebih menarik. Tambahan pula, sumber perikanan kian merosot akibat banyak kawasan pantai yang terjejas oleh kegiatan pembinaan dan perlombongan.

Pengurangan kadar kemiskinan juga telah dicapai dengan banyak. Dengan menggunakan pendapatan garis kemiskinan sebanyak RM450 sebulan, analisis data pendapatan isirumah responden yang dikaji menunjukkan isirumah miskin hanya terdiri daripada 5.5 peratus sahaja. Salah satu punca peningkatan keupayaan penduduk memperoleh pendapatan tinggi ialah terdapatnya perubahan struktur pendapatan ketua isi rumah hasil daripada perubahan struktur pekerjaan daripada berorientasikan tradisional kepada moden. Keupayaan berpendapatan relatif tinggi telah diakui sendiri oleh hampir 75 peratus penduduk yang mengatakan kesan pembangunan perindustrian di kawasan mereka telah memberi peluang pekerjaan kepada penduduk dan memperbaiki pendapatan mereka (Katiman et al, 2006).

Kajian mengenai komuniti pesisir pantai dari perspektif ekonomi telah dilakukan juga oleh Loganathan, Fauziah dan Mohd Najit Sukemi, (2006). Mereka membuat analisis satu dimensi kehidupan komuniti yang mendiami kawasan pesisir pantai dari aspek

“Penggunaan Marginal Komuniti di Besut, Terengganu”. Sebanyak 355 orang responden telah menjadi sampel kajian. Tumpuan kajian mereka berkenaan tiga skop utama, iaitu, skop latar belakang sosial, pola perolehan dan pola agihan perbelanjaan isi rumah secara bulanan. Hasil keputusan kajian menunjukkan bahawa wujudnya ketidakseimbangan paras penggunaan marginal (MPC) berasaskan kelompok usia dan gender di pesisir pantai daerah Besut. Secara umumnya, kajian mendapati komuniti persisir pantai daerah Besut mempunyai keunikannya yang tersendiri dari aspek tingkat perolehan dan penggunaan. Ini disebabkan pelbagai faktor, antaranya adalah kos hidup yang rendah serta mempunyai sikap ‘cukup makan’ atau ‘cukup hidup’ di kalangan isi rumah yang menjadi sampel kajian. Kajian ini juga mendapati komuniti ini masih dibelenggu pelbagai insiden sosial seperti kemiskinan dan tingkat perolehan yang rendah.

Kajian oleh Nik Wan, Mohd Shaladdin dan Wan Abd Aziz (2006) mengenai kesejahteraan hidup nelayan pesisir di Kuala Terengganu juga telah menunjukkan dapatan kajian yang ‘kurang memberangsangkan’ dalam komuniti ini. Dengan menggunakan 204 orang responden, aspek kesejahteraan hidup nelayan itu telah diukur melalui empat dimensi, iaitu, profil atau atribut nelayan, peranan kerajaan, peranan komuniti dan faktor demografik. Hasil kajian mendapati tahap kesejahteraan yang berpaksikan diri mereka sendiri adalah rendah. Manakala tahap kesejahteraan yang berasaskan peranan yang harus dimainkan oleh kerajaan berada pada tahap sederhana. Secara umumnya, kajian ini mendapati tahap kesejahteraan hidup nelayan pesisir pantai di daerah Kuala Terengganu, khususnya, berada di tahap rendah.

Selain daripada kajian komuniti pesisir yang memberi tumpuan kepada aspek pembangunan ekonomi dan sosial, kajian oleh Madihah dan Mohd Zulfadli (2006) mendekati kajian dari perspektif psikologi dengan menyentuh faktor profil personaliti komuniti pesisir pantai. Kajian ini menggunakan 100 orang responden daripada Kampung Seberang Marang Terengganu. Objektif utama kajian mereka ialah untuk membangunkan satu profil personaliti komuniti pesisir dan pulau dengan menggunakan satu set soalselidik mengenai latar belakang peribadi dan *Sidek Personality Inventory* (SPI, 1998). Hasil kajian mendapati komuniti pesisir umumnya mempunyai skor yang tinggi pada autonomi, pergantungan, daya ketahanan, sifat suka membantu dan skala *extrovert*. Akan tetapi umumnya mempunyai skor yang rendah pada ciri-ciri analitik, intelektual, skala *introvert* dan kawalan.

Umumnya, kajian yang dilakukan dan diterbitkan secara khusus mengenai komuniti pesisir pantai secara lebih mendalam masih tidak banyak. Sepertimana dinyatakan di atas, kajian Firth (1945) dan Ishak (1990), lebih secara khusus mengenai komuniti nelayan yang lebih banyak berkisar tentang persoalan ekonomi nelayan yang menjurus kepada kepentingan modal dan pengeluaran untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat. Umumnya, kajian mereka mamperlihatkan komuniti pesisir pantai pada zaman tersebut mempunyai ciri sosioekonomi yang homogen, iaitu bekerja sebagai nelayan adalah sumber pendapatan utama.

Kekurangan modal, kemahiran dan teknologi antara faktor penyebab taraf hidup mereka yang masih rendah adalah halangan utama dalam komuniti pesisir pantai. Kajian Firth sendiri lebih kurang 60 tahun dan, Ishak lebih kurang 30 tahun dahulu telah merekodkan permasalahan ini. Begitu juga kajian-kajian terkini menunjukkan

bahawa secara keseluruhan komuniti pesisir pantai, khususnya di Terengganu masih berada pada taraf hidup yang rendah, yang disebabkan oleh antara lainnya, oleh sikap diri individu itu sendiri dan juga dipengaruhi oleh peranan kerajaan yang masih kurang memberikan kemudahan prasarana yang baik. Permasalahan penyelidikan ini juga yang menjadi tumpuan dalam kajian ini.

3.3.4 Komuniti pesisir pantai dan mobiliti sosial -- kajian di luar Malaysia

Satu kajian di pantai timur Sumatera Utara oleh Yuris Danil Wan (2007) adalah satu percubaan untuk memahami permasalahan pembangunan sesebuah negara dan perkaitannya dengan isu-isu perubahan sosial, kemiskinan, perumahan dan petempatan. Sejumlah 373 orang diambil sebagai responden kajian. Antara objektif kajian ini ialah untuk melihat sejauhmanakah aspek persekitaran fizikal sebagai faktor penghalang dalam penyertaan komuniti nelayan berpindah dan menyertai perumahan dan petempatan moden. Ia juga melihat apakah orientasi sosiobudaya kehidupan nelayan tradisional yang menjadi penghalang penyertaan sosial komuniti dalam pembangunan perumahan dan petempatan moden.

Hasil kajian mendapati sebahagian masyarakat yang perubahan sosiobudaya rendah mempunyai hubungan dengan hasil pembangunan sosioekonomi dan sosial juga rendah. Kajian juga mendapati sikap nelayan terhadap kerja keras merupakan faktor pendorong kepada perubahan sosiobudaya nelayan. Faktor kurang membaca akhbar dan mendengar berita di radio sebagai media untuk menambah pengetahuan didapati menjadi salah satu faktor penghalang terhadap perubahan kehidupan nelayan.

Umumnya, pengkaji menyatakan, walaupun usaha pemerintah Indonesia adalah pragmatis tapi perencanaan yang tempang tanpa mengambilkira keadaan fizikal dan orientasi sosiobudaya tempatan telah menjadikan komuniti nelayan terus terpinggir. Nilai-nilai sosiobudaya tempatan tidak diambilkira dalam perancangan pembangunan perumahan dan petempatan. Komuniti nelayan tradisional tidak pernah diambil pandangan mereka tentang keutamaan yang bersangkutan dengan keadaan kehidupan sosial mereka. Dasar pembangunan 'top down' atau aspek penitisan ke bawah tidak berlaku walaupun pemerintahan Indonesia berbelanja besar untuk memajukan masyarakat luar bandarnya (Yuris Danil Wan, 2007). Ini menunjukkan pentingnya menggunakan perspektif 'dari bawah ke atas' dalam pembangunan.

Kajian mobiliti sosial di komuniti kampung di Filipina dijalankan antara lain oleh Nobuhiko Fuwa (1999). Kajian beliau tertumpu kepada sumber-sumber mobiliti di kalangan isirumah dengan fokus kepada pemilikan harta isirumah untuk jangka masa panjang. Masyarakat kampung ini dibahagikan kepada empat kelas sosioekonomi, iaitu, tuan punya tanah kecil, petani penyewa, pekerja sambilan yang tidak mempunyai tanah, dan pekerja tetap. Kategori kelas adalah berdasarkan tahap keluasan tanah pertanian dan jenis pekerjaan yang memberikan pendapatan utama kepada isirumah.

Kajian ini menunjukkan perubahan struktur kelas telah berlaku dalam tiga dekad ini. Secara keseluruhan, didapati tahap bergantung kepada sektor pertanian sebagai mata pencarian di kalangan isirumah kampung telah sangat berkurang semenjak 30 tahun lalu. Perubahan kelas struktur masyarakat kampung ini adalah hasil daripada mobiliti, migrasi dan pembubaran dan pembentukan isi rumah. Kajian mendapati dari tahun

1962 hingga 1981, majoriti isi rumah tidak dapat bergerak melintasi sempadan kelas. Walau bagaimanapun di sepanjang tahun 1981-94, kemungkinan peralihan untuk kekal sama pada kelas masing-masing adalah pada skala kecil, kecuali kelas pekerja tetap.

Nyatanya di sini, kelas pekerja tetap adalah kelas yang paling stabil, iaitu, apabila isi rumah mencapai kedudukan kelas ini, kemungkinan untuk mereka turun ke kelas bawah adalah kurang berbanding dengan isi rumah di strata bawahan. Antara strategi yang digunakan untuk meningkatkan kelas mobiliti di kalangan penduduk kampung ialah melalui strategi memajukan bidang pertanian, misalnya dengan mempeluaskan lagi operasi penyewaan tanah.

Kajian menunjukkan kebanyakan mereka dari kelas 'petani penyewa' yang sangat komited seperti menjadi lebih progresif dan cenderung membuat pembaharuan berjaya untuk bergerak atau mengalami mobiliti keatas. Strategi seterusnya ialah dengan meningkatkan modal manusia. Mereka yang memiliki tahap pendidikan sekurang-kurangnya lulusan kolej, lebih berupaya untuk memperoleh pendapatan terjamin melalui pekerjaan tetap dalam sektor bukan pertanian, seperti kerja sebagai guru sekolah. Sementara itu, ramai isi rumah telah memberi maklum balas melalui strategi migrasi sementara, dengan merebut peluang ekonomi luar dari kampung halaman dengan mengatur kedudukan tenaga kerja isi rumah, terutamanya tenaga muda di kota Manila, dan kadang kala ke luar negara (Nobuhiko Fuwa, 1999).

Ringkasnya, kajian ini mendapati pendidikan mempunyai kesan yang positif kepada mobiliti ke atas (upward mobility) sama ada dalam sektor pertanian dan bukan

pertanian. Perkembangan ekonomi makro mempunyai kesan yang positif kepada mobiliti ke atas dalam sektor bukan pertanian. Justeru, kajian ini menegaskan pentingnya modal manusia dan faktor struktural untuk mobiliti sosial. Penelitian kepada kedua-dua aspek ini juga turut menjadi tumpuan kajian ini.

3.4 PERSOALAN MOBILITI SOSIAL

Dalam masyarakat moden, pendidikan telah menjadi faktor atau saluran utama untuk berlakunya mobiliti sosial dan ini disokong oleh hasil kajian yang menunjukkan hubungan rapat antara pendidikan dan struktur pekerjaan. Ini ditunjukkan dalam kajian Tumin dan Feldman (1961: 44) mengenai kelas sosial di Puerto Rico, di mana beliau mendapati yang pendidikan mempunyai hubungan yang sangat tinggi dengan pendapatan dan pekerjaan. Semakin tinggi tahap pendidikan yang dicapai, lebih tinggi kedudukan dalam pekerjaan, dan juga lebih besar kadar pendapatan tahunan yang diterima. Malahan, tahap pendidikan seseorang itu berupaya menyediakan satu ramalan yang baik tentang kedudukannya ditingkat kekayaan, prestij dan kuasa dalam masyarakat.

Selain faktor pendidikan, peranan asal usul keluarga juga memainkan peranan kepada mobiliti sosial. Blau dan Duncan (1967) dalam satu kajian menyeluruh mengenai struktur pekerjaan masyarakat di Amerika, merumuskan bahawa dalam sebuah negara yang sangat maju membangun dan masyarakat barat yang kompleks seperti Amerika, peranan pendidikan bukanlah sebagai faktor utama untuk meletakkan seseorang itu dalam skala pekerjaan. Ini kerana faktor asal usul sosial seseorang individu boleh memainkan peranan yang lebih besar mempengaruhi pencapaian pendidikan

seseorang itu. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa tahap pendidikan itu tidak mempunyai hubungan yang positif dengan mobiliti. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa sememangnya status bapa itu memberi kesan kepada bakal status anak mereka selain daripada pendidikan.

Satu siri kajian komuniti mengenai 'Yankee City' di Amerika Syarikat telah dijalankan oleh Warner, Lunt dan Srole pada 1930-an dan terbit pada 1940-an dengan tumpuan pada struktur, stratifikasi dan fungsi sosial komuniti berkenaan (lihat Warner dan Lunt, 1941 serta Warner dan Srole, 1945). Mereka telah membina satu Indeks Ciri Status yang berasaskan kriteria seperti pendidikan, tempat tinggal, pendapatan, dan latar belakang keluarga. Sumbangan khusus Warner dan rakan-rakannya ialah pembinaan struktur kelas berdasarkan ukuran subjektif. Pandangan mereka khususnya Warner berbeza dengan Marx. Warner lebih bergantung kepada kriteria stratifikasi yang 'subjektif', iaitu, bagaimana ahli-ahli komuniti melihat keadaan mereka, misalnya tentang jumlah pendapatan yang diterima. Berdasarkan hasil kajiannya juga, Warner mengemukakan model enam kelas di Amerika, iaitu, kelas atasan tinggi, kelas atasan rendah, kelas pertengahan tinggi, kelas pertengahan rendah, kelas bawahan tinggi dan kelas bawahan rendah.

Sementara itu, satu kajian oleh Wegren, O'Brien dan Patsiorkovski (2006) mengenai mobiliti sosial di luar bandar Rusia daripada 1995-2003 sangat menarik untuk dibincangkan. Kajian mereka menggunakan panel data survei daripada tiga buah kampung masyarakat Rusia untuk menilai mobiliti sosial luar bandar di Rusia selepas keruntuhan pemerintahan komunis. Kajian mendapati yang mobiliti sosial luar bandar yang kotemporari ini adalah berbeza daripada yang wujud semasa zaman

Soviet. Tumpuan analisis kajian ini ialah kepada mobiliti pendapatan, ke atas dan ke bawah di dalam sektor desa. Dengan lain perkataan, “mobiliti sosial” kajian ini merujuk kepada pergerakan ke atas dan ke bawah skala pendapatan, iaitu, skala yang telah diambil kira untuk menunjukkan perubahan dalam pendapatan isi rumah di sepanjang 1995-2003.

Persoalan utama yang mereka kemukakan ialah sama ada perbezaan dan hasil keputusan mobiliti sosial adalah disebabkan oleh faktor struktural, faktor modal manusia, faktor tingkahlaku, atau kombinasi di antaranya. Ukuran faktor modal manusia ini termasuk saiz isirumah, jumlah tenaga buruh yang berkeupayaan dalam isirumah, dan jaringan sosial. Sementara, penilaian reaksi/faktor tingkahlaku, didefinisikan sebagai tindakan yang melibatkan tingkahlaku. Ukuran yang digunakan pada reaksi tingkahlaku termasuk saiz pada plot tanah isirumah dan plot tanah yang disewakan, jumlah tanah yang dimiliki, perubahan/pertukaran dalam jumlah keseluruhan tanah yang dimiliki, lembu ternakan yang dimiliki oleh isirumah dan jumlah pada daging yang dijual. Untuk memaksimumkan kemungkinan kepada kesignifikanan secara statistik, maka semua isirumah yang bergerak ke bawah kepada pendapatan rendah dikelompokkan bersama, dan semua isirumah yang bergerak ke atas kepada pendapatan tinggi dikelompokkan bersama.

Ringkasnya, hasil kajian mendapati yang faktor struktural seperti lokasi kawasan telah muncul untuk memberi kesan yang positif pada prospek masa depan untuk mobiliti sosial di desa. Faktor modal manusia dan tingkahlaku juga memberi pengaruh kepada penyebab mobiliti sosial sama ada isirumah yang mengalami mobiliti ke bawah atau ke atas disepanjang 1995-2003. Kajian juga mendapati maklumbalas tingkahlaku

seperti peningkatan dalam jualan daging dan bilangan ternakan lembu memberikan kesan dan sumbangan yang positif kepada mobiliti ke atas (Wegren, O'Brien dan Patsiorkovski, 2006).

Secara umumnya, antara perkara yang dapat disimpulkan daripada kajian terdahulu tentang faktor-faktor yang boleh mempengaruhi atau pun menghalang mobiliti sosial ialah :

- (1) Pencapaian tahap pendidikan;
- (2) Keluarga dan strategi keluarga untuk menyokong anak-anak, termasuk dari segi penyediaan kewangan dan modal sosial, serta aspek nilai dan tingkahlaku melalui hubungan sosial yang dibentuk;
- (3) kemiskinan zaman kanak-kanak yang dihubungkan dengan perkembangan psikologi dan tingkahlaku;
- (4) faktor ekonomi
- (5) peranan faktor keupayaan, sama ada diwarisi secara genetik atau melalui proses sosialisasi, juga didapati antara faktor penentu kepada mobiliti sosial telah banyak dibincangkan.

3.5 WACANA TENTANG MODAL MANUSIA, MODAL SOSIAL DAN FAKTOR STRUKTURAL

Teori modernisasi mengetengahkan pandangan bahawa budaya dan penggunaan modal manusia menjadi asas kejayaan sesebuah masyarakat. Misalnya, Levy (1967), hasil modenisasi mewujudkan secara relatifnya masyarakat moden mempunyai ciri-ciri seperti darjah pengkhususan yang tinggi dan organisasi yang saling bergantung, norma budaya yang rasional, kesejagatan dan fungsi yang spesifik, darjah pemusatan

yang tinggi, relatifnya sangat menekankan kepada peredaran pasaran dan kewangan, perlunya untuk memisahkan birokrasi daripada konteks lain-lainnya, dan pengaliran dua hala perkhidmatan dan barangan antara bandar dan kampung (So, 1990:25). Ini bermakna pendidikan dan ekonomi mempunyai perkaitan yang sangat rapat, tetapi ia turut dipengaruhi oleh budaya yang mengikat sesuatu masyarakat. Sistem pendidikan menyediakan modal manusia dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk usaha perkembangan ekonomi dan pembangunan sesebuah masyarakat.

Bagi Harrison dan Huntington (2000), budaya didefinisikan istilah subjektif sebagai satu nilai, sikap, kepercayaan, orientasi, dan yang menjadi dasar atau yang mendasari anggapan dan tanggapan yang tersebar luas di kalangan individu dalam sesebuah masyarakat itu.

Menurut Porter, pengolahan tentang peranan budaya dalam kemajuan ekonomi cenderung ditumpukan kepada sifat-sifat budaya generik yang diperlukan seperti kerja kuat, daya usaha, percaya kepada nilai sebuah pendidikan, serta kecenderungan untuk melabur dan membuat simpanan. Beliau menyatakan, bahawa masalah kemiskinan boleh diatasi dengan meningkatkan modal manusia, membaikpulih dan meningkatkan kualiti infrastruktur, membuka lebih peluang kepada perdagangan dan pelaburan asing, melindungi pemilikan intelektual, meningkatkan standard kawal atur untuk menekankan penambahbaikan pada kualiti produk dan impak persekitaran, dan meluaskan lagi integrasi regional (Harrison dan Huntington, 2000). Dalam konteks ini ia memperlihatkan bahawa budaya itu boleh mempengaruhi pembinaan modal manusia yang berkualiti tinggi sebagai faktor penyumbang untuk keluar dari lingkaran budaya kemiskinan komuniti pesisir ini.

Sementara, sarjana seperti Batten (1957) dan Mezirow (1960) menekankan aspek modal manusia melalui pembentukan kualiti dan potensi diri dalam komuniti itu sendiri. Umumnya, menurut pandangan mereka, teras prinsip pembangunan komuniti itu ialah pembentukan semangat dan amalan berdikari (self-reliance), keazaman diri (self-determination), jaya diri (self-help), daya juang dan daya tahan di kalangan ahli komuniti. Kesemua ini merupakan kualiti individu pada ahli-ahli komuniti yang dijayakan bersama pembangunan. Rasionalnya, individu atau ahli komuniti yang mempunyai kualiti dan potensi diri secara kolektif boleh mempengaruhi perubahan dan memberi kesan kehidupan komuniti mereka.

Modal sosial pula adalah satu konsep yang semakin kerap dibincang, didebatkan serta dikembangkan oleh ahli-ahli sains sosial untuk memberikan kefahaman yang lebih mendalam tentang masyarakat dan pembangunan, khususnya sekitar awal 1990an. Namun begitu, orang yang pertama dikenalpasti menggunakan istilah 'modal sosial' ialah Lyda Judson Hanifan pada 1916 untuk menerangkan tentang pusat komuniti di sekolah luar bandar. Kemudian ia juga telah digunakan oleh Jane Jacob (1961) dalam buku klasiknya 'The Death and Life of Great American Cities' di mana beliau menerangkan kepadatan jaringan sosial yang telah muncul lama dahulu yang menjadikan kejiranan di bandar sebagai modal sosial yang menggalakkan kewujudan keselamatan orang ramai. Seorang ahli ekonomi, Glenn Laury, dan seorang ahli sosiologi Ivan Light, telah menggunakan istilah 'modal sosial' pada 1970an untuk menganalisis masalah pembangunan ekonomi dalam bandar di kalangan golongan masyarakat Afro-Amerika yang mengalami kekurangan ikatan kepercayaan dan

kekurangan hubungan sosial di dalam komunitas mereka sendiri (Harrison dan Huntington, 2000).

Selain daripada penulis-penulis di atas, konsep modal sosial telah mula diperkukuhkan dengan mengambil ‘bentuk atau wajah’ masa kini dan diperkembangkan dengan lebih meluas oleh pengkaji-pengkaji kontemporari seperti James S. Coleman (1988); Robert Putnam (1993); Peter Evans (1996); Pierre Bourdieu (1983); Ronald S. Burt (2000), Francis Fukuyama (1999; 2000), dan Alejandro Portes (1998); Michael Woolcock (1998); dan Michael Woolcock dan Deepa Narayan (2000).

Walaupun terdapat jejak yang berlainan pada konsep ini di awal penulisannya, tetapi analisis tentang modal sosial pada peringkat makro selalunya dikaitkan dengan Robert Putnam (1993) yang membawa kefahaman tentang modal sosial sebagai semua ciri-ciri yang perlu ada pada sesebuah organisasi sosial seperti jaringan individu atau isirumah dan kaitannya dengan norma dan nilai yang mewujudkan *externalities* kepada sesebuah komunitas sebagai satu keseluruhan. James Coleman (1990) pula telah meluaskan dan melengkapkan lagi unit tinjauan dengan memperkenalkan komponen menegak (vertical) di peringkat ‘meso’ melalui interpretasi beliau kepada modal sosial. Beliau menyatakan hubungan di kalangan kumpulan itu adalah lebih baik daripada hubungan secara individu.

Umumnya, melalui penelitian secara konseptual ini memperlihatkan hubungan yang kukuh dan saling melengkapi antara hubungan modal sosial di peringkat mikro, dan juga makro yang mana kewujudan bersama boleh memaksimumkan impak modal sosial

ke atas pembangunan sosial dan ekonomi. Justeru, bagaimanakah impak modal sosial dalam pembangunan melalui saluran-salurannya pada peringkat isirumah, komuniti dan nasional daripada aspek kajian empirikal?

Dalam analisis Krishna (2000a, 2000b) dan Uphoff (1996) tentang lembangan (*watershed*) di Rajasthan menggambarkan bagaimana petani menggunakan tindakan secara berkumpulan (*collective action*) untuk mengurus sumber umum secara berkesan. Penulis-penulis ini telah mengasingkan faktor sosial yang diambilkira untuk tahap kejayaan ke atas pemerhatian 64 buah kampung dengan responden sebanyak 2,397 isi rumah di Rajasthan, India. Mereka membangunkan indeks modal sosial yang menyatukan faktor-faktor kognitif dan sturktural yang representatif dengan persekitaran sosial di kawasan/wilayah itu (seperti dimensi-dimensi jaringan informal, peranan yang telah mantap, solidariti dan saling percaya). Mereka kemudian menunjukkan yang indeks ini, bersama dengan literasi dan persaingan dalam politik, telah mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan kedua-duanya, iaitu, pengurusan lembangan dan hasil kemajuan yang meningkat. Mereka juga mendapati bahawa ciri-ciri demografi dan profil/atribut isi rumah seperti pendidikan, harta, status sosial tidak secara sistematik berkaitan dengan tahap modal sosial di dalam isi rumah itu. Sebaliknya, beberapa atribut komuniti yang berkaitan dengan penglibatan sebagai satu pengalaman dalam mengurus komuniti didapati secara positif memberi kesan kepada indeks modal sosial. Peningkatan yang besar dalam modal sosial berlaku di mana kepercayaan dalam penglibatan adalah dikuatkuasa melalui kewujudan undang-undang yang jelas dan secara adil dilaksanakan (Grootaert dan Bastelear, 2002).

Dalam kajian kes Fafchamps dan Minten (1998a,1998b) pula mencadangkan yang modal sosial kognitif, seperti dalam bentuk kepercayaan yang muncul daripada hubungan peribadi, boleh meningkatkan pendapatan pedagang hasil pertanian dan keluarga mereka. Kajian ini dilakukan pada 1997 dengan menggunakan 850 pedagang untuk fasa pertama (Mei-Ogos 1997), dan 729 daripada responden ini semula untuk fasa dua (September-November, 1997). Tumpuan kajian ialah ke atas ciri-ciri dan aturan pada seseorang pedagang, serta pelaksanaan dan pengendalian dalam sesebuah sektor perdagangan pertanian. Kajian ini menunjukkan yang para pedagang di Madagascar mendapati faktor perhubungan sebagai faktor yang paling tinggi dari aspek kepentingan untuk berjaya dalam perniagaan, berbanding faktor lain seperti harga input dan output, kemudahan dalam kredit/pinjaman atau peralatan. Penemuan kajian mereka merumuskan bahawa modal sosial membolehkan para pedagang mengurus perniagaan dengan individu lain melalui faktor adanya kepercayaan. Pedagang yang tidak membangunkan modal sosial yang bersesuaian, mereka tidak dapat meluaskan perniagaan. Pengkaji juga menyatakan yang modal sosial yang wujud dalam jaringan kepercayaan mempunyai ciri-ciri pengaruh yang sama dengan faktor-faktor pengeluaran yang lain seperti pekerjaan dan modal fizikal (Grootaert dan Bastelear, 2002).

Dalam kajian oleh Jonathan Isham dan Satu Kahkonen (1999a, 1999b) tentang projek air di Indonesia mendapati bahawa modal sosial meningkatkan kemampuan penduduk kampung untuk menyusun corak dan mengurus sistem bekalan air. Isham dan Kahkonen mengukur kelaziman jaringan sosial dan corak interaksi sosial di kalangan pengguna-pengguna air. Mereka menggunakan pembolehubah kepadatan keahlian dalam pertubuhan pengguna-pengguna air; tahap kehadiran perjumpaan dan

penglibatan membuat keputusan dalam pertubuhan; tahap interaksi sosial di kalangan jiran-jiran, dan sejumlah aktiviti-aktiviti kampung secara berkumpulan. Untuk mengukur dimensi kognitif modal sosial, mereka membina satu indeks kepercayaan kejiranan (*neighborhood trust index*). Hasil kajian mereka mendapati kampung-kampung dengan tahap modal sosial yang tinggi, khususnya dalam perhubungan dan aktiviti berkumpulan berjaya dalam mencorakkan mekanisma untuk memantau sistem pengaliran air (Grootaert dan Bastelear, 2002).

Kajian oleh Sheoli Pargal, Daneil Gilligan dan Mainul Huq (2000) meneliti ciri-ciri yang terdapat dalam kejiranan di Dhaka, Bangladesh mengenai kejayaan komuniti ini mengurus secara sukarela pembuangan sisa pejal. Pengkaji menggunakan 65 kejiranan meliputi kelas atasan dan kelas bawahan dengan 652 orang isi rumah. Kajian ini dilakukan pada November 1997-Januari 1998. Pengkaji menggunakan satu kombinasi indikator untuk modal sosial struktur dan kognitif. Modal sosial struktural adalah diproksi atau diwakilkan melalui aktiviti berpersatuan; sementara modal sosial kognitif adalah berproksikan melalui ukuran pada kepercayaan dan kekuatan/kekukuhan pada norma dan pada saling timbal balik perkongsian. Analisis mereka menunjukkan pembolehubah tersebut menghasilkan impak yang signifikan dan besar kepada kebarangkalian komuniti itu akan menguruskan bahan-bahan buangan (Grootaert dan Bastelear, 2002).

Semua kajian kes ini telah menjelaskan berlakunya faedah dan manfaat daripada stok modal sosial yang boleh mengalir sama ada kepada komuniti (kampung-kampung di Rajasthan dan Indonesia; kejiranan bandar di Bangladesh) atau kepada individu-individu (pedagang-pedagang di Madagaskar). Sebagai rumusan awal dalam

perbincangan ini modal sosial ialah sebagai satu 'gam' yang boleh 'melekatkan' dan mengikat masyarakat dengan kebersamaan. Ia adalah inti daripada modal sosial. Umumnya, kajian-kajian ini mendapati norma tidak rasmi adalah asas utama kepada modal sosial seperti saling percaya (*mutual-trust*), jaringan kerjasama atau saling berkongsi (*mutual-sharing*) dan asas timbal-balik (*reciprocity*).

Sementara itu, analisis struktural dalam sosiologi melibatkan pertembungan idea yang berpunca terutamanya daripada Durkheim dan Marx. Idea-idea asas yang digambarkan daripada hasil kerja mereka didapati saling melengkap (Blau 1976). Misalnya, Merton (1968: 93-95, 160-61, 516) menyatakan bahawa kedudukan asas mengenai 'conditions' sesebuah masyarakat menurut analisis Marx bertepatan dengan 'structural context' atau 'structural constraint' dalam analisis struktural. Lebih jelas lagi Marx mempostulatkan (sesuatu yang dianggap benar atau diterima sebagai asas penaaakuan atau perhitungan sesuatu usul yang dikemukakan sebagai bukti kebenaran) bahawa seseorang individu berubah apabila "kewujudan sosial ditentukan oleh kesedaran mereka sendiri" dan ini menyamai dengan konsep Durkheim bahawa kolektif menggambarkan hasil tindakbalas realiti sosial.

Justeru, analisis struktural dalam sosiologi perlu mengembangkan lagi konsep-konsep, kaedah dan data untuk menghubungkan analisis fenomena peringkat mikro dan makro (Blau 1976). Akhirnya, Blau (1976) mengharapkan, sepertimana lain-lain orientasi teori dalam sosiologi, analisis struktural diharapkan berupaya secara keseluruhannya untuk mengkaji fenomena budaya dan sosial. Tetapi pendekatan struktural perlu dihubungkan dengan pendekatan yang mikro yang menumpukan pada agensi atau aktor juga.

3.6 KESIMPULAN

Melalui perbincangan dan penelitian konseptual pendefinisian mengenai komuniti dapat disimpulkan beberapa perkara. Pertama, adanya penglibatan manusia dalam setiap definisi yang didebatkan. Kedua, adanya kawasan atau tempat, walaupun persoalan tentangnya masih kabur. Ketiga, wujudnya ciri-ciri kehidupan manusia dengan sumber budaya yang mempunyai norma dan nilai tertentu yang dipegang oleh komuniti. Keempat, pengaruh industrialisasi dan kemodenan itu tidak dinafikan memberikan sedikit 'kegoyahan' keterikatan komuniti tertentu, tapi masih 'terkawal', dan kelima, penelitian kajian komuniti dalam konteks Malaysia, khususnya komuniti pesisir pantai masih perlu diteliti dan dikembangkan lagi. Namun ciri keterpinggiran perlu diambil kira sebagai problematik utama kajian ini juga.

Huraian mengenai ulasan literatur konsep pembangunan dan transformasi sosial, mobiliti sosial, modal manusia, modal sosial dan faktor struktural seperti yang dibincangkan dalam Bab II, adalah penting untuk memberikan kerangka konseptual bagi melakukan kajian ke atas komuniti pesisir pantai dalam kajian ini, khususnya, terhadap persoalan mobiliti sosial di kalangan mereka.

Umumnya, hasil kajian awal oleh pengkaji sendiri pada akhir 2005 mengenai sosio budaya dan mobiliti komuniti pesisir pantai di Kuala Terengganu mendapati bahawa corak kehidupan masyarakat ini khususnya kaum nelayan masih lagi tidak dapat mengecapi kemajuan dan peningkatan yang ketara dalam kehidupan mereka. Ini bukanlah bermakna langsung tidak berubah, tetapi perubahan dan kemajuan yang dicapai masih dalam skala yang kecil. Ini dilihat melalui corak kehidupan mereka

yang kebanyakannya masih lagi dalam keadaan serba kekurangan. Mereka berupaya menikmati pelbagai keperluan hidup tapi masih tidak dapat merasai kehidupan yang selesa. Faktor kekurangan 'daya ekonomi' adalah salah satu faktor penyumbang kepada corak budaya hidup masyarakat pesisir pantai yang masih dalam kepompong kemunduran.

Namun begitu, dari kajian awalan tersebut, menunjukkan bahawa generasi kedua dengan tahap pendidikan yang lebih baik dan tinggi boleh membantu mereka untuk 'bergerak' atau mobiliti 'keluar dari lingkaran' walaupun masih ramai yang terbelenggu dengan kemiskinan (Nor Hayati, 2006). Justeru, kajian tentang mobiliti komuniti pesisir pantai dengan tumpuan kepada persoalan modal manusia, modal sosial, dan faktor struktural ini adalah sesuai dan perlu untuk dijalankan untuk lebih mendalami pola mobiliti dan faktor-faktor yang mendorongnya berlaku.

BAB IV

METODOLOGI KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Metodologi mengandungi teori tentang kaedah penyelidikan. Ia merangkumi segala andaian dan sistem nilai yang menjadi asas dan rationale bagi penyelidikan termasuk kriteria yang digunakan oleh penyelidik untuk menghimpunkan dan mentafsir data serta mencapai kesimpulan (Bailey, 1978: 26). Metodologi merungkaikan cara penyelidik memahami dunia sekeliling, khususnya, perkara yang dikajinya agar ia dapat menyingkap fakta atau realiti sebenar perkara yang dikaji itu. Lebih kompleks perkara yang dikaji, lebih sofistikated metodologinya yang perlu digunakan.

Sebelum merekabentuk kaedah penyelidikan dan membina kerangka analisis kajian ini, pengkaji melaksanakan dua perkara utama. Pertama, membuat tinjauan literatur tentang konsep dan teori yang sesuai untuk menghuraikan komuniti dan mobiliti anggota mereka, seperti data tinjauan literatur mengenai metodologi dan kaedah penyelidikan. Ini bertujuan membina kerangka teori dan metodologi untuk kajian ini.

Kedua, membuat tinjauan literatur tentang kajian-kajian empirikal mengenai persoalan komuniti dan mobiliti di Malaysia dan di tempat lain. Tujuannya ialah

untuk mengetahui “the state of the art” tentang kajian seperti ini di Malaysia dan di tempat lain serta meletakkan tesis ini dalam korpus ilmu tersebut.

Berdasarkan dua perkara tersebut, dua pendekatan utama digunakan, iaitu, deduktif dan induktif. Pendekatan deduktif berdasarkan satu ‘formula’ yang dirangka pada awal, di mana melaluinya dinyatakan beberapa faktor sebagai pencetus mobiliti. Seterusnya, berdasarkan data yang diperolehi, pendekatan induktif pula dilakukan bagi menganalisis dan menjelaskan fenomena sosial yang dikaji melalui pandangan aktor atau responden kajian itu sendiri untuk dikaitkan dengan kerangka konseptual teori yang ada.

Untuk melaksanakan sesuatu metodologi yang sofistikated dan multi-dimensi ini memerlukan satu rekabentuk penyelidikan tertentu. Justeru, perkara utama mengenai metodologi dalam kajian ini ialah untuk mendapatkan kefahaman dan kejelasan yang sebaik mungkin kepada permasalahan yang dikaji. Namun ia perlu diteliti dan dianalisis secara sistematik mengikut tuntutan kajian ilmiah. Maka metodologi kajian ini dianggap sebagai alat penyelidikan ilmiah yang dipandu oleh permasalahan dan persoalan kajian. Justeru, bab ini menghuraikan isi utama metodologi merangkumi rekabentuk penyelidikan, unit analisis, indikator dan item-item ukuran, lokasi dan skop kajian, saiz sampel, tatacara pengumpulan data, pembolehubah dan alat pengukuran kajian dan pola analisis data.

4.2 REKABENTUK PENYELIDIKAN

Untuk melaksanakan sesuatu metodologi, perlu ada rekabentuk penyelidikan. Penyelidikan ilmiah ini mengkaji mobiliti sosial dalam komuniti pesisir pantai di Kuala Terengganu. Persoalan utama kajian ialah apakah corak atau pola mobiliti sosial di kalangan komuniti pesisir pantai ini. Kajian ini juga meneliti apakah faktor-faktor yang boleh mempengaruhi corak atau pola mobiliti tersebut. Seterusnya, melihat apakah faktor dalaman dan luaran yang menyumbang ataupun sebaliknya menghalang perubahan atau mobiliti sosial tersebut.

Maka rekabentuk penyelidikan bagi menjawab persoalan-persoalan bagi kajian ini agak kompleks. Kajian ini menggabungkan beberapa pendekatan dan kaedah sosiologi. Pendekatan sejarah dan perbandingan digunakan dengan memanfaatkan tiga cara, iaitu:

- (a) menggunakan maklumat sekunder dan membuat perbandingan dengan kajian-kajian lain sebelum ini untuk melihat perubahan dalam sejarah -- khususnya kajian Firth (1945; 1966), yang menggunakan kaedah etnografi, dan Ishak (1990) yang menggabungkan kaedah etnografi dan survei;
- (b) kajian komuniti dan membuat perbandingan responden di empat kawasan kajian – iaitu tidak menumpu kepada satu komuniti di satu kawasan sahaja. Dengan berbuat demikian, data yang diperolehi akan lebih kaya dan pelbagai; juga dapat membuat perbandingan tentang faktor dan proses yang berbeza antara satu kawasan dengan kawasan lain;
- (c) melihat dari kacamata responden dan informan yang diminta membuat imbasan masa -- dulu dan sekarang di kampung itu. Responden sendiri membuat perbandingan

tentang keadaannya dulu dan sekarang, dan pengkaji memberi penilaian terhadap penilaian responden itu. Kaedah begini penting untuk memberi perspektif sejarah dan menangkap dinamika bagi kajian ini dan agar ia tidak bersifat 'cross section' yang tertumpu pada keadaan sekarang semata-mata;

dan (d) Kaedah kuantitatif menggunakan pendekatan survei melalui soalselidik sebagai asas untuk membentuk data empirikal yang dapat memerihalkan persoalan mobiliti sosial di kalangan komuniti pesisir pantai.

4.3 UNIT ANALISIS

Kajian ini meneliti dua bentuk mobiliti sosial. Pertama, mobiliti antara-generasi, dan kedua, mobiliti inter-generasi. Justeru, secara umum, unit analisis kajian melibatkan keluarga dan ahli keluarga berdasarkan kepada empat generasi, iaitu, bermula dengan asal usul pekerjaan datuk, bapa responden, responden (ketua keluarga), dan anak. Mobiliti sosial inter-generasi dianalisis berdasarkan aspek tahap pendidikan dan kategori pekerjaan oleh tiga generasi.

Manakala mobiliti sosial intra-generasi atau dalam satu generasi diteliti berdasarkan kepada sepuluh item ukuran mobiliti. Unit analisis utama ialah responden yang bertindak sebagai ketua keluarga dalam kajian ini dan dia adalah 'teras' utama kajian tentang permasalahan 'keluar dari lingkaran'. Kedua-dua bentuk mobiliti sosial ini cuba menunjukkan sama ada komuniti pesisir pantai kini telah mengalami perubahan atau tranformasi sama ada dari aspek pencapaian dalam bidang pendidikan, pekerjaan yang lebih rencam (selain dari nelayan) dan lain-lain yang boleh membantu mereka memajukan taraf hidup.

4.4 SAIZ SAMPEL KAJIAN

Seperti ditunjukkan dalam Jadual 4.1 di bawah, sampel kajian yang dijadikan unit analisis utama ialah ketua keluarga bagi setiap sebuah rumah. Sejumlah 300 orang ketua keluarga ini dipilih secara 'sampel bertujuan' (purposive sampling).

Jadual 4.1
Kawasan Kajian dan sampel survei ketua keluarga

Kawasan DUN	Nama kampung	Bil. sampel
Batu Rakit (N=75)	Kg Pantai	10
	Kg Tanjung	11
	Kg Kubur Timah	12
	Megabang Lekor	18
	Padang Polis	7
	Pangkalan Atap	15
	Pagar Besi	2
Seberang Takir (N=75)	Bkt Tok Beng	3
	Gong Badak	2
	Hulu Takir	4
	Kg Batin	15
	Kg Kubang Badak	7
	Teluk Ketapang	25
	Seberang Takir Pantai	11
	Telaga Daing	2
	Tok Jembal	4
	Tjg Jaafar/Wakaf Baru	2
Tepoh Pantai (N=75)	Banggol Pok Jin	5
	Gong Datuk	9
	Gong Sekolah	7
	Kg Kolam	10
	Mengabang Telipot	12
	Padang Nenas	4
	Pangkalan Maras	6
	Kg Tengah	7
	Tanjung Gelam	4
	Wakaf Tengah	5
	Kg. Alur Jambu	6
Batu Buruk (N=75)	Kg Aur Cendering	3
	Bt 6 Cendering	6
	Kg Cendering	22
	Kg Cendering Pantai	10
	Kg Rajawali Cendering	7
	Kg Kuala Ibai	5
	Kg Kuala Ibai Pantai	14
	Kg Pantai Batu Burok	6
	Pantai Pandak Cendering	2
Jumlah		300

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Kaedah ini dilakukan berdasarkan tiga kriteria yang menjadi prasyarat utama pemilihan sampel kajian, iaitu, mereka adalah ketua keluarga yang berketurunan (datuknya) nelayan. Kedua, mereka ini tinggal berhampiran dengan pantai, iaitu, kurang dari jarak 5 km mengikut definisi rasmi. Ketiga, mereka berada dalam konteks satu bentuk komuniti terpinggir yang kebanyakannya berada di kawasan luar bandar dan pinggir bandar.

Bagi mendapatkan jumlah yang sama, seramai 75 orang ditetapkan bagi setiap satu daripada empat kawasan DUN tersebut. Saiz sampel bagi setiap kampung tidak ditetapkan jumlahnya. Ia bergantung kepada bilangan yang menepati kriteria ciri-ciri utama yang diperlukan, di samping faktor masa dan kesanggupan mereka untuk ditemubual. Selain kaedah sampel bertujuan, kaedah *snowball* juga digunakan dalam kajian ini, di mana sebahagian responden yang mempunyai ciri-ciri diperlukan kajian 'didekati' melalui 'perkenalan' dengan responden sebelumnya.

4.5 TATACARA PENGUMPULAN DATA

Kajian awal telah dilakukan untuk mendapatkan maklumat sebahagian data primer dan sekunder berkenaan kawasan dan sampel kajian. Maklumat tersebut diperolehi melalui agensi-agensi berikut:

- i. Pejabat Pegawai Daerah Kuala Terengganu dan berjumpa dengan penolong pegawai daerah untuk mengenalpasti lokasi kawasan-kawasan pesisir pantai di daerah Kuala Terengganu. Data lokasi diperolehi mengikut kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).
- ii. Jabatan Pemetaan untuk mendapatkan kawasan dan lokasi kajian dengan lebih menyeluruh di sekitar daerah Kuala Terengganu.

- iii. Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Perangkaan Terengganu bagi mendapatkan data asas terkini negeri Terengganu.
- iv. Pejabat setiap ADUN kawasan bagi mendapatkan senarai nama pengerusi JKKK dan senarai AJKnya bagi semua kawasan DUN di Kuala Terengganu.
- v. Lawatan ke rumah setiap pengerusi JKKK atau setiausaha JKKK kawasan DUN di Kuala Terengganu.

Hasil daripada tinjauan awal bagi mendapatkan data-data yang lebih teliti mengenai kawasan dan sampel yang ingin dikaji, maka perbincangan dengan penyelia dilakukan untuk mendapatkan kata sepakat mengenai kawasan yang ingin di kaji. Tempoh hampir dua bulan (iaitu, pada awal tahun 2007), telah digunakan pengkaji untuk melakukan tinjauan awal (rintis) untuk membina kerangka sampling dan menguji soal selidik. Sejumlah 12 orang, iaitu, tiga orang di setiap kawasan DUN dipilih telah ditemubual berdasarkan panduan soal selidik yang dibina. Di peringkat awal, masa temubual untuk setiap seorang agak panjang, lebih kurang dua hingga tiga jam. Masa temuramah yang agak panjang ini memberi peluang kepada pengkaji menambahbaik soalan-soalan yang ditanya bagi menepati tujuan dan permasalahan utama kajian.

Kajian lapangan sebenar yang melibatkan temubual dan proses analisis dilakukan mulai pertengahan 2007 hingga pertengahan 2008. Proses menganalisa dan meneliti data-data dilakukan serentak bagi memastikan kelancaran penyelidikan, dan sekiranya ada 'kelompangan' data, ia dikenalpasti dan diperbaiki dengan kadar segera. Untuk kajian lapangan sebenar ini, tempoh masa temubual adalah antara satu setengah hingga dua jam bagi setiap seorang responden.

Ahli jawatankuasa tertinggi JKKK (pengerusi, timbalan atau setiausaha) bagi setiap kampung bertindak sebagai informan utama kajian. Mereka dihubungi untuk membuat temujanji bagi menerangkan tentang penyelidikan, memohon keizinan, memperolehi maklumat profil kampung dan bantuan menyenaraikan ketua keluarga yang sesuai dijadikan sebagai responden. Kerjasama yang diberikan oleh semua informan utama amat baik. Ada sebahagian kecil kampung mempunyai profil maklumat kampung yang telah 'dibukukan', dan sebahagiannya masih belum ada.

Untuk mendapatkan dan menembual responden, pelbagai kaedah yang praktikal diaplikasikan walaupun terdapat banyak kesulitan. Misalnya, bagi responden yang diketahui nombor telefonnya (diperolehi melalui AJK JKKK), pengkaji menghubungi dan menerangkan tujuan penyelidikan secara terperinci. Bagi yang bersetuju, temujanji dibuat dan kebanyakannya dilakukan di rumah responden itu sendiri. Ini membolehkan pemerhatian secara langsung dilakukan tentang corak kehidupan yang merangkumi tempat tinggal mereka sekeluarga. Kehadiran di rumah responden juga membolehkan hubungan tidak formal dan kemesraan terjalin menjadikan temubual serta perolehan data soalselidik yang lebih tulus. Hubungan tidak formal ini penting dijalin, agar responden tidak terlalu 'kekok' dan 'berahsia' tentang corak kehidupan yang dilalui, khususnya persoalan mengenai pendapatan dan persoalan yang menyentuh peranan Kerajaan. Misalnya, dalam suasana kunjungan pengkaji responden yang terbina, ada sebilangan responden yang secara terus terang menyatakan 'kepartian' dirinya.

Sementara, bagi responden yang tidak diketahui nombor telefonnya, pengkaji membuat kunjungan terus ke rumah mengikut alamat yang diperolehi. Sekiranya

mereka ada, penerangan terus diberi, dan terus ditemubual sekiranya bersetuju. Manakala yang tiada di rumah, penerangan diberi kepada ahli keluarga, umumnya isteri, dan meminta nombor telefon untuk menghubungi suami (ketua keluarga). Dalam beberapa kes, pengkaji berkunjung sendiri ke 'wakaf' tertentu untuk mendapatkan lebih banyak maklumat tentang kehidupan seharian mereka. Wakaf-wakaf ini telah menjadi tempat kelaziman komuniti pesisir pantai, khususnya golongan nelayan berehat dan 'melepak'. Perbualan dan pemerhatian ini dimanfaatkan pengkaji untuk mendalami lagi persoalan dan permasalahan yang dikaji ini. Di samping itu, kesempatan diambil untuk berkenalan dan membuat temujanji dengan mereka yang bersetuju menjadi responden kajian. Terdapat sejumlah kecil daripada mereka yang dihubungi menolak untuk ditemubual dengan alasan 'sibuk' dan tidak berminat untuk dijadikan responden, walaupun setelah diterangkan tujuan penyelidikan ilmiah ini.

Bagi mengukuhkan lagi maklumat data primer tersebut, temubual juga dilakukan dengan beberapa orang pentadbir atau pemimpin yang berhubung secara langsung atau tidak langsung dengan komuniti pesisir pantai ini. Mereka terdiri daripada pegawai daerah, pengerusi Persatuan Nelayan, pegawai Lembaga Perikanan Terengganu dan lain-lain institusi yang berkaitan. Selain memperolehi data primer melalui soal selidik, temubual, pemerhatian dan perbincangan kumpulan tumpuan, pengkaji juga memanfaatkan sebahagian kecil data yang diperolehi dalam projek *Island and Peripheral Communities* (IPC) oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada 2005, di mana pengkaji adalah salah orang penyelidikannya.

Kaedah pemerhatian dalam kajian ini ialah ‘pemerhatian bukan ikut serta’ (*non-participant observation*). Sementara kaedah ‘perbincangan kumpulan tumpuan’ dilaksanakan secara tidak formal, iaitu, tiada soalan-soalan berstruktur yang dibentuk. Perbincangan ini melibatkan sejumlah nelayan yang berada dan ‘berehat santai’ di wakaf-wakaf berhampiran dengan pantai di kawasan kediaman mereka. Setiap kumpulan terdiri daripada lima hingga tujuh orang yang berumur lingkungan 40 tahun ke atas. Semuanya lelaki dan lazimnya dilakukan pada sebelah petang. Pendekatan pengumpulan maklumat melalui perbincangan kumpulan tumpuan secara santai ini diambil oleh kerana budaya komuniti nelayan setempat terasa kaku apabila perbincangan berjalan secara formal hingga menjejaskan pengumpulan maklumat yang tepat. Percubaan perbincangan secara formal telah dilakukan tetapi tidak memberi hasil yang memuaskan jika dibandingkan dengan pendekatan pengumpulan maklumat secara tidak formal.

Di samping itu, penyelidikan perpustakaan amat penting untuk mendapatkan data dan maklumat sekunder mengenai permasalahan kajian. Maklumat yang diperolehi adalah melalui kajian-kajian lepas, laporan statistik kerajaan, akhbar-akhbar dan bahan-bahan lain yang berkaitan. Pandangan, hasil kajian dan cetusan fikiran daripada penyelidik-penyelidik terdahulu amat penting untuk memberi gambaran mengenai fenomena atau permasalahan yang dikaji. Selain itu, pengumpulan data-data mengenai polisi atau dasar serta program-program pembangunan yang dilakukan oleh pihak Kerajaan, khususnya Kerajaan Negeri dalam menangani masalah kemunduran, dan masalah sosio-ekonomi komuniti pesisir pantai juga dilakukan. Penyelidikan berterusan di perpustakaan perlu dilakukan oleh pengkaji demi memastikan pengkaji memperolehi bahan-bahan yang mencukupi untuk menghasilkan kajian yang berkualiti.

4.6 PEMBOLEHUBAH DAN ALAT PENGUKURAN KAJIAN

Pengumpulan data primer kajian ini menggunakan instrumen soal selidik melalui teknik temubual berstruktur. Soal selidik yang disusun untuk mengukur permasalahan kajian ini mempunyai lapan bahagian. Maklumat yang dikumpul melalui temubual menggunakan soalselidik ini merangkumi perkara-perkara berikut: bahagian pertama, latar diri responden seperti umur, taraf perkahwinan, tahap pendidikan diri, pasangan, ibu dan bapa, jenis dan pemilikan tempat tinggal, bilangan isi rumah dan tanggungan.

Bahagian kedua, mengenai pekerjaan dan pendapatan utama serta sampingan responden, pasangan, ibu dan bapa untuk tempoh 10 atau 15 tahun dahulu serta pendapatan sekarang di samping pekerjaan pertama responden. Beberapa soalan khusus dijawab oleh responden yang bekerja sebagai nelayan dan berniaga seperti pengalaman bekerja serta kemahiran yang dimiliki. Bahagian ketiga, tertumpu pada sikap terhadap pendidikan anak-anak. Bahagian ini merangkumi soalan mengenai bilangan anak, anak-anak ke sekolah, anak yang bekerja, taraf pendidikan tertinggi dan jenis pekerjaan setiap anak, kerjaya yang diingini untuk anak dan corak pendidikan yang diberikan pada anak-anak.

Bahagian keempat ialah untuk menjawab persoalan tentang keluarga dan komuniti, merangkumi persoalan tentang ikatan dan hubungan di kalangan anggota keluarga dan aktiviti kejranaan komuniti. Bahagian kelima ialah satu set soal selidik meneliti sikap, nilai dan semangat diri. Bahagian keenam, mengenai kehidupan sehari-hari seperti meneliti budaya ilmu responden yang merangkumi budaya membaca akhbar. Bahagian ketujuh, mengenai pemilikan aset responden dahulu (10 hingga 15 tahun)

dan sekarang. Bahagian terakhir, meneliti aspek ruang dan peluang yang terbuka kepada responden hasil peranan pihak Kerajaan membangunkan dan memajukan komuniti pesisir pantai.

Soalan-soalan dalam soal selidik ini terbahagi kepada dua kategori, iaitu, berbentuk soalan tertutup dan soalan terbuka, tetapi lebih banyak diajukan dalam bentuk tertutup. Kajian ini menggunakan dua kategori pembolehubah, iaitu, pembolehubah kuantitatif dan pembolehubah kualitatif.

Dalam membentuk skala untuk soal selidik, dua jenis skala digunakan, iaitu, skala nominal dan skala ordinal. Skala nominal ialah untuk mengklasifikasikan data, misalnya bagi menentukan jantina dan tempat kelahiran responden. Ini membolehkan mereka dikelompokkan dalam sesuatu kumpulan. Soalan yang ingin mendapatkan pandangan dan pendirian responden dibentuk menggunakan skala ordinal. Skala ordinal menyediakan dua jenis jawapan, iaitu, berbentuk dikotomi dan likert. Bentuk dikotomi terdiri daripada soalan berbentuk dwipilihan, iaitu, (1) *Tidak* dan (2) *Ya*. Soalan berskala likert menyediakan jawapan dalam lima jenis respon dengan (1) *sangat tidak setuju*; (2) *tidak setuju*; (3) *tidak pasti*; (4) *setuju*; (5) *sangat setuju*. Ianya lebih digunakan kepada soalan-soalan pembolehubah kualitatif, iaitu, pembolehubah yang nilainya bukan berbentuk angka.

Seterusnya, jawapan responden diberikan markah mengikut skala pengukuran yang diletakkan. Misalnya, jawapan 'tidak' diberi kosong markah dan jawapan 'ya' diberi satu markah. Untuk skala likert pula misalnya, skor pada jawapan 'sangat tidak setuju' diberi satu markah; 'tidak setuju' diberi dua markah; 'tidak pasti' diberi tiga

markah; 'setuju' diberi empat markah; dan 'sangat setuju' diberi lima markah. Skor yang diperolehi oleh responden bagi setiap item akan dikompositkan bagi mendapatkan jumlah skor bagi sesuatu ukuran kepada indikator yang digunakan, kemudiannya dianalisis untuk menjawab objektif dan persoalan kajian.

4.7 INDIKATOR UKURAN MOBILITI SOSIAL DAN FAKTOR PENYUMBANG MOBILITI

Terdapat sepuluh item yang dijadikan ukuran kepada empat pola mobiliti sosial. Item-item tersebut ialah tahap pendidikan, kategori pekerjaan, tahap pendapatan, kadar simpanan, pemilikan aset pilihan, tahap kerja, kepuasan kerja, kadar mencukupi pendapatan, perbandingan pendapatan dan status sosial dahulu dan sekarang. Semua item tersebut terdapat dalam borang soalselidik yang ditanyakan kepada responden kajian ini.

4.7.1 Dimensi ukuran mobiliti sosial

Empat ukuran pola mobiliti sosial dikenalpasti, ialah pertama, ukuran pola mobiliti menegak jarak tinggi; kedua, ukuran pola mobiliti menegak jarak sederhana; ketiga, ukuran pola mobiliti menegak jarak rendah; dan keempat, ukuran pola mobiliti menurun.

Item-item ukuran pola mobiliti menegak jarak tinggi ditunjukkan seperti dalam Jadual 4.2. Item-item ukuran pola mobiliti menegak jarak sederhana ditunjukkan seperti dalam Jadual 4.3. Item-item ukuran pola mobiliti menegak jarak rendah ditunjukkan seperti dalam Jadual 4.4, dan item-item ukuran tiada mobiliti ditunjukkan seperti

dalam Jadual 4.5. Jadual-jadual 4.2, 4.3, 4.4 dan 4.5 adalah seperti dalam jadual-jadual di bawah:

Jadual 4.2

Ukuran pola mobiliti menegak jarak tinggi

- Tahap pendidikan	= tinggi (diploma/ijazah);
- Kategori pekerjaan	= kategori tinggi iaitu pentadbiran (pegawai/guru/pensyarah), perniagaan (PKS), dan nelayan (juragan);
- Tahap pendapatan	= tinggi (RM10,001 dan ke atas), dan Sederhana (RM5,001-10,000);
- Kadar simpanan	= "lebih separuh" dan "separuh"
- Pemilikan aset pilihan	= "8 item aset dan ke atas"
- Tahap kerja sekarang banding dahulu	= "amat baik"
- Kepuasan kerja sekarang banding dahulu	= "amat puas hati"
- Jumlah pendapatan sekarang mencukupi	= "amat mencukupi"
- Tahap pendapatan sekarang banding dahulu	= "amat lebih baik"
- Status sosial (anggapan orang sekarang)	= "sangat hormat"

Sumber: Borang soalselidik kajian lapangan 2007/08

Jadual 4.3

Ukuran pola mobiliti menegak jarak sederhana

- Tahap pendidikan	= sederhana (SRP/PMR/SPM);
- Kategori pekerjaan	= kategori sederhana iaitu pentadbiran (perkeranian dan berkaitan), perniagaan (runcitan);
- Tahap pendapatan	= sederhana (RM3,001 – RM5,000);
- Kadar simpanan	= "satu pertiga";
- Pemilikan aset pilihan	= "4-7 item aset"
- Tahap kerja sekarang banding dahulu	= "baik"
- Kepuasan kerja sekarang banding dahulu	= "puas hati"
- Jumlah pendapatan sekarang mencukupi	= "mencukupi"
- Tahap pendapatan sekarang banding dahulu	= "lebih baik"
- Status sosial (anggapan orang sekarang)	= "hormat"

Sumber: Borang soalselidik kajian lapangan 2007/08

Jadual 4.4

Ukuran pola mobiliti menegak jarak rendah

- Tahap pendidikan	= rendah (sekolah rendah);
- Kategori pekerjaan	= kategori rendah iaitu pentadbiran (khidmat masyarakat), nelayan (tekong & awak-awak);
- Tahap pendapatan	= sederhana rendah (RM1,001 – RM3,000);
- Kadar simpanan	= “simpan sedikit”;
- Pemilikan aset pilihan	= “1-3 item aset”
- Tahap kerja sekarang banding dahulu	= “sama sahaja”
- Kepuasan kerja sekarang banding dahulu	= “sederhana”
- Jumlah pendapatan sekarang mencukupi	= “sederhana”
- Tahap pendapatan sekarang banding dahulu	= “sama sahaja”
- Status sosial (anggapan orang sekarang)	= “biasa sahaja”

Sumber: Borang soalselidik kajian lapangan 2007/08

Jadual 4.5

Ukuran tiada mobiliti

- Tahap pendidikan	= tidak pernah ke sekolah;
- Kategori pekerjaan	= kategori turun iaitu nelayan (pesisir pantai) & buruh;
- Tahap pendapatan	= rendah (RM1,000 dan ke bawah);
- Kadar simpanan	= “tak menyimpan”;
- Pemilikan aset pilihan	= “tiada aset”
- Tahap kerja sekarang banding dahulu	= “kurang baik”/”amat tak baik”
- Kepuasan kerja sekarang banding dahulu	= “tak puas hati” & “amat tak puas hati”
- Jumlah pendapatan sekarang mencukupi	= “kurang mencukupi” & “tidak mencukupi”
- Tahap pendapatan sekarang banding dahulu	= “kurang baik”
- Status sosial (anggapan orang sekarang)	= “pandang rendah”

Sumber: Borang soalselidik kajian lapangan 2007/08

4.7.2 Dimensi ukuran faktor penyumbang mobiliti sosial

Tiga faktor penyumbang kepada mobiliti sosial yang dinilai adalah seperti berikut dan semua soalan ini terdapat dalam borang soalselidik yang diajukan kepada responden kajian ini.

4.7.2.1 Faktor struktural

Berikut ialah soalan-soalan yang diletakkan di bawah faktor struktural:

1. Adakah mendapat bantuan perniagaan?
2. Tanpa bantuan kerajaan, ada keyakinan maju secara berdikari dalam perniagaan?
3. Berbanding 10/15 tahun dahulu, dasar kerajaan sekarang banyak membantu para peniaga berkembang maju.
4. Kemudahan infrastruktur yang disediakan banyak memberi sumbangan memajukan perniagaan berbanding 10/15 tahun dahulu.
5. Faktor pendorong berniaga ialah terdorong dengan dasar kerajaan.
6. Faktor pendorong berniaga ialah ingin merebut peluang dari kemajuan sekeliling.

4.7.2.2 Modal Manusia

Berikut ialah soalan-soalan bagi dimensi ukuran modal manusia :

1. Tahap pendidikan tertinggi responden.
2. Soalan berkaitan nilai individu:
 - 2.1 Setiap kerja yang berjaya mesti dikekalkan
 - 2.2 Di dunia hari ini kejayaan diukur dengan wang
 - 2.3 Kerja susah ganjarannya tinggi
 - 2.4 Setiap pelajar mesti ada kemahiran
 - 2.5 Kita mesti menguasai pelbagai bahasa dan ilmu
 - 2.6 Kita boleh membuat sesuatu yang baru asalkan yang baru itu bawa keuntungan kepada saya
 - 2.7 Saya sanggup belajar benda baru
 - 2.8 Pendidikan adalah penting bagi saya walaupun sudah berusia
 - 2.9 Saya sanggup mencari wang dan lain-lain untuk pastikan anak saya mendapat pendidikan
 - 2.10 Saya bersedia untuk bekerja selain daripada pekerjaan sekarang
 - 2.11 Saya tidak mudah patah semangat
 - 2.12 Untuk mencapai kejayaan saya tetap akan berusaha walaupun ada halangan
 - 2.13 Bila saya sudah buat keputusan untuk melaksanakan sesuatu, saya akan melakukannya
 - 2.14 Saya akan lakukan apa sahaja untuk berjaya walaupun kadang-kadang terpaksa mengambil risiko
 - 2.15 Saya akan mencari pelbagai peluang untuk mengubah diri dan mencapai kejayaan.

3. Soalan berkaitan meningkatkan keupayaan diri melalui pemupukan budaya ilmu:
 - 3.1 Nyatakan sumber-sumber berita yang dirujuk
 - 3.2 Adakah menonton rancangan yang memberikan maklumat tentang aktiviti yang berkaitan usahawan, pertanian dan rancangan lain seumpamanya, misalnya rancangan Agrotek di TV1?
 - 3.3 Apakah rancangan-rancangan sebegitu dapat membantu meningkatkan pengetahuan dalam bidang berkaitan pertanian, perikanan dan perniagaan?
 - 3.4 Kekekapan membeli suratkhbar.

4. Soalan berkaitan dengan tabiat membaca di akhbar yang bercorak ilmu pengetahuan :
 - 4.1 Membaca hal ehwal dalam negara
 - 4.2 Membaca hal ehwal luar negara
 - 4.3 Membaca ruangan ekonomi dalam dan luar negara
 - 4.4 Membaca ruangan berkaitan ekonomi sektor pertanian dan perikanan
 - 4.5 Membaca ruangan sains dan teknologi
 - 4.6 Membaca ruangan sidang pengarang

5. Soalan berkaitan pemupukan dan menitikberatkan didikan anak-anak kepada kepentingan ilmu pengetahuan dan pelajaran :
 - 5.1 Adakah menggalakkan anak-anak mengambil kelas tambahan di luar sekolah.
 - 5.2 Adakah membelikan bahan rujukan tambahan untuk anak-anak belajar
 - 5.3 Adakah sentiasa memberi nasihat kepada anak-anak berkaitan dengan pelajaran mereka
 - 5.4 Adakah menggalakkan anak-anak membaca
 - 5.5 Pernahkah berunding dengan pihak sekolah/guru-guru berkaitan dengan pelajaran anak-anak
 - 5.6 Pernahkah berbincang pasal pelajaran secara terbuka dan bersemuka dengan anak

6. Bagaimana mengukur diri sendiri dari segi semangat kerja 10 tahun dahulu atau masa mula bekerja dengan semangat kerja sekarang.

7. Perubahan atau pertukaran bidang pekerjaan dahulu dan sekarang.

8. Adakah mempunyai pekerjaan sampingan.

9. Soalan berkaitan keupayaan diri – bagi mereka yang berniaga:
 - 9.1 Sebelum membuka perniagaan sendiri, adakah mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang perniagaan/perikanan.
 - 9.2 Pernah mendapat peluang bantuan lain seperti menghadiri kursus atau latihan kemahiran hidup lain-lain.
 - 9.3 Nyatakan kedudukan diri semasa sebelum dan selepas menerima peluang menghadiri latihan/kursus.

4.7.2.3 Modal sosial

Berikut ialah soalan-soalan berkaitan dengan pengaruh modal sosial kepada mobiliti sosial di kalangan komuniti pesisir pantai :

1. Item berkaitan interaksi sosial sesama ahli komuniti
 - 1.1 Kekerapan bertegur sapa
 - 1.2 Kekerapan berbual-bual ringkas
 - 1.3 Kekerapan meluangkan masa bersama (sperti warung kopi, wakaf dll)
 - 1.4 Kekerapan bertukar maklumat
 - 1.5 Kekerapan mengunjung ke rumah
2. Item berkaitan penglibatan dalam aktiviti berpersatuan dalam komuniti
 - 2.1 Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG)
 - 2.2 Jawatankuasa Kampung (JKKK)
 - 2.3 Jawatankuasa surau/masjid
 - 2.4 Rukun Tetangga
 - 2.5 Parti-parti politik
 - 2.6 Persatuan perniagaan
 - 2.7 Pertubuhan Peladang
 - 2.8 Persatuan/kumpulan sukan
 - 2.9 Persatuan Alam Sekitar
 - 2.10 Persatuan Pengguna
 - 2.11. Persatuan Nelayan
 - 2.12 Koperasi Nelayan
3. Item berkaitan kekerapan penglibatan dalam aktiviti kejiranan dalam komuniti
 - 3.1 Ke masjid/surau
 - 3.2 Saling membantu jiran
 - 3.3 Bila ada kenduri kahwin, ikut gotong royong
 - 3.4 Bila ada kematian saling menolong
 - 3.5 Saling bertukar makanan dengan jiran
 - 3.6 Hadir ke majlis-majlis keagamaan
 - 3.7 Pinjam meminjam barang
4. Item berkaitan 'jaringan kepercayaan'
 - 4.1 Kebanyakan ahli masyarakat dalam kampung ini pada dasarnya jujur dan boleh dipercayai
 - 4.2 Seseorang ahli masyarakat selalunya hanya berminat kepada kepentingan kebajikan sendiri dan keluarga mereka sahaja
 - 4.3 Ahli masyarakat kampung ini lebih boleh dipercayai berbanding dengan kampung lain
 - 4.4 Dalam kampung ini seseorang itu seperti mahu mengambil kesempatan atas diri saya
 - 4.5 Jika saya menghadapi masalah akan ada seseorang yang akan memberi bantuan

- 4.6 Saya tidak memberi perhatian pada pandangan orang lain dalam kampung ini
- 4.7 Kebanyakan individu dalam kampung ini bersedia membantu jika kita memerlukannya
- 4.8 Saya merasa diri saya telah diterima sebagai ahli dalam komuniti kampung ini
- 4.9 Kalau ada sesiapa yang kehilangan kambing atau lembu di kampung ini, ada orang akan mencari dan memulangkannya kepada tuan punya
- 4.10 Pandangan bahawa dalam kampung/kejiranan ini ahli masyarakat umumnya saling percaya mempercayai antara satu sama lain
5. Soalan berkaitan jaringan luar, iaitu, pengaruh politik : untuk maju dalam perniagaan apakah perlu mempunyai hubungan rapat dengan orang politik.
 6. Soalan berkaitan jaringan luar, iaitu, adakah mempunyai mana-mana ahli perniagaan sebagai sahabat/kenalan.
 7. Jaringan dalaman, iaitu, faktor latarbelakang keluarga, khususnya pekerjaan bapa dahulu.
 8. Jaringan keluarga, iaitu, ahli keluarga yang ada terlibat membantu dalam perniagaan.

Faktor struktur, modal sosial dan modal manusia ini diteliti pengaruhnya membentuk empat kategori pola mobiliti yang paling menonjol. Pertama, pola mobiliti sosial menegak tinggi berterusan. Kedua, pola mobiliti sosial ke atas (tinggi). Ketiga, pola mobiliti sosial menurun berterusan, dan keempat, pola mobiliti sosial ke bawah (menurun).

4.8 ANALISIS DATA

Kajian lapangan dilakukan dengan menggabungkan empat kaedah secara serentak, iaitu, kaedah survei menggunakan soalselidik, temubual informan secara mendalam, perbincangan kumpulan tumpuan (*focus group discussion*) dan kaedah pemerhatian. Kesemua data-data ini diklasifikasikan, membentuk fakta-fakta, membentuk pernyataan-pernyataan empiris dan akhirnya mempersembahkan hasil penemuan

kajian mengikut konteks persoalan yang dikaji. Takrifan analisis kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah dengan mengambilkira bahawa proses analisis sesebuah kajian ilmiah melibatkan dua tahap yang berbeza tetapi saling melengkapi dan memperteguhkan antara satu sama lain, iaitu tahap empirikal dan juga tahap konseptual atau teoritikal¹. Tumpuan analisis kajian ini ialah bagi menjawab persoalan utama kajian, iaitu, meneliti dan menganalisis indikator yang wujud bagi pencapaian mobiliti sosial dan faktor-faktor yang boleh menyumbang kepada pencapaian mobiliti sosial tersebut dalam kalangan komuniti pesisir pantai.

Semua data dan maklumat yang telah dikumpul dalam kajian ini dianalisis secara kuantitatif dan juga kualitatif, sesuai dengan kategori data berkenaan. Data yang diperolehi menerusi soal selidik dianalisis secara kuantitatif menggunakan kaedah perisian SPSS (Statistical Package for the Social Sciences). Pada tahap empirikalnya, semua analisis data mengikut dimensi yang dinyatakan dalam kerangka analisis kajian. Pada tahap konseptualnya pula, semua fakta yang diklasifikasikan itu diinterpretasikan berdasarkan perspektif kerangka teori dan konsep yang membimbing instrumen kajian ini.

4.9 KESIMPULAN

Metodologi kajian ini dipandu berdasarkan kepada kerangka analisis kajian. Kerangka analisis kajian dibentuk melalui tinjauan literatur dan kajian-kajian empirikal yang bersesuaian dengan permasalahan yang dikaji. Seterusnya, merekabentuk penyelidikan, mengenalpasti unit analisis, saiz sampel, lokasi dan skop kajian.

¹ Analisis sebegini antara aplikasi yang digunakan oleh Gusni Saat (2005) dalam kajian Ph.D beliau yang bertajuk 'Urbanisasi dan Stratifikasi Sosial di kalangan Samah-Bajau di Sabah' yang dipersembahkan kepada IKMAS, UKM.

Penyelidikan yang baik juga memerlukan kepada tatacara pengumpulan data, menetapkan pembolehubah, alat ukuran dan dimensi ukuran yang bersesuai dengan persoalan utama kajian. Akhirnya data dianalisis menggunakan perisian *SPSS*.

BAB V

PROFIL KAWASAN KAJIAN DAN RESPONDEN

5.1 PENGENALAN

Analisis deskriptif bab ini memberi tumpuan kepada profil umum komuniti pesisir pantai yang dikaji meliputi latarbelakang kawasan-kawasan kajian, profil kampung yang dipilih dan profil demografi responden. Adalah penting menganalisis ciri-ciri asas responden sebagai teras penelitian kepada realiti fakta empirikal dalam memahami bentuk dan proses mobiliti sosial di kalangan mereka seterusnya.

5.2 LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN

Hasrat awal pengkaji ialah untuk mendapatkan saiz sampel yang besar meliputi seluruh kawasan pesisir pantai di daerah Kuala Terengganu. Namun, ia terpaksa dihadkan disebabkan masalah teknikal, seperti had sumber kewangan dan faktor masa. Maka pengkaji hanya dapat menumpukan kepada empat daripada tujuh kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di daerah Kuala Terengganu, iaitu, DUN Tepoh, DUN Batu rakit, DUN Seberang Takir dan DUN Batu Buruk. Tiga DUN yang tidak termasuk dalam kawasan kajian iaitu DUN Bukit Tunggal, DUN Ladang dan DUN Bandar (lihat Rajah 2 di bawah).

Semua maklumat mengenai kawasan kajian ini diperolehi daripada Pejabat Daerah Kuala Terengganu dan Pejabat DUN setiap mukim. Justifikasi pemilihan kawasan kajian ditentukan berdasarkan tiga faktor utama. Pertama, ciri utama yang perlu ada kepada komuniti pesisir pantai mengikut tafsiran secara geografi, iaitu, 5km ke daratan dari garis pinggir pantai atau garis pesisir yang merupakan garis pertemuan antara air lautan dan daratan (Malaysia, 1992a). Kedua, sebahagian besar penduduk yang masih menjalankan aktiviti berasaskan laut, khususnya nelayan. Ketiga, setiap kawasan DUN mempunyai tahap dan kadar pembangunan dan kemajuan tertentu.

Dalam setiap kawasan DUN ini mempunyai sejumlah bilangan kampung. Bagi memenuhi bilangan responden yang diperuntukkan, iaitu 75 orang setiap kawasan DUN, maka hanya beberapa buah kampung sahaja telah dipilih mengikut kriteria dan pra-syarat utama kajian ini. Prasyarat utama pemilihan kawasan kajian ialah responden mesti tinggal berhampiran dengan pantai (5km dan kurang dari pantai mengikut definisi rasmi).

Maklumat tentang latarbelakang kampung yang dipilih diperolehi dari ahli jawatankuasa (AJK) tertinggi JKKK, iaitu, pengerusi, timbalan pengerusi dan setiausaha. Penghuraian profil bagi setiap kampung adalah berdasarkan kepada empat perkara, seperti jumlah penduduk, bilangan unit rumah, kategori pekerjaan utama penduduk (mengikut peratus), dan sumber ekonomi utama setiap kampung. Berikut ialah profil ringkas setiap kampung responden terpilih mengikut empat kawasan DUN tersebut iaitu :

Rajah 2 : Peta kawasan kajian



Sumber: <http://www.terengganu.com>

5.2.1 DUN Batu Buruk

Kawasan kajian pertama, ialah kawasan DUN Batu Buruk. DUN Batu Buruk ialah kawasan yang sangat hampir dengan pusat Bandaraya Kuala Terengganu. Ia mempunyai pelbagai kemajuan dan pembangunan yang pesat seperti pusat peranginan pantai Batu Buruk, masjid terapung, pusat lumba kuda Kuala Ibai, serta hotel-hotel dan chalet.

Lapan buah kampung dipilih dikenalpasti mempunyai ciri-ciri responden yang diperlukan kajian adalah dari dua mukim, iaitu, Mukim Batu Buruk dan Mukim Chendering. Kampung-kampung yang terpilih ialah Kampung Kuala Ibai, Kampung Pantai Kuala Ibai, Kampung Cendering, Kampung Aur Cendering, Kampung Pantai Batu Buruk, Kampung Rajawali Cendering, Kampung Batu Enam Simpang Empat Cendering, dan Kampung Pantai Pandak Cendering. Jadual 5.1 dibawah menunjukkan profil ringkas bagi setiap kampung tersebut. Profil ringkas bagi setiap kampung ini diperolehi dari data laporan hasil temubual dengan informan, iaitu, pengerusi, timbalan pengerusi dan setiausaha JKKK setiap kampung yang terlibat.

Semua kampung terpilih dari mukim Chendering masih menjadikan sektor perikanan sebagai sumber ekonomi utama penduduk. Majoriti penduduknya (80 peratus ke 90 peratus) menjadikan pekerjaan nelayan sama ada sebagai nelayan pesisir, awak-awak, tekong atau juragan laut dalam. Kedudukan kawasan kajian dengan Pelabuhan Perikanan Chendering dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Terengganu memberikan kemudahan lebih baik kepada penduduk sekitar dalam pembabitan mereka melalui sektor perikanan. Sebahagian besar daripada responden kajian di

kawasan Chendering ini adalah mereka yang terdiri daripada juragan laut dalam zon B dan tekong.

Jadual 5.1
Profil kampung-kampung dalam DUN Batu Buruk

DUN/KG	Jumlah penduduk (bil.orang)	Bil. Unit rumah/Jum. Ketua Keluarga (KK)	Kategori pekerjaan utama KK/penduduk kg (peratus/bil.)	Sumber ekonomi utama kg
1. DUN BATU BURUK				
1. Kg Kuala Ibai	• 2,000	• 300	• 80% nelayan (30% laut dalam & 50% pesisir) • 20% - kerajaan, swasta, sendiri	• pusat pelancongan • IKS – perusahaan keropok kering/lekor, peniaga kecil-kecilan
2. Kg Pantai Kuala Ibai	• 2,100	• 300	• 50% nelayan pesisir • 40% kerja sendiri • 10% kerajaan/swasta	• IKS –perusahaan keropok kering/lekor, peniaga kecil-kecilan
3. Kg Chendering dan Kg Chendering Pantai	• 1,500	• 500	• 80% nelayan pesisir & laut dalam • 10% kerajaan/swasta • 10% berniaga/kerja sendiri lain	• Perikanan • berniaga runcitan/makan minum
4. Kg. Aur Chendering	• 1,800	• 550	• 85% nelayan pesisir & laut dalam • 10% kerajaan/swasta • 5% berniaga/kerja sendiri lain	• Perikanan • berniaga runcitan/makan minum
5. Kg Pantai Batu Buruk	• 651	• 215	• 15% kerajaan • 15% nelayan • 10% swasta • 10% peniaga • 18% pesara • 20% surirumah • 6% penganggur • 6% sendiri/buruh	• pelancongan • berniaga runcitan dan makan/minum • hotel/resort/chalet
6. Kg. Rajawali Chendering	• 1,049	• 314	• 80% nelayan pesisir & laut dalam • 10% kerajaan/swasta • 10% berniaga/kerja sendiri lain	• Perikanan • berniaga runcitan/makan minum
7. Kg. Bt Enam Simpang 4 Chendering	• 1,000	• 250	• 85% nelayan pesisir & laut dalam • 10% kerajaan/swasta • 5% berniaga/kerja sendiri lain	• Perikanan • berniaga runcitan/makan minum
8. Kg. Pantai Pandak Chendering	• 700	• 150	• 90% nelayan pesisir dan laut dalam • 5% kerajaan /swasta • 5% berniaga/kerja sendiri lain	• Perikanan • berniaga runcitan/makan minum

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Selain itu, penduduk kawasan Chendering juga mengusahakan hasil sumber laut, khususnya perusahaan keropok kering, dan keropok lekor. Pembuatan PKS keropok kering secara meluas, khususnya, dilakukan di Kampung Chendering dan Chendering Pantai dalam kawasan kediaman penduduk itu sendiri.

Begitu juga dengan majoriti (80 peratus) Kampung Kuala Ibai dan separuh (50 peratus) penduduk Kampung Pantai Kuala Ibai bekerja dalam sektor perikanan sebagai nelayan. Majoriti daripada mereka sebagai nelayan pesisir pantai dan awak-awak. Sementara, Kampung Pantai Batu Buruk hanya sebilangan kecil (15 peratus) masih bekerja sebagai nelayan pesisir pantai. Hampir kesemuanya mereka adalah golongan tua dan lanjut usia. Kedudukannya yang amat hampir dengan pusat Bandaraya Kuala Terengganu menyebabkan Kampung Pantai Batu Buruk lebih menjurus sebagai pusat pelancongan dan rekreasi. Hotel bertaraf lima bintang seperti Hotel Primula terdapat di Pantai Batu Buruk. Selain itu terdapat banyak chalet dan resort di pinggir pantai Batu Buruk ini.

5.2.2 DUN Batu Rakit

Kawasan DUN Batu Rakit ialah kawasan kedua yang dipilih. DUN Batu Rakit ialah kawasan penumpuan industri kecil dan sederhana yang mengusahakan sumber laut seperti pembuatan keropok lekor, keropok kering, ikan kering dan seumpamanya lagi. Juga sebuah kawasan pelancongan dengan pantai yang cantik serta ada resort dan chalet yang menarik.

Terdapat 30 buah kampung di DUN ini dan daripada jumlah itu tujuh buah kampung telah dipilih sebagai kawasan kajian. Sejumlah 75 orang responden kajian DUN ini dipilih dari Kampung Padang Polis, Kubur Timah, Kampung Mengabang Lekor, Kampung Pangkalan Atap, Kampung Tanjung, Kampung Pantai Batu Rakit dan Kampung Pagar Besi. Jadual 5.2 di bawah menunjukkan profil ringkas setiap kampung tersebut.

Majoriti (empat buah kampung daripada tujuh kampung) yang dipilih sebagai kawasan kajian di DUN Batu Rakit ini masih menjadikan sektor perikanan sebagai sumber utama ekonomi penduduk. Empat buah kampung tersebut ialah Kampung Kubur Timah (80 peratus), Kampung Mengabang Lekor (70 peratus), Kampung Pagar Besi (70 peratus), dan Kampung Pantai Batu Rakit (50 peratus). Misalnya, 80 peratus daripada penduduk di Kampung Kubur Timah masih lagi menjadikan pekerjaan utama mereka sebagai nelayan pesisir dan awak-awak. Nelayan pesisir kampung ini majoritinya terdiri daripada golongan lanjut usia. Sementara awak-awak adalah golongan dewasa, belia dan remaja (kebanyakannya hanya bersekolah rendah atau PMR).

Jadual 5.2
Profil Kampung-kampung dalam DUN Batu Rakit

DUN/KG	Jumlah penduduk (bil. orang)	Bil. Unit rumah/Jum. KK	Kategori pekerjaan utama KK/penduduk kg (peratus/bil.)	Sumber ekonomi utama kampung
2. DUN BATU RAKIT				
1. Kg. Padang Polis	• 427	• 127	<ul style="list-style-type: none"> • 35% kerajaan • 30% nelayan pesisir/awak2 • 30% sendiri/buruh • 5% swasta 	<ul style="list-style-type: none"> • perikanan - nelayan • PKS – keropok kering/lekor • berniaga runcitan/kedai makan/minum • PKS – bengkel kereta/motor
2. Kg. Kubur Timah	• 985	• 204	<ul style="list-style-type: none"> • 80% nelayan pesisir/awak2 • 20% kerajaan, swasta, buruh, sendiri 	<ul style="list-style-type: none"> • perikanan – nelayan • berniaga runcitan
3. Kg. Mengabang Lekor	• 525	• 132	<ul style="list-style-type: none"> • 70% nelayan pesisir/awak2 • 10% kerajaan • 10% swasta • 10% sendiri/buruh 	<ul style="list-style-type: none"> • perikanan - nelayan • pelancongan –chalet/resort • PKS – keropok kering/lekor • berniaga runcitan/kedai makan/minum • PKS – bengkel kereta/motor
4. Kg. Pangkalan Atap	• 875	• 250	<ul style="list-style-type: none"> • 30 % nelayan pesisir • 70% kerajaan/swasta/buruh/peniaga 	<ul style="list-style-type: none"> • perikanan - nelayan • pelancongan –chalet/resort • PKS – keropok kering/lekor • berniaga runcitan/kedai makan/minum • PKS – bengkel kereta/motor
5. Kg. Tanjung	• 750	• 265	<ul style="list-style-type: none"> • 30% nelayan pesisir • 35% kerajaan • 6% swasta • 25% peniaga • 4 % buruh, sendiri 	<ul style="list-style-type: none"> • perikanan - nelayan • PKS – keropok kering/lekor • berniaga runcitan/kedai makan/minum
6. Kg Pantai Batu Rakit	• 500	• 186	<ul style="list-style-type: none"> • 50% nelayan pesisir • 40% peniaga/buruh/swasta • 10% kerajaan 	<ul style="list-style-type: none"> • perikanan – nelayan/berniaga ikan • pelancongan -chalet • PKS – keropok kering/lekor • berniaga runcitan/kedai makan/minum • PKS – bengkel kereta/motor • PKS – kilang papan
7. Kg. Pagar Besi	• 551	• 151	<ul style="list-style-type: none"> • 70% nelayan pesisir • 11% peniaga • 10% kerajaan • 5% swasta • 4% lain-lain 	<ul style="list-style-type: none"> • perikanan – nelayan/berniaga ikan • PKS – keropok kering/lekor • berniaga runcitan/kedai makan/minum • PKS – bengkel kereta/motor

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Selain kerja nelayan, sebahagian kecil daripada penduduk kawasan DUN ini juga menjalankan aktiviti perniagaan berasaskan laut seperti menjual ikan di tepi-tepi jalan raya berhampiran pantai, dan membuka kedai makan/minum yang menjual makanan ringan berasaskan sumber laut seperti ikan, sotong, udang goreng 'celup tepung', keropok lekor, dan lain-lain produk yang sepertinya.

DUN Batu Rakit ini juga terkenal sebagai pusat pelancongan dengan mempunyai beberapa buah resort popular seperti Gem Beach Resort, Bidong View Resort, Sutera Beach Resort dan banyak chalet kecil lain. Tarikan utama sebagai pusat pelancongan dan pengeluaran produk berasaskan laut, khususnya keropok kering dan keropok lekor telah menjadikan DUN Batu Rakit ini agak maju pembangunannya walaupun ia terletak agak 'ke hulu' dan jauh sedikit dari bandar Kuala Terengganu. Melalui peranan aktif oleh JKKK di setiap kampung dalam menyalurkan keperluan itu kepada Kerajaan, banyak kemudahan infrastruktur telah dinaiktaraf.

Namun melalui pemerhatian secara langsung pengkaji mendapati taraf hidup sebahagian besar penduduk kampung terlibat ini relatifnya masih rendah. Sebahagian besar penduduk masih mendiami rumah-rumah tradisional lama yang telah usang.

Sementara itu, DUN Seberang Takir dan DUN Tepoh pula mempunyai pembangunan dan kemajuan yang agak perlahan. Akan tetapi satu perkara menarik mengenai kedua-dua kawasan ini ialah kemajuan pesat dari aspek ilmu dan pendidikan. Terdapat dua buah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) utama di Terengganu, iaitu Universiti Malaysia Terengganu (UMT), dan Universiti Darul Iman (cawangan Kuala) (UDM), serta beberapa buah sekolah berasrama penuh kerajaan, institut perguruan, dan kolej

latihan jururawat di kawasan ini. Kawasan perindustrian Gong Badak juga terdapat dalam kedua-dua kawasan DUN ini.

5.2.3 DUN Seberang Takir

Kawasan kajian ketiga, ialah kawasan DUN Seberang Takir. Semuanya terdapat 14 buah kampung. Sepuluh buah kampung telah dipilih bagi mendapatkan responden kajian yang seramai 75 orang bagi DUN ini. Jadual 5.3 di bawah menunjukkan profil ringkas setiap kampung berkenaan.

Umumnya, kurang daripada separuh di setiap kampung terpilih dalam DUN Seberang Takir yang masih bekerja sebagai nelayan. Hanya Kampung Seberang Takir dan Kampung Batin yang majoriti, iaitu masing-masing sebanyak 50 peratus, masih bekerja sebagai nelayan. Kebanyakan daripada mereka adalah nelayan pesisir pantai yang menggunakan bot enjin sangkut.

Kawasan sekitar kawasan kajian di DUN Seberang Takir juga adalah antara kawasan yang sedang mengalami pembangunan dan kemajuan pesat. Terdapat beberapa institusi pendidikan tinggi di sini seperti dua buah universiti awam, iaitu, UMT dan UDM (cawangan kampus KUSZA); Institut Perguruan, dan beberapa sekolah berasrama penuh seperti MRSM dan sekolah teknik. Di samping itu, terdapat sebuah kawasan perindustrian yang juga sedang pesat membangun di Gong Badak. Banyak juga projek taman perumahan, khususnya rumah jenis teres setingkat dibangunkan. Begitu juga perumahan di tanah-tanah lot yang lebih kepada pembinaan rumah banglo.

Jadual 5.3
 Profil kampung-kampung dalam DUN Seberang Takir

DUN/KG	Jumlah penduduk (bil. orang)	Bil. Unit rumah/Jum. KK	Kategori pekerjaan utama KK/penduduk kg (peratus/bil.)	Sumber ekonomi utama kampung
3. DUN SEBERANG TAKIR				
1. Kg. Seberang Takir Pantai	• 1280	• 300	<ul style="list-style-type: none"> • 40% nelayan • 30% kerajaan/swasta • 30% peniaga runcitan/keropok kering/ikan kering/bilis, buruh, sendiri 	<ul style="list-style-type: none"> • IKS – keropok kering/lekor; pengusaha ikan kering/bilis; pengusaha bot penambang
2. Kg Seberang Takir	• 1500	• 350	<ul style="list-style-type: none"> • 50% nelayan pesisir & laut dalam/juragan • 20% berniaga keropok kering/lekor • 20% kerajaan/ swasta • 10% buruh/kerja sendiri 	<ul style="list-style-type: none"> • IKS – keropok kering/lekor; pengusaha ikan kering/bilis; pengusaha bot penambang
3. Kg. Batin	• 1650	• 350	<ul style="list-style-type: none"> • 40% nelayan pesisir • 10% laut dalam/juragan • 50% berniaga, kerajaan, swasta, buruh, sendiri 	<ul style="list-style-type: none"> • IKS – berniaga runcit/kedai makanan; keropok kering/lekor
4. Telaga Daing	• 3,000	• 500	<ul style="list-style-type: none"> • 20% nelayan pesisir • 10% nelayan laut dalam • 70% pengusaha keropok, peniaga, kerajaan, swasta, buruh, sendiri 	<ul style="list-style-type: none"> • perikanan dan segala berkaitan dengan hasil laut
5. Bukit Tok Beng	• 2,550	• 450	<ul style="list-style-type: none"> • 20% nelayan pesisir • 10% nelayan laut dalam • 20% pengusaha keropok • 30% peniaga • 30% kerajaan, swasta, buruh, 	<ul style="list-style-type: none"> • perikanan • perniagaan runcitan/makan/minum
6. Wakaf Baru/Tanjung Jaafar	• 2,500	• 500	<ul style="list-style-type: none"> • 20% nelayan pesisir • 10% nelayan laut dalam • 15% peniaga runcitan/makan/minum • 35% kerajaan, swasta • 30 buruh, kerja sendiri 	<ul style="list-style-type: none"> • perniagaan runcitan/makan/minum
7. Kg. Teluk Ketapang	• 3,500	• 700	<ul style="list-style-type: none"> • 30% nelayan pesisir/awak2 • 70% kerajaan, swasta, buruh, peniaga, sendiri 	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Pelancongan • IKS – peniagaan keropok dll yang berkaitan hasil laut
8. Gong Badak	• 4,303	• 662	<ul style="list-style-type: none"> • 50% kerajaan,swasta • 15% pembuatan & perkilangan • 15% peniaga runcit & borong • 15% kedai makan/minum • 4 % buruh, sendiri • 1% nelayan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Pendidikan Tinggi (UMT, UDM, Inst. Perguruan, MRSM) • Pusat Perindustrian • Pelancongan • IKS • Stadium Sultan Mizan
9. Tok Jembal	• 3,500	• 700	<ul style="list-style-type: none"> • 15% nelayan pesisir • 50% kerajaan/swasta • 25% berniaga runcitan/makan/minum • 10% bekerja sendiri lain 	<ul style="list-style-type: none"> • sama seperti di Gong Badak
10. Kg. Kubang Badak	• 669	• 124	<ul style="list-style-type: none"> • 15% nelayan pesisir • 25% kerajaan • 10% swasta • 25% buruh/sendiri • 15% peniaga • 10% penganggur 	<ul style="list-style-type: none"> • sama seperti di Gong Badak

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Kepesatan pembangunan tersebut membawa kepada peluang perniagaan runcitan dan PKS yang lebih baik kepada penduduk sekitar. Sejumlah besar daripada mereka menceburkan diri dalam perniagaan makan/minum, runcitan, fotokopi dan lain-lain lagi.

5.2.4 DUN Tepoh

Kawasan kajian keempat, ialah kawasan DUN Tepoh (bahagian pantai). DUN ini merupakan kawasan yang besar. Justeru, kawasan kampung-kampung ini dibahagikan kepada dua bahagian utama, iaitu, bahagian sebelah darat, dan bahagian sebelah pantai. Bagi menepati ciri responden kajian, maka kawasan DUN Tepoh bahagian pantai sahaja dikenalpasti bagi mendapatkan 75 orang responden DUN ini. Daripada 14 buah kampung DUN Tepoh Pantai ini, hanya 11 buah kampung dipilih sebagai kawasan kajian. Jadual 5.4 di bawah menunjukkan profil ringkas setiap kampung tersebut.

Empat daripada 11 buah kampung yang dipilih di kawasan DUN Tepoh masih mempunyai sejumlah ramai penduduknya yang bekerja sebagai nelayan. Kampung Banggol Mengabang Telipot, Kampung Kolam dan Kg. Banggol Gong Pok Jin masing-masing dengan 70 peratus penduduknya adalah nelayan. Sementara lebih separuh (60 peratus) di Kampung Alor Jambu mereka juga bekerja sebagai nelayan. Kebanyakan daripada mereka adalah nelayan pesisir pantai.

Seperti kampung-kampung di DUN Seberang Takir, kawasan kampung di DUN Tepoh bahagian pantai ini juga adalah berhampiran dengan beberapa penggerak pembangunan ekonomi yang sama. Namun dari segi pembangunan hartanah seperti pembinaan taman-taman perumahan dan rumah-rumah seunit banglo masih berkurangan.

Jadual 5.4
 Profil kampung-kampung dalam DUN Tepoh (Bahagian Pantai)

DUN/KG	Jumlah penduduk (bil. orang)	Bil. Unit rumah/Jum. KK	Kategori pekerjaan utama KK/penduduk kg (peratus/bil.)	Sumber ekonomi utama kampung
4. DUN TEPOH (BHG. PANTAI)				
1. Kg. Tanjung Gelam	• 550	• 150	<ul style="list-style-type: none"> • 30% nelayan pesisir • 30% buruh/sendiri • 10% kerajaan • 10% pengusaha keropok kering • 10% surirumah • 10% orang tua lanjut usia 	<ul style="list-style-type: none"> • perikanan dan segala berkaitan dengan hasil laut • chalet
2. Kg. Tengah	• 400	• 110	<ul style="list-style-type: none"> • 30% nelayan pesisir • 30% buruh/sendiri • 20% kerajaan/swasta • 10% pengusaha keropok kering • 10% peniaga runcitan/makan/minum 	<ul style="list-style-type: none"> • perikanan dan segala berkaitan dengan hasil laut • chalet
3. Kg. Gong Datuk	• 450	• 125	<ul style="list-style-type: none"> • 25% nelayan pesisir • 30% buruh/sendiri • 25% kerajaan/swasta • 10% pengusaha keropok kering • 10% peniaga runcitan/makan/minum 	<ul style="list-style-type: none"> • perikanan • perniagaan runcitan/makan/minum
4. Kg. Padang Nenas	• 650	• 275	<ul style="list-style-type: none"> • 20% nelayan pesisir/awak-awak • 20% peniaga runcit/ makan/minum/bengkel kereta/motor • 30% kerajaan/swasta • 30% kerja sendiri lain-lain 	<ul style="list-style-type: none"> • perikanan • perniagaan runcitan/makan/minum
5. Kg. Kolam	• 495	• 195	<ul style="list-style-type: none"> • 70% nelayan pesisir & awak2 • 10% kerajaan/ swasta • 10% berniaga runcitan/makan/minum • 10% buruh/kerja sendiri lain-lain 	<ul style="list-style-type: none"> • perikanan
6. Kg. Banggol Mengabang Telipot	• 280	• 110	<ul style="list-style-type: none"> • 70% nelayan pesisir & awak2 • 10% kerajaan/ swasta • 10% berniaga runcitan/makan/minum • 10% buruh/kerja sendiri lain-lain 	<ul style="list-style-type: none"> • perikanan
7. Kg. Wakaf Tengah	• 650	• 250	<ul style="list-style-type: none"> • 40% kerajaan/swasta • 15% nelayan pesisir/awak-awak • 20% peniaga runcitan/makan/minum/bengkel kereta/motor • 25% buruh/kerja sendiri lain 	<ul style="list-style-type: none"> • Perniagaan runcitan/makan/minum • pusat pendidikan – MRSM/Institusi Perguruan
8. Kg. Gong Sekolah	• 475	• 190	<ul style="list-style-type: none"> • 40% kerajaan/swasta • 15% nelayan pesisir/awak-awak • 20% peniaga runcitan/makan/minum/bengkel kereta/motor • 25% buruh/kerja sendiri lain 	<ul style="list-style-type: none"> • Perniagaan runcitan/makan/minum
9. Kg. Pantai Pangkalan Maras	• 659	• 190	<ul style="list-style-type: none"> • 30% nelayan pesisir • 40% kerajaan/swasta • 15% penjual ikan/peniaga runcitan/makan/minum • 15% buruh/kerja sendiri lain 	<ul style="list-style-type: none"> • perikanan dan segala berkaitan dengan hasil laut
10. Kg. Banggol Gong Pok Jin	• 500	• 215	<ul style="list-style-type: none"> • 70% nelayan pesisir • 30% kerajaan, swasta, berniaga, buruh, sendiri 	<ul style="list-style-type: none"> • perikanan dan segala berkaitan dengan hasil laut
11. Kg. Alor Jambu	• 1,200	• 321	<ul style="list-style-type: none"> • 60% nelayan pesisir & awak2 • 40% kerajaan, swasta, berniaga, buruh, sendiri 	<ul style="list-style-type: none"> • perikanan dan segala berkaitan dengan hasil laut

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Selain daripada sektor ekonomi penduduk yang bersandarkan kepada perikanan, khususnya sebagai nelayan pesisir pantai, sebahagian kecil daripada penduduk juga mula 'berjinak-jinak' dengan bidang perniagaan. Mengambil peluang dari kemajuan

dan pembangunan di kawasan sekeliling, sebahagian kecilnya juga telah berniaga kedai makan/minum, runcitan dan lain-lain lagi.

Umumnya, semua kampung yang dipilih mempunyai kemudahan infrastruktur yang baik seperti jalanraya, elektrik dan bekalan air paip. Kemudahan lain yang ada disediakan oleh Kerajaan seperti sekolah rendah dan menengah, klinik kerajaan, taska/tadika KEMAS, masjid dan surau, pejabat pos, dewan pelbagai guna dan pondok polis. Hanya dari susun atur rumah di beberapa buah kampung dalam keadaan daif dan tidak teratur, terutamanya di kawasan kediaman 'tanah haram'. Misalnya, sistem sanitasi dan pamparitan yang tidak sempurna dengan rumah kediaman dan tempat menjalankan perusahaan bersumberkan laut, berada dalam satu lingkungan kawasan kediaman.

5.3 PROFIL RESPONDEN

Data kajian lapangan ini diperolehi mulai pertengahan 2007 hingga awal 2008. Komuniti pesisir pantai yang dipilih sebagai responden kajian ialah ketua keluarga masing-masing. Seramai 300 orang daripada komuniti pesisir pantai dipilih menggunakan kaedah 'sampel bertujuan' (purposive sampling). Kaedah ini dilakukan berdasarkan tiga kriteria yang menjadi prasyarat utama bagi pemilihan responden kajian iaitu:

- (1) mereka mesti ketua keluarga yang berketurunan (datuk/nenek) nelayan;
- (2) mereka yang tinggal berhampiran dengan pantai (kurang dari jarak 5 km mengikut definisi rasmi) ;

(3) mereka berada dalam persekitaran komuniti terpinggir yang kebanyakannya berada di kawasan luar bandar dan pinggir bandar.

5.3.1 Jantina, umur dan taraf perkahwinan

Sejumlah 300 orang daripada komuniti pesisir pantai yang dipilih, terdiri daripada 290 orang (97 peratus) lelaki dan 10 orang (3 peratus) perempuan. Kesemua ketua keluarga tersebut telah berkahwin. Daripada 300 orang jumlah tersebut, hanya 16 orang (5 peratus) berstatus ibu atau bapa tunggal (keluarga induk tunggal), iaitu duda, balu atau janda yang kehilangan pasangan akibat kematian atau perceraian. Manakala, sejumlah besar, iaitu, 95 peratus (284 orang) adalah keluarga induk berpasangan (suami/isteri).

Berdasarkan struktur usia, majoriti responden (32 peratus) adalah dari golongan usia sederhana tua (50-59 tahun). Sementara golongan separuh usia (40-49 tahun) dan golongan tua (60-69 tahun) masing-masing mewakili 29 peratus dan 18 peratus. Golongan tenaga muda (23-49 tahun) pula mewakili sebanyak 16 peratus. Golongan tua lanjut usia (70 tahun dan ke atas), hanya mewakili sebahagian kecil responden (5 peratus) sahaja (Jadual 5.5). Umur responden yang paling muda ialah 23 tahun, dan yang paling tua berusia 81 tahun.

Penemuan ini menunjukkan kebanyakan ketua keluarga merupakan responden yang berada dari golongan usia pertengahan. Dalam usia sebegini, mereka adalah yang telah matang sebagai pembuat keputusan dan mempunyai kerjaya yang stabil dalam pembinaan diri dan keluarga yang berkualiti.

Jadual 5.5
 Profil asas responden

Kategori	Bil (N=300)	Peratusan (100.0)
<i>Jantina</i>		
• Lelaki	290	97.0
• Perempuan	10	3.0
<i>Taraf perkahwinan</i>		
• Berkahwin	284	94.7
• Balu/duda	13	4.3
• Bercerai	3	1.0
<i>Umur (tahun)</i>		
• 15 – 39	47	15.7
• 40 – 49	86	28.7
• 50 – 59	96	32.0
• 60 – 69	55	18.3
• 70 dan ke atas	16	5.3

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Pengkategorian umur ini disusun berdasarkan definisi tenaga kerja yang dinyatakan oleh Jabatan Statistik Malaysia di mana tenaga kerja ini ialah mereka yang berusia 15-64 tahun. Justeru, untuk tujuan analisis kajian ini, 15-39 tahun adalah tenaga kerja muda (belia) (Malaysia, 2006); 40-49 tahun ialah tenaga kerja separuh usia; 50-59 tahun ialah tenaga kerja sederhana tua; 60-69 tahun ialah tenaga kerja tua (mengikut definisi rasmi umur 60 tahun dan ke atas dianggap warga tua); dan 70 tahun dan ke atas ialah lanjut usia.

5.3.2 Tempoh menetap, jenis dan status pemilikan rumah kediaman

Survei menggunakan soalselidik yang dilakukan untuk kajian ini digabungkan dengan kaedah pemerhatian ke atas kehidupan komuniti pesisir pantai ini, khususnya meneliti jenis-jenis rumah yang didiami. Kebanyakan temubual dilakukan di rumah kediaman responden sendiri. Hampir keseluruhan komuniti ini menduduki jenis rumah kampung (90 peratus).

Disebabkan beberapa perubahan dan penambahbaikan yang dilakukan pada rumah mereka, pengkaji membahagikan jenis rumah kampung kepada dua, iaitu, rumah kampung tradisional (rumah kayu lama sepenuhnya) dan rumah kampung moden (rumah kayu lama dan sebahagian rumah batu). Daripada jumlah tersebut, hampir separuh responden (48 peratus) mendiami jenis rumah kampung moden, dengan majoriti (78 peratus) adalah milik sendiri responden, dan bakinya milik keluarga (ibu bapa) sebanyak 17 peratus, dan 6 peratus tinggal menyewa (Jadual 5.6).

Jadual 5.6
Pemilikan rumah responden

Kategori	Bil (N=300)	Peratusan (100.0)
<i>Tempoh Menetap</i>		
• kurang 10 tahun	7	2.3
• 10 – 20 tahun	18	6.0
• lebih 20 tahun	32	10.7
• sejak lahir	243	81.0
<i>Status Pemilikan Rumah</i>		
• Milik sendiri	233	77.7
• Milik keluarga	50	16.6
• Menyewa	17	5.6
<i>Jenis Rumah</i>		
• Rumah Kg. Moden	143	47.7
• Rumah Kg. Tradisional	127	42.3
• Rumah teres	13	4.4
• Rumah Berkembar	3	1.0
• Banglo (rumah sebuah)	9	3.0
• Flat	5	1.7

Sumber: Kerja lapangan 2007/08

Sementara, 42 peratus responden mendiami rumah kampung tradisional, dengan majoriti (69 peratus) adalah milik sendiri, 24 peratus milik ibu bapa dan sebilangan kecil (7 peratus) menyewa. Kajian menunjukkan hanya peratusan kecil (8 peratus) yang memiliki sendiri rumah ‘batu baru’ sepenuhnya, sama ada jenis teres, teres berkembar dan banglo (rumah seunit di lot banglo) (Jadual 5.6).

Hasil kajian mendapati semua responden lahir di Terengganu, dengan majoriti (81 peratus) tinggal di kawasan kajian sejak lahir lagi. Bakinya sebanyak 19 peratus, adalah mereka yang telah berpindah dari kawasan sekitar di Kuala Terengganu ke kawasan kediaman sekarang. Antara faktor penyebab perpindahan seperti kawasan penempatan dahulu musnah disebabkan banjir besar yang melanda pantai, khususnya di Seberang Takir Pantai, berpindah ke rumah sendiri dari rumah ibu bapa atau mertua, dan juga kerana mengikut anak-anak berpindah.

5.3.3 Tahap pendidikan

Jadual 5.7 menunjukkan maklumat tentang pendidikan formal yang dimiliki oleh responden. Tahap pendidikan formal ini dibahagikan kepada enam klasifikasi, iaitu, tidak bersekolah, sekolah rendah, sekolah menengah rendah (SRP/PMR), sekolah menengah atas (SPM), Kolej/politeknik (sijil/diploma) dan universiti (ijazah/sarjana).

Jadual 5.7
Tahap pendidikan responden

Kategori	Bil.	Peratusan
• Tidak sekolah	24	8.0
• Sek. Rendah	164	54.7
• Sek. Menengah Rendah (SRP/PMR)	32	10.7
• Sek. Men. Atas (SPM)	57	19.0
• Kolej/Politeknik (sijil/diploma)	15	5.0
• Universiti (Ijazah pertama/Sarjana)	8	2.7
Jumlah	300	100.0

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Majoriti (55 peratus) daripada responden hanya bersekolah rendah, dengan sebilangan kecil tidak berjaya menamatkan persekolahan hingga darjah enam. Namun mereka ini

mengakui boleh membaca rumi dan jawi, mengira dan menulis. Sementara 19 peratus berjaya memperolehi SPM, dan 11 peratus SRP. Sebilangan kecil (8 peratus) berjaya memperolehi kelulusan pendidikan tinggi, iaitu, 5 peratus memiliki diploma/sijil, dan 3 peratus memiliki ijazah pertama atau sarjana. Hanya sebilangan kecil (8 peratus) yang tidak pernah ke sekolah. Mereka ini mengakui langsung tidak boleh membaca rumi, tapi 'sikit-sikit' boleh membaca tulisan jawi dan mengira.

5.3.4 Saiz Keluarga

Komuniti pesisir pantai ini mempunyai saiz keluarga yang agak besar. Saiz purata bagi sebuah keluarga dalam kajian ini ialah 6.6 orang. Bilangan purata anak dalam sebuah keluarga ialah 5.7 orang. Sementara bilangan purata tanggungan dalam sebuah keluarga pula ialah 4.8 orang.

Saiz keluarga yang besar ini diperlihatkan oleh data kajian, di mana hampir separuh (47 peratus) mempunyai bilangan ahli keluarga yang besar dengan 7 orang atau lebih. Bilangan anak yang dimiliki oleh keluarga komuniti pesisir juga 'amat memberangsangkan'. Sejumlah 35 peratus keluarga memiliki anak lebih daripada 7 orang. Majoriti (43 peratus) mempunyai bilangan anak yang sederhana jumlahnya iaitu 4-6 orang. Bilangan tanggungan responden umumnya masih ramai, dengan lebih separuh (67 peratus) ketua keluarga mempunyai lebih 4 orang tanggungan. Daripada jumlah tersebut, 22 peratus ketua keluarga ini mempunyai tanggungan sangat berat, iaitu, lebih daripada 7 orang tanggungan (Jadual 5.8).

Jadual 5.8
Saiz dan Tanggungan Keluarga

Kategori	Bilangan (N=300)	Peratusan (100.0)	Min
<i>Saiz keluarga</i>			6.6
• 1 – 3 org (kecil)	33	11.0	
• 4 – 6 org (sederhana)	125	41.7	
• 7 – 9 org (besar)	105	35.0	
• 10 & ke atas (sgt besar)	37	12.3	
<i>Bilangan anak</i>			5.7
• tiada anak lagi	7	2.3	
• 1 – 3 org (kecil)	60	20.0	
• 4 – 6 org (sederhana)	128	42.7	
• 7 – 9 org (ramai)	68	22.7	
• 10 & keatas (sgt ramai)	37	12.3	
<i>Bilangan tanggungan</i>			4.8
• 1 – 3 org (kecil)	98	32.7	
• 4 – 6 org (sederhana)	136	45.3	
• 7 – 9 org (berat)	50	16.7	
• 10 & keatas (sgt berat)	16	5.3	

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Meneliti dari aspek umur anggota komuniti ini, pola struktur keluarga umur 'muda' di mana golongan belia 39 tahun ke bawah, masih tidak mempunyai anak yang ramai. Seramai 62 peratus daripada mereka hanya mempunyai 1 hingga 3 orang anak sahaja. Namun jumlah ini mungkin akan bertambah bagi keluarga yang masih 'muda' ini.

Sementara pola struktur keluarga mereka yang berumur 70 tahun dan ke atas yang boleh diklasifikasikan keluarga di peringkat umur 'lanjut usia' ini adalah keluarga yang sangat besar, melebihi separuh (75 peratus) dan mempunyai anak 7 orang dan lebih. Sementara, keluarga yang diklasifikasikan di peringkat umur 'tua' (60-69 tahun), majoriti (55 peratus) juga mempunyai bilangan anak yang ramai (7 orang dan lebih). Begitu juga mereka yang berumur 'sederhana tua' (50-59 tahun), lebih separuh (52 peratus) mempunyai bilangan anak 7 orang dan lebih (lihat Jadual 5.9).

Jadual 5.9
Perbandingan struktur umur dan pekerjaan Ketua Keluarga dengan bilangan anak

Kategori umur/ Bilangan anak	0 (tiada lagi)	1-3 org	4-6 org	7-9 org	10> org	Jumlah
39 < tahun	7 (14.9)	29 (61.7)	10 (21.3)	1 (2.1)	0	47 (100.0)
40-49 tahun	0 (0.0)	19 (22.1)	55 (64.0)	10 (11.6)	2 (2.3)	86 (100.0)
50-59 tahun	0 (0.0)	7 (7.3)	39 (40.6)	32 (33.3)	18 (18.8)	96 (100.0)
60-69 tahun	0 (0.0)	4 (7.3)	21 (38.2)	19 (34.5)	11 (20.0)	55 (100.0)
70 & ke atas	0 (0.0)	1 (6.2)	3 (18.8)	6 (37.5)	6 (37.5)	16 (100.0)

Pekerjaan skrg/ Bilangan anak	0 (tiada anak)	1-3 org (kecil)	4-6 org (s/hana)	7-9 org (ramai)	10> org (sgt. ramai)	Jumlah
Nelayan	3 (2.1)	24 (17.0)	55 (39.0)	40 (28.4)	19 (13.5)	141 (100.0)
Pentadbiran	2 (4.4)	10 (22.2)	25 (55.6)	4 (8.9)	4 (8.9)	45 (100.0)
Perniagaan	1 (1.5)	17 (23.9)	27 (40.3)	15 (22.4)	8 (11.9)	68 (100.0)
Buruh	1 (2.1)	9 (21.3)	21 (44.7)	9 (19.1)	6 (12.8)	46 (100.0)
Jumlah	7 (2.3)	60 (20.0)	128 (42.7)	68 (22.7)	37 (12.3)	300 (100.0)

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Komuniti pesisir pantai, yang hampir daripada separuh bekerja sebagai nelayan mempunyai bilangan anak yang paling ramai. Hampir separuh (43 peratus) daripada 141 orang nelayan memiliki anak yang ramai, lebih 7 orang. Jumlah terbanyak bilangan anak ini juga diikuti seterusnya oleh golongan ahli perniagaan (34 peratus), dan golongan buruh am (32 peratus) (Jadual 5.9).

Hasil temubual mendapati ada kes di mana sebuah keluarga nelayan mempunyai anak yang paling ramai, iaitu, 21 orang, satu lagi keluarga mempunyai 15 orang anak, dan seorang lagi juga 12 orang anak (se-ibu dan se-bapa). Faktor kesusahan dan kemiskinan menyebabkan nelayan yang mempunyai 21 orang anak ini terpaksa menyerahkan lima orang daripada anak-anaknya kepada jagaan orang lain.

Masih kedapatan bagi anggota komuniti pesisir pantai yang mempunyai bilangan anak yang ramai, khususnya, golongan nelayan. Jumlah anak yang ramai di kalangan komuniti nelayan dilihat seperti kesinambungan tradisi bagi keluarga masyarakat kampung. Banyak kajian mengenai masyarakat luar bandar menunjukkan mereka selalunya mempunyai bilangan anak yang ramai. Bagi masyarakat desa, juga komuniti nelayan ini beranggapan bahawa anak adalah sebagai 'jaminan' mereka di usia tua kelak. Faktor kelahiran anak itu sebagai satu 'rezeki' yang dikurniakan kepada mereka sebagai satu perkara yang tidak boleh ditolak dan dihalang. Alasan-alasan sebegini juga dinyatakan oleh kebanyakan responden kajian ini.

Kajian mendapati hubungan dan ikatan kekeluargaan di kalangan komuniti pesisir pantai ini masih kuat antara satu sama lain. Misalnya, keakraban hubungan responden dengan ibu bapa masing-masing ditunjukkan dengan lebih separuh (61 peratus) menyatakan mereka tetap mengunjungi ibu bapa mereka setiap hari. Faktor geografi kedudukan rumah mereka yang berdekatan antara satu sama lain memberi kesempatan kepada mereka untuk mengekalkan silaturahim ini (Jadual 5.10).

Jadual 5.10
Kekerapan mengunjungi ibu bapa yang masih hidup

Kekerapan mengunjungi	Bilangan	Peratusan
Setiap minggu	34	24.3
Setiap bulan	11	7.9
Beberapa bulan sekali	4	2.9
Setahun sekali	5	3.6
Setiap hari	86	61.4
Jumlah	140	100.0

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Kemesraan dan keakraban hubungan antara ibu bapa dan anak juga ditunjukkan melalui tindakan mereka menyumbang wang saraan kepada ibu bapa mereka. Data menunjukkan peratusan yang tinggi, iaitu, 82 peratus daripada responden menyumbang wang kepada ibu bapa mereka, dengan 38 peratus daripadanya memberikan sumbangan setiap bulan dan 44 peratus hanya kadang-kadang. Hasil temubual menyatakan jumlah sumbangan yang diberi tidak banyak, dan umumnya jumlahnya tidak tetap setiap bulan kerana lebih bergantung kepada 'rezeki' yang diperolehi mereka setiap bulan. Namun begitu, sumbangan yang diberikan lebih kerap dalam bentuk barangan keperluan harian seperti ikan, sayuran dan beras.

Jadual 5.11
Hubungan dengan ahli keluarga

Hubungan	Renggang	sedehana	rapat sgt	rapat	Jumlah
Ibu bapa	1 (0.3)	9 (3.0)	161 (53.7)	129 (43.0)	300 (100.0)
Ibubapa mertua	4 (1.3)	13 (4.3)	173 (57.7)	110 (36.7)	300 (100.0)
Adik beradik	2 (0.7)	22 (7.3)	219 (73.0)	57 (19.0)	300 (100.0)
Adik beradik ipar	4 (1.3)	21 (7.0)	215 (71.7)	60 (20.0)	300 (100.0)
Saudara mara	3 (1.0)	40 (13.3)	221 (73.7)	36 (12.0)	300 (100.0)

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Selain daripada keakraban yang kukuh antara ibu bapa dan responden, hubungan yang rapat juga terjalin dengan ahli keluarga yang lain. Misalnya, hampir keseluruhan (94 peratus) responden menyatakan mempunyai hubungan yang rapat dengan ibu bapa mertua. Begitu juga hubungan yang rapat dengan adik beradik, ipar dan saudara mara yang lain (Jadual 5.11).

Kenyataan dan persepsi tentang keutuhan ikatan kekeluargaan komuniti pesisir pantai ini dapat ditunjukkan melalui nilai keluarga di kalangan responden ini. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.6, nilai kekeluargaan yang dipegang oleh komuniti ini masih sangat kuat. Misalnya, apabila ditanya mengenai penjagaan terbaik untuk ibu bapa yang sudah tua atau mengalami keuzuran, majoriti yang besar bersetuju bahawa mereka patut tinggal dan dijaga oleh sama ada tinggal bergilir dengan anak (89 peratus), ataupun tinggal dengan seorang anak dengan perbelanjaan dikongsi dengan adik beradik yang lain (82 peratus). Data juga menunjukkan peratus yang tinggi menolak cadangan ibu bapa yang sudah tua ini dijaga oleh pihak lain, dengan 98 peratus responden tidak setuju ibu bapa dijaga oleh kebajikan masyarakat, ataupun 'orang gaji' (69 peratus) (Jadual 5.12).

Jadual 5.12
Tingkhklaku responden mengenai penjagaan yang paling baik untuk ibu bapa yang sudah tua/uzur dan pandangan responden tentang keluarga

	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	setuju	Sangat setuju	Jumlah
Penjagaan ibu bapa sudah tua/uzur						
• Letak di rumah kebajikan masyarakat	197 (65.7)	96 (32.0)	3 (1.0)	4 (1.3)	-	300 (100.0)
• Tinggal rumah mereka sendiri tapi ada pembantu jaga	10 (3.3)	197 (65.7)	15 (5.0)	78 (26.0)	-	300 (100.0)
• Tinggal bergilir dengan anak	2 (0.7)	23 (7.7)	8 (2.7)	240 (80.0)	27 (9.0)	300 (100.0)
• Tinggal dengan seorang anak, tapi berkongsi perbelanjaan	3 (1.0)	35 (11.7)	15 (5.0)	241 (80.3)	6 (2.0)	300 (100.0)
Pandangan tentang keluarga						
• Tanggungjawab anak jaga ibu bapa yang telah tua	-	-	-	165 (55.0)	135 (45.0)	300 (100.0)
• Masalah wang—keluarga tempat minta tolong yang terbaik	1 (0.3)	35 (11.7)	15 (5.0)	219 (73.0)	30 (10.0)	300 (100.0)
• Kerja lebih penting daripada keluarga	11 (3.7)	200 (66.7)	4 (1.3)	79 (26.3)	6 (2.0)	300 (100.0)
• Amalan balik kampung & ziarah keluarga kerana terpaksa	9 (3.0)	239 (79.7)	4 (1.3)	48 (16.0)	-	300 (100.0)

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Nilai kekeluargaan yang akrab dan kuat ini juga ditunjukkan oleh data kajian hasil reaksi responden mengenai pandangan mereka yang merujuk kepada ‘kepentingan keluarga’ bagi diri mereka sendiri. Hasil kajian menunjukkan 100 peratus bersetuju bahawa ibu bapa adalah tanggungjawab anak-anak untuk menjaganya. Kebanyakan responden juga merasakan betapa pentingnya institusi kekeluargaan sebagai satu sistem sokongan.

Misalnya, apabila ditanya sama ada mereka merasakan kerja itu lebih penting dari keluarga, hanya 28 peratus sahaja yang bersetuju, sementara majoriti daripada mereka tidak bersetuju (70 peratus), dan hanya 1 peratus sahaja yang tidak pasti. Apabila menghadapi kesusahan, termasuk masalah kewangan, majoriti (83 peratus) responden menyatakan keluarga adalah tempat bergantung utama untuk minta tolong, dan hanya 12 peratus yang tidak bersetuju dan 5 peratus tidak pasti. ‘Bernilainya’ ikatan kekeluargaan itu juga diperlihatkan apabila majoriti (83 peratus) responden tidak bersetuju dengan pandangan balik kampung dan menziarah saudara mara dilakukan kerana terpaksa (Jadual 5.12). Menurut salah seorang responden ini :

“betul lah puan duit itu penting...tapi bagi saya duit boleh dicari dan diganti tapi keluarga tak boleh...tapi kita mesti rajin keje lah...jangan dok [pulak] berharap simpati keluarga saja-saja dok...[gelak kecil]...”

5.3.5 Klasifikasi Pekerjaan Dan Sektor Perkhidmatan

Berdasarkan kriteria pekerjaan sebagai nelayan oleh datuk/moyang responden sebagai asas, kajian menunjukkan kategori pekerjaan generasi berikutnya boleh dibahagikan kepada empat kategori, iaitu, nelayan, pentadbiran, perniagaan dan buruh. Pembahagian guna tenaga di kalangan komuniti pesisir pantai dalam kajian ini tidak

mengikut kumpulan pekerjaan utama diklasifikasi berdasarkan Piawai Pengelasan Pekerjaan Malaysia 1998 (Malaysia, 2006: 253).

Ini berdasarkan data kajian lapangan yang dilakukan pada 2007/08, majoriti, iaitu 85 peratus adalah mereka yang bekerja sendiri seperti nelayan serta berniaga kecil-kecilan (perusahaan kecil dan sederhana serta runcitan) dan pekerja asas (termasuk penjual tepi jalan, pencuci dan buruh pembinaan dan penyelenggaraan) (Malaysia, 2006: 253). Hanya 15 peratus bekerja dalam bidang pentadbiran yang bergaji tetap, dengan 8 orang daripadanya pensyarah, guru siswazah dan pegawai pentadbiran. Justeru, pembahagian pekerjaan kepada empat kategori tersebut dilihat sebagai 'penanda aras' bagi memperlihatkan sejauhmana 'kadar mobiliti' di kalangan generasi nelayan kini terbentuk terjadi.

Pekerjaan nelayan dibahagikan kepada empat jenis, iaitu, sebagai juragan laut dalam, awak-awak laut dalam, tekong laut dalam dan nelayan pesisir. Nelayan laut dalam di dalam kajian ini adalah mereka yang mempunyai lesen zon B. Juragan laut dalam pula majoriti daripadanya ialah tuan punya bot itu sendiri. Mereka ini dianggap sebagai 'golongan nelayan kelas atasan' di kalangan komuniti pesisir pantai.

Jenis-jenis pekerjaan yang diletakkan dalam kategori pentadbiran ialah guru, pensyarah maktab perguruan, jurutera, juruteknik, kerani, pembantu am rendah (PAR), pegawai tadbir, tentera dan polis. Ciri utama pekerjaan yang diletakkan di bawah pentadbiran ini adalah mereka mendapat pendapatan tetap setiap bulan sama ada bekerja dalam sektor awam, kerajaan negeri atau swasta. Kategori pentadbiran

digunakan untuk membezakan mereka yang tidak mempunyai pendapatan tetap, iaitu, buruh, nelayan dan peniaga.

Jenis-jenis perniagaan pula ialah seperti pengusaha keropok lekor dan keropok kering, peniaga/peraih/dagangan ikan, pengusaha ikan bilis dan ikan kering, peniaga kedai runcit, kedai makan/minum, pengusaha bengkel kereta, kontraktor kelas F, pengusaha batik Terengganu, pengusaha kraftangan, dan pengusaha makanan tradisional.

Jenis-jenis pekerjaan kategori buruh pula ialah jaga, tukang rumah, tukang buat bot, tukang paip, tukang masak, pemandu, kontrak buruh kasar, menyang ikan keropok, tukang kebun dan kerja-kerja kampung sendiri.

Seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.13, komuniti pesisir pantai kini telah semakin mempelbagaikan sumber pendapatan utama mereka, iaitu tidak bergantung sepenuhnya kepada hasil laut. Namun, jumlah terbesar sekitar hampir separuh (47 peratus) daripada responden masih menjadi nelayan. Bidang perniagaan pula menjadi pilihan kedua responden dengan 23 peratus daripada responden ini menceburkan diri sebagai ahli perniagaan sebagai sumber pendapatan utama mereka. Seterusnya, sebanyak 15 peratus daripada responden masing-masing bekerja dalam kategori pentadbiran dan buruh.

Jadual 5.13
Kategori pekerjaan dan klasifikasi sektor perkhidmatan responden sekarang

A. Kategori pekerjaan	Bil.	Peratusan
Nelayan	141	47.0
Nelayan pesisir	89	63.1
Juragan	34	24.1
Awak-awak	13	9.2
Tekong	5	3.5
Pentadbiran	45	15.0
Pensyarah/guru	8	17.8
Imam	2	4.4
Juruteknik	4	8.9
Kerani	11	24.4
Pegawai tadbir	4	8.9
PAR	10	22.2
Pengerusi JKKK	6	13.3
Perniagaan	68	22.7
Kedai makan/minum	9	13.4
Kedai runcit	7	10.4
Kontraktor	11	14.9
Bengkel kereta	3	4.5
Pengusaha ikan bilis/ikan kering	2	3.0
Kedai perabot rotan	1	1.5
Pengusaha kayu	1	1.5
Pengusaha makanan tradisional	4	6.0
Pemproses makanan ternakan	1	1.5
Peniaga daging	1	1.5
Peniaga keropok lekor/kering	10	14.9
Peniaga/peraih ikan	9	13.4
Penjaja ikan/sayuran	2	3.0
Pengusaha buat bot	1	1.5
Pengusaha batik	1	1.5
Pengusaha kraftangan	1	1.5
Pengajar memandu kereta	1	1.5
Kedai gunting rambut	2	3.0
Kedai aksesori akuarium	1	1.5
Buruh	46	15.3
Jaga	3	6.4
Buruh kasar	13	27.7
Kilang papan	2	4.3
Pemandu	8	17.0
Pembuat kerepek	1	2.1
Pencerap batik	1	2.1
Penyiang ikan keropok	2	4.3
Tukang bot	3	6.4
Tukang rumah	9	19.1
Tukang kebun	2	4.3
Tukang masak	2	4.3
B. Sektor Perkhidmatan	Bil.	Peratusan
Sektor Awam	46	15.3
Sektor Swasta	19	6.3
Bekerja Sendiri	187	62.3
Dengan Orang Perseorangan	44	14.6
Perniagaan Keluarga	4	1.3
Jumlah	300	100.0

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Daripada 141 orang yang berkerja sebagai nelayan, majoriti (63 peratus) adalah nelayan pesisir pantai. Mereka menggunakan bot enjin sangkut dan bekerja 'balik hari'. Sementara hampir satu perempat (24 peratus) nelayan bekerja sebagai juragan laut dalam zon B. Mereka ini memiliki bot laut dalam sendiri. Bakinya, 9 peratus sebagai awak-awak, dan 4 peratus sebagai tekong. Tekong ini adalah 'orang kanan' kepada juragan (Jadual 5.13).

Hanya sebilangan kecil, iaitu 45 orang daripada 300 responden bekerja dalam kategori pentadbiran. Secara relatifnya, mereka yang bekerja dalam kategori pentadbiran ini dianggap oleh komuniti ini sebagai orang yang berjaya dalam kehidupan. Walaupun sebahagian besar daripada mereka memperolehi jumlah pendapatan yang rendah, tetapi faktor 'kerja terjamin' dan 'kerja kerajaan' memberikan penghormatan tertentu pada kedudukan mereka dalam komuniti.

Seperti ditunjukkan dalam Jadual 5.13, pekerjaan sebagai kerani dan pembantu am rendah mewakili jumlah terbanyak, masing-masing 24 peratus dan 22 peratus. Seterusnya, 18 peratus bekerja dalam bidang pendidikan sebagai pensyarah dan guru. Bakinya, mereka yang bekerja dalam bidang khidmat masyarakat seperti pengerusi JKKK (13 peratus), 4 peratus masing-masing sebagai pegawai tadbir dan juruteknik, serta 4 peratus sebagai imam. Mereka yang menjalankan khidmat masyarakat seperti sebagai pengerusi, timbalan, setiausaha JKKK, dan imam masjid mendapat elaun tetap setiap bulan daripada kerajaan negeri.

Daripada 300 orang responden, 68 orang menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Jumlah terbanyak responden dalam kategori ini bekerja sebagai peniaga berasaskan

sumber laut, iaitu peniaga/peraih ikan (13 peratus), peniaga keropok lekor/kering (15 peratus) dan pengusaha ikan bilis/ikan kering (3 peratus). Mereka yang melibatkan diri sebagai kontraktor binaan berjumlah 15 peratus. Lain-lain perniagaan termasuk peniaga kedai runcit (10 peratus) dan kedai makan/minum (13 peratus) (Jadual 5.13).

Sejumlah 46 orang daripada responden adalah mereka yang bekerja dalam kategori buruh. Sebilangan besar (28 peratus) sebagai buruh kasar, bertukang rumah (19 peratus), dan pemandu (17 peratus). Bakinya bekerja sebagai jaga, tukang kebun, tukang masak dan seumpamanya (Jadual 5.13).

Seiringan dengan majoriti jenis pekerjaan responden terdiri daripada nelayan, peniaga, dan buruh, maka lebih separuh (62 peratus) daripada mereka adalah 'bekerja sendiri'. Sementara sebilangan kecil (15 peratus) bekerja dengan orang perseorangan, sebagai 'awak-awak' atau tekong yang membawa bot orang lain. Responden yang bekerja dalam kategori pentadbiran dan buruh pula kebanyakannya bekerja dalam sektor awam dan swasta (Jadual 5.13).

5.3.6 Komuniti Pesisir Dan Kepelbagaian Pekerjaan

Dilihat secara perbandingan 10 atau 15 tahun dahulu dari aspek 'mempelbagaikan sumber ekonomi dan pendapatan', kajian menunjukkan komuniti pesisir pantai kini telah semakin berubah. Kalau dahulu majoriti (72 peratus) responden tidak mempunyai kerja sampingan untuk menambah pendapatan, kini (2007/08) lebih separuh (55 peratus) menyatakan mempunyai kerja sampingan, dengan 39 peratus daripadanya bekerja sampingan di darat (Jadual 5.14).

Jadual 5.14
Pekerjaan sampingan ketua keluarga dan golongan nelayan
dahulu dan sekarang

A. <i>Pekerjaan sampingan ketua keluarga</i>	Dahulu (1997)	Sekarang (2007/08)
• Nelayan	37 (12.3)	47 (15.7)
• Pentadbiran	14 (4.7)	28 (9.3)
• Perniagaan	14 (4.7)	34 (11.3)
• Buruh	33 (11.0)	56 (18.7)
•Tiada kerja sampingan	216 (72.0)	135 (45.0)
Jumlah	300 (100.0)	300 (100.0)
B. <i>Pekerjaan sampingan golongan nelayan</i>		
• Pentadbiran	-	6 (4.3)
• Perniagaan	5 (3.2)	11 (7.9)
• Buruh	25 (15.9)	45 (32.1)
• Tiada kerja sampingan	127 (80.9)	78 (55.7)
Jumlah	157 (100.0)	140 (100.0)

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Penelitian yang lebih khusus bagi golongan nelayan itu sendiri juga didapati telah mengalami perubahan. Kajian memperlihatkan sebilangan besar responden yang bekerja sebagai nelayan sekarang telah mula membuka peluang untuk meningkatkan pendapatan dengan bekerja sampingan di darat (44 peratus). Daripada jumlah ini, satu pertiga (31 peratus) responden bekerja sampingan sebagai buruh am seperti tukang rumah, buruh binaan, buruh kilang dan lain-lain sepertinya.

Sebilangan kecil (8 peratus) pula berniaga kecil-kecilan seperti berniaga pasar malam, buat keropok kering dan keropok lekor dan lain-lain perniagaan. Bekerja khidmat masyarakat dalam kategori pentadbiran (4 peratus) seperti pengerusi, timbalan atau setiausaha JKJK juga boleh membantu kehidupan seharian dengan elaun bulanan yang diterima (Jadual 5.14).

Berbanding dalam tempoh 10/15 tahun dahulu, kini majoriti (81 peratus) nelayan tidak mempunyai kerja sampingan, peratusnya semakin berkurang kepada 56 peratus golongan nelayan ini masih tidak 'gemar' melakukan kerja sampingan. Ini memperlihatkan satu perubahan sikap yang positif di kalangan nelayan bagi memperbaiki atau 'menaik-taraf' kehidupan mereka. Bagi mereka yang tiada kerja sampingan, alasan yang diberi seperti sudah tua – tidak larat, tiada kerja yang sesuai dengan usia dan tidak minat langsung kerja darat.

5.3.7 Pendapatan Bulanan Ketua Keluarga Dan Keupayaan Menabung

Di Malaysia, sesebuah isi rumah dianggap miskin jika pendapatan isi rumah tersebut kurang daripada Petunjuk Garis Kemiskinan (PGK). PGK yang berbeza digunakan bagi Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Malaysia keseluruhannya. Di Semenanjung, PGK bagi bandar RM663, di luar bandar RM657 dan keseluruhan di Semenanjung RM661 (Malaysia, 2006: 347). Kajian tesis ini tidak menggunakan ukuran pendapatan analisis ekonomi yang mengukur kemiskinan berdasarkan pendapatan isi rumah. Tumpuan utama kajian ialah meneliti perubahan tahap pendapatan ketua keluarga dahulu dan sekarang. Komuniti pesisir pantai yang dikaji tergolong dalam masyarakat luar bandar yang kebanyakan masih berpendapatan rendah. Kajian menunjukkan mod taburan jumlah pendapatan ketua keluarga dahulu ialah hanya sebanyak RM500 sebulan, dan mod taburan pendapatan sekarang ialah RM1,000. Komuniti ini yang majoriti mempunyai saiz keluarga besar. Justeru, pergerakan jumlah pendapatan ketua keluarga, walaupun dalam skala yang kecil boleh memperlihatkan mobiliti mereka untuk 'keluar dari lingkaran' atau tidak.

Sehubungan dengan itu, pembahagian kategori pendapatan dibahagikan kepada lima, iaitu, golongan berpendapatan rendah (RM1000 dan ke bawah); sederhana rendah (RM1001 –RM3000); sederhana (RM3001 – 5000); sederhana tinggi (RM5001 – RM10,000); dan pendapatan tinggi (RM10,001 dan ke atas).

Kajian menunjukkan tahap pendapatan yang diperolehi oleh ketua keluarga telah mengalami peningkatan dari segi jumlah pendapatan bulanan walaupun dalam skala yang kecil peningkatannya. Misalnya, golongan pendapatan rendah berkurang sebanyak 2 peratus daripada 49 peratus dahulu kepada 47 peratus sekarang. Begitu juga mereka yang berpendapatan sederhana rendah berkurang sebanyak 4 peratus, iaitu, daripada 44 peratus dahulu kepada 40 peratus sekarang (Jadual 5.15).

Jadual 5.15
Kategori pendapatan dan kadar tabungan ketua keluarga komuniti pesisir pantai

A. Kategori pendapatan	dahulu (1997)	Sekarang (2007)
• Pendapatan rendah (RM1000 dan ke bawah)	148 (49.3)	142 (47.3)
• Pendapatan sederhana rendah (RM1001-3000)	131 (43.7)	121 (40.3)
• Pendapatan sederhana (RM3001-5000)	13 (4.3)	24 (8.0)
• Pendapatan sederhana tinggi (RM5001-10,000)	5 (1.7)	10 (3.3)
• Pendapatan tinggi (RM10,000 dan keatas)	3 (1.0)	3 (1.0)
Jumlah	300 (100.0)	300 (100.0)
B. Kadar tabungan		
• Lebih separuh simpan	2 (0.7)	3 (1.0)
• Separuh	5 (1.7)	8 (2.7)
• Satu pertiga	16 (5.3)	30 (10.0)
• Simpan sedikit	146 (48.7)	150 (50.0)
• Tidak simpan langsung	131 (43.7)	109 (36.3)

Sumber : Kajian lapangan 2007/08

Pengurangan peratusan mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana rendah itu bermakna ada peningkatan kepada yang berpendapatan sederhana dan sederhana

tinggi. Misalnya, mereka yang berpendapatan sederhana meningkat sebanyak 4 peratus, iaitu daripada 4 peratus dahulu kepada 8 peratus sekarang. Manakala, hanya 1 peratus peningkatan kepada mereka yang berpendapatan sederhana tinggi, iaitu daripada 2 peratus dahulu kepada 3 peratus sekarang.

Hanya 1 peratus daripada ketua keluarga ini yang berupaya mengekalkan jumlah pendapatan mereka pada tahap tinggi, iaitu RM10,000 dan ke atas. Mereka yang memiliki tahap pendapatan pada kadar tinggi dahulu itu ialah dua orang bekerja sendiri sebagai juragan laut dalam zon B, dan seorang ahli perniagaan dalam perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Manakala mereka yang memiliki jumlah pendapatan tahap tinggi sekarang juga adalah mereka yang bekerja sendiri, dua orang sebagai ahli perniagaan PKS dan seorang lagi sebagai juragan laut dalam zon B.

Keupayaan menabung boleh dilihat sebagai perubahan sikap yang positif untuk berubah kepada cara hidup yang lebih baik. Hasil daripada temubual mendapati bahawa masyarakat pesisir pantai khususnya golongan nelayan mempunyai tabiat 'tidak menabung'. Alasan yang lazim diberikan ialah 'rezeki ikan di lautan akan tetap ada esoknya', dan ada yang menganggap duit sebagai 'awak-awak' yang bekerja di laut dalam sebagai 'panas' maka mata pencarian yang diperolehi itu 'tidak atau kurang keberkatan' kerana mereka sering meninggalkan suruhan agama, khususnya sembahyang. Hakikat bahawa mereka mempunyai pendapatan yang terhad dan tidak banyak lebihan untuk tabungan merupakan faktor objektif mengapa mereka tidak menabung.

Dapatan ini dikukuhkan dengan data empirikal yang menunjukkan hampir separuh (44 peratus) responden tidak ada menyimpan tabungan langsung dahulu dan juga sekarang. Golongan terbanyak ini, iaitu, lebih daripada separuh (66 peratus) yang tidak menyimpan langsung ini adalah golongan nelayan (lihat Jadual 5.15). Sementara, komuniti pesisir pantai yang bekerja sebagai peniaga adalah golongan yang mempunyai tabiat menyimpan yang baik. Khususnya peniaga berjaya seperti kontraktor dan dagangan (orang tengah/peraih ikan) yang mengakui ada membuat simpanan pendapatan mereka satu pertiga, separuh dan juga lebih daripada separuh.

Lebih separuh (58 peratus) daripada 142 orang ketua keluarga yang mempunyai tahap pendapatan rendah mengakui tidak langsung menyimpan, dan bakinya (42 peratus) pula menyatakan ada menyimpan sedikit. Namun menurut mereka, ini bukanlah satu simpanan kekal, kerana ia akan digunakan semasa musim tengkujuh kelak.

Hasil kajian menunjukkan dari segi persepsi diri sendiri, lebih separuh (54 peratus) mengakui bahawa tahap pendapatan mereka lebih baik jika dibandingkan dengan 10/15 tahun dahulu. Sementara itu, satu pertiga (31 peratus) pula menyatakan tahap pendapatan mereka sama sahaja dahulu dan sekarang. Bakinya (15 peratus) menyatakan tahap pendapatan mereka berada di tahap kurang baik (Jadual 5.16). Daripada 141 orang nelayan, hampir separuh (43 peratus) mengakui tahap pendapatan mereka lebih baik berbanding 10/15 tahun dahulu. Sementara lebih satu pertiga (36 peratus) pula menyatakan tiada mengalami apa-apa perubahan tahap pendapatan mereka dahulu dan sekarang.

Jadual 5.16
Persepsi diri terhadap tahap pendapatan
sekarang berbanding dahulu

Persepsi diri	Bil.	Peratusan
Amat lebih baik	23	7.7
Lebih baik	139	46.3
Sama sahaja	93	31.0
Kurang baik	45	15.0
Jumlah	300	100.0

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Golongan nelayan adalah peratusan tertinggi (67 peratus) yang mengakui mempunyai persepsi diri berada di tahap yang kurang baik, dan lebih separuh (54 peratus) juga menyatakan tahap pendapatan diri berada pada tahap yang sama. Begitu juga hampir separuh (45 peratus) di kalangan pekerja buruh menyatakan tahap pendapatan mereka sama saja 10/15 tahun dahulu dan sekarang.

Pengakuan dan persepsi diri sendiri ini adalah selari dengan perbandingan jumlah pendapatan yang mereka perolehi. Data menunjukkan daripada 45 orang dan 93 orang ketua keluarga yang menyatakan persepsi diri mereka kurang baik dan sama sahaja, majoriti (71 peratus) dan 63 peratus masing-masing adalah daripada mereka yang mempunyai pendapatan rendah (RM1000 dan ke bawah).

5.4 PEMILIKAN ASET

Aset-aset yang dimiliki oleh komuniti pesisir pantai ini dibahagikan kepada dua kategori utama, iaitu aset umum dan aset pilihan. Aset umum ialah merangkumi alat kemudahan asas rumah yang terdiri daripada peti sejuk, dapur gas, kerusi set sofa,

mesin basuh, kipas, televisyen, mesin jahit, vcd/dvd, talipon rumah, telefon bimbit sendiri, telefon bimbit anak, motosikal, tanah, kereta impot lama dan rumah sendiri.

Sementara aset pilihan pula ialah barang-barang mewah yang terdiri daripada penghawa dingin, astro, sistem audio hi-fi, kamera video, insuran nyawa, rumah sewa, saham amanah, komputer peribadi, kad kredit biasa, kad kredit emas, internet, kereta nasional, kereta impot baru, van/lori, kereta pacuan 4 roda, motosikal berkuasa tinggi dan rumah kedua.

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5.17 di bawah, semua responden telah memiliki aset umum dengan minimum tujuh aset umum. Malahan semakin ramai daripada mereka telah berupaya memiliki sejumlah besar aset umum tersebut. Misalnya, lebih separuh (61 peratus) telah memiliki 12 hingga 15 item aset umum sekarang berbanding dahulu (28 peratus).

Jadual 5.17
Pemilikan aset umum dan aset pilihan komuniti pesisir pantai dahulu dan sekarang

	Dahulu (1997)	Sekarang (2007)
<i>Kategori aset umum</i>		
• Tiada	-	-
• 7 item dan ke bawah	68 (22.7)	14 (4.7)
• 8-11 item	143 (47.7)	98 (2.7)
• 12-15 item	85 (28.3)	182 (60.7)
• 16 item dan ke atas	4 (1.3)	6 (2.0)
<i>Kategori aset pilihan</i>		
• Tiada	109 (36.3)	65 (21.7)
• 1-3 item	184 (61.3)	147 (49.0)
• 4-7 item	7 (2.3)	76 (25.3)
• 8 item dan ke atas	-	12 (4.0)
Jumlah	300 (100.0)	300 (100.0)

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Begitu juga dengan pemilikan aset pilihan yang telah menunjukkan peningkatan dalam pemilikannya di kalangan komuniti pesisir ini. Hampir sepertiga (25 peratus) daripada mereka sekarang berupaya memiliki 4 hingga 7 item aset pilihan, seperti kereta nasional, saham amanah (ASB), dan astro. Sementara, 4 peratus daripada mereka sekarang berupaya memiliki 8 item dan ke atas daripada 17 aset pilihan mewah adalah mereka yang bekerja sebagai guru, pensyarah dan ahli perniagaan yang berjaya (Jadual 5.17).

5.5 RUANG SOSIAL DAN INTERAKSI KOMUNITI

Menurut Firth dalam kajiannya tentang komuniti nelayan Melayu, "*A kampung is not normally an administrative unit or religious unit, but it is a social unit with some degree of solidarity and neighbourly feelings*" (Firth 1966: 4). Banyak kajian terdahulu, khususnya sejak abad ke 19, perkara utama yang dititikberatkan dalam pengkajian sains sosial adalah mengenai proses industrialisasi dan urbanisasi akan membawa kepada penghapusan komuniti. Salah satunya hipotesis komuniti pesisir pantai dalam kajian ini, ialah sebuah masyarakat kampung yang masih wujud ciri-ciri tradisional seperti konsep *gemeinschaft* dalam kehidupan hariannya.

Kajian menunjukkan aktiviti kejiwaan dalam komuniti pesisir pantai ini masih kuat dilakukan dan menjadi amalan tradisi di kalangan anggota masyarakat. Hampir keseluruhan responden menyatakan aktiviti-aktiviti kejiwaan dalam komuniti masih kerap dilakukan seperti aktiviti di surau atau masjid, kenduri kahwin yang dibuat secara gotong royong, dan jiran-jiran saling membantu bila ada kematian. Begitu juga dengan amalan tolong menolong dan saling mengenali, mereka menyatakan bukan

sahaja setakat anggota komuniti kampung mereka sendiri, bahkan boleh mengenali anggota komuniti di kampung sebelah menyebelahnya juga.

Hampir di keseluruhan kampung dikaji, responden masih mempunyai tempat mengaji al-Quran untuk anak-anak mereka belajar. Ada sebahagian tempat ada 'tok guru' yang mengajar tanpa bayaran khusus, dan ada sebahagian kampung yang telah diperuntukkan sejumlah kecil bayaran khas melalui JKKK kepada 'tok guru' mengaji tersebut. Namun begitu, aktiviti bertukar-tukar makanan sebagai satu amalan tradisi diakui oleh majoriti responden semakin kurang dilakukan. Aktiviti bertukar-tukar makanan ini hanya lebih aktif pada bulan Ramadan (Jadual 5.18).

Jadual 5.18
Aktiviti dalam komuniti dan penglibatan responden dalam aktiviti kejiwaan

	Ada	Kadangkala	Tidak pasti	Jumlah
Aktiviti dalam komuniti				
• Aktiviti di surau/masjid	282 (94.0)	11 (3.7)	7 (2.3)	300 (100.0)
• Jiran saling mengenal & membantu	281 (93.7)	13 (4.3)	6 (2.0)	300 (100.0)
• Kenduri kawin secara gotong-royong	278 (92.7)	16 (5.3)	6 (2.0)	300 (100.0)
• Bila ada kematian, jiran saling bantu	289 (96.3)	8 (2.7)	3 (1.0)	300 (100.0)
• Jiran saling bertukar makanan	63 (21.0)	197 (65.7)	8 (2.7)	300 (100.0)
• Ada tempat anak belajar Al-quran	272 (90.7)	12 (4.0)	16 (5.3)	300 (100.0)
• Jiran buat majlis agama, dijemput	284 (94.7)	13 (4.3)	3 (1.0)	300 (100.0)
	Ada	Sekali sekala	Tidak	Jumlah
Penglibatan dalam aktiviti komuniti				
• Ke surau/masjid	143 (47.7)	152 (50.7)	5 (1.7)	300 (100.0)
• Saling membantu jiran	199 (66.3)	100 (33.3)	1 (0.3)	300 (100.0)
• Kenduri kahwin ikut bergotong royong	195 (65.0)	103 (34.3)	2 (0.7)	300 (100.0)
• Kematian saling membantu jiran	201 (67.0)	98 (32.7)	1 (0.3)	300 (100.0)
• Saling tukar makanan dengan jiran	104 (34.7)	177 (59.0)	19 (2.3)	300 (100.0)
• Hadirkan diri ke majlis keagamaan	124 (41.3)	169 (56.3)	7 (2.3)	300 (100.0)
• Pinjam meminjam barang	30 (10.0)	186 (62.0)	84 (28.0)	300 (100.0)

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Walaupun data kajian di atas menunjukkan bahawa hampir keseluruhan kawasan kajian menyatakan ada aktiviti-aktiviti kejiiran dalam komuniti, namun penglibatan di kalangan anggota komunitinya agak kurang memberangsangkan bagi setengah-setengah aktiviti. Kajian mendapati hanya tiga jenis aktiviti kejiiran yang masih aktif dan kerap mendapat penglibatan komuniti pesisir pantai di sini ialah saling membantu jiran tetangga (66 peratus), ikut terlibat dalam kenduri kahwin secara gotong royong (65 peratus), dan saling membantu dalam urusan kematian (67 peratus). Penglibatan yang sederhana dalam komuniti pesisir pantai terhadap aktiviti kejiiran lain seperti menghadiri diri ke surau atau masjid dan majlis keagamaan, saling bertukar makanan dan pinjam meminjam barang dapat diperhatikan (Jadual 5.18).

Aktiviti kejiiran dalam komuniti yang masih menjadi amalan dan penglibatan masih 'aktif' sebahagian besar responden yang boleh membawa kepada kekuatan ikatan hubungan sesama mereka. Misalnya data menunjukkan lebih separuh (57 peratus) mengakui mempunyai hubungan yang erat dalam komuniti kejiiran, lebih satu pertiga mempunyai hubungan yang sederhana (40 peratus), dan hanya sebahagian kecil yang renggang (3 peratus). Kekuatan ikatan kejiiran ini dikukuhkan lagi dengan pengakuan majoriti (66 peratus) di antara mereka benar-benar mengenali ahli komuniti kejiiran. Hanya sebilangan satu pertiga (34 peratus) responden yang tahu dan mengenali serba sedikit ahli komuniti kejiiran mereka.

Rangkaian ikatan kejiiran yang masih kukuh ini seterusnya diakui dengan perbuatan seperti kekerapan melakukan interaksi bertegur sapa (84 peratus), dan berbual-bual ringkas (79 peratus). Di samping itu, aktiviti 'bersantai' dan meluangkan masa di

wakaf dan warung kopi masih menjadi kegiatan harian apabila hampir separuh (44 peratus) menyatakan kerap melakukan. Sementara, satu pertiga (33 peratus) menyatakan 'kadang-kadang' dan 23 peratus pula mengakui 'tidak pernah' menghabiskan masa di wakaf (Jadual 5.19).

Jadual 5.19
Bentuk interaksi dan kekerapan melakukan interaksi sosial sesama ahli komuniti kejiranan

Bentuk interaksi	Sgt kerap	Kerap	Kadang-kadang	Tak pernah	Jumlah
Bertegur sapa	40 (13.3)	213 (71.0)	47 (15.7)	-	300 (100.0)
Berbual-bual ringkas	33 (11.0)	205 (68.3)	59 (19.7)	3 (1.0)	300 (100.0)
Luangkan masa bersama Di warung/wakaf	30 (10.0)	102 (34.0)	100 (33.3)	68 (22.7)	300 (100.0)
Bertukar maklumat	7 (2.3)	117 (39.0)	164 (54.7)	12 (4.0)	300 (100.0)
Kunjung mengunjung ke rumah	3 (1.0)	101 (33.7)	192 (64.0)	4 (1.3)	300 (100.0)

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Hasil pemerhatian dan maklumat dari informan utama (pengerusi JKKK), golongan nelayan adalah mereka yang kerap dan gemar menghabiskan masa di wakaf atau di warung. Dua bentuk interaksi yang kurang dilakukan ialah aktiviti kunjung mengunjung dan saling bertukar-tukar maklumat ke rumah. Data menunjukkan majoriti (64 peratus) menyatakan 'kadang-kadang' sahaja melakukan kunjungan ke rumah jiran tetangga, manakala 1 peratus saja menyatakan 'tidak pernah'. Sementara lebih satu pertiga (35 peratus) mengakui 'kerap' melakukannya (Jadual 5.8). Namun begitu, mereka mengakui jika terdapat perkara penting berlaku seperti jiran-jiran ditimpa masalah, sakit, kemalangan dan seumpamanya, mereka akan segera mendapat perhatian dari anggota kampung untuk berkunjung menziarahi mereka.

5.6 KESIMPULAN

Diskripsi kawasan dan responden yang dibentangkan dalam bab ini menunjukkan ciri-ciri berikut iaitu: kawasan kampung yang dipilih majoriti penduduknya masih menjadikan lautan sebagai sumber pendapatan mereka sama ada bekerja secara langsung sebagai nelayan, atau berniaga dengan bersandarkan penghasilan laut; dari segi pemilikan, majoriti memiliki rumah sendiri; dari segi pendidikan, majoriti daripada mereka berpendidikan rendah; dari segi pekerjaan, hampir separuh masih bekerja sebagai nelayan (sama ada nelayan pesisir, awak-awak, tekong atau juragan); mod taburan pendapatan mereka sekarang ialah RM1,000 sebulan; dan segi pemilikan aset, mereka semua ada memiliki aset umum dengan minimum tujuh item aset umum, manakala sebahagian daripada mereka bekemampuan memiliki aset pilihan yang dianggap barang mewah bagi mereka.

Kajian menunjukkan kebanyakan responden mempunyai keluarga yang besar, khususnya di kalangan golongan nelayan. Kajian ini juga menunjukkan corak kehidupan sosio-ekonomi mereka telah beransur-ansur lebih rencam (*heterogen*), di mana sebahagian besar daripada anggota komuniti lebih banyak kerja 'di darat' berbanding 'di laut'. Selain itu terdapat sistem norma dan nilai yang kukuh yang diterjemahkan melalui ikatan kekeluargaan dan kejiiran yang erat. Keadaan komuniti yang lebih terbuka dan rencam memungkinkan gerakan mobiliti sosial bagi anggota-anggotanya manakala nilai-nilai kekeluargaan dan komuniti memperkukuhkan modal sosial khususnya dalam bentuk kepercayaan antara anggota masyarakat dan jaringan sosial mereka.

Umumnya, gambaran awal menunjukkan berlaku perubahan mobiliti sosial, terutama anggota komuniti yang telah berjaya meningkatkan pendidikan mereka dan berubah pekerjaan daripada berasaskan sumber laut kepada memproses dan yang melibatkan diri dalam bentuk pekerjaan baru seperti bekerja dengan swasta dan Kerajaan dan yang menceburi dunia perniagaan.

BAB VI

MOBILITI SOSIAL DALAM KOMUNITI PESISIR DARIPADA PELBAGAI DIMENSI UKURAN

6.1 PENGENALAN

Tiga bab berikut, iaitu, Bab VI, Bab VII dan Bab VIII akan membincangkan dan menganalisis secara mendalam tentang dapatan empirikal untuk menjawab objektif, persoalan dan permasalahan utama kajian ini. Bab ini menganalisis aspek dimensi ukuran mobiliti sosial komuniti pesisir pantai. Ukuran mobiliti sosial komuniti pesisir ini dibahagikan kepada dua bahagian, ukuran objektif dan ukuran subjektif.

Terdapat lima indikator berdasarkan ukuran objektif, iaitu, tahap pendidikan, klasifikasi pekerjaan, tahap pendapatan, kadar simpanan dan pemilikan aset pilihan. Lima indikator berdasarkan ukuran subjektif pula dilihat berdasarkan anggapan atau persepsi responden itu sendiri terhadap tahap pekerjaan sekarang berbanding dahulu, kepuasan kerja sekarang berbanding dahulu, tentang kecukupan jumlah pendapatan sekarang, tahap pendapatan sekarang berbanding dahulu, dan status sosial responden berdasarkan anggapan orang terhadap diri mereka sekarang berbanding dahulu.

Bab ini juga menghuraikan dua jenis mobiliti, iaitu, mobiliti antara generasi atau inter-generasi dan mobiliti dalam satu generasi atau mobiliti intra-generasi. Mobiliti

inter generasi dilihat berdasarkan dua dimensi utama, iaitu, tahap pendidikan dan pekerjaan. Pekerjaan sebagai nelayan adalah faktor 'penanda aras' utama dalam pemilihan ketua keluarga sebagai responden dalam kajian komuniti pesisir pantai ini. Dari sudut metodologi, responden yang dipilih mesti berasal daripada keturunan nelayan, generasi datuk responden. Di antara tujuan penelitian mobiliti inter generasi ini ialah untuk melihat perubahan corak pekerjaan komuniti pesisir pantai. Adakah komuniti pesisir pantai yang pada satu ketika dahulu amat sinonim dengan kerja di laut sebagai nelayan, kini telah mengalami satu perubahan atau transformasi yang lebih menjurus kepada pekerjaan di darat dan kepelbagaian kerja?

6.2 BAHAGIAN I : MOBILITI ANTARA GENERASI

Mobiliti antara generasi atau inter-generasi dilihat berdasarkan tahap pendidikan dan pekerjaan.

6.2.1 Mobiliti sosial berdasarkan pendidikan

Pendidikan adalah sumber intelektual, kemahiran dan budaya bagi pembangunan insan yang menyumbang kepada pembangunan negara untuk menangani cabaran-cabaran masyarakat moden. Pendidikan juga dapat membentuk pemikiran rakyat serta membina budaya ilmu dan tamadun bangsa. Di Malaysia pelbagai usaha dilakukan oleh Kerajaan dan pihak-pihak lain bagi memastikan setiap rakyatnya memperoleh pembelajaran dan pendidikan formal menurut kurikulum yang ditetapkan.

Tahap pendidikan formal lebih mudah diukur berbanding pendidikan tidak formal. Bagaimanakah tahap pencapaian pendidikan formal komuniti pesisir pantai kini? Kajian ini meneliti tahap pendidikan formal tertinggi yang dicapai oleh tiga generasi dikaji, iaitu, oleh bapa responden, responden, pasangan responden, dan anak-anak mereka. Tahap pendidikan formal ini dibahagikan kepada enam klasifikasi, iaitu, tidak bersekolah, sekolah rendah, sekolah menengah rendah (SRP/PMR), sekolah menengah atas (SPM), Kolej/politeknik (sijil/diploma) dan universiti (ijazah/sarjana).

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.1, tahap pencapaian pendidikan oleh dua generasi terdahulu, iaitu, antara bapa responden (kira-kira zaman sebelum merdeka) dan responden (kira-kira 20 atau 30 tahun terdahulu) telah ada peningkatan yang ketara. Bersesuaian dengan kehidupan pada zaman sebelum dan pra-merdeka yang serba kekurangan berserta kemudahan pendidikan yang terhad, majoriti (67 peratus) generasi bapa responden tidak berpeluang untuk ke sekolah. Hanya sebilangan kecil (20 peratus) bapa responden berupaya belajar hingga sekolah rendah, namun kebanyakan daripada mereka tidak berjaya menamatkan hingga ke darjah enam. Selepas merdeka, responden menyatakan yang sebahagian kecil (12 peratus) bapa mereka ada ke Kelas Dewasa yang ditubuhkan oleh Kerajaan pada masa itu (Jadual 6.1). Hanya dua orang bapa responden sahaja yang berjaya hingga sekolah menengah dan bekerja sebagai guru sekolah.

Daripada Jadual 6.1 di bawah, kajian mendapati telah berlaku satu perubahan besar antara generasi dari aspek pendidikan anggota komuniti pesisir pantai ini. Pada zaman selepas merdeka, rakyat telah semakin menyedari tentang pentingnya pendidikan formal dalam kehidupan. Melalui sistem pendidikan negara yang disusun lebih

teratur, rakyat sama ada di bandar atau desa berupaya mendapatkan pendidikan formal. Kajian mendapati majoriti ketua keluarga (55 peratus) telah berjaya memasuki sekolah rendah. Walaupun begitu hanya sebahagian kecil yang berjaya menamatkan hingga darjah enam. Bagi responden yang tidak berjaya menamatkan sekolah rendah, mereka mengakui boleh membaca rumi, jawi, dan juga menulis. Tetapi terdapat sebahagian kecil (8 peratus) ketua keluarga ini yang masih tidak bersekolah. Antara alasan yang diberikan ialah tidak berpeluang bersekolah akibat ketidakmampuan ibubapa mereka dahulu .

Jadual 6.1
Perbezaan tahap pencapaian pendidikan tiga generasi

Tahap pendidikan	Datuk	Bapa	Anak-anak (responden)
Tidak sekolah	201 (67.0)	24 (8.0)	11 (1.1)
Sek. Dewasa	37 (12.3)	-	-
Sek rendah	60 (20.0)	164 (54.7)	116 (11.5)
PMR	-	32 (10.7)	152 (15.1)
SPM	1 (0.3)	57 (19.0)	490 (48.6)
Sijil kemahiran	-	-	29 (2.9)
STPM	-	-	32 (3.2)
Matrikulasi	-	-	8 (0.8)
Diploma/sijil	1 (0.3)	15 (5.0)	89 (8.8)
Ijazah	-	5 (1.7)	77 (7.6)
Sarjana	-	3 (1.0)	4 (0.4)
Jumlah	300 (100.0)	300 (100.0)	1008 (100.0)*

*nota = jumlah anak-anak yg telah tamat belajar
Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Satu pertiga (30 peratus) ketua keluarga ini pula berjaya menamatkan sekolah menengah, dengan 19 peratus mendapat sijil SPM dan 11 peratus sijil SRP/PMR. Manakala, sebahagian kecil (8 peratus) daripada ketua keluarga ini berjaya menamatkan pengajian tinggi, dengan 5 peratus memperolehi sijil atau diploma, dan 3 peratus berjaya memperolehi ijazah dan sarjana (Jadual 6.1).

Kajian menunjukkan komuniti pesisir pantai ini semakin memberi penekanan kepada pendidikan anak-anak. Seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.1, daripada 1,008 orang anak ketua keluarga (KR) yang berada pada usia tamat persekolahan masing-masing, hanya 1 peratus (11 orang) sahaja didapati tidak bersekolah. Alasan tidak bersekolah ialah “tidak minat” dan “tidak mahu” ke sekolah walaupun pelbagai cara dilakukan oleh ibu bapa (responden) untuk mendorong anak-anak tersebut.

Namun, satu perubahan yang agak baik berlaku apabila seperempat (24 peratus) anak-anak mereka berjaya melepasi SPM dengan melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, masing-masing dengan 16 peratus memperolehi sijil kemahiran, STPM, matrikulasi dan diploma. Sementara 8 peratus berjaya memperolehi ijazah dan sarjana. Sejumlah peratusan yang besar, kira-kira separuh daripada 1,008 orang anak-anak responden ini (49 peratus) berjaya menamatkan persekolahan formal iaitu dengan memperoleh SPM.

Hasil temubual dengan ibu bapa menyatakan bahawa anak yang berjaya mendapat SPM ‘dikira baik’ pencapaiannya. Namun begitu, bagi yang gagal tamat hingga ke SPM, situasi persekitaran seperti ‘mudahnya’ mendapat duit dengan menjadi ‘awak-awak’ atau membantu bapa ke laut menyebabkan sebahagian besar anak-anak mereka ini tidak berminat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Majoriti anak-anak mereka yang berjaya ke institusi pengajian tinggi terdiri daripada anak perempuan.

Umumnya, kajian mendapati bahawa telah berlaku satu transformasi dari segi mobiliti komuniti pesisir pantai ini berdasarkan aspek pendidikan yang dicapai oleh tiga

generasi dikaji sama ada dengan generasi datuk, bapa dan anak. Bermula pada zaman sebelum merdeka, pasca-merdeka dan menjelang abad ke-21 ini, 'tangga' mobiliti berdasarkan tahap pendidikan semakin diakui kepentingannya oleh komuniti pesisir pantai ini sebagai syarat utama untuk mengecapi kehidupan yang lebih baik.

6.2.2 Mobiliti sosial berdasarkan pekerjaan

Satu ciri utama yang lazimnya sinonim dengan komuniti pesisir pantai ialah kebergantungan sumber ekonomi mereka kepada laut sebagai nelayan. Bahagian ini meneliti sama ada komuniti ini masih bergantung sepenuhnya dengan menjadi nelayan, atau mengalami mobiliti pekerjaan. Perbincangan ini meneliti mobiliti pekerjaan bagi empat generasi responden, bermula dengan asal usul pekerjaan datuk responden, bapa responden, responden dan anak-anak responden sekarang.

Kebanyakan pekerjaan responden ialah sebagai pekerja 'kolar biru'. Namun ada sebahagian kecil terdiri dari pekerja 'kolar putih' yang majoritinya terdiri dari golongan pendidik. Sehubungan dengan itu, penelitian mobiliti sosial berdasarkan pekerjaan dibahagikan kepada empat kategori pekerjaan, iaitu, kategori pentadbiran, nelayan, perniagaan dan buruh.

Jadual 6.2 memperlihatkan maklumat tentang pekerjaan bagi empat generasi responden. Seperti dinyatakan sebelum ini, syarat pertama pemilihan Ketua Keluarga sebagai responden kajian ialah mesti asal usul keturunan datuk/moyang yang bekerja sebagai nelayan. Daripada pekerjaan sebagai nelayan oleh datuk/moyang responden sebagai asas perbandingan, mobiliti sosial berdasarkan pekerjaan oleh generasi

berikutnya dibagikan kepada empat kategori pekerjaan, nelayan, pentadbiran, perniagaan dan buruh.

Jadual 6.2
Perubahan pekerjaan empat generasi

Kategori pekerjaan	Perubahan kerja empat generasi					
	Datuk resp.	Bapa resp.	Responden dlm tiga zaman (KK)			Anak resp.
	[1910an]	[1940an]	[1960an/70an]	[1990an]	[2008]	[2000an]
Nelayan	300 (100.0)	253 (84.3)	206 (68.7)	157 (52.3)	141 (47.0)	90 (12.5)
Pentadbiran	-	3 (1.0)	12 (4.0)	52 (17.3)	45 (15.0)	228 (31.7)
Perniagaan	-	14 (4.7)	1 (0.3)	21 (7.0)	68 (22.7)	79 (11.0)
Buruh	-	30 (10.0)	81 (27.0)	70 (23.3)	46 (15.3)	323 (44.8)
Jumlah	300 (100.0)	300 (100.0)	300 (100.0)	300 (100.0)	300 (100.0)	720** (100.0)

nota : *KK: Ketua Keluarga (responden)

**Jumlah anak-anak yang telah bekerja

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Umumnya, hasil kajian menunjukkan telah berlaku satu peralihan pekerjaan yang besar bagi komuniti pesisir pantai ini. Pekerjaan sebagai nelayan untuk sumber pendapatan ekonomi utama telah beransur-ansur kurang menarik minat generasi berikutnya. Tempoh peralihan yang dilalui antara generasi datuk kepada generasi sekarang dan cucu cicit mereka – anak responden, dianggarkan meliputi lebih kurang 100 tahun, dari awal abad ke-20 ke awal abad ke-21. Pekerjaan ‘di darat’ semakin kuat menarik minat dan bertambah peratusannya bagi generasi kini di kalangan anak-anak responden.

Misalnya, kategori pekerjaan nelayan telah menunjukkan kemerosotan yang paling ketara penurunan sebanyak 70 peratus antara generasi datuk/nenek yang dianggarkan sekitar tahun 1910an dan anak-anak responden di zaman sekarang, tahun 2007/08. Daripada 100 peratus generasi pertama, datuk/moyang responden yang bekerja sebagai nelayan, peratusan ini berkurang kepada 84 peratus bagi generasi kedua, di kalangan bapa responden, iaitu, lebih kurang dalam era sebelum merdeka – 1940an. Seterusnya semakin berkurangan kepada 69 peratus yang bekerja sebagai nelayan di kalangan generasi ketiga, iaitu responden yang anggar pada tahun 1960an/70an di mana mereka mengalami kerja pertama responden selepas tamat persekolahan adalah nelayan. Dalam jangka masa 20 tahun berikutnya, iaitu, 1990an, responden yang bekerja sebagai nelayan menurun lagi kepada 52 peratus.

Peratusan tersebut turun seterusnya kepada 47 peratus bagi responden yang bekerja sebagai nelayan dalam tahun 2000an. Satu dapatan yang lebih menarik di kalangan anak-anak responden kini ialah hanya sebilangan kecil (12 peratus) sahaja yang berminat dengan lautan untuk menjadi nelayan. Adalah tidak mustahil sekiranya peratusan ini semakin menurun kelak di kalangan generasi keempat dalam kajian ini memandangkan semasa kajian ini dilakukan umur anak-anak mereka masih ‘muda’, kebanyakannya selepas tamat SRP dan SPM (Jadual 6.2).

Sebaliknya, mobiliti sosial dari segi pekerjaan kategori pentadbiran pula menunjukkan peningkatan yang agak ketara, di mana berlaku kenaikan sebanyak 30 peratus daripada generasi pertama, datuk/moyang hingga kepada generasi ke empat di kalangan anak-anak responden kini. Daripada hanya 1 peratus generasi ke dua di kalangan bapa responden yang bekerja dalam kategori pentadbiran ini, ia telah

meningkat kepada 15 peratus bagi responden kini, dan terus bertambah kepada satu pertiga (32 peratus) bagi generasi keempat di kalangan anak-anak responden kini.

Sementara itu, minat komuniti pesisir pantai untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan juga menunjukkan perkembangan yang nyata. Dahulu, kira-kira 50 tahun lepas sekitar zaman merdeka, hanya 5 peratus bapa responden berniaga, kini meningkat kepada 22 peratus responden yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Pelbagai jenis perniagaan dilakukan oleh komuniti pesisir pantai kini. Seiring dengan kemajuan dan pembangunan pesat kawasan sekitaran kediaman mereka, kebanyakan mereka terlibat dalam perniagaan makanan dan minuman, pengusaha berasaskan sumber laut seperti keropok kering, lekor, ikan bilis dan ikan kering, dan agak ramai yang sudah terlibat sebagai kontraktor kelas F.

Kategori pekerjaan sebagai buruh menunjukkan dapatan yang agak menarik. Di kalangan generasi responden, data menunjukkan berlaku penurunan dari satu zaman ke zaman berikutnya. Misalnya, 27 peratus kerja pertama responden sebagai buruh telah berkurang kepada 23 peratus dalam tempoh 30 tahun berikutnya. Kini, peratusan semakin menurun kepada 16 peratus sahaja responden yang bekerja sebagai buruh. Namun sebaliknya, bagi generasi anak-anak responden pula menunjukkan peratusan yang tinggi apabila majoriti (45 peratus) anak-anak mereka bekerja sebagai buruh. Umumnya di sini, kajian mendapati daripada 720 orang anak-anak responden yang telah bekerja, tiga perempat daripadanya (88 peratus) lebih berminat bekerja di daratan berbanding di lautan (12 peratus) (Jadual 6.2).

6.3 BAHAGIAN II : MOBILITI DALAM SATU GENERASI

Mobiliti sosial intra-generasi atau mobiliti dalam satu generasi ialah perubahan yang dialami oleh seseorang individu di sepanjang hayatnya. Berdasarkan kepada ukuran aspek-aspek mobiliti sosial, terdapat empat pola mobiliti sosial intra-generasi, iaitu, mobiliti menegak jarak tinggi, mobiliti menegak jarak sederhana, mobiliti menegak jarak rendah dan tiada mobiliti (Jadual 6.3).

Jadual 6.3
Mobiliti intra-generasi responden: Perbandingan dahulu dan sekarang

Kategori Mobiliti	dahulu (1997)	Sekarang (2007/08)
Mobiliti menegak jarak tinggi	8 (2.7)	20 (6.7)
Mobiliti menegak jarak sederhana	68 (22.7)	125 (41.7)
Mobiliti menegak jarak rendah	163 (54.3)	87 (29.0)
Tiada mobiliti	61 (20.3)	68 (22.7)
Jumlah	300 (100.0)	300 (100.0)

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Jadual 6.3 di atas menunjukkan telah berlaku mobiliti sosial menegak tinggi di kalangan komuniti pesisir pantai walaupun dalam skala yang kecil peningkatan peratusannya. Misalnya, daripada 3 peratus (8 orang) yang berada dalam kedudukan mobiliti sosial menegak jarak tinggi lebih sedekad yang lalu, kini meningkat kepada 7 peratus (20 orang). Sementara mereka dalam kedudukan mobiliti sosial menegak jarak sederhana, ia meningkat sebanyak 20 peratus, iaitu daripada 23 peratus kepada hampir separuh (42 peratus).

Satu dapatan yang menarik ialah mereka yang berada dalam kedudukan mobiliti sosial menegak jarak rendah yang berkurang ini terbukti apabila lebih separuh (54 peratus) dicatat dahulu telah menurun kepada 29 peratus sekarang. Begitupun, mereka

yang berada pada kedudukan mobiliti menurun masih kekal dengan peratusan yang hampir sama, iaitu, pada 20 peratus dahulu kepada 23 peratus sekarang.

Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pelbagai pola mobiliti komuniti pesisir pantai tersebut? Perbincangan berikut memaparkan perincian kepada dimensi ukuran faktor-faktor yang telah mempengaruhi kedudukan dan perubahan pola mobiliti sosial di kalangan mereka.

6.4 ANALISIS DIMENSI UKURAN OBJEKTIF

Analisis dimensi ukuran objektif ini berdasarkan kepada lima indikator iaitu tahap pendidikan, kategori pekerjaan, tahap pendapatan, kadar simpanan dan pemilikan aset pilihan.

6.4.1 Mobiliti sosial dan tahap pendidikan

Jadual 6.4 di bawah menunjukkan tahap pendidikan yang dimiliki berupaya membantu mempengaruhi kedudukan mobiliti sosial mereka. Kajian mendapati responden yang berada pada kedudukan mobiliti menegak jarak tinggi terdiri daripada mereka yang memiliki pendidikan tinggi (ijazah/diploma) dengan jumlah peratusan tinggi dahulu (50 peratus) dan sekarang (45 peratus). Tidak ada di kalangan mereka yang berada pada kedudukan tiada mobiliti. Bagi mereka yang mempunyai kelulusan pendidikan sederhana (SPM/PMR) pula, 25 peratus berupaya meletakkan mereka pada kedudukan mobiliti sosial menegak jarak tinggi dahulu dan sekarang. Manakala

majoriti mengalami mobiliti menegak jarak sederhana (60 peratus dahulu dan 48 peratus sekarang).

Jadual 6.4
Mobiliti sosial dan faktor objektif

	Jarak tinggi		Sederhana		Rendah		Tiada mobiliti	
	Dulu (n=8)	Skrng (n=20)	Dulu (n=68)	Skrng (n=125)	Dulu (n=163)	Skrng (n=87)	Dulu (n=61)	Skrng (n=68)
Tahap pendidikan								
• Tinggi (ijazah/diploma)	50.0	45.0	10.3	8.8	7.4	3.4	-	-
• Sederhana (SPM/PMR)	25.0	25.0	60.3	48.0	18.4	10.3	26.2	22.1
• Rendah (Sek. Rendah)	25.0	30.0	25.0	39.2	69.3	81.6	52.5	55.9
• Menurun (Tak sekolah)	-	-	4.4	4.0	4.9	4.6	21.3	22.1
Kategori pekerjaan								
• Kategori tinggi	100.0	100.0	19.1	32.0	20.2	26.4	4.9	8.8
• Kategori sederhana	-	-	32.4	33.6	9.2	5.7	4.9	4.4
• Kategori rendah	-	-	11.8	7.2	34.4	18.4	16.4	1.5
• Kategori menurun	-	-	36.8	27.2	36.2	49.4	73.8	85.3
Tahap pendapatan								
• Pendapatan tinggi & sederhana tinggi	25.0	45.0	4.4	1.6	1.8	2.2	-	-
• Pendapatan sederhana	12.5	20.0	7.4	14.4	4.3	2.3	-	-
• Pendapatan sederhana rendah	62.5	35.0	58.8	54.4	49.1	48.3	9.8	5.9
• Pendapatan rendah	-	-	29.4	29.6	44.8	47.1	90.2	94.1
Kadar simpanan								
• Lebih separuh dan separuh	25.0	30.0	2.9	4.0	1.8	-	-	-
• Satu pertiga	37.5	40.0	14.7	15.2	1.8	3.4	-	-
• Simpan sedikit	37.5	30.0	54.4	64.0	61.3	64.4	9.8	11.8
• Tidak menyimpan	-	-	29.4	29.6	35.0	32.2	90.2	88.2
Pemilikan aset pilihan								
• Banyak	-	25.0	-	5.6	-	-	-	-
• Sederhana banyak	12.5	40.0	7.4	44.0	0.6	13.8	-	1.5
• Sikit	75.0	35.0	70.6	44.0	71.8	70.1	21.3	35.3
• Tiada	12.5	-	22.1	6.4	27.6	16.1	78.7	63.2
JUMLAH	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Bagi mereka yang hanya bersekolah rendah dan tidak bersekolah pula seperti yang dijangka, jumlah terbanyak mengalami mobiliti jarak rendah bahkan ada yang berada pada kedudukan tiada mobiliti, di mana lebih seperempat dengan 69 peratus dahulu, dan 82 peratus sekarang mereka yang hanya bersekolah rendah pada kedudukan

mobiliti menegak jarak rendah. Jumlah terbanyak, sekitar 74 peratus dahulu dan 78 peratus sekarang dengan masing-masing hanya separuh daripadanya yang bersekolah rendah, bakinya tidak pernah bersekolah, adalah mereka yang berada pada kedudukan tiada mobiliti.

Justeru, tahap pendidikan seseorang ternyata mempengaruhi dan mencorakkan tahap kehidupannya. Secara tidak langsung boleh membantu mereka untuk mencapai taraf hidup yang lebih baik.

6.4.2 Mobiliti sosial dan kategori pekerjaan

Kajian juga menunjukkan bahawa pekerjaan yang dimiliki boleh mempengaruhi kedudukan mobiliti sosial di kalangan komuniti pesisir pantai ini. Analisis data menunjukkan 100 peratus mereka yang bekerja dalam kategori tinggi, iaitu, sebagai pegawai tadbir, pensyarah, guru, ahli perniagaan PKS, dan juragan, telah berupaya meletakkan mereka secara berterusan mendatar pada kedudukan mobiliti menegak jarak tinggi dahulu dan sekarang.

Begitu juga mereka yang berada pada kedudukan mobiliti sosial menegak jarak sederhana adalah mereka yang majoriti bekerja dalam klasifikasi pekerjaan kategori sederhana dan tinggi, iaitu masing-masing dengan 52 peratus dahulu dan 66 peratus. Pekerjaan kategori sederhana ialah mereka yang bekerja dalam bidang pentadbiran (perkeranian dan sepeertinya), juga sebagai ahli perniagaan runcitan.

Manakala mereka yang berada pada kedudukan mobiliti menegak jarak rendah dan tiada mobiliti, juga majoriti yang bekerja dalam pekerjaan kategori rendah dan tiada mobiliti (seperti nelayan pesisir, awak-awak dan tekong, serta buruh). Misalnya, lebih separuh, iaitu 71 peratus dahulu dan 68 peratus sekarang mereka pada kedudukan mobiliti menegak jarak rendah bekerja dalam pekerjaan kategori rendah dan menurun. Begitu juga majoriti (74 peratus dahulu dan 85 peratus) sekarang mereka pada kedudukan mobiliti menurun bekerja sebagai nelayan pesisir dan buruh (kategori pekerjaan menurun) (Jadual 6.4).

6.4.3 Mobiliti Sosial dan tahap pendapatan

Tahap pendapatan yang dimiliki juga ada mempengaruhi kedudukan mobiliti sosial. Ia menunjukkan jurang perbezaan yang tinggi pada mereka yang berada pada kedudukan mobiliti menegak jarak tinggi dengan mereka pada kedudukan mobiliti menegak jarak sederhana, rendah dan tiada menurun.

Data menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada komuniti pesisir pantai ini berpendapatan sederhana rendah (iaitu RM1,001 – 3,000). Justeru, majoriti mereka pada kedudukan mobiliti menegak jarak sederhana dan rendah berpendapatan sederhana rendah dahulu dan sekarang.

Namun, data menunjukkan bahawa mereka pada kedudukan tiada mobiliti hampir keseluruhannya berpendapatan rendah, iaitu, RM1000 dan ke bawah, dahulu (90 peratus) dan sekarang (94 peratus). Sebaliknya, hampir separuh (45 peratus) mereka berada pada kedudukan mobiliti sosial menegak jarak tinggi berpendapatan sederhana

tinggi dan ke atas sekitar RM5001 dan ke atas. Jurang perbezaan yang agak tinggi antara kedua-dua kedudukan mobiliti sosial ini adalah dipengaruhi oleh jenis pekerjaan yang mereka ceburi (Jadual 6.4).

6.4.4 Mobiliti sosial dan kadar simpanan

Seiringan dengan jumlah pendapatan yang diterima, kajian juga mendapati majoriti daripada mereka menyimpan dalam jumlah yang sedikit, khususnya bagi mereka pada kedudukan mobiliti jarak sederhana dan rendah. Sebaliknya, sejumlah besar bagi mereka pada kedudukan mobiliti menegak jarak tinggi mempunyai kadar simpanan yang agak banyak di mana 70 peratus menyimpan dengan kadar satu pertiga dan ke atas.

Sementara mereka pada kedudukan tiada mobiliti pula, hampir keseluruhan, masing-masing pada 90 peratus dahulu dan 88 peratus sekarang, tidak mempunyai peluang langsung untuk menabung. Majoriti mereka adalah yang bekerja sebagai nelayan pesisir pantai dan buruh. Golongan ini menyatakan walaupun ada menyimpan sedikit, namun ia hanya untuk tempoh yang amat singkat. Wang simpanan tersebut akan digunakan kembali, khususnya pada musim tengkujuh dan waktu 'sesak' yang sentiasa muncul dalam kehidupan golongan ini (Jadual 6.4).

6.4.5 Mobiliti sosial dan pemilikan aset pilihan

Pemilikan aset pilihan seperti alat penghawa dingin, astro, komputer peribadi (laptop), internet dan lain-lain tidak banyak dimiliki oleh komuniti pesisir pantai. Justeru, pemilikan aset pilihan ternyata bukan sahaja mencerminkan kedudukan mobiliti sosial

yang dimiliki tetapi juga memberi pengaruh terhadapnya. Misalnya, hampir sepertiga (25 peratus) mereka pada kedudukan mobiliti sosial tinggi berupaya memiliki aset pilihan yang banyak, iaitu, lapan dan ke atas daripada 17 item ini.

Sementara, mereka pada kedudukan mobiliti menegak jarak sederhana, hampir separuh daripada mereka memiliki aset pilihan yang sederhana banyak (44 peratus) dan sedikit (44 peratus). Majoriti (70 peratus) mereka pada kedudukan mobiliti menegak jarak rendah hanya mampu memiliki sedikit, iaitu 1 hingga 3 item aset pilihan yang kebanyakannya memiliki kereta nasional, saham amanah ASB dan astro. Bagi golongan yang tiada mobiliti pula, jumlah terbanyak, iaitu, 79 peratus dahulu dan 63 peratus sekarang masih tiada langsung memiliki sebarang aset pilihan ini (Jadual 6.4).

Umumnya, kelima-lima indikator dimensi objektif untuk mengukur mobiliti sosial seperti tahap pendidikan, pekerjaan, pendapatan, jumlah simpanan dan pemilikan aset pilihan berupaya memberikan pengaruh yang positif bagi komuniti pesisir pantai ini untuk keluar dari lingkaran kemiskinan. Mereka yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi, mengupayakan mereka untuk memperolehi pekerjaan yang lebih baik, dan seterusnya memberikan jumlah pendapatan yang tinggi. Namun mereka yang hanya berpendidikan sederhana dan rendah, tetapi terlibat dalam bidang perniagaan, khususnya dalam PKS serta bekerja sendiri sebagai juragan laut dalam yang berjaya, juga sebagai aspek penting untuk membolehkan mereka keluar dari lingkaran. Seterusnya, golongan ini boleh menikmati kehidupan yang lebih baik melalui pemilikan aset-aset moden mewah dan lebih terjamin dengan jumlah tabungan yang ada.

6.5 Analisis dimensi ukuran subjektif

Bagaimana pula dengan indikator dimensi subjektif dalam mempengaruhi kedudukan mobiliti sosial mereka? Apakah aspek realiti dan objektif yang mereka miliki seiring dengan aspek persepsi menerusi apa yang mereka rasa? Bahagian seterusnya cuba menganalisis aspek dimensi subjektif berdasarkan lima indikator, iaitu, kepuasan kerja sekarang berbanding dahulu, tahap pekerjaan sekarang berbanding dahulu, kecukupan jumlah pendapatan sekarang berbanding dahulu, tahap pendapatan sekarang berbanding dahulu, dan akhirnya status sosial berdasarkan anggapan orang terhadap diri sendiri.

Jadual 6.5
Mobiliti sosial dan faktor subjektif

	Jarak tinggi		Sederhana		Rendah		Tiada mobiliti	
	Dulu (n=8)	Skrng (n=20)	Dulu (n=68)	Skrng (n=125)	Dulu (n=163)	Skrng (n=87)	Dulu (n=61)	Skrng (n=68)
Kepuasan kerja								
• Amat puas hati	37.5	90.0	5.9	24.0	12.9	10.3	6.6	7.4
• Puas hati	62.5	5.0	73.5	70.4	54.6	51.7	34.4	51.5
• Sederhana	-	5.0	13.2	1.6	31.3	20.7	8.2	10.3
• Tak puas hati & amat tak puas hati	-	-	16.2	4.0	15.9	17.2	50.8	30.9
Perbandingan tahap kerja								
• Amat baik	75.0	60.0	5.9	8.8	7.4	2.3	6.6	1.5
• Baik	12.5	35.0	80.9	79.2	47.9	44.8	45.9	25.0
• Sama sahaja	-	-	4.4	4.8	30.7	44.8	21.3	30.9
• Kurang baik & amat tidak baik	12.5	5.0	8.8	7.2	14.1	8.0	26.2	42.7
Perbandingan tahap pendapatan								
• Amat lebih baik	50.0	80.0	11.8	4.8	6.7	1.1	-	-
• Lebih baik	25.0	20.0	72.1	79.2	38.0	20.7	42.6	26.5
• Sama sahaja	12.5	-	8.8	11.2	43.6	65.6	24.6	32.4
• Kurang baik	12.5	-	7.4	4.8	11.7	12.6	32.8	41.2
Jumlah pendapatan mencukupi?								
• Amat mencukupi	100.0	85.0	7.4	24.0	9.8	4.6	3.3	1.5
• Mencukupi	-	15.0	73.5	70.4	54.6	65.5	49.2	32.4
• Sederhana	-	-	13.2	1.6	31.3	25.3	24.6	27.9
• Kurang mencukupi & tak mencukupi	-	-	16.2	4.0	4.3	4.5	23.0	38.3
Status sosial								
• Sangat hormat	-	40.0	-	16.8	2.5	11.5	-	5.9
• Hormat	87.5	55.0	55.9	73.6	18.4	33.3	23.0	52.9
• Biasa saja	12.5	5.0	44.1	9.6	78.5	55.2	75.4	41.2
• Pandang rendah	-	-	-	-	0.6	-	1.6	-
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.5 di atas, kajian mendapati aspek 'tahap kepuasan kerja' tidak begitu ketara pengaruhnya pada kedudukan mobiliti sosial mereka. Majoriti daripada mereka menyatakan 'puas hati' dengan kerja masing-masing walaupun mereka pada kedudukan mobiliti menegak jarak rendah dan tiada mobiliti. Perbezaan yang nampak ketara pada mereka yang berkedudukan mobiliti menegak jarak tinggi berlaku di mana hampir keseluruhan (90 peratus) menyatakan 'amat puas hati' dengan kerja mereka sekarang berbanding dahulu (38 peratus).

Perbandingan tahap kerja dahulu dan sekarang juga menggambarkan kedudukan mobiliti sosial masing-masing. Mereka yang berkedudukan mobiliti menegak jarak tinggi dan sederhana masing-masing mempunyai peratusan yang tinggi menyatakan tahap kerja mereka 'amat baik' dan 'baik' berbanding dahulu dan sekarang. Sementara bagi yang berkedudukan mobiliti menegak jarak rendah mempunyai peratusan yang sama menyatakan tahap kerja mereka 'baik' dan 'sama sahaja' (45 peratus). Manakala mereka yang di kedudukan tiada mobiliti mempunyai peratusan yang tinggi mengakui tahap kerja mereka 'kurang baik dan amat tidak baik' (43 peratus) sekarang (Jadual 6.5).

Aspek tahap pendapatan sekarang berbanding dahulu menunjukkan secara 'realiti' dengan kedudukan mobiliti mereka. Mereka yang berada pada kedudukan mobiliti menegak jarak tinggi dan sederhana mengakui bahawa tahap pendapatan mereka sekarang 'lebih baik' dan 'amat lebih baik' berbanding dahulu. Sementara mereka pada kedudukan mobiliti menegak jarak rendah, majoriti (66 peratus) menyatakan tahap pendapatan mereka 'sama sahaja' dahulu dan sekarang. Juga mereka pada

kedudukan tiada mobiliti, hampir separuh (41 peratus) menyatakan tahap pendapatan mereka 'kurang baik' sekarang berbanding dahulu (Jadual 6.5).

Persepsi 'jumlah pendapatan mencukupi' tidak begitu dominan pengaruhnya kepada kedudukan mobiliti sosial mereka. Umumnya data menunjukkan mereka menyatakan jumlah pendapatan yang diperolehi 'mencukupi' walaupun mereka pada kedudukan mobiliti sederhana, rendah dan tiada mobiliti. Kecuali mereka pada kedudukan mobiliti menegak jarak tinggi, seratus peratus dahulu dan sejumlah besar (85 peratus) sekarang mengakui jumlah pendapatan mereka 'amat mencukupi'. Namun majoriti (39 peratus) mereka pada kedudukan tiada mobiliti mengakui jumlah pendapatan mereka kurang dan tidak mencukupi (Jadual 6.5).

Mobiliti memberikan peluang kepada setiap individu untuk menukar kedudukan sosioekonomi mereka melalui usaha sendiri. Kedudukan mobiliti ini umumnya boleh diukur secara objektif melalui taraf sosioekonomi yang dimiliki oleh seseorang itu. Namun, menurut ahli sosiologi Weber, stratifikasi sosial yang membawa kepada perubahan mobiliti sosial seseorang itu juga bergantung kepada pengumpulan sumber-sumber sosial atau ganjaran melalui kuasa, status atau prestij yang terdapat pada seseorang itu (Giddens. A, 1987).

Aspek status sosial juga menyokong kedudukan mobiliti sosial yang dimiliki. Hampir keseluruhan (95 peratus) mereka pada kedudukan mobiliti sosial menegak jarak tinggi 'dihormati' (55 peratus) dan 'sangat dihormati' (40 peratus) oleh masyarakat sekeliling. Begitu juga bagi mereka pada kedudukan mobiliti menegak jarak sederhana, majoriti (74 peratus) mengakui diri mereka 'dihormati' sekarang.

Sebaliknya, mereka pada kedudukan mobiliti menegak jarak rendah, jumlah terbanyak (55 peratus) merasakan diri mereka di pandang 'biasa-biasa sahaja'. Namun, mereka yang berkedudukan tiada mobiliti, separuh (53 peratus) menyatakan diri mereka dihormati (Jadual 6.5).

6.6 KESIMPULAN

Komuniti pesisir pantai ini telah mengalami satu anjakan transformasi melalui proses mobiliti sosial apabila diukur berdasarkan aspek analisis dimensi objektif dan subjektif, khususnya bagi mobiliti inter-generasi. Proses mobiliti sosial antara generasi di mana empat generasi dari datuk, bapa, responden dan anak diteliti secara makro berdasarkan aspek tahap pendidikan dan bidang pekerjaan. Berdasarkan pendidikan, berlaku mobiliti yang sangat ketara apabila dibuat perbandingan tiga generasi di antara bapa, responden dan anak. Generasi ketiga, iaitu, anak responden kini lebih memberi perhatian kepada pendidikan dengan majoriti berjaya menamatkan persekolahan sehingga SPM, dan sebahagian kecil berjaya melanjutkan pelajaran ke IPT.

Mobiliti sosial berdasarkan pekerjaan juga lebih 'terserlah' melalui perubahan kerja oleh empat generasi dari datuk, bapa, responden hingga anak. Mereka yang berasal keturunan kerja nelayan, lebih kurang dalam tempoh 100 tahun dahulu, kini berubah kepada kerja-kerja di darat, khususnya di kalangan generasi anak. Mobiliti sosial berdasarkan pekerjaan responden kini juga telah menunjukkan berlaku perubahan dengan sangat ketara. Sejumlah besar daripada mereka telah banyak melakukan kerja-kerja di darat sebagai sumber pendapatan utama. Namun, menurut mereka, ke laut

menangkap ikan juga dilakukan sekali sekala, sebagai kerja sampingan kerana kerja ke laut itu telah menjadi 'darah daging' mereka.

Bagi mobiliti inter-generasi, umumnya responden telah mengalami mobiliti sosial menegak, walaupun sebahagian kecil telah bergerak pada kadar mobiliti yang rendah. Juga diperhatikan sejumlah kecil komuniti pesisir ini telah mengalami kedudukan tiada mobiliti. Aspek-aspek 'realiti' dan nyata seperti pendidikan, pekerjaan, jumlah pendapatan dan simpanan, serta pemilikan aset pilihan berupaya meletakkan mereka pada kedudukan mobiliti menegak pada jarak tinggi, sederhana, rendah atau tiada mobiliti.

Dari segi ukuran subjektif juga ternyata memberi pengaruh kepada pergerakan atau mobiliti yang mereka alami. Sebahagian kecil peratusan mereka pada kedudukan tiada mobiliti mempunyai status sosial yang dihormati oleh masyarakat setempat berdasarkan kepada faktor jawatan kemasyarakatan dan politik yang dipegang oleh sebahagian daripada mereka itu. Misalnya, mereka yang memegang jawatan dalam organisasi sosial tertentu seperti JKKK, PIBG, masjid/surau dan parti politik lebih dihormati dan mempunyai kedudukan tertentu dalam masyarakat.

Secara keseluruhannya, komuniti pesisir pantai ini telah mengalami transformasi melalui proses mobiliti sosial berdasarkan pelbagai dimensi ukuran seperti yang dinyatakan. Justeru, berdasarkan kepada 'situasi kewujudan' mobiliti sosial di kalangan komuniti ini, bagaimana pula kedinamikan pola atau corak mobiliti mereka? Bab berikutnya menganalisis kedudukan corak atau pola mobiliti sosial mereka samada mengalami mobiliti menegak, sederhana, rendah atau tiada mobiliti yang

berterusan sama atau mendatar; atau mengalami mobiliti ke atas atau ke bawah. Penelitian juga menjurus kepada profil mereka yang mengalami corak mobiliti tersebut berdasarkan beberapa kajian kes.

BAB VII

POLA MOBILITI SOSIAL MENDATAR DAN TIADA MOBILITI

7.1 PENGENALAN

Proses mobiliti sosial inter-generasi di kalangan komuniti pesisir pantai umumnya menghasilkan dua pola mobiliti, mobiliti menegak dan tiada mobiliti. Proses mobiliti sosial menegak dibahagikan kepada tiga sub pola, iaitu, mobiliti menegak jarak tinggi, mobiliti menegak jarak yang sederhana, dan mobiliti menegak jarak yang rendah atau sedikit. Soalan seterusnya ialah, apakah pola mobiliti sosial yang terhasil daripada proses mobiliti berdasarkan kepada dimensi ukuran tersebut?

Seterusnya, Bab VII dan Bab VIII ini akan membincangkan empat pola mobiliti sosial yang terhasil daripada proses mobiliti tersebut. Pertama, pola mobiliti sosial mendatar atau berterusan sama, iaitu, mereka yang mengekalkan kedudukan mobiliti masing-masing pada menegak jarak tinggi, sederhana atau rendah dahulu dan sekarang.

Kedua, pola mobiliti ke atas, di mana mereka yang dapat meningkatkan kedudukan mereka daripada tiada mobiliti, mobiliti menegak rendah atau mobiliti menegak sederhana kepada mobiliti sosial menegak jarak tinggi; daripada tiada mobiliti dan mobiliti sosial rendah kepada mobiliti menegak jarak sederhana; dan daripada tiada mobiliti kepada mobiliti menegak jarak rendah.

Ketiga, pola mobiliti sosial ke bawah, di mana mereka yang mengalami penurunan kedudukan mereka daripada mobiliti sosial menegak jarak tinggi kepada mobiliti menegak jarak sederhana, rendah dan ke tiada mobiliti; daripada mobiliti menegak jarak sederhana kepada mobiliti menegak jarak rendah dan ke tiada mobiliti; dan daripada mobiliti menegak jarak rendah kepada tiada mobiliti. Keempat, tiada mobiliti, iaitu, mereka yang berada pada kedudukan mobiliti sosial yang sama tidak berubah dahulu dan sekarang.

Bagi memudahkan analisis, Bab VII dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian I memberi tumpuan perbincangan kepada pola mobiliti sosial yang pertama, iaitu pola mobiliti mendatar atau berterusan sama dahulu dan sekarang dari segi kedudukan menegak jarak tinggi, sederhana dan rendah, dan mereka yang mengalami kedudukan tiada mobiliti,

Bahagian II membincangkan faktor-faktor penyumbang kepada 'pengekalan' kedudukan pola mobiliti sosial mendatar dengan memberi tumpuan hanya kepada mereka yang berjaya 'mengekal' kedudukan pada pola mobiliti sosial menegak tinggi dan mereka pada kedudukan tiada mobiliti dahulu dan sekarang. Sebanyak empat kajian kes dipilih dengan membentangkan secara ringkas profil mereka yang berjaya 'mengekal' kedudukan pola mobiliti sosial menegak tinggi, serta mereka yang mengalami kedudukan tiada mobiliti dahulu dan sekarang.

BAHAGIAN I

Empat pola mobiliti sosial dikenal pasti dialami oleh ketua keluarga komuniti pesisir pantai ini ialah pola mobiliti sosial mendatar atau berterusan sama, pola mobiliti sosial ke atas, pola mobiliti sosial ke bawah, dan tiada mobiliti. Daripada 300 orang ketua keluarga tersebut, majoriti (43 peratus) berada pada pola mobiliti sosial mendatar atau yang berterusan sama dan satu pertiga (32 peratus) pada pola mobiliti sosial ke atas. Hasil kajian menunjukkan hanya sebilangan kecil, iaitu, jumlah peratus yang sama masing-masing pada 13 peratus ketua keluarga berada pada pola mobiliti sosial ke bawah dan kedudukan tiada mobiliti (Jadual 7.1).

Jadual 7.1
Pola mobiliti sosial di kalangan komuniti pesisir pantai

Pola mobiliti sosial di kalangan komuniti pesisir pantai	Bilangan	Peratusan
1. Mobiliti sosial berterusan sama/mendatar	128	42.7
• <i>pada menegak jarak tinggi</i>	4	1.3
• <i>pada menegak jarak sederhana</i>	50	16.7
• <i>pada menegak jarak rendah</i>	74	24.7
2. Mobiliti sosial ke atas	95	31.6
3. Mobiliti sosial ke bawah	39	13.0
4. Tiada mobiliti	38	12.7
JUMLAH	300	100.0

Sumber: kajian lapangan 2007/08

Perbincangan kepada perincian pola mobiliti sosial mendatar dan mereka pada kedudukan tiada mobiliti dianalisis dalam bab ini. Seterusnya, perbincangan pola mobiliti ke atas dan pola mobiliti sosial ke bawah dalam Bab VIII.

7.2 POLA MOBILITI SOSIAL MENDATAR ATAU BERTERUSAN SAMA

Apakah yang meletakkan ketua keluarga pada pola mobiliti sosial yang mendatar dan tiada mobiliti, iaitu, hingga tidak berganjak kedudukannya dahulu dan sekarang?

Bahagian ini meneliti permasalahan ini berdasarkan kepada sepuluh indikator dimensi ukuran mobiliti sosial yang telah dibahagikan kepada dua faktor, faktor objektif dan faktor subjektif.

Kajian menunjukkan daripada 300 orang responden, hanya 4 orang yang berjaya mengekalkan kedudukan mereka pada mobiliti sosial menegak jarak tinggi, 50 orang pada kedudukan mobiliti sosial menegak jarak sederhana, 74 orang pada mobiliti sosial menegak jarak rendah, dan 38 orang tiada mobiliti sosial dahulu dan sekarang (Jadual 7.2).

Jadual 7.2
Pola mobiliti sosial dahulu dan sekarang

		SKRG 4 kategori mobiliti				Jumlah
		Tinggi	Sederhana	Rendah	Tiada mobiliti	
DULU 4 kategori mobiliti sosial	Tinggi	4 (50.0)	2 (25.0)	1 (12.5)	1 (12.5)	8 (100.0)
	Sederhana	7 (10.3)	50 (73.5)	6 (8.8)	5 (7.4)	68 (100.0)
	Rendah	8 (4.9)	57 (35.0)	74 (45.4)	24 (14.7)	163 (100.0)
	Tiada mobiliti	1 (1.6)	16 (26.2)	6 (9.8)	38 (62.3)	61 (100.0)
Jumlah		20 (6.7)	125 (41.7)	87 (29.0)	68 (22.7)	300 (100.0)

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Soalannya, apakah yang menyebabkan golongan ini berkedudukan mendatar atau berterusan sama, dan tiada mobiliti sosial dahulu hingga sekarang? Perincian dan penelitian berikutnya cuba menganalisis faktor tersebut.

7.2.1 Faktor objektif

Lima indikator di bawah faktor objektif adalah tahap pendidikan, kategori pekerjaan, tahap pendapatan, kadar simpanan dan pemilikan aset pilihan. Kajian menunjukkan bahawa tahap pendidikan yang dimiliki berupaya mempengaruhi kedudukan mobiliti sosial seseorang itu. Data menunjukkan, 100 peratus yang mengekalkan kedudukan mobiliti sosial pada tahap menegak jarak tinggi memiliki tahap pendidikan tinggi samada ijazah atau diploma. Begitu juga mereka yang kekal pada kedudukan mobiliti jarak sederhana adalah mereka yang berkelulusan SPM atau PMR (Jadual 7.3).

Jadual 7.3
Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial berterusan sama:
Faktor objektif

	Tinggi (n=4)		Sederhana (n=50)		Rendah (n=74)		Tiada mobiliti (n=38)	
	Dulu	skrg	Dulu	skrg	Dulu	skrg	Dulu	skrg
Tahap pendidikan								
• Universiti/kolej	100.0		6.0		2.7		-	
• SPM/PMR			70.0		10.8		26.3	
• Sek. Rendah			20.0		81.1		44.7	
• Tak sekolah			4.0		5.4		28.9	
Kategori pekerjaan								
• Kategori tinggi	100.0	100.0	18.0	26.0	15.0	27.1	10.6	5.2
• Kategori sederhana	-	-	38.0	52.0	6.8	5.4	5.3	7.9
• Kategori rendah	-	-	10.0	8.0	35.1	16.3	23.7	-
• Kategori menurun	-	-	34.0	14.0	43.2	51.4	65.8	86.8
Tahap Pendapatan								
• Pendapatan Tinggi (RM10,001 & ke atas) & Pendapatan sederhana tinggi (RM5,001-10,000)	-	75.0	2.0	4.0	2.7	1.4	-	-
• Pendapatan sederhana (RM3,001-5,000)	25.0	25.0	2.0	16.0	5.4	1.4	-	-
• Pendapatan sederhana rendah (RM1,001-3,000)	75.0	-	70.0	60.0	41.9	48.6	15.8	5.3
• Pendapatan rendah (RM1,000 & ke bawah)	-	-	26.0	20.0	50.0	48.6	84.2	94.7
Kadar simpanan								
• Separuh	-	25.0	2.0	6.0	2.7	-	-	-
• Satu pertiga	75.0	75.0	10.0	18.0	-	4.1	-	-
• Simpan sedikit	25.0	-	64.0	68.0	59.5	64.9	13.2	10.5
• Tidak menyimpan	-	-	24.0	8.0	37.8	31.1	86.8	89.5
Pemilikan aset pilihan								
• Banyak (8 item & ke atas)	-	25.0	-	12.0	-	-	-	-
• Sederhana (4-7 item)	25.0	75.0	10.0	46.0	-	16.2	-	-
• Sedikit (1-3 item)	50.0	-	72.0	36.0	68.9	57.6	15.8	26.3
• Tiada langsung	25.0	-	18.0	6.0	31.1	16.2	84.2	73.7
Jumlah	4 (100.0)		50 (100.0)		74 (100.0)		38 (100.0)	

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Majoriti (81 peratus) yang kekal pada kedudukan mobiliti menegak jarak rendah juga hanya mempunyai pendidikan setakat bersekolah rendah. Begitu juga, mereka yang kekal pada kedudukan mobiliti menurun, masing-masing hanya bersekolah rendah (45 peratus), dan tidak bersekolah (29 peratus) (Jadual 7.3).

Mereka yang berupaya mengekalkan kedudukan mobiliti jarak tinggi berterusan dahulu hingga sekarang juga mereka yang mampu mengekalkan kerja mereka dalam kategori tinggi. Begitu juga majoriti (52 peratus) mereka yang mengekalkan kedudukan mobiliti jarak sederhana sekarang juga di kalangan mereka yang boleh kekal pada pekerjaan kategori sederhana (Jadual 7.3).

Sementara, separuh (51 peratus) yang kekal pada kedudukan mobiliti menegak rendah adalah mereka yang kekal dalam pekerjaan kategori tiada mobiliti. Jumlah terbanyak (87 peratus) mereka yang kekal pada kedudukan tiada mobiliti juga mereka yang kekal pada bidang pekerjaan tiada mobiliti juga (Jadual 7.3).

Kajian menunjukkan mereka yang berterusan sama pada kedudukan mobiliti menegak jarak tinggi adalah di kalangan mereka yang berupaya meningkatkan pendapatan. Misalnya, daripada 75 peratus daripada mereka dahulu mempunyai pendapatan sederhana rendah (RM1,001-3000), sekarang telah meningkatkan kepada pendapatan sederhana (25 peratus) dan sederhana tinggi dan tinggi (75 peratus) (Jadual 7.3).

Manakala mereka yang berterusan pada kedudukan mobiliti menegak jarak sederhana adalah majoriti dahulu (70 peratus) hingga sekarang (60 peratus) adalah di kalangan mereka yang kekal memperolehi pendapatan pada tahap sederhana rendah. Begitu

juga mereka yang berterusan sama pada kedudukan mobiliti menegak jarak rendah juga majoriti dahulu dan sekarang mempunyai tahap pendapatan sederhana rendah dan rendah. Satu dapatan yang agak dominan pada mereka yang berterusan kekal sama pada kedudukan tiada mobiliti dahulu hingga sekarang, apabila hampir semua daripada golongan ini adalah juga yang kekal berpendapatan rendah (RM1000 dan ke bawah) (Jadual 7.3).

Begitu juga mereka yang berterusan sama pada kedudukan mobiliti jarak tinggi adalah di kalangan mereka yang berterusan berupaya menabung dengan jumlah sekarang yang pertiga dari jumlah pendapatan. Sementara mereka yang berterusan sama pada kedudukan mobiliti menegak jarak sederhana dan rendah adalah majoriti daripada mereka hanya menyimpan pada kadar sedikit sahaja dahulu dan sekarang. Hampir keseluruhan (90 peratus) daripada mereka pada kedudukan tiada mobiliti juga adalah di kalangan mereka yang langsung tidak menyimpan (Jadual 7.3).

Seiring dengan kemampuan mereka dari segi jumlah pendapatan, pemilikan aset pilihan juga tidak lagi menjadi barangan yang mampu dimiliki, khususnya oleh mereka yang berterusan pada kedudukan mobiliti menegak jarak rendah dan tiada mobiliti. Data menunjukkan majoriti (74 peratus) daripada mereka yang berterusan pada kedudukan tiada mobiliti, masih tidak mampu untuk memiliki walaupun satu unit daripada kelompok aset pilihan tersebut (Jadual 7.3).

Berdasarkan kepada faktor objektif, ia memberi gambaran bahawa 'kedudukan yang tidak berubah' masing-masing pada pola mobiliti yang sama termasuk mereka pada kedudukan tiada mobiliti, amat dipengaruhi oleh elemen-elemen asas yang sedia ada

pada diri mereka. Bagi mereka yang tidak berubah pada kedudukan mobiliti sosial tinggi dan sederhana, elemen pendidikan dilihat sebagai faktor dominan, yang diikuti dengan kategori pekerjaan yang stabil, seterusnya mencorakkan kehidupan mereka melalui pendapatan yang diterima dengan keselesaan hidup melalui banyak pemilikan aset beserta tabungan yang menjamin masa depan.

Begitu juga sebaliknya pada mereka yang berada yang tidak berubah pada kedudukan rendah dan tiada mobiliti, dengan kelulusan yang rendah dan tidak pernah ke sekolah menyebabkan mereka sukar bergerak maju ke hadapan, yang seterusnya mempengaruhi corak kehidupan mereka yang agak terbelakang.

7.2.2 Faktor subjektif

Lima indikator ukuran subjektif berdasarkan persepsi responden itu sendiri adalah terhadap tahap pekerjaan, kepuasan pekerjaan, jumlah dan tahap pendapatan, beserta status sosial mereka sebagai perbandingan dahulu dan sekarang. Kajian menunjukkan 100 peratus mereka yang berada pada kedudukan mobiliti menegak jarak tinggi mengakui tahap kerja sekarang 'amat baik' berbanding dahulu. Begitu juga, majoriti (86 peratus) yang berada pada kedudukan mobiliti menegak jarak sederhana mengakui tahap kerja sekarang 'baik' berbanding dahulu (Jadual 7.4).

Sementara, separuh (50 peratus) mereka pada kedudukan mobiliti menegak jarak rendah mengakui 'sama sahaja' tahap kerja dahulu dan sekarang. Namun, hampir separuh (42 peratus) mereka dari golongan ini mengakui tahap kerja mereka adalah 'baik' (39 peratus) dan 'amat baik' (3 peratus) (Jadual 7.4).

Jadual 7.4
Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial berterusan sama:
Faktor subjektif

	Tinggi (n=4)		Sederhana (n=50)		Rendah (n=74)		Tiada mobiliti (n=38)	
	Dulu	skrg	Dulu	skrg	Dulu	skrg	Dulu	skrg
Tahap kerja								
• Amat baik	100.0		8.0		2.7		2.6	
• Baik	-		86.0		39.2		26.3	
• Sama sahaja	-		2.0		50.0		31.6	
• Kurang baik	-		8.0		8.1		39.5	
Kepuasan kerja								
• Amat puas hati	-	100.0	8.0	28.0	16.2	8.1	10.5	5.3
• Puas hati	100.0	-	66.0	66.0	62.2	54.1	39.5	60.5
• Sederhana	-	-	4.0	2.0	14.9	20.3	10.5	10.5
• Tidak puas hati	-	-	22.0	4.0	6.8	17.6	39.5	23.7
Jumlah pendapatan mencukupi								
• Amat mencukupi	100.0	100.0	8.0	18.0	9.5	4.1	5.3	-
• Mencukupi	-	-	72.0	82.0	59.5	66.2	52.6	28.9
• Sederhana	-	-	16.0	-	25.7	28.4	23.7	18.4
• Kurang mencukupi & tak mencukupi	-	-	4.0	-	5.4	1.4	18.5	52.6
Tahap pendapatan sekarang banding dulu								
• Amat lebih baik	75.0		6.0		1.4		-	
• Lebih baik	25.0		80.0		18.9		28.9	
• Sama sahaja	-		8.0		68.9		23.7	
• Kurang baik	-		6.0		10.8		47.4	
Status sosial								
• Sangat hormat	-	75.0	-	32.0	-	9.5	-	10.5
• Hormat	75.0	25.0	62.0	60.0	17.6	36.5	26.3	44.7
• Biasa saja	25.0	-	38.0	8.0	81.1	54.1	71.1	44.7
• Pandang rendah	-	-	-	-	1.4	-	2.6	-
Jumlah	4		50		74		38	
	(100.0)		(100.0)		(100.0)		(100.0)	

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Manakala, jumlah terbanyak (40 peratus) mereka pada kedudukan tiada mobiliti mengakui tahap kerja sekarang 'kurang baik' berbanding dahulu. Namun sepertiga (29 peratus) daripada mereka pula mengakui berada pada tahap kerja mereka sekarang 'baik' (26 peratus) dan 'amat baik' (3 peratus) berbanding dahulu walaupun mereka pada kedudukan tiada mobiliti (Jadual 7.4).

Seperti ditunjukkan dalam Jadual 7.4 di atas, pelbagai tanggapan diberikan, iaitu ada yang menyatakan 'amat baik', 'baik', 'sama sahaja' atau 'kurang baik' dari aspek menilai pada tahap pekerjaan mereka sekarang berbanding dahulu. Namun, dari aspek kepuasan kerja, semua golongan kedudukan mobiliti sosial yang berbeza mengakui bahawa mereka 'berpuas hati' dengan kerja yang mereka lakukan sekarang. Misalnya,

lebih separuh (61 peratus) dan 5 peratus mereka pada kedudukan tiada mobiliti mengakui 'puas hati' dan 'amat puas hati' dengan kerja mereka. Begitu juga majoriti (54 peratus) mereka pada kedudukan mobiliti rendah menyatakan 'puas hati' dan 8 peratus 'amat puas hati' dengan pekerjaan yang dilakukan sekarang (Jadual 7.4). Salah seorang responden pada kedudukan mobiliti rendah yang bekerja sebagai nelayan menyatakan ,

“...pagi ke laut...lepas tengahari balik...petang ke wakaf berbual-bual dengan kawan-kawan... atau baiki pukut...beginilah setiap hari kerja saya...jumlah tangkapan ikan ada kala banyak dan ada hari yang langsung tak dapat ikan...tapi saya rasa puas hati kerana dengan sumber rezeki keje nelayan ini dapat menyara tujuh orang anak-anak ke sekolah...ada yang berjaya dan dah keje...mereka ada bantu...bagi duit belanja...”

Sementara, kajian menunjukkan 100 peratus mereka pada kedudukan mobiliti menegak tinggi dan sederhana mengakui jumlah pendapatan mereka sekarang 'mencukupi' dan 'amat mencukupi' sekarang. Begitu juga, majoriti (70 peratus) mereka pada kedudukan mobiliti jarak rendah juga mengakui jumlah pendapatan mereka 'mencukupi' dan 'amat mencukupi'. Sebaliknya, lebih separuh (53 peratus) mereka pada kedudukan mobiliti menurun menyatakan jumlah pendapatan mereka 'kurang dan tidak mencukupi' (Jadual 7.4). Salah seorang responden bekerja sebagai buruh tukang rumah yang berada pada kedudukan tiada mobiliti ada menyatakan,

“bekerja sebagai tukang rumah memberi pendapatan yang tidak tetap...kalau tak bertukang saya ke laut menumpang bot kawan-kawan tangkap ikan di pesisir pantai...saya mempunyai lapan orang anak dengan lima orang daripadanya masih bersekolah...seorang baru tamat SPM masih belum dapat keje...kadang-kadang terpaksa pinjam duit dari peraih ikan untuk menampung belanja harian...”

Analisis data dari aspek perbandingan tahap pendapatan jelas menggambarkan kedudukan mobiliti sosial mereka. Misalnya, 100 peratus mereka pada kedudukan mobiliti menegak tinggi menyatakan tahap pendapatan 'lebih baik' dan 'amat lebih

baik' sekarang berbanding dahulu. Begitu juga, majoriti (80 peratus) mereka pada kedudukan mobiliti menegak sederhana mengakui tahap pendapatan mereka 'lebih baik' sekarang berbanding dahulu (Jadual 7.4).

Sementara, lebih separuh (69 peratus) mereka pada kedudukan mobiliti jarak rendah pula mengakui tahap pendapatan mereka 'sama sahaja'. Begitu juga hampir separuh (47 peratus) mereka pada kedudukan tiada mobiliti mengakui tahap pendapatan mereka 'kurang baik' sekarang berbanding dahulu (Jadual 7.4).

Umumnya, seperti ditunjukkan dalam Jadual 7.4 di atas, status sosial seseorang itu tidak begitu dinilai atau dipandang berdasarkan kedudukan mobiliti yang dimiliki oleh seseorang itu. Walaupun mereka pada kedudukan tiada mobiliti atau rendah, sejumlah besar daripada mereka tetap dihormati oleh penduduk setempat. Ini kerana 'kedudukan' atau jawatan kemasyarakatan tertentu mereka seperti sebagai ahli JKKK atau AJK surau dan masjid. Beliau berkata:

“berbanding 10 tahun dahulu pakcik rasa diri sekarang lebih dihormati...tak tahu lah...mungkin sebab pakcik naib pengerusi JKKK la ni [sekarang ini]...tapi dulu walaupun tak pegang apa-apa...orang hormatlah gak...[juga]...dah berumur kan...[tersenyum...]”

Berdasarkan perbincangan di atas memberikan gambaran bahawa mereka yang berada pada 'kedudukan yang tidak berubah' pada mobiliti menegak jarak tinggi dan sederhana, masing-masing mengakui dan merasakan bahawa tahap kerja, kepuasan kerja, jumlah dan tahap pendapatan mereka adalah baik dahulu dan pada masa sekarang pula telah menjadi bertambah baik. Sebaliknya bagi mereka yang berada pada 'kedudukan yang tidak berubah' mobiliti rendah dan tiada mobiliti hanya sekadar merasakan sederhana sahaja tahap kerja, tahap pendapatan dan kepuasan pada

kerja mereka. Namun dari segi status sosial pula tidak begitu ketara perbezaan yang wujud antara mereka yang mobiliti menegak jarak tinggi, sederhana, rendah dan tiada mobiliti. Masing-masing di kalangan mereka merasai diri mereka dihormati oleh penduduk setempat. Cuma bagi mereka yang memegang jawatan tertentu akan lebih dihormati.

7.3 KES KAJIAN

Bahagian ini bertujuan untuk memberikan beberapa contoh empirikal bagi empat pola mobiliti yang paling menonjol dalam analisis mobiliti sosial. Untuk tujuan tersebut, berikut dibentangkan profil empat individu dalam empat pola mobiliti sosial, iaitu, pola mobiliti sosial mendatar atau berterusan sama menegak jarak tinggi, mereka pada kedudukan tiada mobiliti, pola mobiliti ke atas (tinggi), dan pola mobiliti ke bawah (menurun). Dalam setiap kes kajian ini, perkara yang diberi penekanan ialah latarbelakang diri bersandarkan tahap pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan pemilikan. Selain dari itu, dalam profil sampel kajian ini juga ditonjolkan faktor-faktor yang telah membantu mereka maju ke hadapan, dan sebaliknya yang masih tidak berupaya untuk 'keluar dari lingkaran'. Analisis dalam bahagian ini dapat menajamkan lagi huraian ke atas indikator-indikator ukuran mobiliti sosial dan faktor penyumbang atau penghalang kepada komuniti pesisir untuk 'keluar atau masih dalam lingkaran' kemunduran.

7.3.1 Sampel dari pola mobiliti sosial mendatar atau berterusan sama menegak jarak tinggi

Kes 1: Omar

Omar (bukan nama sebenar), berumur 42 tahun adalah seorang ahli peniagaan yang berjaya. Seorang anak muda yang berasal daripada sebuah kampung agak jauh daripada pusat bandaraya Kuala Terengganu, di sebuah perkampungan nelayan di DUN Tepoh. Beliau mempunyai kelulusan yang tinggi dengan memiliki ijazah dalam bidang kejuruteraan dari luar negara. Bapanya seorang nelayan pesisir pantai yang kadang kala bekerja membaiki enjin bot.

Selepas menamatkan pengajiannya, beliau terus bekerja sebagai jurutera di salah sebuah syarikat swasta di Kemaman pada 1990. Setelah mengutip pengalaman selama lima tahun, beliau berhenti 'makan gaji' dan memulakan perniagaan sendiri. Pada 1996 beliau bersama seorang rakan kongsi membuka sebuah syarikat kontraktor mekanikal. Pada tahun yang sama juga beliau bersama isteri membuka sebuah kedai fotokopi berhampiran dengan UMT dan UDM. Selain fotokopi, mereka juga ada menjual beberapa alatan tulis dan lain-lain yang sepertinya sambil meneruskan kerjanya sebagai seorang kontraktor. Peluang ini diambil memandangkan kemajuan dan pembangunan sekitar, khususnya berkaitan dengan perusahaan fotokopi untuk memenuhi tuntutan dan keperluan pelajar-pelajar universiti. Menurut Omar:

“Saya akui minat saya untuk berniaga ini di samping minat... sebahagian besar kerana pengaruh persekitaran di sini.... Misalnya ada dua buah universiti...pembangunan lainnya memberi saya dan isteri idea untuk memulakan perniagaan ini...[kedai fotokopi]...Saya sendiri membuka syarikat pembinaan lesen Kelas F...berkongsi dengan seorang rakan lain...berbanding kerja makan gaji dulu walaupun agak lumayan...tapi hasil perniagaan ini lebih memberi keuntungan...”

Antara faktor yang mendorong beliau untuk berniaga dan berhenti ‘makan gaji’ walaupun dengan pendapatan lumayan ialah minat yang mendalam, terdorong oleh dasar-dasar Kerajaan, khususnya untuk meningkatkan penglibatan peniaga bumiputera, dan juga ingin merebut peluang dari kemajuan yang dialami oleh kawasan sekitaran. Beliau sendiri mengakui perniagaan ini akan membawa lebih banyak keuntungan berbanding makan gaji. Beliau mendapat bantuan kewangan melalui pinjaman dari TEKUN dan sebuah bank swasta. Menurut beliau bantuan pinjaman dari kerajaan amat penting untuk memajukan bidang perniagaan dengan lebih baik.

Selain kemahuan dan usaha sendiri, antara faktor yang membolehkan beliau berjaya dalam perniagaan ialah modal sosial dalam bentuk jaringan politik (atau ‘linking capital’). Menurut pengakuan beliau sendiri, jaringan politik amat perlu untuk maju dan berjaya dalam perniagaan. Beliau kini adalah ketua cawangan politik UMNO dan pengerusi JKKK di kawasannya. Tentang pentingnya jaringan politik beliau berkata :

“Saya amat setuju...[*gelak kecil*]...adanya hubungan rapat dengan orang-orang politik boleh beri ruang mengetahui projek-projek kecil yang nak dijalankan...tapi pandai-pandailah kita nak mengorek rahsia tu...[*masih tersenyum*]...”

Beliau memberikan anggaran jumlah pendapatan bersih sekarang sebagai ahli perniagaan lebih kurang RM7,000.00 sebulan. Kadang-kadang beliau mengakui mendapat lebih banyak daripada jumlah tersebut bergantung kepada projek yang diperolehi sama ada melalui perniagaan kontraktor ataupun kedai fotokopinya. Menurut beliau, jumlah pendapatan yang diterima sekarang sekali ganda jumlahnya daripada pendapatannya makan gaji sebagai jurutera dahulu. Justeru dalam usia yang ‘agak muda’ ini, beliau sudah memiliki sebahagian aset pilihan dan banyak aset

umum yang lain. Beliau mengakui taraf hidup beliau sekarang semakin baik berbanding dahulu.

Sebagai seorang ahli perniagaan yang berjaya dan berada pada kedudukan mobiliti menegak tinggi dahulu dan sekarang, beliau menyatakan dan mengakui ada empat perkara penting yang diperlukan untuk kekal begitu. Empat faktor kejayaan pada dirinya ialah semangat diri, cita-cita dan usaha yang kuat, mempunyai modal atau aset, mempunyai jaringan sosial atau pengaruh yang banyak seperti mengenali ahli perniagaan yang ramai dan lebih berjaya dan yang mempunyai kuasa atau politik. Di samping itu, perlunya penglibatan sendiri yang aktif dalam politik. Menurut beliau lagi, memiliki kelulusan pendidikan yang tinggi serta perubahan mentaliti atau corak pemikiran itu sangat penting sebagai asas untuk seseorang itu mengubah diri kepada yang lebih baik.

Kes 2: Yusuf

Yusuf (bukan nama sebenar), berusia 38 tahun, memiliki kelulusan diploma dari Universiti Teknologi Mara (UiTM). Beliau mempunyai bapa yang hanya bersekolah rendah dan ibu yang tidak pernah ke sekolah. Beliau membesar dengan latarbelakang keluarga yang berniaga. Bapanya dahulu adalah seorang pemborong, pengedar dan peraih ikan, juga kadang kala ke laut sebagai nelayan pesisir. Ibunya pula adalah pembuat dan peniaga keropok lekor dan kering. Pekerjaan pertama beliau pada 1991 adalah berniaga bersama keluarga sebagai pembuat dan peniaga keropok lekor dan kering. Menurut beliau:

“Saya ingat lagi masa umur saya lapan tahun dah mula ikut ayah...[ayah]...jumpa nelayan-nelayan kat pantai depan ni...[pantai

Kampung Kolam]...jual beli ikan...kemudian boleh dikatakan semua adik beradik saya membantu mereka berniaga, khususnya buat keropok lekor dan kering...jadi minat berniaga tu dah ada dalam diri saya...tu la sebab bila saya tamat diploma di UiTM saya mengambil alih perniagaan keropok...[Dengan] pengetahuan dalam bidang pembinaan di UiTM ini saya sikit-sikitlah buat rumah orang...[kontraktor kelas F]...”

Di samping masih membantu keluarga dalam perniagaan tersebut, beliau kini telah menceburkan diri dalam perniagaan sebagai kontraktor binaan, khususnya rumah kediaman persendirian dan rumah PPRT. Beliau telah memulakan perniagaan sendiri itu pada 1998. Faktor utama yang menjadi pendorong beliau untuk menjadi kontraktor binaan ini ialah minat sendiri, dorongan keluarga, terdorong dengan dasar kerajaan yang banyak memberikan galakkan kepada bumiputera untuk berniaga, dan rasa terdorong ingin merebut peluang dari kemajuan yang dialami oleh kawasan sekitaran.

Beliau telah mendapat bantuan pinjaman dari Kerajaan melalui TEKUN sebanyak RM10,000. Namun beliau mengakui beliau ada keyakinan dapat maju dengan berdikari dalam perniagaan tanpa bantuan dari Kerajaan. Sekiranya diberi peluang dalam bentuk bantuan perniagaan, bantuan itu hanya sebagai faktor pendorong sahaja. Sementara itu beliau sangat bersetuju bahawa perlunya hubungan rapat dalam bentuk jaringan sosial perniagaan dengan ahli politik, golongan peniaga lain dan orang-orang Kerajaan untuk lebih maju dalam bidang ini.

Beliau sendiri telah dan sedang terus membina jaringan sosial tersebut untuk memantapkan lagi peluang perniagaannya. Jawatan sebagai Ketua Pemuda UMNO cawangan dan AJK JKKK juga telah memberi ruang dan peluang untuk beliau berdamping rapat dengan mereka yang mempunyai kedudukan sama ada dalam politik atau Kerajaan. Beliau juga mengakui bahawa jaringan perniagaan yang telah

sedia wujud melalui perniagaan keluarga itu banyak membantu beliau sekarang untuk meningkat. Beliau juga tidak menafikan bahawa peranan Kerajaan melalui dasar-dasar yang dibentuk, kemudahan-kemudahan infrastruktur yang diadakan dan sebagainya lagi amat membantu para peniaga untuk berkembang maju. Hakikat ini ditegaskan beliau begini:

“Kenalan niaga dari zaman ibu bapa berniaga dulu memang bagi banyak kelebihan pada saya kini...saya tak perlu mencari pemborong ke...atau pembeli ke...mereka akan datang sendiri mencari...sebab ‘penjenamaan’ tu telah ada lama...dikenali.... Maksud saya dari segi kualiti produklah...ahli keluarga...sepupu dan ipar-ipar jugak banyak membantu memajukan lagi perniagaan ini...”

Jumlah pendapatan yang diterima dianggarkan sebanyak RM5,000 sekarang telah memungkinkan beliau memiliki banyak aset berbanding dahulu. Walaupun dalam usia ‘muda’ ini beliau telah memiliki sebuah rumah seunit banglo, kereta buatan dalam negeri dan kereta impot serta tanah. Semua aset umum telah dimiliki, dan sebahagiannya (50 peratus) dalam bentuk aset pilihan.

Akhirnya, beliau menyatakan beberapa isu pentingnya perubahan sikap dan pemikiran, khususnya kepada masyarakat pesisir di Kuala Terengganu untuk memajukan diri dan keluarga. Antaranya ialah sikap malas perlu diubah. Masyarakat perlu peka dan berubah merebut peluang dari kemajuan sekeliling. Bantuan dari Kerajaan terlalu banyak, tapi menurut beliau Kerajaan perlu kurangkan ‘bantuan segera’ dalam bentuk tunai, tapi lebihkan program kesedaran yang membawa kepada perubahan minda/pemikiran. Masyarakat juga tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada laut semata-mata, tetapi perlu mempelbagaikan sumber pendapatan lain bagi memastikan masa hadapan mereka akan lebih cerah lagi.

Keupayaan beliau untuk mengekalkan kedudukan mobiliti menegak tinggi dahulu dan sekarang didasari oleh beberapa perkara. Di samping memiliki tahap pendidikan tinggi, perlu mempunyai semangat untuk berdikari serta diri sendiri perlu berusaha kuat dan gigih untuk mengubah bagi memajukan diri dan keluarga. Mempunyai latarbelakang keluarga yang terlibat dalam bidang perniagaan juga adalah penting dan amat membantu kerjaya perniagaannya.

Kes 3 : Ahmad

Ahmad (bukan nama sebenar), berusia 47 tahun, adalah anak keturunaan nelayan jati Mengabang Lekor. Berlatarbelakangkan keluarga yang susah, di mana bapanya bekerja sebagai nelayan pesisir pantai dan kadang kala menjual ikan di tepi jalan. Ibunya membantu menyara keluarga dengan mengambil upah menyang ikan untuk dibuat keropok lekor dan keropok kering, dan kadang kala membantu si bapa menjual ikan juga.

Beliau adalah seorang contoh individu yang berjaya mengubah diri dari satu kedudukan yang rendah, ke sederhana, dan ke tinggi sekarang melalui usaha gigih meningkatkan tahap pendidikannya. Bermula dengan kelulusan SPM pada 1978, kemudiannya memperolehi diploma pengurusan pada 1982. Pada 1989 beliau mula memasuki universiti awam dan tamat pada 1990 dengan memperolehi ijazah. Seterusnya pada 1995 beliau meneruskan pengajian ke peringkat sarjana dan memperolehi ijazah Sarjana Sastera (MA) pada 1997.

Sebelum memulakan kerjayanya sebagai pendidik, beliau menjadi awak-awak laut selama hampir setahun di Pulau Langkawi. Selepas menamatkan pengajian di Maktab Perguruan, beliau menjadi guru di sekolah rendah. Selepas mendapat ijazah sarjana beliau menjadi pensyarah di salah sebuah universiti awam di Terengganu hinggalah sekarang.

Sifat tekun dan gigih berusaha sejak belasan tahun dahulu hingga sekarang memungkinkan beliau dan keluarga kekal memiliki kedudukan pada mobiliti menegak tinggi. Isteri yang bekerja dalam sektor kerajaan juga banyak membantu memajukan keluarga. Beliau sekeluarga kini dapat mengecapi hidup 'mewah' dengan memiliki semua aset umum, dan sebahagian besar (lebih 80 peratus) aset pilihan. Memiliki sendiri rumah banglo, tanah dan kereta nasional serta impot.

Memiliki empat orang anak yang berjaya dalam bidang pendidikan, dengan dua orang sedang melanjutkan pelajaran di IPTA, seorang di sekolah menengah rendah dan seorang lagi masih bersekolah rendah. Beliau sangat mengambil berat dan menitikberatkan pelajaran dan pendidikan anak-anak.

Beliau juga mempunyai jaringan sosial (modal sosial) yang tinggi. Memegang pelbagai jawatan dalam hal ehwal kemasyarakatan, seperti menjadi pengerusi kepada PIBG, JKKK, Jawatankuasa Masjid dan Rukun Tetangga. Beliau juga adalah AJK parti pemerintah, iaitu UMNO, dan sangat aktif dalam pergerakan Belia 4B di kampungnya. Pelbagai jawatan dan kedudukannya dalam komuniti menyebabkan beliau seorang yang sangat dihormati oleh ahli masyarakat sekeliling.

Kes 4 : Zali

Zali (bukan nama sebenar), berusia 47 tahun, juga seorang pensyarah di salah sebuah institut perguruan Kuala Terengganu. Beliau mempunyai sejarah hidup dan pengembangan kerjaya sepertimana Ahmad di atas. Keupayaan beliau untuk berubah dan mendaki tangga mobiliti sosial daripada satu tahap kepada tahap yang lebih baik melalui pendidikan yang dicapai menjadi asas kejayaannya.

Pada 1975 beliau tamat SPM dan bekerja sebagai nelayan pesisir bersama bapa. Kemudian menyambung pelajaran di Maktab Perguruan selama tiga tahun bermula 1979 hingga 1981. Selepas lima tahun mengajar, beliau menyambung lagi pendidikan ke peringkat ijazah pertama di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan terus menyambung ke peringkat ijazah sarjana di universiti yang sama. Kini beliau menjadi pensyarah di sebuah institut perguruan di Kuala Terengganu. Selain mengajar, beliau juga ada melakukan kerja sampingan lain seperti menjadi fasilitator bagi program yang dijalankan di Biro Tatanegara Negara (BTN). Kalau ada kelapangan beliau turun ke laut pesisir pantai menangkap ikan menggunakan bot enjin sangkut milik sendiri. Bot enjin sangkut ini akan disewakan kepada orang lain jika beliau tidak menggunakannya.

Semangat kerja yang sentiasa kuat dan motivasi ingin mengubah taraf hidup diri dan keluarga ke tahap yang lebih baik antara faktor pendorong utama. Mempunyai isteri yang bekerja sebagai guru sekolah memungkinkan beliau dan keluarga mengecapi kesenangan hidup. Beliau sekeluarga kini mampu memiliki semua aset umum, dan

sebahagian besar (80 peratus) aset pilihan seperti memiliki kereta nasional dan impot, bot enjin sangkut, serta sebuah rumah banglo.

Beliau mempunyai lima orang anak, dengan dua orang daripada sedang melanjutkan pelajaran di IPTA, seorang sekolah menengah dan dua orang lagi masih bersekolah rendah.

7.3.2 Sampel pada kedudukan tiada mobiliti

Kes 1 : Uda Su

Uda Su (bukan nama sebenar), berusia 54 tahun, berkahwin dan mempunyai sembilan orang anak. Berkelulusan SPM dan mempunyai sijil kemahiran dari MARA. Seawal usia 16 tahun, beliau bekerja sebagai nelayan pesisir dengan menumpang bot orang. Dengan kemahiran yang diperolehi di MARA, beliau ada mengambil upah membaiki bot dan enjin bot sangkut. Sekarang beliau mengambil upah bertukang rumah dan membaiki barangan elektrik.

Anggaran pendapatan yang diterima dinyatakan sebanyak RM500 dahulu dan RM600 sekarang. Namun beliau mengakui berpuashati dengan kehidupan mereka sekeluarga. “Rezeki Allah yang bagi...kita perlu bersyukur dengan apa yang di beri...alhamdulillah keberkatan rezeki tu anak-anak berjaya dalam pelajaran”. Walaupun memiliki jumlah pendapatan sebegitu, tiga daripada sembilan anaknya berjaya belajar hingga ke IPTA, iaitu seorang mengambil ijazah pertama, dua orang

lagi diploma. Seorang telah menamatkan sekolah sehingga SPM dan sekarang berniaga sendiri sebagai mekanik.

Beliau sangat mengambil berat tentang pendidikan dan pelajaran anak-anak dengan kerap meluangkan masa bersama berbincang hal pelajaran dengan anak-anak. Apa yang amat ditekankan kepada anak-anak ialah agar berusaha gigih untuk belajar setinggi yang upaya kerana pendidikan itu sahaja yang kelak boleh membantu meningkatkan taraf hidup mereka.

Kes 2: Suhut

Suhut (bukan nama sebenar), berusia 59 tahun dan pernah ke sekolah. Mempunyai seorang isteri dan 21 orang anak. Sejumlah 16 orang anak yang masih hidup, dan 4 orang telah meninggal dunia. Empat dari 16 orang anak diberi kepada orang lain untuk dipelihara. Purata pendidikan anak-anak hanya setakat tamat sekolah rendah, sebahagian kecil tidak pernah bersekolah, dan beberapa orang hingga PMR. Anak-anaknya sebahagian besar bekerja sebagai buruh, kerja kampung dan nelayan.

Menyara kehidupan keluarga dari dahulu hingga sekarang dengan menjadi nelayan pesisir pantai dan kerja sampingan menjaja ikan menggunakan basikal. Anggaran pendapatan dahulu sebanyak RM1000, dan sekarang diakui telah menurun sedikit kepada RM800. Memulakan kerja sebagai nelayan pada seawal usia 13 tahun bersama ayah. Pernah menjadi awak-awak laut dalam di Mersing selama 8 tahun, dan di Sedeli Johor selama 5 tahun.

Beliau mempunyai semangat diri dan kerja yang kuat dahulu dan sekarang. Pelbagai kerja dilakukan untuk menyara kehidupan keluarga. Selain itu, beliau sekeluarga ada menerima beberapa bantuan daripada Kerajaan seperti wang saraan. Pada 2000, beliau ada menerima bantuan Baitulmal sebanyak RM200 setiap kali menjelang hari raya. Bermula tahun 2000 juga beliau ada menerima wang ehsan setiap tahun berjumlah RM300. Bermula 2005 beliau ada menerima bantuan RM200 sebulan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Terengganu. Pada 2005 juga beliau telah mendapat sebuah rumah PPRT dan sebuah bot enjin sangkut.

Beliau sangat menghargai bantuan-bantuan yang dihulurkan itu, dan kehidupan mereka sekeluarga juga bertambah baik sekarang. Berbanding dahulu, beliau sekeluarga telah memiliki sebahagian kecil (40 peratus) aset umum untuk keperluan asas rumah, dan tiada satu pun lagi memiliki sebarang aset pilihan.

Kes 3: Lan

Lan (bukan nama sebenar), berusia 36 tahun, mempunyai kelulusan setakat darjah enam. Mempunyai isteri berkelulusan SPM dengan tujuh orang anak. Empat orang telah meninggal dunia. Seorang baru sekolah rendah.

Seawal usia 13 tahun hingga sekarang beliau bekerja sebagai nelayan. Sebelum mendirikan rumahtangga beliau menjadi awak-awak laut dalam di Endau, Johor, selama lima tahun. Sekarang beliau beralih kerja sebagai nelayan pesisir pantai. Kalau tidak ke laut beliau membantu isterinya berniaga runcit kecil-kecilan di depan rumah. Modal berniaga diperolehi daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak

RM2,700. Sementara itu, barang-barang jualan boleh diambil daripada sebuah ‘hipermarket’ di bandar Kuala Terengganu. Ini juga sebagai salah satu cara syarikat milik sepenuhnya anak jati Terengganu ini untuk membantu beliau.

Di samping itu, isterinya juga membantu dengan mengambil upah menjahit baju, dan telah mendapat bantuan sebuah mesin jahit berharga RM2,000 dari Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK). Pada 2005, beliau juga telah mendapat bantuan sebuah bot enjin sangkut, pukut sebesar 10 bidang dan minyak subsidi untuk ke laut. Melalui usaha gigih yang ditunjukkan, beliau pada awal 2008 telah mendapat bantuan sebuah motosikal beroda tiga daripada YPK. Motosikal beroda tiga ini digunakan oleh beliau untuk menjaja ikan dan sayur-sayuran di sekeliling kampung dan sekitarnya. Anggaran pendapatan yang diperolehi dahulu sekitar RM700 sebulan, tetapi sekarang menurun kepada RM500 sahaja sebulan.

Beliau sekeluarga menumpang tinggal di rumah kakaknya. Melalui bantuan PPRT, beliau sekeluarga telah mendapat bantuan baikpulih rumah berharga RM5,000. Setahun sekali mendapat bantuan zakat dari MAIDAM sebanyak RM200. Sejak 2001 hingga sekarang, mendapat bantuan wang ehsan sebanyak RM300 sekali setahun. Bermula pada 2000, beliau sekeluarga telah mendapat bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak RM200 sebulan. Beliau mengakui:

“Pihak Kerajaan memang banyak membantu saya sekeluarga...la ni [sekarang] hidup saya sekeluarga agak baik sikit banding 10 tahun dahulu...saya amat berterima kasih...khasnya kepada JKKK kampung ini yang mengambil berat kebajikan penduduk kampung ini...”

Beliau juga aktif dalam aktiviti komuniti di kampung. Menjadi AJK JKKK, dan AJK rukun tetangga. Beliau mengakui hubungan mesra dengan komuniti kampung, usaha

yang gigih dan hubungan baik dengan beberapa orang ahli politik membantu memudahkan lagi usaha beliau untuk memohon bantuan-bantuan yang diperlukan, seperti untuk berniaga dan mendapat bantuan peralatan untuk ke laut. Kehidupan beliau sekarang sekeluarga telah berupaya memiliki sebahagian besar (80 peratus) aset umum, yang menjurus kepada keperluan asas rumah. Namun begitu, masih tiada satu pun lagi memiliki aset pilihan.

Kes 4: Aziz

Aziz (bukan nama sebenar), berusia 47 tahun, mempunyai kelulusan SPM. Mempunyai seorang isteri juga berpendidikan SPM dengan 3 orang anak. Semua anaknya masih bersekolah peringkat menengah rendah dan tinggi.

Beliau menyara kehidupan keluarga sekarang dengan berniaga runcit kecil-kecil di rumahnya. Perniagaan itu dimulakan pada 1989 dengan modal kewangan daripada pinjaman TEKUN sebanyak RM5,000. Sebelum berniaga, beliau menjadi nelayan pesisir pantai dengan menumpang bot orang. Akibat kemalangan jalanraya beliau mengalami kecederaan dibahu kanan hingga menyebabkan kesukaran untuk ke laut. Justeru itu, beliau dan isteri membuka kedai runcit untuk menampung keperluan keluarga. Anggaran pendapatan yang diterima dahulu adalah sebanyak RM1000. Tapi sekarang dalam lingkungan RM400 sahaja sebulan.

Beliau tiada menerima sebarang bantuan Kerajaan, selain wang ehsan berjumlah RM300 setahun sekali bermula tahun 2000. Dari segi pemilikan aset, beliau ada memiliki sebahagian besar (50 peratus) aset umum untuk keperluan rumah, sementara

tiada satu pun lagi aset pilihan. Beliau mempunyai sebuah rumah sendiri jenis tradisional dan sebuah motosikal. Dalam aktiviti kemasyarakatan pula, beliau adalah bilal surau di kampung kediaman dan bendahari JKKK kampungnya.

7.4 RUMUSAN DARI LAPAN KAJIAN KES DI ATAS: BEBERAPA INDIKATOR PENTING

Melalui penelitian ke atas lapan sampel di atas, di mana didapati empat orang daripada 300 orang responden yang berjaya 'mengekalkan' kedudukan mereka pada mobiliti menegak jarak tinggi dahulu dan sekarang, dan empat orang lagi daripada 38 orang yang pada kedudukan tiada mobiliti, dapat dirumuskan beberapa indikator utama yang mempengaruhi perjalanan mobiliti sosial mereka ini.

Melalui kes-kes di atas indikator yang paling ketara memainkan peranan ialah pendidikan. Tahap pendidikan yang dimiliki sebagai 'kunci' yang boleh memandu mereka sama ada untuk terus maju ke hadapan atau sebaliknya. Tidak dapat dinafikan juga bahawa pendapatan yang diperolehi adalah kriteria utama yang membezakan antara dua kumpulan pola mobiliti sosial tersebut.

Faktor-faktor penyumbang lain bagi mereka yang bekerja sendiri sama ada sebagai ahli perniagaan atau juragan, keperluan kepada jaringan sosial dan politik, serta sokongan dan bantuan pihak Kerajaan untuk memantapkan lagi bidang kerjaya yang mereka ceburi sangat membantu kejayaan mereka. Faktor-faktor ini akan dibincangkan seterusnya ini.

7.5 FAKTOR PENYUMBANG MOBILITI SOSIAL MENDATAR TINGGI DAN TIADA MOBILITI

Apakah faktor penyumbang yang berupaya mempengaruhi 'pengekalan' golongan pada mobiliti sosial menegak jarak tinggi, dan mereka pada kedudukan tiada mobiliti? Analisis ditumpukan kepada tiga faktor iaitu modal manusia (seperti pendidikan, nilai dan semangat diri serta pengisian budaya ilmu), modal sosial (seperti keterikatan keluarga dan komuniti, serta jaringan sosial) dan faktor struktural (seperti peranan pemerintah dan swasta).

7.5.1 Faktor modal manusia

Kajian menunjukkan mereka di kalangan mobiliti berterusan jarak tinggi adalah 100 peratus terdiri daripada mereka yang memiliki tahap pendidikan tinggi (ijazah/diploma). Sementara, di kalangan tiada mobiliti, majoriti (45 peratus) adalah mereka yang mempunyai pendidikan setakat di sekolah rendah, dan tidak bersekolah (29 peratus) (Jadual 7.5). Sementara, sejumlah 21 orang daripada 38 orang yang berkedudukan tiada mobiliti ini berketurunan nelayan dari tiga generasi, iaitu, datuk, bapa dan responden. Dari aspek pendidikan ternyata mereka amat terbelakang dengan hampir separuh (43 peratus) hanya tamat sekolah rendah dan lebih sepertiga (38 peratus) pula langsung tidak pernah ke sekolah. Ini menunjukkan pentingnya peranannya pendidikan dalam mencapai mobiliti sosial.

Namun kajian mendapati min nilai individu yang merangkumi semangat dan motivasi yang kuat untuk berjaya bagi mereka di kalangan mobiliti berterusan menegak jarak tinggi dan tiada mobiliti adalah hampir sama, iaitu masing-masing

pada 58.50 dan 59.15 (Jadual 7.5). Ini menggambarkan bahawa golongan tiada mobiliti ini mempunyai keupayaan untuk mengubah diri mereka dengan nilai individu yang tinggi sedikit pada diri mereka itu.

Jadual 7.5
Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial berterusan sama:
Perbezaan tahap pendidikan, aspek nilai dan sikap pemeraksanaan/keupayaan anak dan diri sendiri

	Mobiliti tinggi berterusan (N=4)	Tiada mobiliti (N=38)
Tahap pendidikan		
• Universiti/kolej	100.0	-
• SPM/PMR	-	26.3
• Sek. Rendah	-	44.7
• Tak sekolah	-	28.9
Jumlah	4 (100.0)	38 (100.0)
	Mobiliti tinggi berterusan (min)	Tiada mobiliti (min)
Aspek nilai		
• Nilai individu	58.50 (min mak: 65.00)	59.15 (min mak: 67.00)
Meningkatkan keupayaan diri dan anak-anak budaya ilmu		
• gemar mendengar/membaca berita/akhbar/tv/internet bercorak ilmu pengetahuan	19.75 (min mak: 23.00)	13.79 (min mak: 20.00)
• gemar membaca ruangan di akhbar bercorak ilmu pengetahuan	15.25 (min mak: 18.00)	12.33 (min mak: 18.00)
• titikberat didikan anak-anak kepada kepentingan ilmu pengetahuan & pelajaran	20.67 (min mak: 21.00)	17.09 (min mak: 24.00)

*Nota: min mak : min maksimum
Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Mereka yang berada pada kedudukan mobiliti berterusan menegak jarak tinggi mempunyai sikap yang positif untuk meningkatkan keupayaan diri dan anak-anak berbanding mereka yang di kalangan tiada mobiliti. Jadual 7.5 di bawah menunjukkan min yang tinggi bagi ketiga-tiga item petunjuk kepada sikap mementingkan ilmu pengetahuan bagi mereka di kalangan mobiliti berterusan tinggi. Misalnya, 19.75 min mereka di kalangan mobiliti tinggi berterusan tentang sikap gemar mendengar/membaca berita/akhbar/tv/internet bercorak ilmu pengetahuan, berbanding hanya 13.79 di kalangan mereka yang tiada mobiliti.

Begitu juga min yang lebih tinggi (15.25) tentang sikap gemar membaca ruangan di akhbar yang bercorak ilmu pengetahuan oleh mereka yang mobiliti tinggi berterusan, berbanding hanya 12.33 pada mereka yang tiada mobiliti. Seiring dengan pernyataan Mansor (2007: 17-18) bahawa “dengan terbina modal manusia yang cerdas, baik dan rasionaliti itu, individu itu akan mampu membina visi dan misi kehidupannya. Dia akan memiliki disiplin diri yang tinggi, rajin berusaha dan fokus atas matlamat hidupnya. Ini akan memandu untuk dia bekerja dengan penuh minat untuk mengejar cita-cita hidup itu. Dia akan kuat membaca dan tingkatkan kemahiran kerjaya dalam kehidupannya”.

Kajian juga menunjukkan mereka di kalangan mobiliti tinggi berterusan lebih menitikberatkan pendidikan anak-anak (min 20.67) mereka kepada kepentingan ilmu pengetahuan dan pelajaran berbanding dengan mereka yang tiada mobiliti (min 17.09).

Kekuatan dalaman dari segi semangat diri untuk gigih berkerja juga lebih kukuh dan kuat di kalangan mereka yang mobiliti tinggi berterusan berbanding dengan mereka yang tiada mobiliti. Ini ditunjukkan seperti Jadual 7.6 di bawah di mana semua (100 peratus) mereka yang mobiliti berterusan tinggi mengakui semangat kerja mereka ‘kuat’ dahulu hingga sekarang. Sementara, semangat kerja yang ‘kuat’ bagi mereka yang tiada mobiliti telah merosot daripada 87 peratus dahulu kepada 47 peratus sahaja sekarang. Manakala hampir sepertiga (32 peratus) mereka yang tiada mobiliti juga mengakui semangat kerja mereka ‘lemah’ sekarang.

Jadual 7.6
Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial berterusan sama: Aspek semangat diri – kerja

Semangat kerja	Mobiliti kekal tinggi (4 orang)		Tiada mobiliti (38 orang)	
	Dulu	Skrng	Dulu	Skrng
Kuat	100.0	100.0	86.9	47.3
Sederhana	-	-	5.3	21.1
Lemah	-	-	7.9	31.5

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Kajian menunjukkan mereka di kalangan mobiliti berterusan menegak jarak tinggi adalah majoriti (67 peratus) bekerja kategori pentadbiran (pensyarah dan guru), dan berniaga (100 peratus). Berbanding dengan mereka di kalangan tiada mobiliti adalah mereka yang majoriti (85 peratus) kekal berterusan sejak 10/15 tahun dahulu hingga sekarang kerja sebagai nelayan dan buruh (78 peratus) (Jadual 7.7). Daripada 38 orang yang berkedudukan tiada mobiliti ini juga, majoriti (55 peratus) adalah mereka dari keturunan nelayan tiga generasi, iaitu, datuk, bapa dan responden. Sementara itu, hanya 13 peratus (lima orang) adalah mereka berketurunan nelayan empat generasi (datuk, bapa, responden dan anak responden). Data juga menunjukkan majoriti (75 peratus) mereka di kalangan mobiliti berterusan tinggi juga adalah mereka yang mempunyai pekerjaan sampingan. Sementara lebih separuh (53 peratus) mereka di kalangan tiada mobiliti menyatakan tidak melakukan sebarang kerja sampingan.

Jadual 7.7
Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial berterusan sama: Perubahan kategori pekerjaan

Kategori pekerjaan responden dulu	Kategori pekerjaan mobiliti berterusan tinggi responden			Kategori pekerjaan tiada mobiliti responden			
	Pentadbiran	Perniagaan	Jumlah	Nelayan	Perniagaan	Buruh	Jumlah
Pentadbiran	66.7	33.3	100.0	-	-	-	-
Perniagaan	-	100.0	100.0	-	50.0	50.0	100.0
Nelayan	-	-	-	85.2	3.7	11.1	100.0
Buruh	-	-	-	-	22.2	77.8	100.0
Jumlah	2 (50.0)	2 (50.0)	4 (100.0)	23 (60.5)	4 (10.5)	11 (28.9)	38 (100.0)

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Selain melalui pencapaian dalam pendidikan dan pekerjaan sebagai 'suntikan' utama meningkatkan kapasiti modal manusia seseorang itu, pengalaman dan pengetahuan melalui kemahiran atau kursus juga boleh memainkan peranannya untuk membantu. Hasil kajian menunjukkan semua di kalangan mereka yang mobiliti berterusan jarak tinggi mengakui mempunyai pengalaman berniaga sebelum membuka perniagaan sendiri dan menyatakan pernah hadir ke kursus atau latihan kemahiran bagi membantu meningkatkan keupayaan dan motivasi diri untuk berniaga. Mereka juga mengakui bahawa kursus atau latihan tersebut telah membawa perubahan pada cara berfikir ke arah yang lebih positif dan optimis. Sebaliknya, hanya sebahagian kecil mereka yang tiada mobiliti mengakui ada pengalaman berniaga tapi semua mereka tidak pernah mengikuti sebarang kursus atau latihan kemahiran berniaga.

7.5.2 Faktor modal sosial

Faktor penyumbang berdasarkan modal sosial ini dihuraikan khusus pada mereka yang bekerja sendiri sebagai ahli perniagaan dan sebagai juragan bot laut dalam. Kajian menunjukkan mereka di kalangan mobiliti berterusan menegak jarak tinggi bijak menggunakan ruang dan peluang yang ada untuk memajukan perniagaan mereka. Justeru, semua (100 peratus) mereka yang berniaga di kalangan mobiliti berterusan tinggi mengakui 'perlu'nya hubungan atau jaringan politik dalam membantu memajukan perniagaan mereka. Sebaliknya, hanya 60 peratus mereka yang berniaga di kalangan mereka yang tiada mobiliti menyatakan 'perlu' kepada hubungan atau jaringan politik dalam membantu memajukan perniagaan.

Kajian juga menunjukkan mereka di kalangan mobiliti berterusan jarak tinggi mempunyai jaringan sosial yang agak luas berbanding mereka yang tiada mobiliti. Selain daripada mengenali kebanyakan besar peniaga Melayu, golongan peniaga di kalangan mobiliti tinggi berterusan juga mengakui ada mengenali peniaga dari etnik lain seperti peniaga cina. Sementara, golongan peniaga di kalangan tiada mobiliti, hanya 40 peratus mengakui ada mengenai peniaga Cina selain peniaga Melayu (Jadual 7.8).

Jadual 7.8
Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial berterusan sama:
Hubungan/jaringan sosial luar dalam perniagaan dan bantuan ahli keluarga dalam perniagaan

Kenalan peniaga lain	Mobiliti tinggi berterusan		Jumlah	Tiada mobiliti		Jumlah
	Ya	Tidak		Ya	Tidak	
• Etnik Melayu	100.0	-	2 (100.0)	100.0	-	5 (100.0)
• Etnik Cina	100.0	-	2 (100.0)	40.0	60.0	5 (100.0)
Bantuan ahli keluarga						
• Suami/isteri	50.0	50.0	2 (100.0)	40.0	60.0	5 (100.0)
• Adik beradik	50.0	50.0	2 (100.0)	-	100.0	5 (100.0)
• Anak-anak	-	100.0	2 (100.0)	60.0	40.0	5 (100.0)
• Saudara/mara	50.0	50.0	2 (100.0)	-	100.0	5 (100.0)

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Dari segi jaringan keluarga, kedua-dua golongan ini mengakui ada mendapat bantuan daripada ahli keluarga seperti pasangan masing-masing, adik-beradik, anak-anak dan saudara mara lain untuk membantu dalam bidang perniagaan (Jadual 7.8).

Akhir sekali, kajian juga memperlihatkan bahawa mereka pada kedudukan pola mobiliti berterusan menegak jarak tinggi mempunyai ikatan komuniti yang lebih kukuh berbanding dengan mereka pada kedudukan tiada mobiliti. Misalnya, min sebanyak 18.50 interaksi sosial sesama komuniti adalah di kalangan mereka pada mobiliti berterusan menegak jarak tinggi berbanding hanya 16.31 di kalangan mereka yang tiada mobiliti. Begitu juga mereka yang berada pada mobiliti berterusan menegak jarak tinggi mempunyai min yang lebih tinggi tahap penglibatan dalam

aktiviti berpersatuan dan aktiviti kejrangan dalam komuniti, iaitu, sebanyak 21.50, dan 17.25 berbanding dengan mereka yang tiada mobiliti dengan min masing-masing hanya 16.05 dan 16.00 pada kedua-dua aktiviti tersebut (Jadual 7.9).

Jadual 7.9
Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial berterusan sama:
Penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan

Aktiviti kemasyarakatan	Mobiliti tinggi berterusan (min) (n=4)	Tiada mobiliti (min) (n=38)
• Interaksi sosial sesama ahli komuniti	18.50 (min mak: 20.00)	16.31 (21.00)
• penglibatan dalam aktiviti berpersatuan dalam komuniti	21.50 (min mak: 26.00)	16.05 (26.00)
• penglibatan dalam aktiviti kejrangan dalam komuniti	17.25 (min mak: 20.00)	16.00 (21.00)

*nota: min mak: min maksimum
Sumber: Kajian lapangan 2007/08

7.5.3 Faktor struktural

Perbincangan mengenai peranan faktor struktural kepada proses mobiliti sosial juga adalah tertumpu kepada mereka yang menceburkan diri sebagai ahli perniagaan dan juragan laut dalam zon B. Kajian menunjukkan semua peniaga di kalangan mobiliti tinggi berterusan, dan majoriti (80 peratus) mereka di kalangan tiada mobiliti ada mendapat bantuan untuk memajukan perniagaan. Namun lebih separuh (60 peratus) daripada mereka yang tiada mobiliti menyatakan 'yakin' dapat berdikari dalam perniagaan tanpa bantuan kerajaan. Sementara, mereka di kalangan mobiliti tinggi berterusan, hanya separuh (50 peratus) yang yakin dapat berdikari tanpa bantuan kerajaan.

Semua peniaga daripada kedua-dua golongan ini juga 'bersetuju' bahawa dasar kerajaan sekarang banyak membantu para peniaga berkembang maju berbanding dengan 10/15 tahun dahulu. Khususnya melalui kemudahan prasarana yang

disediakan oleh Kerajaan banyak memberi sumbangan memajukan bidang perniagaan sekarang (Jadual 7.10).

Jadual 7.10
Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial berterusan sama:
Peranan kerajaan dalam membantu perniagaan

Peranan Kerajaan	Mobiliti tinggi berterusan (n=2)	Tiada mobiliti (n=5)
1. Tanpa bantuan kerajaan, ada keyakinan maju secara berdikari dalam perniagaan?		
• yakin	50.0	60.0
• tidak pasti	-	-
• tidak yakin	50.0	40.0
2. Berbanding 10 tahun dahulu, dasar kerajaan sekarang banyak membantu para peniaga berkembang maju		
• Setuju	100.0	100.0
• tidak pasti	-	-
• tidak setuju	-	-
3. Kemudahan infrastruktur yang disediakan banyak memberi sumbangan majukan perniagaan berbanding 10 tahun dahulu		
• Setuju	100.0	100.0
• tidak pasti	-	-
• tidak setuju	-	-

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Umumnya, kajian mendapati bahawa faktor modal manusia seperti minat sendiri sebagai pendorong utama para peniagaan daripada kedua-dua golongan mobiliti sosial ini. Namun faktor modal sosial, termasuk dorongan keluarga lebih memberi pengaruh (100 peratus) kepada mereka di kalangan mobiliti tinggi berterusan berbanding hanya 60 peratus di kalangan mereka yang tiada mobiliti (Jadual 7.10).

Jadual 7.11
Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial berterusan sama:
Rumusan faktor yang mendorong untuk berniaga

Faktor pendorong	Mobiliti tinggi berterusan (n=2)		Jumlah	Tiada mobiliti (n=5)		Jumlah
	Ya	Tidak		Ya	Tidak	
Dorongan keluarga (modal sosial)	100.0	-	2 (100.0)	60.0	40.0	5 (100.0)
Minat sendiri (modal manusia)	100.0	-	2 (100.0)	100.0	-	5 (100.0)
Terdorong dengan dasar kerajaan (faktor struktural)	100.0	-	2 (100.0)	20.0	80.0	5 (100.0)
Merebut peluang dari kemajuan sekeliling (faktor struktural)	100.0	-	2 (100.0)	60.0	40.0	5 (100.0)

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Faktor struktural seperti melalui dasar-dasar kerajaan juga memberi kesan yang tinggi (100 peratus) sebagai pendorong di kalangan mereka yang mobiliti tinggi berterusan. Sebaliknya, majoriti (80 peratus) mereka di kalangan tiada mobiliti mengakui sebab mereka berniaga bukan didorong oleh dasar-dasar Kerajaan. Begitu juga semua peniaga (100 peratus) di kalangan mobiliti tinggi berterusan mengakui faktor kemajuan pesat sekeliling menyebabkan mereka ingin merebut peluang untuk berniaga tetapi hanya lebih separuh (60 peratus) peniaga di kalangan tiada mobiliti yang menyetujuinya (Jadual 7.11).

7.6 KESIMPULAN

Faktor pendidikan ternyata tetap menyerlah sebagai 'kunci' utama untuk menggerakkan mereka untuk berada pada kedudukan mobiliti sosial yang lebih baik. Sebaliknya, mereka yang masih 'terperangkap dalam lingkaran kemiskinan' adalah yang terbelakang dan tertinggal dalam pendidikan. Seterusnya, sokongan daripada faktor-faktor lain, seperti modal manusia yang diungkapkan melalui 'gerakan dalaman' seperti nilai diri yang sentiasa optimis, semangat diri yang sentiasa berkobar-kobar, dan sikap positif yang mementingkan ilmu pengetahuan didapati sangat membantu mereka untuk 'keluar dari lingkaran'. Begitu juga, sokongan persekitaran lain melalui jaringan sosial, politik dan pihak Kerajaan itu sendiri ternyata memainkan peranan yang besar dalam menyumbang kepada mereka yang ingin lebih maju lagi ke hadapan. Umumnya, keupayaan seseorang untuk 'keluar dari lingkaran' kemunduran dan keterbelakangan itu memerlukan gabungan pelbagai faktor seperti modal manusia, modal sosial dan faktor struktural yang dibincangkan ini. Ringkasnya pergerakan atau mobiliti boleh berlaku apabila terdapat gabungan

pelbagai faktor seperti yang dijelaskan dalam kerangka analisis kajian dalam Bab I sebelum ini.

Bab seterusnya akan meneliti apakah faktor-faktor yang sama meletakkan mereka pada kedudukan mobiliti sosial ke bawah atau ke atas.

BAB VIII

POLA MOBILITI SOSIAL DINAMIK KE ATAS DAN KE BAWAH

8.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan dua lagi pola mobiliti sosial di kalangan komuniti pesisir selain daripada pola mobiliti mendatar dan tiada mobiliti yang dihuraikan sebelum ini. Dua pola mobiliti tersebut ialah pertama, pola mobiliti sosial ke atas dan kedua, pola mobiliti sosial ke bawah.

Pola mobiliti sosial ke atas ialah mereka yang mengalami peningkatan dari kedudukan mobiliti menegak jarak sederhana ke mobiliti menegak jarak tinggi; mereka dari mobiliti menegak jarak rendah ke mobiliti menegak jarak tinggi dan ke mobiliti menegak jarak sederhana; dan mereka yang dari tiada mobiliti ke mobiliti menegak jarak tinggi, ke mobiliti menegak jarak sederhana dan ke mobiliti menegak jarak rendah.

Manakala, pola mobiliti sosial ke bawah ialah mereka yang mengalami penurunan kedudukan mobiliti dari mobiliti menegak jarak tinggi ke mobiliti menegak jarak sederhana, ke mobiliti menegak jarak rendah dan ke tiada mobiliti. Mereka yang ke bawah dari mobiliti menegak jarak sederhana ke mobiliti menegak jarak rendah dan

ke tiada mobiliti; dan mereka dari kedudukan mobiliti menegak jarak rendah ke tiada mobiliti. Semuanya mengikut perbandingan dahulu (10 hingga 15 tahun) dan sekarang (2007/08). Siapakah dan bagaimanakah kedudukan mereka ini dalam komuniti yang dikaji ini?

Sepertimana bab terdahulu, bagi memudahkan analisis dan kefahaman, bab ini juga dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian I, membincangkan pola mobiliti sosial ke atas dan ke bawah berdasarkan indikator-indikator ukuran mobiliti faktor objektif dan faktor subjektif itu. Bahagian II, menghuraikan faktor penyumbang yang boleh mempengaruhi kedua-dua pola mobiliti tersebut.

BAHAGIAN I

Kajian mobiliti ini diukur dari dua titik masa. Ini kerana untuk melihat gerakan mobiliti itu perlu ada dua masa. Kedudukan 'masa dahulu' kajian ini ialah merujuk kepada 10 atau 15 tahun berbanding dengan 'kedudukan sekarang', pada tahun 2007/08 di mana kajian ini dijalankan. Tempoh masa 10 atau 15 tahun dahulu itu diambil dengan andaian dalam tempoh atau jarak masa tersebut telah berlakunya perubahan yang dialami oleh individu atau komuniti pesisir pantai ini.

8.2 PERUBAHAN KEDUDUKAN MOBILITI

Umumnya, sejumlah 77 peratus daripada 300 orang komuniti pesisir pantai ini berada pada kedudukan mobiliti ke atas sekarang berbanding sebanyak 80 peratus dahulu, dan ini menunjukkan telah berlaku penurunan yang kecil, hanya 3 peratus. Daripada

77 peratus yang berada pada kedudukan mobiliti ke atas itu, sepertiga (32 peratus atau 95 orang) adalah mereka yang berupaya ‘meningkatkan diri’. Sebahagian besar (77 peratus) adalah mereka yang mobiliti ke atas pada mobiliti menegak jarak sederhana, 17 peratus ke mobiliti menegak jarak tinggi, dan hanya 6 peratus ke mobiliti menegak jarak rendah (Jadual 8.1).

Jadual 8.1
Pola mobiliti sosial ke atas

Pola mobiliti sosial dahulu	Pola mobiliti sosial yang meningkat sekarang			Jumlah
	Tinggi	Sederhana	Rendah	
Sederhana	7 (100.0)	-	-	7 (100.0)
Rendah	8 (12.3)	57 (87.7)	-	65 (100.0)
Tiada mobiliti	1 (4.3)	16 (69.6)	6 (26.1)	23 (100.0)
Jumlah	16 (16.8)	73 (76.8)	6 (6.3)	95 (100.0)

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Sementara, hanya sejumlah kecil (13 peratus atau 39 orang) komuniti pesisir pantai yang mengalami mobiliti ke bawah sekarang. Sebahagian besar (77 peratus) adalah mereka yang berubah kepada kedudukan tiada mobiliti, 18 peratus kepada kedudukan mobiliti menegak jarak rendah, dan 5 peratus turun kepada kedudukan mobiliti menegak jarak sederhana (Jadual 8.2).

Jadual 8.2
Pola mobiliti sosial ke bawah

Pola mobiliti sosial dahulu	Pola mobiliti sosial yang ke bawah sekarang			Jumlah
	sederhana	rendah	Tiada mobiliti	
Tinggi	2 (50.0)	1 (25.0)	1 (25.0)	4 (100.0)
Sederhana	-	6 (54.5)	5 (45.5)	11 (100.0)
Rendah	-	-	24 (100.0)	24 (100.0)
Jumlah	2 (5.1)	7 (17.9)	30 (76.9)	39 (100.0)

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Bagaimanakah kedudukan mobiliti ke atas dan ke bawah ini ditunjukkan melalui aspek-aspek analisis dimensi ukuran mobiliti? Perbincangan seterusnya merangkumi indikator faktor objektif dan faktor subjektif.

8.3 FAKTOR OBJEKTIF

Berdasarkan tahap pendidikan jelas menunjukkan bahawa majoriti (67 peratus) mereka yang mobiliti ke bawah hanya setakat bersekolah rendah, begitu juga dengan lebih separuh (54 peratus) mereka yang mobiliti ke atas adalah juga hanya bersekolah rendah. Namun, perbezaan yang agak jelas pada mereka yang mempunyai tahap pendidikan tinggi telah berjaya ke mobiliti ke atas (14 peratus) (Jadual 8.3).

Jadual 8.3
Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial ke atas dan ke bawah:
Faktor objektif

	Mobiliti Ke atas (n=95)		Mobiliti Ke bawah (n=39)	
	Dulu	skrg	Dulu	skrg
Tahap pendidikan				
• Universiti/kolej		13.7		2.6
• SPM/PMR		29.5		20.5
• Sek. Rendah		53.7		66.7
• Tak sekolah		3.2		10.3
Kategori pekerjaan				
• Kategori tinggi	24.2	45.3	20.5	17.9
• Kategori sederhana	15.8	15.8	10.3	5.1
• Kategori rendah	20.0	8.4	38.5	5.1
• Kategori menurun	40.0	30.5	30.8	71.8
Tahap Pendapatan				
• Pendapatan Tinggi (RM10,001 & ke atas) & Pendapatan sederhana tinggi (RM5,001-10,000)	3.2	6.3	5.1	2.6
• Pendapatan sederhana (RM3,001-5,000)	5.3	11.6	5.1	7.7
• Pendapatan sederhana rendah (RM1,001-3,000)	43.2	49.5	38.5	15.4
• Pendapatan rendah (RM1,000 & ke bawah)	48.4	32.6	51.3	74.4
Kadar simpanan				
• Separuh	2.1	7.4	5.1	-
• Satu pertiga	6.3	13.7	5.1	5.1
• Simpan sedikit	54.7	57.9	30.8	23.1
• Tidak menyimpan	36.8	21.1	59.0	71.8
Pemilikan aset pilihan				
• Banyak (8 item & ke atas)	-	5.3	-	-
• Sederhana (4-7 item)	1.1	36.8	-	7.7
• Sedikit (1-3 item)	73.7	51.6	48.7	51.3
• Tiada langsung	25.3	6.3	51.3	41.0
Jumlah		95 (100.0)		39 (100.0)

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Aspek pekerjaan ternyata amat memberi pengaruh kepada perubahan pergerakan ke atas dan ke bawah komuniti pesisir pantai ini. Data menunjukkan peningkatan hampir sekali ganda bagi kategori tinggi pekerjaan, daripada 24 peratus dahulu kepada 45 peratus sekarang. Perubahan yang paling ketara ialah mereka yang terlibat dalam bidang perniagaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) (Jadual 8.3).

Kategori pekerjaan mereka sekarang juga berperanan meletakkan mereka pada kedudukan mobiliti ke bawah. Misalnya, mereka yang bekerja dalam kategori tiada mobiliti, seperti sebagai nelayan pesisir pantai dan buruh telah meningkat daripada 31 peratus kepada 72 peratus sekarang. Manakala, mereka yang bekerja dalam kategori tinggi, sederhana dan rendah pula mengalami pengurangan dan yang paling ketara adalah mereka yang sebelum ini ramai bekerja dalam kategori rendah (39 peratus) telah merosot kepada 5 peratus sekarang (Jadual 8.3).

Seiring dengan kategori pekerjaan yang dimiliki, mereka yang mengalami mobiliti ke atas telah menunjukkan peningkatan dari segi jumlah pendapatan bulanan, walaupun dalam skala yang kecil. Misalnya, 3 peratus mereka yang berpendapatan sederhana tinggi dan tinggi dahulu, telah meningkat kepada 6 peratus sekarang. Begitu juga mereka yang berpendapatan sederhana meningkat lebih sekali ganda, daripada 5 peratus dahulu kepada 12 peratus sekarang. Mereka yang berpendapatan sederhana rendah (RM1,001-3,000) ini juga telah mengalami peningkatan sedikit daripada 43 peratus dahulu kepada 50 peratus sekarang (Jadual 8.3).

Manakala, jumlah pendapatan yang diterima juga adalah sebagai satu penyebab bagi mereka yang mengalami mobiliti ke bawah. Majoriti daripada mereka ini telah mengalami pengurangan kadar pendapatan. Misalnya, lebih dua perlima (39 peratus)

daripada mereka dahulu memperolehi pendapatan sederhana rendah, tapi sekarang hanya satu perlima daripada mereka (15 peratus) yang dapat mengekalkan kadar pendapatan yang sama. Sementara, mereka yang berpendapatan rendah telah meningkat daripada 51 peratus dahulu kepada 74 peratus sekarang (Jadual 8.3).

Keupayaan menabung juga memberi gambaran kepada peningkatan atau penurunan kedudukan mobiliti di kalangan komuniti pesisir pantai. Mereka yang mobiliti ke atas menunjukkan peningkatan pada kadar tabungan. Peningkatan sebanyak 5 peratus, iaitu, daripada 2 peratus dahulu kepada 7 peratus sekarang tentang keupayaan menabung lebih separuh dan separuh daripada pendapatan. Begitu juga peningkatan daripada hanya 6 peratus yang menabung satu pertiga pendapatan dahulu kepada 14 peratus sekarang (Jadual 8.3).

Sebaliknya, berlaku kemerosotan keupayaan menabung kepada mereka yang mengalami mobiliti ke bawah. Mereka yang berupaya menabung dengan kadar yang sedikit telah berkurang daripada 31 peratus dahulu kepada 23 peratus sekarang. Begitu juga di kalangan mereka yang langsung tidak menyimpan telah meningkat daripada 59 peratus dahulu kepada 72 peratus sekarang (Jadual 8.3).

Seiring dengan perubahan taraf hidup yang lebih baik, di kalangan komuniti pesisir pantai ini yang mengalami mobiliti ke atas juga terkesan dengan keupayaan untuk memiliki barangan atau aset pilihan yang lebih banyak jumlahnya sekarang berbanding dahulu. Misalnya, data menunjukkan hampir dua perlima (37 peratus) mereka yang mobiliti ke atas berupaya memiliki pemilikan aset pilihan dengan kadar yang sederhana. Sementara yang tiada langsung memiliki aset pilihan di kalangan

mereka ini telah amat berkurang daripada 25 peratus dahulu kepada hanya 6 peratus sekarang (Jadual 8.3).

Namun, mereka di kalangan yang mengalami mobiliti ke bawah juga telah meningkat keupayaan memiliki aset pilihan walaupun dalam peratusan yang sangat kecil. Misalnya, daripada 39 orang yang mobiliti ke bawah, hanya 8 peratus yang mampu memiliki aset pilihan dengan kadar yang sederhana sekarang (Jadual 8.3).

Umumnya, mendapati bahawa kelima-lima indikator faktor objektif ini ada memberi impak kepada kedudukan mobiliti mereka sama ada yang mengalami mobiliti ke atas atau mobiliti ke bawah. Namun kategori pekerjaan dan jumlah pendapatan yang diperolehi didapati lebih terserlah impaknya jika dibandingkan dengan tahap pendidikan dalam mengambilkira pola mobiliti ini.

8.4 FAKTOR SUBJEKTIF

Kajian menunjukkan majoriti (86 peratus) mereka yang mobiliti ke atas menyatakan tahap kerja sekarang 'baik' dan 'amat baik' berbanding dahulu. Begitu juga, jumlah terbesar (38 peratus) mereka di kalangan yang mengalami mobiliti ke bawah mengakui tahap kerja sekarang 'baik' (33 peratus) dan 'amat baik' (5 peratus) sekarang berbanding dahulu. Namun sepertiga (36 peratus) di kalangan mereka yang mobiliti ke bawah juga menyatakan tahap kerja sekarang 'kurang baik; dan 'amat kurang baik' berbanding dahulu. Hampir satu pertiga (26 peratus) yang mengalami mobiliti ke bawah pula menyatakan 'sama sahaja' tahap pekerjaan dahulu dan sekarang (Jadual 8.4).

Seiring dengan pengakuan tahap kerja yang lebih baik sekarang berbanding dahulu di kalangan mereka yang mobiliti ke atas, hampir keseluruhan (92 peratus) daripada mereka ini telah mengakui 'puas hati' (62 peratus), dan 'amat puas hati' (30 peratus) dengan kerja mereka sekarang berbanding dahulu (Jadual 8.4).

Jadual 8.4
Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial ke atas dan ke bawah:
Faktor subjektif

	Mobiliti Ke atas (n=95)		Mobiliti Ke bawah (n=39)	
	Dulu	skrg	Dulu	skrg
Tahap kerja				
• Amat baik	15.8		5.1	
• Baik	70.5		33.3	
• Sama sahaja	6.3		25.6	
• Kurang baik & amat tak baik	7.4		35.9	
Kepuasan kerja				
• Amat puas hati	7.4	29.5	12.8	20.5
• Puas hati	42.1	62.1	69.2	35.9
• Sederhana	13.7	3.2	12.8	12.8
• Tidak puas hati & amat tak puas hati	36.8	5.3	5.1	30.8
Jumlah pendapatan mencukupi				
• Amat mencukupi	6.3	21.1	20.5	7.7
• Mencukupi	49.5	66.3	61.5	43.6
• Sederhana	33.7	4.2	17.9	33.3
• Kurang mencukupi & tak mencukupi	10.5	8.5	-	15.4
Tahap pendapatan sekarang banding dulu				
• Amat lebih baik	15.8		2.6	
• Lebih baik	65.3		28.2	
• Sama sahaja	13.7		41.0	
• Kurang baik	5.3		28.2	
Status sosial				
• Sangat hormat	4.2	9.5	-	10.3
• Hormat	22.1	75.8	28.2	53.8
• Biasa saja	73.7	14.7	71.8	35.9
• Pandang rendah	-	-	-	-
Jumlah	95		39	
	(100.0)		(100.0)	

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Sebaliknya, di kalangan mereka yang berkedudukan tiada mobiliti mengakui tahap kepuasan kerja sekarang (69 peratus) telah berkurangan (36 peratus) berbanding dahulu. Namun, sebilangan kecil di kalangan mereka yang mengalami mobiliti ke bawah pula telah menyatakan 'amat puas hati' dengan kerja sekarang (21 peratus), berbanding dahulu (13 peratus). Manakala sepertiga (31 peratus) daripada mereka ini

mengakui 'tidak puas hati' dan 'amat tak puas hati' dengan kerja yang mereka lakukan sekarang ini (Jadual 8.4).

Kajian juga menunjukkan peratus kenaikan yang tinggi di kalangan mereka yang mobiliti ke atas sebanyak satu pertiga (31 peratus), menyatakan jumlah pendapatan sekarang 'mencukupi' dan 'amat mencukupi' sebanyak 87 peratus, berbanding dahulu hanya 56 peratus. Sebaliknya, berlaku penurunan juga sebanyak satu pertiga (31 peratus) di kalangan mereka yang mobiliti ke bawah, dari 82 peratus dahulu menurun kepada 51 peratus sekarang (Jadual 8.4).

Seiring dengan kenyataan di atas, majoriti (81 peratus) di kalangan mobiliti ke atas mengakui pendapatan mereka sekarang 'lebih baik' (65 peratus), dan 'amat lebih baik' (16 peratus) sekarang berbanding dahulu. Manakala, jumlah terbanyak (41 peratus) mereka di kalangan mobiliti ke bawah menyatakan tahap pendapatan mereka sekarang dan dahulu 'sama sahaja' (Jadual 8.4).

Kajian menunjukkan sama ada kedudukan status sosial mereka yang mobiliti ke atas atau ke bawah menunjukkan peratusan yang tinggi diri mereka dihormati oleh masyarakat setempat adalah tinggi masing-masing sebanyak 85 peratus (mobiliti ke atas), dan 64 peratus (mobiliti ke bawah). Ini memberi gambaran bahawa status sosial rendah yang dimiliki oleh seseorang itu tidak semestinya tidak dihormati oleh masyarakat setempat. Namun mereka yang berada pada kedudukan mobiliti ke atas, disertai dengan penglibatan yang aktif dalam komuniti, didapati mereka ini akan lebih dihormati. Justeru, apakah erti di sebalik pola penghormatan ini? Yakni, penghormatan yang diterima bukan bergantung kepada mobiliti sosial kedudukan

sahaja, tetapi juga pada faktor lain seperti sumbangan yang dilakukan pada anggota masyarakat, karisma individu, misalnya melalui jawatan penting yang dipegang dalam komuniti, serta juga faktor usia yang semakin lanjut.

8.5 KES KAJIAN

Sejumlah lapan profil individu dibincangkan di bawah adalah contoh empirikal untuk dua pola mobiliti sosial ini. Mereka yang dipilih ialah empat orang daripada pola mobiliti sosial ke atas, yang mengalami mobiliti menegak jarak tinggi (4 dari 16 orang), dan empat orang daripada pola mobiliti sosial ke bawah, mereka yang mengalami mobiliti menurun (4 dari 30 orang). Sepertimana kes kajian dalam bab sebelum ini, profil yang dibentangkan merangkumi tahap pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan pemilikan. Juga diuraikan faktor-faktor yang boleh membantu mereka untuk mobiliti ke atas dan juga yang mengekang mereka untuk 'keluar dari lingkaran'.

8.5.1 Sampel dari pola mobiliti ke atas (tinggi) (4 dari 16 orang)

Kes 1: Abi

Abi (bukan nama sebenar), berusia 59 tahun, mempunyai kelulusan tamat darjah 6 sekolah rendah. Beliau melalui pergerakan dan perubahan kerja yang pelbagai jenis untuk berjaya sebagai seorang pengusaha kilang kayu.

Seawal usia 14 tahun, beliau telah ke laut membantu ayah sebagai nelayan pesisir pantai. Meningkatkan umur dewasa sedikit, beliau menjadi awak-awak laut dalam hingga ke Sedeli, Endau dan Langkawi. Pada umur 25 tahun beliau berhenti menjadi nelayan dan menjadi pemandu lori di kilang papan. Menjelang usia 35 tahun beliau menjadi kontraktor kilang papan. Di samping itu, beliau pernah menjadi penjual kain dan membantu berniaga di kedai kopi. Kemudian pada 1986, beliau telah mula menjalankan perusahaan memproses kayu. Dengan pengalaman yang banyak, khususnya semasa menjadi pemandu dan kontraktor di kilang papan, banyak membantu beliau untuk berniaga dalam bidang perkayuan ini.

Pada 1996 beliau telah mendapatkan tapak bagi kilang papannya, juga membina ruang pejabatnya sendiri, yang turut berperanan sebagai 'rumah keduanya'. Beliau kini mempunyai empat orang pekerja tetap dan beberapa orang buruh lain mengikut bilangan projek yang diperolehi. Pada 2005 beliau mula menjalankan perniagaan keduanya sebagai kontraktor binaan, khususnya untuk pembinaan rumah PPRT dan 'rumah mesra rakyat'.

Beliau mempunyai jaringan perniagaan yang banyak di beberapa negeri di Malaysia seperti Johor serta di Indonesia. Di samping itu, beliau juga mengakui ada mengenali ramai golongan peniaga lain samada Melayu, Cina atau India. Satu perkara yang menarik perhatian tentang beliau ialah beliau menjalankan perniagaan tanpa bantuan dan pinjaman dari mana-mana pihak. Justeru, beliau menyatakan merasa 'sangat yakin' dapat maju berdikari dalam perniagaan walaupun tanpa bantuan Kerajaan. Namun beliau mengakui 'amat perlu' menjalin hubungan erat dengan orang politik

untuk maju dalam perniagaan, khususnya dalam perniagaan kontraktor binaan ini.

Menurut beliau:

“Memang perlu kenal baik dengan orang politik...[*senyum*]...tapi tak lah sampai tahap kita mengampu mereka...ataupun memberi ‘hadiah’ tertentu untuk dapat projek...[*gelak kecil*]...hubungan baik itu hanya untuk memudahkan kita berurusan dengan pihak terlibat...misalnya untuk cepat dapat maklumat tentang projek-projek yang nak dijalankan...itu saja...”

Beliau juga ‘sangat bersetuju’ bahawa dasar-dasar Kerajaan sekarang banyak membantu para peniaga untuk berkembang maju. Begitu juga dengan pelbagai kemudahan infrastruktur yang lain. Menurutnya, semua perubahan ini adalah jauh lebih baik berbanding 10 hingga 15 tahun dahulu.

Beliau mempunyai empat orang anak. Tiga daripadanya adalah lulusan ijazah dan diploma daripada IPTA, dan seorang lagi masih bersekolah menengah. Ketiga-tiga anaknya kini terlibat sama membantu beliau menjalankan perniagaannya.

Beliau juga aktif dalam aktiviti kemasyarakatan dengan memegang jawatan tertinggi dalam PIBG, JKKK dan jawatankuasa masjid di kawasan kediamannya. Beliau sangat dihormati di kampungnya itu. Dengan pendapatan yang diterima, beliau sekarang tinggal di sebuah rumah kampung moden dengan pelbagai kelengkapan rumah mewah. “Bolehlah hidup mewah sikit sekarang...anak-anak pun dah kerja...tinggal seorang yang belajar kat kolej...”. Sekarang, beliau sekeluarga memiliki ke semua aset umum dan sebahagian besar (70 peratus) aset pilihan. Beliau memiliki sebuah kereta mewah dan kereta nasional, rumah sendiri dan rumah kedua disewakan, van dan lori untuk tujuan perniagaan.

Kes 2: Abu

Abu (bukan nama sebenar), berusia 40 tahun, bekerja sebagai Ketua Unit dan juruteknik di salah sebuah institusi separa kerajaan. Beliau boleh dianggap seorang yang amat dedikasi dan amat bermotivasi. Disebabkan kemiskinan dan kesusahan hidup keluarga, beliau hanya berupaya menamatkan persekolahan hingga tingkatan satu sahaja. Bapanya dahulu hanya seorang nelayan dengan perahu 'kolek', justeru tidak dapat menampung persekolahan anak-anak yang seramai 10 orang.

Selepas tamat tingkatan satu, pada usia 13 tahun beliau telah turun ke laut membantu bapanya. Beliau berusaha belajar sendiri dan mengambil SRP secara persendirian. Selepas SRP beliau bekerja kontrak dan nelayan di Paka, sambil itu belajar sendiri lagi dan mengambil SPM juga secara persendirian. Melalui kelulusan SPM beliau bekerja sebagai mekanik di salah sebuah syarikat swasta dengan kerja sampingan mengambil upah menoreh getah. Beliau juga pernah bekerja di pelantar minyak bagi mengumpul duit untuk melanjutkan pengajian ke peringkat diploma. Pengakuan beliau:

“Kehidupan keluarga yang sangat susah dahulu...ibarat pepatah ‘kais pagi makan pagi...kais petang makan petang’ dan kadang-kadang terlepas untuk makan malam pun ada gak...itu semua saya jadikan perangsang utama untuk saya sedaya upaya berusaha mencapai apa yang saya ada sekarang...saya bertekad untuk berjaya...penuh sabar saya belajar sendiri...semua periksa...SRP dan SPM saya belajar sendiri sahaja...alhamdulillah berkat kesabaran itu saya berjaya kini...”

Pada 1997, beliau berjaya memperolehi diploma dan bekerja sebagai juruteknik di Yayasan Terengganu. Selang beberapa tahun kemudian, beliau bekerja dengan institusi separa kerajaan ini hingga sekarang. Beliau kuat berusaha untuk

mendapatkan jawatan sekarang, kerana telah dinaikkan bermula dari jawatan yang rendah sekali.

Selain itu, beliau membuat kerja sampingan sebagai kontraktor pembekal bahan-bahan binaan dan sekali sekala sebagai catering majlis perkahwinan di kampung kediamannya. Beliau juga masih turun ke laut pada cuti hujung minggu dengan bot enjin sangkut yang dibeli sendiri tujuh tahun lalu. Beliau menyatakan 'darah nelayan' yang mengalir dalam diri beliau menyebabkan beliau tidak boleh 'berenggang' dengan laut. Anggaran pendapatan sekarang lebih RM4,000 sebulan, berbanding 10 dahulu yang jumlah sekitar RM2,500 sebulan. Ini membolehkan beliau dan keluarga memiliki sebahagian besar aset umum (lebih 80 peratus), dan aset pilihan (70 peratus).

Beliau juga amat optimis dengan usaha berdikari dalam bidang perniagaan yang diceburi. Beliau tidak membuat sebarang pinjaman dan menyatakan 'sangat yakin' dapat maju walaupun tanpa bantuan. Namun beliau mengakui perlu kepada hubungan rapat dengan ahli politik untuk lebih maju dalam perniagaan. Beliau juga amat bersetuju bahawa dasar-dasar Kerajaan sekarang berbanding 10-15 tahun dahulu lebih banyak memberi kemudahan dan membantu para peniaga untuk berkembang maju, tapi beliau menyalahkan individu itu sendiri yang tidak mahu berusaha jika mereka gagal. Beliau menekankan bahawa perlunya ada kesedaran diri untuk maju ke hadapan.

Beliau kini mempunyai lima orang anak, dan amat menitikberatkan soal pelajaran dan didikan anak-anak. Empat anaknya masih bersekolah menengah dan rendah, seorang belum bersekolah.

Beliau seorang yang sangat aktif dalam aktiviti kemasyarakatan. Beliau memegang AJK tertinggi dalam persatuan PIBG, JKKK, jawatankuasa masjid, rukun tetangga, dan ketua pemuda UMNO bahagian. Beliau akui bahawa penglibatan dengan aktiviti kemasyarakatan dan peluang menghadiri pelbagai kursus dan kemahiran tersebut telah membawa perubahan minda yang besar dalam dirinya. Beliau berpendapat bahawa kursus dan kemahiran tersebut penting bagi membantu beliau untuk sentiasa bermotivasi memajukan diri, keluarga dan masyarakat setempat.

Kes 3: Sulong

Sulong (bukan nama sebenar), berusia 59 tahun, pendidikan tamat darjah enam sekolah rendah. Beliau sekarang menjalankan perusahaan pemprosesan makanan ternakan untuk dibuat baja. Perusahaan ini dimulakan pada 1995 dengan mendapat bantuan modal permulaan dari Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) sebanyak RM5,000. Beliau sekarang dalam proses untuk memohon modal tambahan dari YPU sebanyak RM12,000 bagi mengembangkan lagi perusahaannya itu.

Sebelumnya, seawal usia 13 tahun beliau telah ke laut membantu bapa yang pada masa itu seorang juragan bot kecil. Kemudiannya pada 1980 beliau berhenti menjadi nelayan, dan bekerja sebagai pemotong kayu di kilang papan, hampir selama 15 tahun. Beliau seorang yang mempunyai semangat kerja yang 'sangat kuat' dari dahulu

hingga sekarang untuk menampung dan memajukan kehidupan keluarga. Berbanding pendapatan dahulu, anggaran RM1,000, tapi sekarang anggaran pendapatan bersihnya adalah sebanyak RM2,200. Kehidupan beliau sekeluarga sekarang adalah sangat lebih baik berbanding dahulu, khususnya setelah beberapa orang anak mereka yang telah bekerja membantu. Sekarang mereka memiliki sebahagian besar aset umum (lebih 80 peratus), dan aset pilihan (lebih 60 peratus).

Beliau mengakui untuk lebih maju dalam perniagaan, dia sangat memerlukan bantuan Kerajaan yang berterusan. Beliau tidak yakin dapat maju berdikari dalam perniagaan tanpa bantuan tersebut. Asal diri dengan tahap pendidikan yang rendah dan tidak memiliki sebarang aset untuk dicagarkan, beliau amat memerlukan bantuan untuk mengembangkan perniagaannya. Beliau juga mengakui bahawa dia amat memerlukan hubungan rapat dengan ahli politik untuk lebih maju berniaga. Katanya:

“Pakcik ni tak pandai nak...[anak – panggilan kepada pengkaji]...tapi pakcik ni tak mudah putus asa...dari keje nelayan kemudian kerja kilang kayu...bila anak sulung pak cik tamat belajar kat universiti... dialah yang mula buat kerta kerja untuk mohon bantuan bagi perniagaan yang pak cik buat sekarang...syukur...berkat tekun dan sabar walaupun tak pandai tapi bolehlah hidup senang sikit banding 10 atau 15 tahun dulu...[tersenyum]...”

Beliau dan isteri amat mementingkan pengisian pendidikan dan pelajaran kepada anak-anak. Sejumlah enam daripada lapan orang anak-anaknya berjaya melanjutkan pengajian hingga ke IPTA. Tiga daripadanya telah memperolehi ijazah pertama, dan tiga orang lagi diploma. Dua orang lagi masih bersekolah menengah rendah. Lima orang anaknya adalah penjawat awam dan seorang lagi baru tamat diploma yang membantu perusahaannya sekarang.

Beliau juga seorang yang sangat aktif dalam aktiviti kemasyarakatan di kawasan setempatnya. Memegang AJK tertinggi dalam PIBG, JKKK, jawatankuasa masjid dan parti politik. Beliau akui dengan aktif dalam berpersatuan, menghadiri kursus dan latihan yang dianjurkan persatuan tersebut telah banyak membantu meningkatkan motivasi dan memberikan perubahan pemikiran kepada beliau untuk lebih memajukan taraf hidup diri, keluarga dan kawasan setempatnya.

Kes 4: Asri

Asri (bukan nama sebenar), berusia 29 tahun, seorang anak muda yang berjaya dalam perniagaan. Beliau antara contoh responden anak nelayan yang berjaya. Mempunyai kelulusan diploma dari UiTM. Isterinya seorang guru berijazah dengan dua orang anak yang masih belum bersekolah. Tamat pengajian beliau bekerja sebagai pengajar di salah sebuah pusat latihan swasta pada 2002. Anggaran pendapatan yang diterima masa itu RM1,800 sebulan.

Setelah bekerja hampir setahun lebih, beliau mengambil keputusan untuk bekerja sendiri. Ilmu kemahiran yang dipelajari semasa di IPTA menyebabkan beliau berminat untuk membuka sebuah bengkel kereta. Pada pertengahan 2004, dengan modal pinjaman daripada MARA sebanyak RM10,000 dan pinjaman kredit mikro dari sebuah bank berjumlah RM10,000, beliau memulakan perniagaan bengkel kelas membaiki kereta. Di samping itu beliau juga mula menjadi kontraktor lesen F, sebagai pembekal barang-barangan alatan pejabat, dan juga sebagai ejen insuran takaful. Anggaran pendapatan beliau sekarang ialah RM15,000 sebulan.

Beliau sangat optimis dengan mengatakan yang beliau sangat yakin dapat maju secara berdikari dalam perniagaan tanpa bantuan Kerajaan. Begitu juga, bagi beliau untuk lebih maju dalam perniagaan adalah tidak perlu mempunyai hubungan rapat dengan ahli politik. Beliau menyatakan untuk memajukan diri, dua perkara yang paling penting adalah 'mindset' perlu berubah dan semangat mesti cekat dan kental. Ini antara nilai berbeza antara generasi, iaitu, yang muda lebih ke hadapan. Katanya:

“Saya tak rasa mempunyai hubungan rapat dengan orang politik perlu untuk berjaya dalam bidang perniagaan...[senyum sinis]...bagi saya 'mindset' orang kita perlu berubah...sikap suka bergantung pada bantuan kerajaan perlu dikikis...sampai kita nak 'bermanja' kak... [gelak kecil]...untuk berjaya usaha perlu kuat...semangat yang kental...”

Beliau juga aktif dalam aktiviti kemasyarakatan dengan menjadi AJK bagi JKKK dan pertubuhan belia kawasan kediaman. Beliau juga Naib Ketua Pemuda UMNO cawangan kawasannya.

8.5.2 Sampel dari pola mobiliti ke bawah

Kes 1: Ngah

Ngah (bukan nama sebenar), berusia 58 tahun, mempunyai kelulusan setakat darjah enam sekolah rendah. Mempunyai sejumlah 12 orang anak, enam lelaki dan enam perempuan. Tahap tertinggi pendidikan anak ialah SPM. Enam daripada 12 orang anak-anaknya telah bekerja.

Mula menjadi nelayan sejak berumur 16 tahun dengan menjadi awak-awak di Sedeli Mersing selama hampir 10 tahun. Pada tahun 1990 beliau balik ke Terengganu dan menjadi tekong pukut cerut kepunyaan abang sendiri selama hampir tujuh tahun. Kemudian beliau bekerja kontrak dengan Universiti Putra Malaysia (UPM), cawangan Kuala Terengganu selama hampir enam tahun, dan ditugaskan membuat tekun tiruan. Pada 2000, beliau telah membeli sebuah bot zon A (bot pancing ikan), berkongsi dengan seorang rakan. Pada 2007, disebabkan bot yang dibeli itu semakin uzur beliau telah menjualnya. Sekarang beliau bekerja sebagai pengawal keselamatan (jaga) di salah sebuah syarikat di Kuala Terengganu.

Anggaran pendapatan yang diperolehi semasa beliau menjadi nelayan dahulu antara RM1500 hingga RM2500, bergantung pada rezeki dan cuaca. Sekarang, beliau memperoleh pendapatan hanya RM600 sebagai pegawai keselamatan. Disebabkan telah terlalu lama menjadi bekerja sendiri sebagai nelayan, beliau merasakan sangat tidak berpuas hati dengan kerjanya sekarang. Justeru, sebagai pekerjaan sampingan, beliau masih turun ke laut menjadi awak-awak pesisir pantai dengan menumpang bot orang. Semasa di temubual beliau menyatakan kemungkinan besar akan berhenti menjadi jaga dan ingin kembali menjadi nelayan disebabkan minat yang mendalam.

Katanya:

“Keje ke laut ni dah jadi ‘darah daging’ pak cik...kalau tak ke laut rasa macam tak tentu arah...[*gelak kecil*]...la ni duk jadi pengawal...duduk saja...rasa bosan...itu yang kadang-kadang pak cik ke laut gak tumpang bot kawan-kawan...minat sangat tangkap ikan...[*senyum lagi*]... mungkin la pak cik akan berhenti jadi pengawal...kemudian ke laut semula...”

Jumlah tanggungan yang ramai, menyebabkan beliau terpaksa memohon beberapa bantuan kewangan. Pada 2000, beliau pernah sekali mendapat bantuan zakat baitulmal

sebanyak RM600. Bermula 2005, beliau mendapat bantuan wang ehsan sebanyak RM300 sekali setahun.

Dari segi pemilikan aset umum, beliau sekeluarga telah memiliki sebahagian besar (85 peratus) daripadanya. Sementara, tiada satu pun lagi memiliki aset pilihan. Rumah kampung moden yang didiami sekarang pula hanyalah rumah pusaka peninggalan daripada ibubapa. Namun beliau puas hati sebahagian anak-anak beliau berjaya menamatkan pelajaran hingga ke peringkat SPM, dan yang lain beliau masih mampu menyara mereka ke sekolah.

Kes 2: Damak

Damak (bukan nama sebenar), berusia 50 tahun, mempunyai kelulusan tamat darjah enam sekolah rendah. Mempunyai seorang isteri dan empat orang anak. Isteri juga hanya bersekolah rendah, dan bekerja sebagai tukang sapu di sekolah. Dua orang anak telah tamat sekolah hingga SPM dan dua orang lagi masih bersekolah. Seorang telah bekerja sebagai polis dan seorang lagi hanya surirumah.

Pada usia 15 tahun beliau turun ke laut membantu ayah sebagai nelayan pesisir pantai dengan hanya menumpang bot orang. Umur meningkat 18 tahun, beliau bekerja buruh di kedai perabut. Pada tahun 1981 beliau bekerja sebagai askar, dan berhenti pada 1999 setelah berkhidmat selama 18 tahun. Sekarang beliau bekerja sebagai nelayan pesisir pantai. Dalam dua bulan lepas beliau memulakan kerja sampingan sebagai pengawal keselamatan di sebuah klinik kerajaan berhampiran dengan kawasan kediaman.

Anggaran pendapatan dahulu sebagai askar ialah RM1,600. Sekarang melalui hasil kerja nelayan pendapatan yang diperolehi sekitar RM600 sebulan, bergantung pada jumlah tangkapan ikan. Beliau ada menerima beberapa bantuan. Pada 2003 beliau telah menerima sebuah bot enjin sangkut subsidi dari Kerajaan. Bantuan baik pulih rumah daripada peruntukan PPRT sebanyak RM5,000. Menjelang hari raya beliau ada menerima zakat baitulmal untuk anak sebanyak RM200, dan wang ehsan sebanyak RM300 bermula dari 2005. Menurut beliau:

“Berbanding dulu...la ni Kerajaan banyak beri bantuan pada rakyat...macam pak cik sendiri dapat bot enjin sangkut, dan baiki rumah...pak cik ada seorang anak cacat...dapat lah gak bantuan zakat...yang wang ehsan tu memang dapat lah...bantuan-bantuan yang dapat tu boleh lah bantu pak cik sikit-sikit....”

Sebelum menerima semua bantuan di atas, beliau sekeluarga mengakui sangat susah dari segi ekonomi, tapi setelah menerimanya, keadaan sosio-ekonomi keluarga adalah lebih baik. Beliau sekeluarga sekarang memiliki sebahagian kecil (40 peratus) aset umum, seperti alat keperluan asas rumah. Sementara masih tiada langsung memiliki sebarang aset pilihan.

Kes 3: Acik

Acik (bukan nama sebenar), berusia 46 tahun, mempunyai kelulusan SPVM. Selepas tamat sekolah beliau menyambung pelajaran ke Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) selama 1 tahun 6 bulan. Isterinya berkelulusan SPM dan bekerja sebagai pembantu tadika Kemas. Beliau mempunyai tujuh orang anak dengan empat orang masih bersekolah.

Pelbagai jenis pekerjaan dilakukan, termasuk kerja sebagai nelayan pesisir pantai bersama ayah pada umur 15 tahun. Selepas tamat latihan kemahiran di IKBN, beliau bekerja bahagian 'welding' di Petronas Kertih. Kemudiannya, pada 1991 beliau terus menetap di Terengganu dengan menjadi nelayan pesisir pantai, dan buruh binaan. Dahulu beliau boleh memperolehi pendapatan sehingga RM3,000, tapi sekarang dalam anggaran RM900 sebulan. Isteri yang bekerja dapat membantu meringankan sedikit perbelanjaan keluarga.

Beliau agak aktif dalam aktiviti kemasyarakatan. Sekarang beliau merupakan salah seorang AJK JKKK dan juga ketua cawangan UMNO kampung kediamannya. Beliau ada menerima bantuan bot enjin sangkut subsidi dari Kerajaan pada 2006. Bermula 2005 beliau ada juga menerima wang ehsan sebanyak RM300 untuk sekali setahun. Pada 2000 beliau ada menerima sebuah sebuah 'rumah mesra rakyat' dengan bayaran ansuran sebanyak RM100 sebulan.

Dari segi pemilikan aset, sekarang beliau sekeluarga mampu memiliki sebahagian besar (80 peratus) aset umum seperti alat keperluan asas rumah, dan sebahagian kecil (10 peratus) aset pilihan sahaja.

Kes 4: Man

Man (bukan nama sebenar), berusia 66 tahun, berpendidikan setakat tamat darjah tiga sekolah rendah. Mempunyai seorang isteri dengan lima orang anak yang kesemuanya telah tamat persekolahan. Empat orang daripada mereka telah berjaya tamat hingga SPM, manakala seorang hanya tamat sekolah rendah. Seorang bekerja sebagai kerani

di sektor Kerajaan, seorang buruh swasta, dan seorang lagi nelayan pesisir pantai seperti beliau.

Seawal usia 10 tahun beliau telah ke laut membantu ayah ke laut sebagai nelayan pesisir pantai. Sehingga sekarang beliau telah ke laut selama 50 tahun. Setelah umur meningkat dewasa, beliau merantau ke Langkawi, Johor dan Kuantan menjadi awak-awak laut dalam dan tekong. Umur 30 tahun beliau telah menjadi juragan bot laut dalam milik orang lain. Pada usia 55 tahun beliau berhenti terus menjadi nelayan laut dalam. Sekarang beliau sepenuh masa bekerja sebagai nelayan pesisir pantai dengan menumpang bot orang.

Dahulu beliau menyatakan anggaran pendapatan yang diperoleh adalah sebanyak RM2,000. Sekarang hanya lebih kurang RM350 sebulan sahaja. Sehingga sekarang beliau mengakui tidak ada langsung menyimpan duit. “Susah nak menabung *nak*...ada lah juga simpan sikit-sikit...tapi bila musim tengkujuh tak boleh ke laut...duit itulah yang kita guna buat belanja...anak-anak yang bekerja pun lepas belanja untuk keluarga sendiri...”. Beliau tidak menerima sebarang bantuan kerajaan, kecuali wang ehsan sebanyak RM300 yang diterimanya bermula 2005 yang lalu. Dari segi pemilikan aset pula, menyatakan ada sebahagian (60 peratus) aset umum, seperti alat keperluan asas rumah. Hingga kini, beliau sekeluarga tidak langsung memiliki sebarang aset pilihan.

Apakah faktor penyumbang kepada golongan mobiliti ke atas tinggi dan mereka yang pada kedudukan ke bawah menurun? Analisis ditumpukan kepada tiga faktor iaitu

modal manusia, modal sosial dan faktor struktural. Penelitian faktor struktural difokuskan kepada mereka yang terlibat dalam bidang perniagaan sahaja.

8.8 RUMUSAN DARI LAPAN KAJIAN KES DI ATAS: BEBERAPA INDIKATOR PENTING

Beberapa isu menarik yang dapat diperhatikan melalui kes-kes di atas. Mereka yang mengalami mobiliti ke atas, seperti mengalami mobiliti menegak jarak tinggi, umumnya menjadi motivasi diri yang kuat sebagai faktor terpenting untuk berubah. Pada usia dewasa kini, mereka berusaha menjadikan pendidikan sebagai landasan untuk mencapai kedudukan mereka sekarang. Melalui kesedaran bahawa hanya pendidikan sahaja yang boleh membantu mereka untuk 'keluar dari lingkaran' kemiskinan dan kemunduran keluarga. Di samping itu, ruang dan peluang yang mendatang mereka 'ambil' dan gunakannya untuk memperbaiki lagi kedudukan diri dan keluarga ke tahap yang lebih baik.

Begitu juga bagi mereka yang berusia tua pula menjadikan semangat yang kental serta peluang yang ada untuk mencapai kejayaan sekarang. Walaupun tidak mempunyai tahap pendidikan yang tinggi, mereka bijak menggunakan ruang dan peluang yang disediakan Kerajaan dalam memajukan bidang perniagaan masing-masing.

Umumnya, mereka yang berjaya meningkatkan diri pada kedudukan mobiliti menegak jarak tinggi ini ialah mereka yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan, sama ada dalam perusahaan kecil dan sederhana (PKS), atau sebagai juragan laut dalam yang berjaya.

Sementara, mereka yang mengalami mobiliti ke bawah (menurun), agak bergantung harapan kepada bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan kepada mereka. Bantuan-bantuan kewangan seperti melalui JKM, baitulmal, wang ehsan dan bantuan di bawah program PPRT telah ‘mencerahkan’ sedikit kehidupan mereka. Satu perkara yang pasti, iaitu, tidak mempunyai kelulusan pendidikan yang baik dengan hanya setakat sekolah rendah atau tidak pernah ke sekolah, adalah faktor utama yang mengekang mereka mendapat peluang untuk ‘keluar dari lingkaran’.

8.9 FAKTOR PENYUMBANG MOBILITI KE ATAS DAN KE BAWAH

Analisis berikutnya menghuraikan tentang peranan yang dimainkan oleh faktor modal manusia, modal sosial dan faktor struktural dalam mempengaruhi mereka yang berada pada kedudukan mobiliti sosial menegak jarak tinggi dan mereka yang mengalami mobiliti sosial ke bawah untuk berubah.

8.9.1 Faktor modal manusia

Tahap pendidikan yang dimiliki itu ternyata boleh membantu mereka untuk meningkatkan keupayaan diri berubah ke tahap yang lebih baik. Kajian menunjukkan mereka yang mengalami mobiliti sosial ke atas (tinggi), majoriti (62 peratus) memiliki pendidikan PMR dan ke atas. Sebaliknya, mereka yang mengalami mobiliti sosial ke bawah pula, majoriti (83 peratus) adalah mereka hanya bersekolah rendah (70 peratus), dan tidak pernah bersekolah (13 peratus) (Jadual 8.5). Di kalangan 39 orang yang mengalami mobiliti ke bawah ini, 25 orang bekerja sebagai nelayan dengan

majoriti (68 peratus) hanya bersekolah rendah, dan sebilangan kecil (16 peratus) tidak pernah ke sekolah.

Untuk bergerak lebih maju ke hadapan tidak semestinya hanya memiliki tahap pendidikan yang tinggi, tapi ia memerlukan juga penggerakan dari dalam diri seseorang individu itu sendiri. Kajian menunjukkan di kalangan mereka yang bergerak ke atas mempunyai nilai individu yang lebih tinggi min mereka (63.0) berbanding mereka yang mengalami mobiliti sosial ke bawah (59.0). Ini menggambarkan bahawa mereka yang mobiliti sosial ke atas mempunyai nilai-nilai dalaman diri yang lebih kuat untuk berubah berbanding mereka yang mobiliti sosial ke bawah (Jadual 8.5).

Jadual 8.5
Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial ke atas dan ke bawah:
Perbezaan tahap pendidikan, aspek nilai dan sikap pemerksaan/keupayaan anak dan diri sendiri

	Mobiliti ke atas (tinggi) (n=16)	Mobiliti ke bawah (n=39)
Tahap pendidikan		
• Universiti/kolej	31.2	-
• SPM/PMR	31.2	16.7
• Sek. Rendah	37.5	70.0
• Tak sekolah	-	13.3
Jumlah	100.0	100.0
	Mobiliti ke atas (tinggi) (min)	Mobiliti ke bawah (min)
Aspek nilai		
• Nilai individu	63.0 (min mak: 75.00)	59.13 (min mak: 75.00)
Meningkatkan keupayaan diri dan anak-anak—budaya ilmu		
• gemar mendengar/membaca berita/akhbar/tv/internet bercorak ilmu pengetahuan	17.25 (min mak: 22.0)	14.21 (min mak: 20.00)
• gemar membaca ruangan di akhbar bercorak ilmu pengetahuan	15.20 (min mak: 18.00)	11.38 (min mak: 14.00)
• titikberat didikan anak-anak kepada kepentingan ilmu pengetahuan & pelajaran	19.54 (min mak: 24.00)	16.37 (min mak: 21.00)

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Begitu juga terdapat perbezaan sikap terhadap kepentingan pengisian ilmu pengetahuan pada diri dan anak-anak di kalangan mereka yang mobiliti ke atas (tinggi) dengan mereka yang mobiliti ke bawah. Jadual 8.13 di bawah menunjukkan perbezaan min yang agak ketara terhadap tiga ukuran bagi meneliti perbezaan sikap terhadap pengisian ilmu pengetahuan tersebut. Min bagi setiap ukuran tersebut kepada mereka yang mobiliti ke atas adalah lebih tinggi berbanding dengan mereka yang mobiliti ke bawah.

Misalnya, min sikap gemar mendengar/membaca berita/akhbar/tv/internet yang bercorak ilmu pengetahuan bagi mereka yang mobiliti ke atas ialah sebanyak 17.1 berbanding mereka yang mengalami mobiliti ke bawah hanya sebanyak 14.2. Begitu juga min di kalangan mereka yang mengalami mobiliti ke atas (tinggi) lebih tinggi, iaitu 15.2 berbanding dengan mereka yang mengalami mobiliti ke bawah, hanya sebanyak 11.4 (Jadual 8.5).

Mereka yang mengalami mobiliti ke atas (tinggi) juga didapati lebih menitikberatkan didikan anak-anak mereka kepada ilmu pengetahuan dan pelajaran, apabila min mereka lebih tinggi, 19.5 berbanding dengan hanya 16.4 daripada mereka di kalangan mobiliti ke bawah (Jadual 8.5).

Di samping sikap yang positif kepada nilai dalaman individu, sikap mementingkan ilmu pengetahuan dan menitikberatkan pendidikan untuk diri sendiri dan anak-anak, adalah juga mempunyai semangat kerja yang amat tinggi di kalangan mereka yang mengalami mobiliti ke atas (tinggi) berbanding mereka yang mengalami mobiliti ke bawah. Data menunjukkan keseluruhan (100 peratus) mereka yang mengalami

mobiliti ke atas (tinggi) mengakui bahawa semangat kerja mereka sangat kuat sekarang (Jadual 8.6).

Sementara, mereka yang mengalami mobiliti ke bawah pula menunjukkan semangat kerja mereka sekarang semakin berkurang berbanding dahulu. Majoriti (73 peratus) mereka yang mobiliti ke bawah dahulu menyatakan semangat kerja kuat, tapi sekarang telah berkurang kepada 43 peratus sahaja. Hampir sepertiga (27 peratus) di kalangan mereka mengakui semangat kerja mereka lemah sekarang, berbanding dahulu hanya 7 peratus sahaja mengakui semangat kerja mereka lemah (Jadual 8.6).

Jadual 8.6
Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial ke atas dan ke bawah: Aspek semangat diri – kerja

Semangat kerja	Mobiliti ke atas (tinggi) (N=16)		Mobiliti ke bawah (N=39)	
	Dulu	Skrng	Dulu	Skrng
Kuat	93.8	100.0	73.3	43.3
Sederhana	-	-	20.0	30.0
Lemah	6.2	-	6.6	26.7

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Kajian juga menunjukkan pengkalan secara berterusan kerja dalam kategori pentadbiran dan perniagaan, dan perubahan daripada kerja nelayan dan buruh kepada bidang perniagaan telah berupaya membantu mereka untuk mobiliti ke atas. Sebaliknya, mereka yang mengekalkan secara berterusan atau berubah kerja sebagai nelayan atau buruh telah meletakkan mereka pada mobiliti ke bawah. Daripada 39 orang yang mengalami mobiliti sosial ke bawah ini 25 orang (64 peratus) adalah berketurunan nelayan tiga generasi (datuk, bapa dan responden).

Jadual 8.17 di bawah menunjukkan majoriti (63 peratus) mereka yang terlibat dalam bidang perniagaan telah membawa mereka kepada mobiliti ke atas (tinggi). Misalnya,

di kalangan empat orang yang bekerja sebagai buruh dahulu, 75 peratus daripada mereka yang mengalami mobiliti ke atas (tinggi) telah beralih menceburi bidang perniagaan sekarang. Begitu juga dengan 60 peratus yang menjadi peniaga dan berada pada mobiliti ke atas (tinggi) sekarang adalah dahulunya nelayan. Sebaliknya hampir keseluruhan (87 peratus) mereka bekerja sebagai nelayan dan kekal berterusan sebagai nelayan (89 peratus) berada pada kedudukan mobiliti ke bawah.

Jadual 8.7
Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial ke atas dan ke bawah:
Perubahan kategori pekerjaan

Kategori pekerjaan responden dulu	Kategori pekerjaan mobiliti ke atas (tinggi) responden					Kategori pekerjaan mobiliti ke bawah responden				
	Pentadbiran	Perniagaan	Nelayan	buruh	Jumlah	pentadbiran	Perniagaan	Nelayan	Buruh	Jumlah
Pentadbiran	60.0	40.0	-	-	5 (100.0)	-	33.1	66.7	-	3 (100.0)
Perniagaan	-	100.0	-	-	2 (100.0)	-	100.0	-	-	1 (100.0)
Nelayan	-	60.0	40.0	-	5 (100.0)	-	-	89.3	10.7	28 (100.0)
Buruh	-	75.0	25.0	-	4 (100.0)	-	28.6	42.9	28.6	7 (100.0)
Jumlah	3 (18.8)	10 (62.5)	3 (18.8)	-	16 (100.0)	-	-	26 (86.7)	4 (13.3)	39 (100.0)

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Kajian juga mendapati mereka yang mobiliti ke atas (tinggi) majoriti (63 peratus) daripada mereka mempunyai pekerjaan sampingan untuk membantu meningkatkan pendapatan. Berbanding hanya separuh (50 peratus) mereka pada kedudukan mobiliti ke bawah yang mempunyai kerja sampingan.

Kekuatan faktor dalam individu yang mengalami mobiliti ke atas (tinggi), khususnya bagi mereka yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan juga banyak membantu mereka untuk berada pada kedudukan ini. Data menunjukkan 10 orang daripada mereka yang berniaga, 80 peratus daripadanya mengakui mempunyai pengalaman berniaga sebelum membuka perniagaan sendiri. Mereka ini juga (80 peratus) mengakui pernah menghadiri kursus atau latihan kemahiran tertentu untuk

membantu meningkatkan keupayaan diri dalam perniagaan. Kesemua mereka mengakui telah mengalami perubahan pada diri selepas menghadiri kursus atau latihan kemahiran tersebut, khususnya perubahan cara berfikir.

8.9.2 Faktor modal sosial

Umumnya, jaringan keluarga adalah salah satu daripada modal sosial yang dianggap boleh memberi pengaruh yang baik kepada peningkatan atau penurunan taraf hidup generasi berikutnya. Kajian menunjukkan majoriti (83 peratus) di kalangan mereka yang meneruskan pekerjaan bapa yang juga sebagai nelayan, berada pada kedudukan mobiliti ke bawah. Sebaliknya, lebih separuh (67 peratus) di kalangan mereka yang beralih daripada pekerjaan nelayan bapa mereka kepada bidang perniagaan berada pada mobiliti ke atas (tinggi). Begitu juga mereka yang beralih daripada kerja buruh bapa mereka dahulu kepada berniaga sekarang, majoriti (67 peratus) berada pada mobiliti ke atas (tinggi) (Jadual 8.8).

Jadual 8.8
Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial ke atas dan ke bawah:
Pengaruh latarbelakang pekerjaan bapa

Kategori pekerjaan bapa	Kategori pekerjaan mobiliti ke atas (tinggi) responden					Kategori pekerjaan mobiliti ke bawah responden				
	Pentadbiran	Perniagaan	Nelayan	buruh	Jumlah	pentadbiran	Perniagaan	Nelayan	Buruh	jumlah
Pentadbiran	-	100.0	-	-	1 (100.0)	-	-	-	-	-
Perniagaan	-	-	100.0	-	1 (100.0)	-	-	-	-	-
Nelayan	18.2	63.6	18.2	-	11 (100.0)	-	5.7	82.9	11.4	35 (100.0)
Buruh	33.3	66.7	-	-	3 (100.0)	-	50.0	25.0	25.0	4 (100.0)
Jumlah	3 (18.8)	10 (62.5)	3 (18.8)	-	16 (100.0)	-	-	26 (86.7)	4 (13.3)	39 (100.0)

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Modal sosial berikutnya diteliti di kalangan mereka yang bekerja sendiri sebagai juragan dan ahli perniagaan. Kajian menunjukkan peratus yang lebih tinggi di

kalangan mereka pada mobiliti ke bawah (75 peratus) menyatakan perlunya hubungan atau jaringan politik dalam membantu memajukan perniagaan, berbanding hanya 69 peratus di kalangan mereka yang mobiliti ke atas (tinggi).

Kedua-dua golongan sama ada yang mengalami mobiliti ke atas (tinggi) dan mobiliti ke bawah masing-masing menyatakan mempunyai kenalan ahli perniagaan daripada etnik Melayu lain (100 peratus). Namun, hampir separuh (46 peratus) peniaga di kalangan mobiliti ke atas mengakui mempunyai jaringan/hubungan sosial dengan peniagaan etnik Cina, berbanding dengan peniaga di kalangan mobiliti ke bawah yang tiada langsung jaringan sosial tersebut (Jadual 8.9).

Jadual 8.9
Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial ke atas dan ke bawah:
Hubungan/jaringan sosial luar dalam perniagaan dan Bantuan ahli keluarga dalam perniagaan

Kenalan peniaga lain	Mobiliti ke atas (tinggi) (n=13)		Jumlah	Mobiliti ke bawah (n=4)		Jumlah
	Ya	Tidak		Ya	Tidak	
• Etnik Melayu	100.0	-	13(100.0)	100.0	-	4 (100.0)
• Etnik Cina	46.2	53.8	13(100.0)	-	100.0	4 (100.0)
Bantuan ahli keluarga						
• Suami/isteri	23.1	76.9	13(100.0)	-	100.0	4 (100.0)
• Adik beradik	15.4	84.6	13(100.0)	25.0	75.0	4 (100.0)
• Anak-anak	38.5	61.5	13(100.0)	25.0	75.0	4 (100.0)
• Saudara/mara	30.8	69.2	13(100.0)	-	100.0	4 (100.0)

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Perbezaan yang agak ketara dari segi mewujudkan jaringan sosial di kalangan ahli keluarga juga wujud di antara dua golongan ini. Jadual 8.9 di bawah menunjukkan peniaga yang mengalami mobiliti ke atas (tinggi) menggunakan semua sumber jaringan keluarga, bermula daripada pasangan masing-masing, anak-anak, adik beradik dan saudara mara lain. Sebaliknya, perniagaan di kalangan mobiliti ke bawah tidak menggunakan semua sumber jaringan keluarga, kecuali dari adik beradik dan anak-anak mereka sahaja.

Jaringan sosial melalui ikatan komuniti juga boleh mempengaruhi kedudukan mobiliti seseorang itu. Kajian mendapati mereka di kalangan mobiliti ke atas (tinggi) mempunyai ikatan yang lebih kukuh berbanding dengan mereka di kalangan mobiliti ke bawah. Penglibatan aktif seseorang dalam komuniti ternyata boleh mempengaruhi kedudukan atau status sosial mereka dalam sesebuah masyarakat. Jadual 8.10 di bawah menunjukkan min yang tinggi (21.7) di kalangan mereka pada kedudukan mobiliti ke atas (tinggi) mengenai 'penglibatan dalam aktiviti berpersatuan dalam komuniti' berbanding hanya 16.1 di kalangan mereka pada kedudukan mobiliti ke bawah. Sikap lebih positif ditunjukkan oleh mereka di kalangan mobiliti ke atas berbanding mereka pada kedudukan mobiliti ke bawah. Misalnya, min sebanyak 18.6 dan 18.5 melalui 'penglibatan dalam aktiviti kejurangan' dan 'interaksi sosial sesama ahli komuniti' oleh mereka di kalangan mobiliti ke atas berbanding 16.1 dan 17.0 di kalangan mereka mobiliti ke bawah.

Jadual 8.10
Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial ke atas dan ke bawah:
Penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan

Aktiviti kemasyarakatan	Mobiliti ke atas (tinggi) (n=16)	Mobiliti ke bawah (n=39)
• Interaksi sosial sesama ahli komuniti	18.50 (min mak: 25.00)	16.97 (min mak: 23.00)
• penglibatan dalam aktiviti berpersatuan dalam komuniti	21.69 (min mak: 31.00)	16.07 (min mak: 22.00)
• penglibatan dalam aktiviti kejurangan dalam komuniti	18.56 (min mak: 21.00)	16.10 (min mak: 20.00)

*nota: min mak: min maksimum
Sumber: Kajian lapangan 2007/08

8.9.3 Faktor struktural

Seperti dalam bab sebelum ini, perbincangan mengenai peranan faktor struktural ini juga adalah tertumpu kepada mereka yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan juragan laut dalam sahaja. Kajian menunjukkan mereka di kalangan mobiliti ke bawah mengakui lebih memerlukan bantuan perniagaan (75 peratus) berbanding mereka di kalangan mobiliti ke atas (tinggi) (46 peratus).

Kenyataan tersebut disokong apabila lebih separuh (69 peratus) mereka di kalangan mobiliti ke atas (tinggi) menyatakan mereka yakin boleh maju berdikari walaupun tanpa bantuan kerajaan. Sebaliknya, mereka di kalangan mobiliti ke bawah, 100 peratus menyatakan 'tidak yakin' (Jadual 8.11).

Jadual 8.11
Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial ke atas dan ke bawah:
Peranan kerajaan dalam membantu perniagaan

Peranan Kerajaan	Mobiliti ke atas (tinggi) (n=13)	Mobiliti ke bawah (n=4)
1. Tanpa bantuan kerajaan, ada keyakinan maju secara berdikari dalam perniagaan?		
• yakin	69.2	-
• tidak pasti	-	-
• tidak yakin	30.8	100.0
2. Berbanding 10 tahun dahulu, dasar kerajaan sekarang banyak membantu para peniaga berkembang maju		
• Setuju	92.3	100.0
• tidak pasti	7.7	
• tidak setuju	-	
3. Kemudahan infrastruktur yang disediakan banyak memberi sumbangan majukan perniagaan berbanding 10/15 tahun dahulu		
• Setuju	100.0	100.0
• tidak pasti		
• tidak setuju	-	-

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

Sementara, kedua-dua golongan ini bersetuju bahawa peranan kerajaan melalui kemudahan infrastruktur yang disediakan banyak memberi sumbangan memajukan perniagaan sekarang berbanding 10-15 tahun dahulu. Mereka juga bersetuju bahawa dasar kerajaan sekarang juga banyak membantu para peniaga untuk berkembang maju.

Umumnya, modal manusia, modal sosial dan faktor struktural memberikan pengaruh yang agak berbeza bagi mereka yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan juragan laut dalam. Golongan ini sama ada di kalangan mereka mengalami mobiliti ke atas (tinggi) dan ke bawah, 100 peratus mengakui bahawa minat sendiri yang mendalam (faktor modal manusia), sebagai faktor pendorong untuk berniaga. Namun, dorongan keluarga (faktor modal sosial) lebih memberi pengaruh kepada mereka di kalangan mobiliti ke atas (77 peratus), berbanding mereka di kalangan mobiliti ke bawah (25 peratus) (Jadual 8.12).

Begitu juga dengan pengaruh faktor struktural, mereka di kalangan mobiliti ke atas (tinggi), 100 peratus mengakui berniaga sebagai merebut peluang dari kemajuan sekeliling. Begitu juga majoriti (77 peratus) daripada mereka mengakui mereka menceburi perniagaan sebab terdorong dengan dasar-dasar kerajaan dalam bidang perniagaan. Sebaliknya, mereka di kalangan mobiliti ke bawah mendapati kedua-dua faktor struktural itu tidak begitu memberi pengaruh kepada dorongan mereka untuk berniaga (Jadual 8.12).

Jadual 8.12
 Kumpulan responden yang mengalami mobiliti sosial ke atas dan ke bawah:
 Rumusan faktor yang mendorong untuk berniaga

Faktor pendorong	Mobiliti ke atas (tinggi)		Jumlah	Mobiliti ke bawah		Jumlah
	Ya	Tidak		Ya	Tidak	
Dorongan keluarga (modal sosial)	76.9	23.1	13 (100.0)	25.0	75.0	4 (100.0)
Minat sendiri (modal manusia)	100.0	-	13 (100.0)	100.0	-	4 (100.0)
Terdorong dengan dasar kerajaan (faktor struktural)	76.9	23.1	13 (100.0)	25.0	75.0	4 (100.0)
Merebut peluang dari kemajuan sekeliling (faktor struktural)	100.0	-	13 (100.0)	25.0	75.0	4 (100.0)

Sumber: Kajian lapangan 2007/08

8.10 KESIMPULAN

Indikator ukuran mobiliti sosial, khususnya berdasarkan faktor objektif ada memberi pengaruh yang boleh mempengaruhi kedudukan pola mobiliti sosial mereka sekarang, sama ada yang bergerak ke atas, atau ke bawah. Misalnya, dari aspek pekerjaan, mereka yang berketurunan nelayan tiga generasi (datuk, bapa dan responden) telah mengalami mobiliti sosial ke bawah. Sementara itu, faktor penyumbang, khususnya modal manusia amat memberi impak yang positif kepada peningkatan mobiliti sosial ke atas, terutamanya ke mobiliti sosial menegak jarak tinggi. Ini menunjukkan daya usaha, semangat dan motivasi yang kuat dari dalaman diri mereka telah bertindak sebagai 'faktor penyuntik' untuk mereka terus maju ke hadapan dan keluar dari lingkaran kemiskinan.

Begitu juga dengan modal sosial yang merangkumi perkara berkaitan jaringan sosial khususnya daripada keluarga dan ikatan komuniti telah memberi perangsang kepada mereka yang mengalami mobiliti ke atas (tinggi), berbanding dengan mereka yang mengalami mobiliti ke bawah. Sementara, faktor struktural dilihat lebih memberi

impak kepada mereka yang mengalami mobiliti ke bawah, dalam usaha memberikan bantuan untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

BAB IX

KESIMPULAN

Kajian ini tergolong dalam bidang sosiologi pembangunan dengan tumpuan kepada pembangunan dan perubahan komuniti pesisir pantai. Komuniti pesisir pantai yang kebanyakannya terdiri daripada kaum nelayan sering digambarkan sebagai komuniti terpinggir, mundur serta tertinggal daripada arus pembangunan. Namun proses pembangunan dan pemodenan secara langsung atau tidak langsung mencetuskan perubahan di kalangan sebahagian anggota komuniti ini dan komuniti pesisir pantai yang dikaji ini juga turut mengalami transformasi. Bertolak daripada latar belakang keterbelakangan dan kemunduran di satu pihak serta transformasi di pihak lain, penyelidikan ini telah mengkaji mengkaji fenomena 'keluar dari lingkaran', iaitu, fenomena mobiliti sosial di kalangan komuniti pesisir pantai dengan tumpuan kepada komuniti pesisir pantai di Kuala Terengganu.

Mobiliti sosial adalah satu proses perubahan atau pergerakan seseorang atau sesuatu kelompok daripada satu kedudukan sosial kepada kedudukan sosial yang lain dalam sesebuah masyarakat. Kajian menunjukkan perubahan telah berlaku antara generasi dan juga secara intra-generasi.

Seperti ditunjukkan dalam Bab II, kajian ini bertolak daripada pendirian teori bahawa tidak ada satu faktor semata-mata yang boleh menghuraikan mobiliti sosial. Sebaliknya, perubahan dalam bentuk mobiliti itu perlu dilihat dalam kerangka analisis *multi-causal* atau *multi-factoral*. Untuk pergerakan atau mobiliti sosial menegak, kajian ini menunjukkan seseorang itu memerlukan gabung jalinan faktor-faktor pendorong, khususnya, faktor pendidikan, ekonomi dan sosio-budaya, dengan aktor atau diri sendiri (modal manusia), keluarga dan komuniti (modal sosial), serta negara/kerajaan (faktor struktural) berperanan serentak. Kajian ini juga telah menggunakan perspektif sejarah untuk melihat perubahan komuniti pesisir pantai dan juga mobiliti sosial di kalangan ahli-ahli komuniti ini.

Seperti ditunjukkan dalam Bab VI, Bab VII dan Bab VIII, kajian ini mendapati komuniti pesisir pantai ini telah mengalami satu proses mobiliti sosial serta berjaya 'keluar dari lingkaran' kemiskinan bukan secara total tetapi dalam batasan tertentu. Berdasarkan analisis ukuran mobiliti yang dibentuk untuk kajian ini, didapati wujud empat pola atau corak mobiliti sosial di kalangan komuniti pesisir pantai ini.

Empat pola itu ialah, pertama, pola mobiliti sosial mendatar atau berterusan sama, iaitu, kedudukan mobiliti sosial menegak jarak tinggi, mobiliti sosial menegak jarak sederhana dan mobiliti sosial menegak jarak rendah. Kedua, pola mobiliti sosial ke atas, iaitu, mereka yang berubah meningkat dari mobiliti sosial menegak jarak sederhana, rendah dan tiada mobiliti kepada mobiliti sosial menegak jarak tinggi, sederhana dan rendah. Ketiga, pola mobiliti sosial ke bawah, iaitu, mereka yang berubah menurun dari mobiliti sosial menegak jarak tinggi, kepada sederhana, rendah dan tiada mobiliti. Keempat, tiada mobiliti, iaitu, mereka yang tidak dapat mengubah

kehidupan dan masih terperangkap dalam lingkaran kemiskinan dan kemunduran pada hari ini.

Bab ini menyimpulkan dua isu pokok yang telah dibina dalam bab-bab analisis dan perbincangan hasil kajian, iaitu Bab V, VI, VII dan VIII. Dua isu itu ialah : pertama, faktor-faktor penyumbang mobiliti sosial komuniti pesisir; yang kedua, implikasi teori dan implikasi dasar bagi kajian ini serta kajian-kajian susulan akan datang.

Faktor-faktor penyumbang mobiliti sosial ini akan dirumuskan kaitannya dengan aspek pekerjaan, pendidikan, modal manusia, modal sosial, status sosial dan faktor struktural.

Pertama, mobiliti sosial dan pekerjaan. Kajian ini telah mensasarkan golongan nelayan sebagai generasi teras yang diteliti dari aspek proses mobiliti sosial. Kajian mendapati komuniti pesisir pantai dengan 'identiti nelayan' sepenuhnya telah semakin 'menghilang'. Identiti nelayan yang dimaksudkan di sini ialah perubahan pekerjaan sebagai nelayan bagi masyarakat pesisir pantai telah dipelbagaikan. Sumber utama rezeki atau pekerjaan komuniti pesisir pantai yang berasaskan lautan telah semakin berkurang dan beralih kepada sumber pendapatan di daratan. Pekerjaan sebagai buruh, pentadbiran dan perniagaan sudah semakin diminati oleh komuniti pesisir, khususnya bagi generasi muda. Transformasi dari segi penyertaan komuniti pesisir pantai yang semakin meningkat dalam sektor-sektor pekerjaan di daratan adalah disebabkan peluasan sektor pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan hasil dari kemajuan pembangunan di sekitar kawasan kediaman komuniti telah membentuk lebih banyak peluang pekerjaan untuk tenaga kerja.

Dapatan kajian mengenai mobiliti sosial komuniti pesisir pantai ini pula menunjukkan kaum nelayan semakin berkurangnya kepada 47.0 peratus manakala majoriti (53.0 peratus) bekerja di darat. Sejumlah 22.7 peratus terlibat dalam bidang perniagaan, 15.3 peratus sebagai buruh dan bakinya lagi (15.0 peratus) dalam pentadbiran sebagai pekerja di sektor kerajaan dan swasta.

Ini menggambarkan bahawa komuniti pesisir pantai ini mengalami proses dinamik dalam mentransformasikan pekerjaan mereka untuk bekerja di daratan berbanding di lautan, sebagai nelayan. Kemajuan dan pembangunan di sekitar mendorong komuniti pesisir pantai dengan pelbagai peluang kegiatan ekonomi telah mempelbagaikan sumber pendapatan mereka, misalnya mencari lebih banyak kerja sampingan di daratan. Umumnya, hasil daripada kedinamikan aspek pekerjaan ini, tafsiran lazim yang meletakkan “komuniti pesisir pantai adalah sinonim dengan nelayan” sudah tidak begitu menepati kenyataan lagi.

Kedua, mobiliti sosial dan pendidikan. Kajian mendapati telah berlaku satu perubahan besar antara generasi dari aspek pendidikan anggota komuniti pesisir pantai ini. Tidak seperti generasi bapa dan datuk, kedinamikan proses mobiliti sosial dari aspek pencapaian pendidikan tinggi telah semakin bertambah baik di kalangan anak-anak komuniti pesisir pantai kini. Pembangunan di Malaysia telah mengubah negara dari era pertanian ke industri yang memerlukan rakyatnya memiliki pendidikan dan kemahiran yang tinggi. Hanya dengan pemilikan ilmu dan minda sedemikian baru rakyatnya mampu berubah sama dengan transformasi dalam negara yang mendesak mereka bergerak ke arah etos komersial, pasaran dan penggunaan teknologi terkini.

Umumnya, aspek pendidikan dan memiliki kemahiran dilihat sebagai satu dimensi utama yang berupaya meletakkan mereka kepada kedudukan mobiliti menegak atau mobiliti sosial ke atas. Ia seiring dengan kata-kata Za'ba (1920-an) bahawa "kekurangan pelajaran yang betul adalah penyebab utama kemiskinan orang Melayu". Justeru, kajian ini menunjukkan betapa pentingnya pendidikan khususnya pendidikan formal yang menjadi kunci utama membawa perubahan kepada keadaan yang lebih baik. Melalui pendidikan mereka memperoleh pekerjaan yang lebih baik sekaligus mendapat pendapatan yang lebih tinggi. Gabungan ketiga-tiga faktor itu, pendidikan, pekerjaan dan pendapatan, membolehkan mereka memiliki aset yang kukuh dan kadar simpanan yang juga terjamin.

Ketiga, modal manusia dan mobiliti sosial. Kajian juga menunjukkan mereka yang berada pada kedudukan mobiliti tinggi berterusan dan mobiliti ke atas tinggi adalah mereka yang mempunyai semangat dan keupayaan dalaman diri yang kuat berbanding dengan mereka yang mengalami mobiliti menurun berterusan dan mobiliti ke bawah menurun. Keupayaan dalaman diri yang kuat dilihat melalui nilai diri yang tinggi untuk berubah, semangat kerja kuat yang tidak pernah luntur, dan sangat tinggi sikap ingin menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk terus maju ke hadapan. Semua ciri itu wujud pada mereka yang mengalami mobiliti menegak ke atas, berbanding dengan mereka yang mengalami mobiliti ke bawah.

Justeru, untuk golongan seperti komuniti pesisir pantai ini, pembentukan polisi oleh Kerajaan perlu mengambil kira proses dan permasalahan di peringkat akar umbi. Selaras dengan konsep 'pembangunan manusia' yang diutarakan oleh Haq (1995) dan lain-lain, pembangunan manusia antara lain memerlukan pemerksaan anggota

masyarakat. Komuniti pesisir ini perlu dipemerksa, khususnya, pembinaan keupayaan pendidikan, latihan kemahiran dan peluang 'mengkomersialkan' lagi pekerjaan mereka untuk memungkinkan mereka dapat 'keluar dari lingkaran' kemunduran dan keterbelakangan.

Keempat, mobiliti sosial dan kedinamikan status sosial. Mobiliti sosial dan kedinamikan status sosial di kalangan komuniti pesisir pantai ini dilihat secara berkaitan antara satu sama lain. Status ialah satu dimensi subjektif bergantung pada persepsi orang lain terhadap diri. Weber menyatakan kelompok status terbina berdasarkan penghormatan yang tertentu oleh masyarakat. Perbezaan harta itu boleh menjadi asas bagi perbezaan kehormatan dan begitu juga dengan faktor-faktor lain. Menurut Weber lagi, mereka yang berharta atau yang tidak berharta adalah boleh tergolong dalam kelompok status yang sama. Kajian memperlihatkan bahawa penglibatan dalam komuniti dan ketokohan agama, di samping faktor usia, (iaitu, tradisi orang tua dihormati), telah meletakkan sebahagian golongan komuniti pesisir pantai ini dalam status sosial yang tinggi, walaupun 'tidak berharta'. Ini adalah nilai-nilai tradisi Melayu masyarakat pesisir yang masih wujud dan utuh dipegang mereka.

9.1 IMPLIKASI TEORI

Dalam aspek teori, terdapat beberapa perspektif yang cuba menghuraikan perubahan. Kerangka analisis kajian ini mengambil panduan daripada pemikiran Weber bahawa tidak ada satu faktor yang tersendiri yang boleh mendorong atau mencetuskan perubahan. Justeru, analisis kajian ini menggunakan '*multi-causal analysis*' atau

analisis multi-faktor, di mana gabungan pelbagai faktor sebagai panduan mengungkap permasalahan mobiliti sosial komuniti pesisir pantai ini telah diambil.

Kajian ini mendapati faktor pencapaian memainkan peranan yang amat penting mempengaruhi individu di kalangan komuniti pesisir pantai ini untuk mencapai dan mengalami mobiliti sosial menegak atau ke atas. Faktor pencapaian melalui sumber pendidikan rasmi, khususnya mereka yang mempunyai tahap pendidikan tinggi seperti ijazah dan sarjana berupaya meletakkan mereka pada kedudukan dan status tinggi dalam stratifikasi sosial masyarakat pesisir pantai ini. Ditambah dengan nilai dalaman tinggi wujud dalam diri mereka ini mampu bertindak sebagai motivasi atau pendorong untuk mereka bergerak untuk mencapai mobiliti ke atas.

Ciri-ciri sedemikian juga dikenali sebagai faktor modal manusia, di mana faktor 'internal' atau dalaman sebagai faktor pencetus utama yang boleh membantu menggerakkan seseorang itu untuk berubah. Dalam modal manusia lazimnya dilihat dari segi pendidikan, dan juga kebolehan, kemahiran dan keupayaan seseorang. Pendidikan formal boleh diukur, dan kajian menunjukkan mereka yang mempunyai pendidikan tinggi, seperti tahap ijazah dan sarjana, adalah mereka yang berupaya mencapai dan mengekalkan kedudukan mobiliti menegak. Seterusnya, aspek modal manusia dari segi motivasi dan semangat yang kuat, nilai dan sikap yang positif, serta kemahiran yang dipelajari ternyata juga berupaya menjadi faktor 'penyuntik' untuk membantu mereka yang khususnya tidak mempunyai pendidikan tinggi bergerak dan mencapai mobiliti ke atas.

Tidak ada faktor tersendiri yang boleh membawa satu-satu perubahan. Justeru, selain faktor modal manusia yang berdasarkan pendekatan mikro, perubahan juga memerlukan faktor daripada luar. Salah satu daripada pendekatan secara makro, kajian ini menggunakan teori dan konsep modal sosial. Terdapat pelbagai huraian yang dibahaskan tentang teori modal sosial. Umumnya, modal sosial itu terdiri daripada satu set norma, nilai dan kepercayaan tidak rasmi yang dikongsi bersama anggota komuniti serta rangkaian atau jaringan yang mereka miliki dan boleh dimanfaatkan.

Daripada perspektif teori modal sosial, seseorang atau sesebuah kelompok komuniti yang mempunyai pelbagai dimensi modal demikian dianggap mempunyai kelebihan yang membolehkan individu atau anggota komunitinya berubah dari satu tahap kepada tahap yang lain. Ini kerana mereka mempunyai jaringan, bantuan, sokongan dan kepercayaan tersebut. Ini bererti, dalam komuniti atau keluarganya sendiri terdapat modal ikatan (*bonding capital*) yang baik, serta mempunyai sokongan dan kepercayaan, maka itu sebagai permulaan yang baik. Seterusnya, kalau mereka melintasi modal sempadan atau jambatan (*bridging capital*), seperti jaringan dengan kelompok-kelompok lain di luar komuniti mereka, ia juga boleh membantu mengubah kedudukan mereka. Sekiranya mereka terus mempunyai modal jaringan (*linking capital*) yang lebih luas dengan Kerajaan dan politik, pasaran atau pihak swasta, ia akan lebih dapat membantu perubahan mereka.

Kajian ini mendapati mereka yang memegang jawatan dalam pentadbiran seperti JKKK, dan organisasi politik seperti UMNO memperolehi peluang yang lebih baik dalam bidang perniagaan. Mereka ini lazimnya terlibat dalam perniagaan pembinaan

sebagai kontraktor dengan taraf lesen kelas F. Jaringan sosial sedemikian berserta terdapatnya 'struktur peluang-peluang' membolehkan dan memudahkan mereka mendapat tender seperti membina rumah PPRT, 'rumah mesra rakyat' dan projek kecil-kecilan lain.

Justeru, implikasi teorinya di sini ialah, sekiranya seseorang individu itu atau sesebuah keluarga itu mempunyai keupayaan, bekalan atau sokongan daripada ketiga-tiga dimensi modal sosial itu, maka perubahan peningkatan kedudukan atau kehidupan yang lebih baik boleh berlaku berbanding dengan orang yang tiada atau kekurangan dari segi modal sosial tersebut.

Namun, sekiranya ada kesemua ciri tersebut, tetapi tidak ada ciri-ciri struktural yang bersifat makro yang boleh membantu perubahan, seperti tidak ada program pembangunan, kemungkinan seseorang itu berubah mungkin boleh berlaku, tetapi mobilitinya mungkin tidak berapa tinggi.

Konteks struktural yang bersifat makro yang dimaksudkan di sini berkaitan dengan program ekonomi, sistem politik dan corak pemerintahan. Sesebuah kawasan komuniti yang hendak mengecapi kemajuan dan pembangunan, maka kawasan sekitaran itu perlu ada 'struktur peluang-peluang' (*structure of opportunities*), misalnya dari segi ekonomi, sosial, politik dan lain-lain di dalam komuniti dan di sekitar komuniti. Sekiranya kawasan komuniti itu mempunyai industri, ada institusi pendidikan, kedudukan yang tidak jauh dari pusat bandar dan ada daya tarikan pelancong, maka ini merupakan struktur peluang yang boleh dimanfaatkan. Akhirnya, seseorang individu itu dengan mempunyai dan memanfaatkan ketiga-tiga faktor itu,

modal manusia, modal sosial dan faktor struktural, maka struktur peluang itu dapat direbut dengan lebih baik.

Justeru, implikasi konsep dan teori yang menggunakan pendekatan 'multi-factoral' dalam kajian ini ternyata amat relevan dalam menghuraikan permasalahan komuniti pesisir pantai ini untuk mengalami mobiliti keluar dari lingkaran kemiskinan, kemunduran dan keterbelakangan.

Kembali kepada teori klasik oleh Marx tentang peranan modal dan sumber pengeluaran, dan Weber tentang pengaruh harta, status dan kuasa kepada pencapaian kedudukan atau kelas itu, didapati sememangnya sangat mempengaruhi kedinamikan mobiliti sosial komuniti pesisir pantai. Kajian ini memperlihatkan di kalangan mereka yang bekerja sendiri seperti peniaga perusahaan kecil dan sederhana (PKS) atau juragan laut dalam didapati berupaya mencipta peluang untuk lebih maju dan meningkatkan diri ke tahap yang lebih tinggi jika faktor-faktor tersebut mereka perolehi. Peluang mereka untuk mobiliti ke atas serta keluar dari lingkaran kemunduran boleh berlaku walaupun tanpa mempunyai pendidikan yang tinggi. Di samping mempunyai harta atau modal, ia juga mesti disandarkan kepada keupayaan diri untuk merebut peluang yang terbuka seperti jaringan sosial tertentu.

Kajian ini tidak menafikan peranan faktor keturunan atau askripsi sebagai 'tapak' mula untuk seseorang individu itu berada dalam mobiliti menegak, khususnya, bagi mereka yang berniaga atau yang terlibat dalam perusahaan perikanan. Namun, untuk generasi kedua dan ketiga mengekalkan atau bergerak mobiliti ke atas lagi, mereka memerlukan modal manusia, seperti faktor dalaman atau nilai diri yang positif; modal

sosial, seperti jaringan sosial, dan sokongan daripada faktor struktural, seperti merebut peluang yang disediakan.

Sebaliknya, dapatan kajian menunjukkan individu di kalangan komuniti pesisir pantai ini yang tidak berupaya untuk keluar dari lingkaran kemunduran dan keterbelakangan adalah mereka yang tidak mempunyai 'ciri-ciri' yang diungkapkan dan dibahaskan melalui teori dan konsep yang digunapakai dalam kajian ini. Mereka itu adalah di kalangan yang mempunyai tahap pendidikan rendah atau tiada berpendidikan langsung, tidak mempunyai modal atau sumber pengeluaran, harta, status dan kuasa. Rendahnya modal manusia, seperti nilai-nilai dalaman diri yang positif, kurangnya modal sosial, dan 'kurang bijak' merebut peluang daripada faktor struktural yang terbuka menyebabkan golongan ini masih 'terperap' dalam lingkaran kemunduran dan keterbelakangan itu.

Sementara itu, hasil daripada analisis makro evolusi transformasi sosial komuniti pesisir pantai, kajian ini telah menyingkap pembentukan kelompok-kelompok sosial baru dengan penelitian kepada peranan struktural dan perubahan mobiliti sosial yang dialami.

Berdasarkan temubual dan pemerhatian, didapati mereka yang bekerja dalam kategori pentadbiran serta pengusaha ikan atau juragan yang mempunyai bot laut dalam sendiri dan ahli perniagaan yang besar dan berjaya adalah 'kelas atasan' bagi komuniti pesisir pantai ini. Mereka ini dihormati dan dianggap 'kelas atasan' disebabkan kategori pekerjaan tersebut juga 'diserlahkan' dengan status dan gaya hidup seperti keupayaan pemilikan 'aset pilihan' yang dianggap mewah oleh komuniti ini.

Kajian menunjukkan majoriti (62.5 peratus) mereka yang mengalami mobiliti ke atas (tinggi) adalah mereka yang terlibat dalam bidang perniagaan, diikuti golongan pentadbiran (18.8 peratus), dan pengusaha ikan atau juragan laut dalam (18.8 peratus). Begitu juga bagi mereka yang mengalami mobiliti menegak (berterusan tinggi) didapati 50.0 peratus adalah yang terbabit dalam bidang pentadbiran manakala 50.0 peratus lagi daripada bidang perniagaan. Ini menggambarkan bahawa mereka yang berada dalam 'kelas atasan' dengan pekerjaan tersebut adalah mereka yang berupaya mengalami mobiliti ke atas.

Sementara itu, mereka yang mengalami mobiliti ke bawah adalah sebahagian besarnya terdiri daripada nelayan pantai (86.7 peratus), dan buruh (13.3 peratus). Begitu juga yang tidak mengalami sebarang perubahan, iaitu, tiada mobiliti, majoriti adalah nelayan pantai (60.5 peratus), diikuti buruh (28.9 peratus), dan peniaga kecil-kecilan dan runcitan lain (10.5 peratus). Sebahagian besar (55 peratus) daripada mereka yang tiada mobiliti ini adalah berketurunan nelayan dari tiga generasi, iaitu, datuk, bapa dan responden itu sendiri. Mereka ini yang boleh dikenalpasti sebagai golongan yang 'masih terperangkap dalam lingkaran' kemiskinan dan kemunduran tegar. Namun, 'lingkaran' mereka ini masih tidak 'bersifat putaran ganas'. Ini kerana, hampir keseluruhan (98.3 peratus) daripada mereka ini telah berupaya 'keluar dari lingkaran' apabila hanya 1.7 peratus (5 orang) sebahagian kecil anak mereka (generasi keempat) yang masih mengekalkan pekerjaan sebagai nelayan pantai yang mundur dan miskin.

Umumnya, daripada hasil temubual dan pemerhatian didapati pekerjaan sebagai nelayan, khususnya nelayan pantai dan awak-awak serta pekerja buruh dipandang

sebagai 'kelas bawahan' bagi komuniti pesisir pantai ini. Golongan ini mempunyai pemilikan aset asas dan pendapatan yang 'cukup-cukup' sahaja.

Adakah 'kelas atasan' berdasarkan kajian ini berkemungkinan boleh diklasifikasi sebagai 'kelas menengah Melayu' bagi komuniti pesisir pantai? Dapatan kajian ini seiring dengan kajian Abdul Rahman Embong (1999) tentang kelas menengah baru, yang menyatakan bahawa dua faktor sebagai penyumbang kepada pertumbuhan dan perluasan kelas menengah, iaitu, pendidikan dan perluasan kategori baru pekerjaan. Komuniti pesisir pantai ternyata telah 'beralih arah' daripada nelayan semata-mata kepada pekerjaan lain di daratan seperti dalam bidang pentadbiran, khususnya bagi generasi keempat (anak). Perkara ini dimungkinkan dengan pencapaian pendidikan yang merupakan langkah penting ke arah mobiliti sosial ke atas, dan juga bertindak sebagai petunjuk penting berlakunya transformasi kelas sosial bagi komuniti ini.

9.2 IMPLIKASI DASAR

Sementara itu, dari segi implikasi dasar, kajian ini menyimpulkan tentang isu kesampaian program pembangunan kepada kelompok sasaran. Dalam wacana ilmu pembangunan terdapat dua pendekatan, iaitu, pendekatan atas ke bawah (*top-down*) dan pendekatan bawah ke atas (*bottom-up*). Pendekatan atas ke bawah sering dikritik kerana masalah 'kelewatan' ke sasaran. Justeru, pendekatan atas ke bawah harus digembeleng sama dengan pendekatan bawah ke atas supaya program-program pembangunan yang dibentuk sampai ke sasaran. Dalam kajian ini, isu 'kesampaian' sering diperkatakan di kalangan ahli komuniti pesisir pantai.

Oleh yang demikian, perubahan struktural dan implikasi kepada komuniti pesisir pantai adalah isu penting. Konteks struktural yang dimaksudkan di sini ialah yang bersifat makro berkaitan dengan program ekonomi, sistem politik dan corak pemerintahan. Dasar-dasar yang digubal kerajaan seperti DEB, DPN dan lain-lain dasar lagi umumnya membuka banyak peluang untuk mobiliti ke atas dan impak kepada transformasi sosial, dan juga tidak ketinggalan dapat dikecapi hasil pembangunannya oleh komuniti pesisir pantai ini.

Kajian ini mendapati pelbagai cara dilakukan oleh kerajaan untuk membantu memajukan komuniti nelayan pesisir pantai seperti memberi kemudahan pinjaman untuk modal berniaga, memberi insuran kepada nelayan, menyediakan kursus kemahiran menggunakan teknologi moden menangkap ikan, memberi kursus pengurusan perniagaan dan keusahawanan dan memberi kursus pemasaran. Namun persoalan besar ialah isu kesampaian atau akses, yakni setakat mana peluang-peluang tersebut 'sampai' kepada komuniti ini? Kajian mendapati hanya sebilangan kecil komuniti ini mengetahui tentang peluang-peluang yang disediakan oleh pihak Kerajaan tersebut. Antara institusi yang diakui paling banyak menyediakan bantuan pinjaman kepada komuniti pesisir pantai ini ialah TEKUN, AIM, Jabatan Perikanan/LKIM, YPK, Persatuan Nelayan, YPU, UPEN, KEMAS, dan MARA.

Keprihatian pihak Kerajaan Negeri untuk membantu komuniti pesisir pantai diperlihatkan melalui beberapa kaedah, iaitu, bantuan PPRT, rumah mesra rakyat, wang ehsan, baitulmal, JKM, ASB, dan subsidi khas untuk nelayan. Namun begitu, kajian menunjukkan hanya sejumlah kecil daripada responden yang memperolehi bantuan-bantuan tersebut.

Majoriti nelayan pesisir pantai memperolehi bot enjin sangkut daripada subsidi kerajaan sepenuhnya, manakala sebilangan kecil daripada nelayan ini hanya mendapat separuh subsidi, iaitu enjin sangkut sahaja. Dengan kenaikan harga minyak, bantuan khusus untuk para nelayan ialah subsidi minyak diesel dan bot enjin sangkut.

Sementara, bantuan PPRT diberikan dalam bentuk binaan rumah mengikut peruntukan yang telah ditetapkan. Dua bentuk bantuan PPRT yang lazimnya diberikan kepada komuniti, iaitu, pertama, dalam bentuk baik pulih rumah, dengan peruntukkan RM5,000. Kedua, dalam bentuk sebuah rumah PPRT, dengan peruntukkan antara RM15,000 hingga RM20,000. Satu lagi bentuk binaan ialah program rumah untuk orang miskin yang dipanggil 'rumah mesra rakyat'. Jumlah peruntukkan antara RM45,000 hingga RM50,000. Mereka yang menerima bantuan rumah mesra rakyat ini hanya mendapat sebahagian jumlah kos sebagai subsidi, dan sebahagiannya lagi perlu dibayar dengan kadar antara RM50 hingga RM100 sebulan.

Bagi golongan peniaga, bantuan bukan dalam bentuk subsidi tetapi ruang dan peluang pinjaman dengan kadar faedah yang rendah diadakan. Mereka yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan, kurang dari separuh yang mendapatkan pinjaman untuk berniaga, manakala majoriti tiada membuat pinjaman. Institusi TEKUN memainkan peranan sebagai peminjam utama dan diikuti dengan AIM. Lain-lain institusi ialah YPK, FAMA, YPU, MARA, dan beberapa bank tempatan.

Peranan Kerajaan amat penting dalam memastikan pembangunan dan kemajuan yang dicapai dapat dinikmati dan dikecapi oleh setiap lapisan masyarakat. Pendekatan 'top-down' yang dilaksanakan oleh Kerajaan menimbulkan persoalan 'kesempaian' kepada

rakyat. Oleh itu, 'Kerajaan' yang dimaksudkan di sini ialah seperti yang 'dirasai' di peringkat akar umbi. Kajian menunjukkan bagi komuniti pesisir ini, peranan JKKK amat penting sebagai agensi utama untuk menguruskan hal ehwal pentadbiran di kampung masing-masing. Namun begitu, ada beberapa perkara seperti karenah birokrasi mengganggu 'kelancaran' sistem pentadbiran, khususnya yang melibatkan pembangunan di luar bandar seperti komuniti pesisir pantai. Umumnya, mereka tahu peruntukan untuk membantu mereka itu 'ada', tetapi masalah 'ketidaksampaian' itu berlaku di peringkat pentadbiran 'bawahan' ini. Menurut mereka, amalan-amalan seperti 'pilih kasih', 'kronisme' dan juga faktor politik dalam pemilihan dan pengagihan bantuan projek kepada rakyat masih berterusan di peringkat akar umbi.

Satu perkara lagi ialah kesan perkembangan ekonomi, pembangunan dan perubahan sosial secara umum ke atas komuniti. Empat kawasan pilihan sebagai lokasi kajian ini terletak dalam daerah Kuala Terengganu. Kawasan-kawasan ini adalah DUN Batu Buruk, DUN Seberang Takir, DUN Tepoh Pantai, dan DUN Batu Rakit. Setiap kawasan kajian ini mempunyai kemajuan dan pembangunan tertentu. Misalnya, tiga kawasan DUN seperti Seberang Takir, Tepoh Pantai dan Batu Rakit sangat hampir dengan dua universiti awam, UMT dan UDIM, Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Mahmud, kawasan perindustrian Gong Badak, dan institut perguruan serta beberapa sekolah berasrama penuh. Ketiga-tiga kawasan DUN ini juga dianggap sebagai 'kawasan tumpuan baru' pembangunan di daerah Kuala Terengganu, selain daripada pusat bandaraya Kuala Terengganu sebagai ibu negeri Terengganu. Misalnya, semasa kajian ini dijalankan, telah terdapat Stadium Sultan Mizan di Gong Badak di DUN Seberang Takir, dan Trek Enduran Terengganu International Endurance Park di DUN Batu Rakit. Sementara dalam DUN Batu Buruk yang

berhampiran dengan pusat bandaraya Kuala Terengganu, terdapat banyak hotel dan chalet, Masjid Terapung, Taman Budaya dan Pusat Lumba Kuda di Kuala Ibai.

Kajian ini menunjukkan komuniti pesisir ini mengakui bahawa pembangunan dan institusi-institusi tersebut yang terdapat di kawasan persekitaran kediaman mereka telah memberi sumbangan dan pengaruh yang baik kepada peningkatan taraf hidup komuniti ini. Kajian ini menunjukkan bahawa kemajuan dan pembangunan yang dilakukan oleh Kerajaan secara umumnya berupaya membuka ruang dan peluang bagi membantu 'melancarkan' pergerakan atau mobiliti sosial komuniti ini. Antara bentuk sumbangan ialah menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak, memberi peluang untuk mendapatkan kerja sampingan, dan juga kewujudan IPT dan insitituti pendidikan lain di kawasan mereka telah memberi motivasi yang tinggi kepada anak-anak mereka untuk belajar. Namun, adakah pembangunan dan transformasi yang dialami oleh komuniti pesisir pantai boleh menyebabkan kepada 'kepupusan' golongan nelayan, khususnya nelayan tradisional pesisir pantai?

Pembangunan dan kemajuan yang disediakan oleh Kerajaan amat penting untuk 'menyuntik' kepesatan dan perkembangan ekonomi sesebuah negeri, khususnya bagi golongan peniaga yang lazimnya mendapat impak positif. Mereka menyatakan bahawa pembangunan tersebut mendorong perniagaan kedai-kedai makan lebih berkembang maju, perniagaan berasaskan laut seperti keropok lekor, keropok kering dan lain-lain dengan lebih baik, dan peningkatan yang amat ketara kepada sektor pembangunan hartanah seperti harga tanah dan rumah yang meningkat dan harga rumah sewa yang tinggi.

Namun begitu, majoriti daripada mereka mengakui bahawa keadaan komuniti pesisir pantai sekarang adalah 'lebih baik' berbanding 10 atau 15 tahun dahulu. Justeru, komuniti pesisir pantai ini mengakui bahawa "mereka boleh maju asalkan berani mencuba dan kuat berusaha". Namun begitu, mereka merasakan masalah agihan peluang dan akses bantuan kerajaan perlu lebih merata dan saksama. Namun anggota komuniti yang dikaji agak berbelah bagi dalam darjah kepuasan terhadap usaha kerajaan dalam membantu masyarakat. Sebahagian daripada mereka menyatakan bahawa "usaha kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup komuniti pesisir" adalah 'belum memuaskan' dan 'tidak memuaskan' lagi.

Akhirnya, kajian ini adalah kajian ilmu pembangunan dengan tumpuan kepada pembangunan komuniti pesisir pantai. Seperti yang ditunjukkan, kajian ini bersifat multi-faktor dengan gabungan modal manusia, modal sosial dan faktor struktural dalam menghuraikan permasalahan mobiliti sosial dan kaitan pembangunan di kalangan komuniti pesisir pantai di samping menggunakan perspektif sejarah. Modal manusia dan modal sosial ialah komponen dalam masyarakat, manakala faktor struktural melibatkan kuasa pemerintah dan kuasa pasaran. Oleh yang demikian, dari segi teori ia melibatkan tiga elemen atau komponen utama - masyarakat, negara dan ekonomi (pasaran) yang berinteraksi dalam ruang sejarah.

Berpandukan pemikiran teoritis di atas, maka dalam perancangan ekonomi dan pembangunan, negara perlu mengambil kira bahawa ia tidak terlepas daripada memenuhi keperluan masyarakat khususnya keperluan meningkatkan modal manusia dan modal sosial. Meningkatkan modal manusia dan modal sosial menjadi lebih-lebih lagi penting bagi golongan bawahan seperti komuniti pesisir pantai. Peranan negara

seperti itu boleh menjadi pencetus kepada transformasi dan mobiliti sosial anggota-anggota komuniti berkenaan agar mereka diperkasakan dan berupaya 'keluar dari lingkaran' kemiskinan.

Selama ini untuk keluar dari lingkaran ialah melalui kredit seperti AIM, Tekun dan sebagainya lagi. Memang sebahagiannya boleh keluar dari lingkaran kemiskinan tetapi ketahanan daya maju tidak terjamin. Dalam kajian ini menunjukkan bahawa pembinaan modal manusia itu yang paling penting sebagai faktor penjamin untuk keluar dari lingkaran kemiskinan dan kemunduran. Lagi tinggi penguasaan ilmu dia lagi tinggi perubahan yang akan dicapai. Kalau pendidikan rendah, mereka boleh berubah tetapi boleh mengalami sosial mobiliti menurun apabila berhadapan dengan suasana krisis ekonomi, kewangan dan sebagainya. Ini adalah sumbangan utama kajian ini, iaitu, seseorang itu boleh keluar dari lingkaran kemiskinan dengan membuka peluang kepada pihak Kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat, khususnya melalui pendidikan

9.3 CADANGAN KAJIAN SUSULAN

Seperti dinyatakan sebelum ini, kajian ini hanya terbatas kepada mobiliti sosial komuniti pesisir pantai Kuala Terengganu. Banyak perkara tidak dapat dikaji, namun berdasarkan kajian ini, ternampak beberapa tema yang boleh diterokai untuk kajian lain seterusnya.

Pertama, perlu kajian khusus terhadap isu politik dan pembangunan komuniti pesisir pantai. Kedua-dua aspek ini amat berkait rapat bagi meneliti proses transformasi dan

mobiliti sosial menegak berlaku dengan seimbang dan holistik. Kajian sebegini masih kurang diberikan perhatian dalam kajian-kajian pembangunan komuniti, khususnya komuniti pesisir pantai yang terpinggir.

Kedua, perlu dikaji keseluruhan dasar dan sistem birokratik yang terlibat dengan pembangunan komuniti, khususnya komuniti pesisir pantai yang melibatkan mereka di peringkat atasan sehinggalah di peringkat bawahan. Kajian ini memberi sedikit ruang dan landasan mengenal pasti peranan penting faktor struktural secara makro, dan modal sosial secara lebih mikro dalam membantu komuniti pesisir pantai keluar dari lingkaran kemiskinan, kemunduran dan keterbelakangan. Justeru, dasar dan sistem birokrasi itu wajar diambil perhatian untuk dikaji dan dianalisis kejayaan, kelemahan dan implikasinya terhadap usaha membantu kepada mobiliti menegak komuniti ini.

Ketiga, perlu juga kajian lebih terperinci mengenai isu keciciran pendidikan, khususnya bagi generasi anak-anak komuniti pesisir pantai. Salah satu hasil kajian mengenai faktor lambat dan sukar mengalami mobiliti sosial menegak ialah mempunyai tahap pendidikan yang rendah. Ini penting untuk memastikan usaha pembangunan modal manusia yang berkualiti kelak. Justeru, kajian mendalam mengenai soal keciciran, khususnya anak-anak nelayan, perlu dilakukan untuk memastikan kesinambungan generasi muda untuk keluar terus dari lingkaran kemiskinan ini berlaku. Kajian sedemikian diharap dapat dimanfaatkan oleh pihak yang bertanggungjawab bagi menggubal program ke arah perubahan minda, khususnya di kalangan komuniti pesisir pantai.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Halim Ali. (ed.). 2005. "Masalah Mengkonseptualisasi Komuniti". Dlm. *Borneo-Kalimantan 2005: Transformasi Sosial Masyarakat Pesisir Borneo-Kalimantan*. Prosiding Konferensi Antaruniversiti di Borneo-Kalimantan Ke-1. Kota Samarahan, Sarawak : Institut Pengajian Asia Timur Universiti Malaysia Sarawak.
- Abdul Rahman Embong. 1999. State-led Modernization and the New Middle Class in Malaysia. *Tesis Ph.D* : Universiti Malaya. [tidak diterbitkan]
- _____. 2002. *State-led Modernization and the New Middle Class in Malaysia*. New York: Palgrave.
- _____. 2003. *Pembangunan dan Kesejahteraan: Agenda Kemanusiaan Abad ke-21*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____. 2006. *Negara-bangsa: Proses dan Perbahasan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____. 2007. "Meninjau Kembali Pembangunan Komuniti Dalam Strategi Pembangunan Negara". Dlm. *Pembangunan Negara, Komuniti dan Insan Melampaui 2020*. Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa.
- _____. 2007. "Pembangunan Negara dan Pembangunan Insan". Dlm. *Pembangunan Negara, Komuniti dan Insan Melampaui 2020*. Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa.
- Abdul Malik Ismail, Chamhuri Siwar, Basri Abdul Talib dan Nik Hashim Mustapha. 1996. "Kemiskinan Nelayan di Kawasan Pembangunan Nelayan, Pantai Timur Semenanjung Malaysia". Dlm. *Kemiskinan dalam Arus Pembangunan Ekonomi Malaysia*. (pnyt.). Chamhuri Siwar dan Nor Ainí Hj. Idris. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aldridge, S. 2001. *Social Mobility: A Discussion Paper*. London: Performance and Innovation Unit.
- Anderson, Charles H. 1974. *The Political Economy of Social Class*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Azizan Mohd Sidin. 2004. 'Pembasmian Kemiskinan di Selangor dalam tempoh RM Ke-8' dlm. *Pembasmian Kemiskinan Bandar dan Luar Bandar*. Mohamad Khairudin dan Ahmad Syahir Sarani (editor). Petaling Jaya: Institut Perkembangan Minda (INMIND).

- Bailey, K.D. 1978. *Methods of Social Research*. London: The Free Press, Collier Macmillan Publishers.
- Becker, G.S. 1975. "Human Capital". Dlm. *The Concise Encyclopedia of Economics*.
- Becker, Gary S. 1964. *Human Capital: A Theoretical and Empirical Analysis with Special Reference to Education*. New York: Columbia University Press.
- Bell, C. dan Newby, H. 1971. *Community Studies: An Introduction to the Sociology of the Local Community*. London: George Allen and Unwin Ltd.
- Bergel, E.E. 1955. *Urban Sociology*. New York: Mc Graw-Hill Book Company.
- Blau, P.M. dan Duncan, O.D. 1967. *The American Occupational Structure*. New York: Wiley.
- Blau, Peter M. 1976. *Approaches to the Study of Social Structure*. (Pnyt.). London: Free Press.
- Bourdieu, Pierre. 1983. "The forms of Capital". Dlm. *Handbook of Theory and Research for the Sociology of Education*, oleh J.G. Richardson (Pnyt.). Hal: 241-58. New York: Greenwood.
- Breiger, R.L. (ed.). 1990. *Social Mobility and Social Structure*. New York: Cambridge University Press.
- Burt, R.S. 2000. Structural Holes Versus Network Closure as Social Capital. Dlm Nan Lin, Karen S. Cook and R.S.Burt. (pnyt.). *Social Capital: Theory and Research*.
- Chamhuri Siwar. 2001. *Pembangunan Mapan: Strategi 'Menang-menang' untuk Pembasmian Kemiskinan dan Pemuliharaan Alam Sekitar*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Cheong Kee Cheok & L.J. Fredericks. 1977. "Theory and Measurement of Poverty: Tentative Views on an Amorphous Topic". Dlm. B.A.R. Mokhzani & Khoo Siew Man (editor). *Some Case Studies on Poverty in Malaysia: Essays presented to Professor Ungku A. Aziz*. Kuala Lumpur: Persatuan Ekonomi Malaysia.
- Chin Yee Whah. 2003. *Budaya dan Keusahawanan Cina di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Clammer, J. 1996. *Values and Development in Southeast Asia*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Coleman, J.S. 1988. Social Capital in the Creation of Human Capital. *American Journal of Sociology*. (94) Supplement S95-S120.

- Coleman, James S. 1990. *Foundations of Social Theory*. Cambridge: Harvard University Press.
- Craib, I. 1997. *Classical Social Theory: An Introduction to the Thought of Marx, Weber, Durkheim & Simmel*. New York: Oxford University Press.
- Dahlan, H.M. & Wan Hashim. 1979. *Communication in Peasant Community: Inroads and Problems*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Davies, I. 1970. *Social Mobility and Political Change*. London: Macmillan and Company Limited.
- De Koninck, R. 1992. *Malay Peasants Coping with the World: Breaking the Community Circle?* Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- Duncan, C.M. 1996. "Understanding Persistent Poverty: Social Class Context in Rural Communities". *Rural Sociology*. Vol 61: (1). Hal: 103-124.
- Evans, P. 1996. Government Action, Social Capital and Development: Reviewing the Evidence on Synergy. Dlm. *World Development* 24 (6): 1119-1132.
- Fafchamps, M. & Minten, B. 2002. "Social Capital and the Firm: Evidence From Agricultural Traders in Madagascar", dlm. Grootaert, C. & Bastelaer, T. V. (ed.), *The Role of Social Capital in Development: An Empirical Assessment*. New York: Cambridge University Press.
- Firth, R. 1966. *Malay Fishermen: Their Peasant Economy*. London: Routledge and Kegan Paul.
- Firth, R. 1990. *Nelayan Melayu: Ekonomi Tani Mereka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fukuyama, F. 1999. *Social Capital and Civil Society*. International Monetary Fund.
- Fukuyama, F. 2000. 'Social Capital'. Dlm. Lawrence E.Harrison & Samuel P. Huntington. (pnyt.). *Culture Matters: How Values Shape Human Progress*. Amerika Syarikat: Basic Books.
- Fuwa, Nobuhiko. 1999. 'Analysis of Social Mobility in a Village Community: The Case of a Philippine Village'. *Journal of Policy Modeling*. 21(1): 101-18.
- Gershuny, J. 2002a. *Beating the Odds (1): Intergenerational Social Mobility from a Human Capital Perspective*. University of Essex: Institute for Social and Economic Research.
- Gerth, H.H. & Mills. C.W. (terj. & ed.). 1970. *From Max Weber: Essays in Sociology*. London: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Giddens, A. 1984. *The Constitution of Society: outline of a theory of structuration*. Berkeley: University of California Press.

- Grootaert, C. & Bastelaer, T. V. (ed.). 2002. "Conclusion: Measuring Impact and Drawing Policy Implications", dlm. *The Role of Social Capital in Development: An Empirical Assessment*. New York: Cambridge University Press.
- Grootaert, C. & Bastelaer, T. V. (ed.). 2002. *The Role of Social Capital in Development: An Empirical Assessment*. New York: Cambridge University Press.
- Grootaert, C. 1997. "Social Capital: The Missing Link?" dlm. World Bank, *Expanding the Measure of Wealth: Indicators of Environmentally Sustainable Development*. Washington, DC.
- Gusni Saat. 2005. *Urbanisasi dan Stratifikasi Sosial di Kalangan Sama-Bajau di Sabah*. Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis Doktor Falsafah (tidak diterbitkan).
- Haq, Mahbub ul. 1995. *Reflections on Human Development*. Oxford: Oxford University Press.
- Harrison, Lawrence E & Huntington, Samuel P. 2000. *Culture Matters: How Values Shape Human Progress*. (pnyt.). New York: Basic Books.
- Hitlin, S. 2006. "Parental Influences on Children's Values and Aspirations: Bridging Two Theories of Social Class and Socialization". *Sociological Perspectives*. Vol. 49(1): 25-46.
- Ibrahim Mamat dan Nor Hayati Sa'at. 2007. "Budaya dan Perubahan Sosiobudaya Komuniti" dlm. *Ekspedisi Komuniti Nelayan Kuala Besut: Isu dan Perspektif Penyelidikan*. (pnyt). Nik Fuad Nik Mohd Kamil, Mohd Shaladdin Muda dan Muhammad Najit Sukemi. Kuala Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.
- Iceland, John. 2007. *The Blackwell Encyclopedia of Sociology*. George Ritzer (edited). N-P: Volume VII. Australia: Blackwell Publishing Ltd.
- International Encyclopedia of the Social Sciences. 1968. Sills, D.L. (ed.). Vol 3. New York: The Macmillan Company & The Free Press.
- Ishak Shari. 1990. *Ekonomi Nelayan: Pengumpulan Modal, Perubahan Teknologi dan Pembezaan Ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1992. *Pembangunan dan Kemunduran: Perubahan Ekonomi Luar Bandar di Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. 1999. *Bumi Semua Manusia: Menangani Ketidaksetaraan Ekonomi dalam Arus Globalisasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- _____. 2002. *Pembangunan: Mengejar Impian atau Khayalan*. Dlm. Misran Rokimin, James F. Ongkili & Azmi Aziz (ed.), *Falsafah dan Peradaban Pembangunan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Ishak Shari dan Abdul Rahman Embong. 1997. *Laporan Akhir: Kajian Sosio-ekonomi Nelayan Johor*. Bangi: Biro Rundingan dan Inovasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Isham, J. & Kahkonen, S. 2002. "How Do Participation and Social Capital Affect Community-based Water Projects? Evidence From Central Jaya, Indonesia", dlm. Grootaert, C. & Bastelaer, T. V. (ed.), *The Role of Social Capital in Development: An Empirical Assessment*. New York: Cambridge University Press.
- Isham, J. et.al (ed.). 2002. *Social Capital and Economic Development: Well-being in Developing Countries*. UK: Edward Elgar Publishing Limited.
- Jasbir Sarjit Singh. 1989. *Education and Social Mobility in Malaysia: A Case Study of Petaling Jaya*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Jencks, C. 1990. "What is the True Rate of Social Mobility?" dlm. Breiger, R.L. (ed.). 1990. *Social Mobility and Social Structure*. New York: Cambridge University Press.
- Kamaruddin M.Said. 1981. "Daripada Nelayan-Tani kepada Pekerja Bot". *Jurnal Antropologi dan Sosiologi* 9: 69-86.
- _____. 1990. "Modes of production. Ethnicity and class in Kuala Kedah Fishing Community of West Malaysia". *Akademika* 37: 3-32.
- _____. 1993. *The Despairing and the Hopeful: A Malay Fishing Community in Kuala Kedah*.
- Katiman Rostam, Asmah Ahmad, Sulong Mohamad, Mohd Fuad Mat Jali dan Mohd Azlan Abdullah. 2006. *Transformasi Desa-Bandar: Koridor Kemamangungun, Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kessler, C. S. 2005. *Studying Economy and Society: A 'Third Way' in Malaysia?* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Krishna, A. & Uphoff, N. 2002. "Mapping and Measuring Social Capital Through Assessment of Collecting Action to Conserve and Develop Watershed in Rajasthan, India, dlm. Grootaert, C. & Bastelaer, T. V. (ed.), *The Role of Social Capital in Development: An Empirical Assessment*. New York: Cambridge University Press.
- Krishna, A. 2006. "Pathways Out of and Into Poverty in 36 Villages of Andhra Pradesh, India". *World Development*. Vol: 34 (2). Hal: 271-288.
- Lauziere, M. 2006. "Strong Families: A Key to Social and Economic Success in the 21st Century". *Policy Quarterly*. Vol: 2 (1). Hal: 33-37.

- Lin, N. 1990. "Social Resources and Social Mobility: A Structural Theory of Status Attainment", dlm. Breiger, R.L. (ed.). 1990. *Social Mobility and Social Structure*. New York: Cambridge University Press.
- Lipset, S.M. & Bendix, R. 1964. *Social Mobility in Industrial Society*. Berkeley & Los Angeles: University of California Press.
- Loganathan. N., Fauziah Abu Hasan & Muhamad Najit Sukemi. 2006. "Analisis Fungsi Penggunaan Marginal Komuniti Pesisir Pantai: Daerah Besut, Terengganu" dlm. Nik Hashim Nik Mustapha et.al (ed)., *Pembangunan Komuniti Pulau dan Pesisir Pantai 2006: Ke arah Pembangunan Mapan untuk IPC*. Prosiding Persidangan Pertama: Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (kini, Universiti Malaysia Terengganu).
- Lopreato, J. & Lewis, L.S. 1974. *Social Stratification: A Reader*. New York: Harper & Row Publishers.
- Madiah Mohd Shukri & Mohd Zulfadli Mohd Salleh. 2006. "Personality Profiles of Island and Peripheral Community: A Case Study in Kampung Seberang Marang, Terengganu" dlm. Nik Hashim Nik Mustapha et.al (ed)., *Pembangunan Komuniti Pulau dan Pesisir Pantai 2006: Ke arah Pembangunan Mapan untuk IPC*. Prosiding Persidangan Pertama: Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (kini, Universiti Malaysia Terengganu).
- Malaysia. 1992a. Draft, National Coastal Resource Report. Kuala Lumpur: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- Malaysia. 2006. Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.
- Mansor Mohd. Nor. 2001. "The Index of Material Civilisation Builder Among the Malay and Chinese Implication to Human Resource Management" dlm. *The Fourth Asian Academy of Management Proceeding (AAM) Conference 2001*. Asian management in the New Economy Prospects and Challenges. Vol 1: 49-157.
- _____. 2007. *Agama dan Pembangunan di Malaysia*. Kertas kerja yang dibentangkan di Universitas Syiah Kuala, Banda Aceh, Aceh, Indonesia.
- Marger, Martin N. 2002. *Social Inequality: Patterns and Processes*. Boston: McGraw Hill Companies.
- Mat Noor Nawi. 1999. *Managing Poverty Eradication: Malaysia's Experience, 1970-1999*. Kuala Lumpur: Economic Planning Unit, Prime Minister's Department (mimeograph)
- Maunier, P. 1957. "The Definition of the City". *American Journal of Sociology* (15).
- Merton, Robert K. 1968. *Social Theory and Social Structure*. New York: Free Press.

- Miller, R. 2001. *Researching Social Mobility: New Direction*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mokhzani Abdul Rahim. 2006. *Credit in a Malay Peasant Economy*. Kuala Lumpur: Arus Intelek dan Faculty of Economics & Administration.
- Mohd Yaakub Hj Johari, Chang Shui Kiong dan Mary Sintoh, 1994. "Strategi ke arah membangunkan komuniti nelayan" dlm Komuniti Nelayan: Cabaran, Harapan dan masa depan. (pnyt).Sabah: Institut Kajian Pembangunan (Sabah).
- Myrdal, G. 1971. *The Challenge of World Poverty: A World Anti-Poverty Programme in Outline*. Harmondsworth: Penguin Books.
- Neuman, W.L. 2006. *Qualitative Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. 6th edition. Boston: Allyn and Bacon.
- Nik Wan Omar, Mohd Shaladdin Muda & Wan Abd. Aziz Wan Mohd Amin. 2006. "Kesejahteraan Hidup Nelayan Pesisir" dlm. Nik Hashim Nik Mustapha et.al (ed)., *Pembangunan Komuniti Pulau dan Pesisir Pantai 2006: Ke arah Pembangunan Mapan untuk IPC*. Prosiding Persidangan Pertama: Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (kini, Universiti Malaysia Terengganu).
- Nor Hayati Sa'at. 2006. "Sosiobudaya dan Mobiliti Komuniti Pesisir Pantai: Satu Kajian Awalan di Kuala Terengganu". Kertas kerja dibentangkan di bengkel, *Capacity Building for Young Scholars: New Research in Malaysian Studies* pada 27-28 Februari 2006, di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), anjuran Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM) dengan kerjasama Institute of East Asian Studies, UNIMAS, dan Fakulti Sains Sosial, UNIMAS.
- North, Douglass C. 1990. *Institutions, Institutional Change, and Economic Performance*. New York: Cambridge University Press.
- Olson, M. 1982. *The Rise and Decline of Nations: Economic Growth, Stagflation and Social Rigidities*. Yale UP: New Haven.
- Putnam, R. 1993. The Prosperous Community-Social Capital and Public Life. *American Prospect* (13): 35-42.
- Polanyi, K. 1944. *The Great Transformation: The Political and Economic Origins of Our Time*. New York: Rinehart & Co.
- Rahimah Abdul Aziz. 2001. *Pengantar Sosiologi Pembangunan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohana Yusof. 1996. *Asas Sains Sosial: Dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sabitha Marican. 2006. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Pearson Prentice Hall.

- Seers, D. 1972. "The Meaning of Development" dalam Nancy Bastor (pnyt.). *Measuring Development: The Role and Adequacy of Development Indicators*. London: Franck Cass.
- Shamsul A.B. 1986. *From British to Bumiputera Rule*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Sharlin, A. 1979. "From the Study of Social Mobility to the Study of Society". *American Journal of Sociology*. Vol: 85 (2). Hal: 338-360.
- Slattery, M. 1992. *Key Ideas in Sociology*. Edinburgh: Nelson.
- So, Alvin Y. 1990. *Social Change and Development: Modernization, Dependency, and World System Theories*. London: Sage Publications.
- Sorokin, Pitirim A. 1959 [1927]. *Social and Cultural Mobility*. New York: Free Press.
- Stiglitz, Joseph E. 2006. *Making Globalization Work*. New York: W.W. Norton & Company.
- Strauss, A.L. 1971. *The Contexts of Social Mobility: Ideology and Theory*. Chicago: Aldine Publishing Company.
- Svalastoga, Kaare. 1965. "Social Mobility: the Western European Model". *Acta Sociologica* 9: 175-82.
- Syed Husin Ali. 1964. *Social Stratification in Kampong Bagan: A Study of Class, Status, Conflict and Mobility in a Rural Malay Community*. Singapore: Malaysia Printers Limited.
- _____. 1975. *Malay Peasant Society and Leadership*. London: Oxford University Press.
- Tengku Mahmud Mansor. 1996. "Konsep Kawasan Pembangunan Nelayan (KPN) Sebagai Satu Strategi Pembangunan: Satu Kajian Kes KPN di Besut, Terengganu. *Tesis Ph.D*: Universiti Malaya [tidak diterbitkan]
- Tonnies, F. 1957. *Community & Society: Gemeinschaft and Gesellschaft*. Dlm. Loomis C.P. (ed.). USA: The Michigan State University Press.
- Townsend, P (ed.). 1974. *The Concept of Poverty*. London: Heinemann Educational Books Ltd.
- Tumin, M.M dan Feldman, A. 1961. *Social Class and Social Change in Puerto Rico*. Princeton NJ: Princeton University Press.
- Tumin, Melvin M. 1988. *Stratifikasi Sosial: Bentuk dan Fungsi Ketaksamaan*. (terj) Atiah Hj Salleh dan Zainab Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Turner, Jonathan H. 1984a. *Societal Stratification: A Theoretical Analysis*. New York: Columbia University Press.
- Turner, Jonathan H. 1994. *Sociology: Concepts and Uses*. New York: McGraw-Hill, Inc.
- Ungku A. Aziz. 1987. *Jejak-jejak di Pantai Zaman*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.
- Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu. 2007. *Data Asas 2007*. Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu.
- Wan Hashim Wan Teh. 1980. *Komuniti Nelayan di Pulau Pangkor: Beberapa aspek Ekonomi dan Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Warner, W.L. dan Lunt, P.S. 1941. *The Social Life of a Modern Community*. New Haven: Yale University Press.
- Warner, W.L. dan Srole, L. 1945. *The Social Systems of American Ethnic Groups*. Westport: Greenwood Press Publishers.
- Wegren, S.K., O'Brien, D.J. & Patsiorkovski, V.V. 2006. "Social Mobility in Rural Russia, 1995-2003". *The Journal of Peasant Studies*. Vol: 33, No.2. Hal: 189-218.
- Wirth, L. 1938. "Urbanism as a Way of Life". *The American Journal of Sociology*, 44: 47.
- Wong, D. 1987. *Peasants in the Making: Malaysia's Green Revolution*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- Woolcock, M. & Narayan, D. 2000. Social Capital: Implications for Development Theory, Research and Policy. *The World Bank Research Observer*. (15) no. 2: 225-49.
- Woolcock, M. 1998. Social Capital and Economic Development: Toward A Theoretical Synthesis and Policy Framework. *Theory and Society* 27: 151-208.
- Worsley, P. 1977. *Introducing Sociology*. Harmondsworth: Penguin Books.
- Yuris Danil Wan. 2007. "Orientasi Sosiobudaya Nelayan Sebagai Faktor Penghalang dalam Pembangunan dan Petempatan: Kajian Kes Nelayan Pantai Timur Sumatera Utara, Indonesia". *Tesis Ph.D*: Universiti Malaya. [tidak diterbitkan]

LAMPIRAN

A. LATAR DIRI

- A1. Jantina
1. Lelaki 2. Perempuan
- A2. Umur : _____ tahun
- A3. Tempat lahir tuan/puan
a. Nama tempat lahir : _____
b. Kawasan : 1. Bandar 2. Luar Bandar 3. Pinggir Bandar
c. Negeri : _____
d. Sekiranya tempat lahir bukan di kampung ini, di mana : _____
e. Bila berpindah ke kampung ini : _____
- A4. Taraf perkahwinan
1. Bujang 2. Berkahwin 3. Balu/duda 4. Bercerai
- A5. Tempat lahir isteri/suami:
a. Nama tempat lahir : _____
b. Kawasan : 1. Bandar 2. Luar Bandar
c. Negeri : _____
d. Sekiranya tempat lahir bukan di kampung ini, di mana : _____
e. Bila berpindah ke kampung ini : _____
- A6. Umur isteri/suami : _____ tahun
- A7. Kumpulan etnik isteri/suami
1. Melayu 2. Cina
3. India 4. Lain-lain : _____
- A8. Pendidikan tertinggi
- | | | |
|-------------------------------------|--------------|--------------------------|
| 1. Tidak sekolah | | |
| 2. Sek. Rendah | Diri sendiri | <input type="checkbox"/> |
| 3. Kelas Dewasa/Pengajian Pondok | | |
| 4. Sek. Men. Rendah (SRP/PMR) | Suami/isteri | <input type="checkbox"/> |
| 5. Sek. Men. Atas (SPM/STPM) | | |
| 6. Kolej/Politeknik (Sijil/Diploma) | Bapa | <input type="checkbox"/> |
| 7. Universiti (Ijazah/Sarjana/PhD) | | |
| 8. Lain-lain, nyatakan _____ | Ibu | <input type="checkbox"/> |
- A9. Selepas tuan/puan tamat persekolahan/Institusi pengajian tinggi, adakah tuan/puan pernah menghadiri sebarang kursus/latihan?
1. Tidak 2. Ya
- A10. Kalau Ya, nyatakan
a. Jenis latihan/kursus : _____
b. Berapa kali : _____
c. Tahun : _____
d. Untuk tempoh berapa lama : _____
e. Anjuran : _____
- A11. Taraf pemilikan tempat tinggal tuan/puan
1. rumah sendiri
2. rumah ibu/bapa
3. rumah anak
4. menyewa
5. rumah mertua

- A12. Jenis tempat tinggal
1. rumah kampung tradisional
 2. rumah kampung moden
 3. rumah teres satu tingkat
 4. rumah teres dua tingkat
 5. rumah kembar
 6. banglo

A13. Berapa lama tuan/puan telah menetap di sini : _____

A14. Bilangan isi rumah : _____ orang

A15. Bilangan tanggungan: _____ orang

B. PEKERJAAN DAN PENDAPATAN

B1. a. Jenis Pekerjaan dan Sektor Pekerjaan Sekarang

Bil	Jenis pekerjaan	Sektor 1. kerajaan 2. swasta 3. kerja sendiri
1.	Pekerjaan utama tuan/puan	
2.	Pekerjaan sampingan tuan/puan	
3.	Pekerjaan bapa tuan/puan	
4.	Pekerjaan ibu tuan/puan	
5.	Pekerjaan isteri/suami	
6.	Pekerjaan sampingan isteri/suami	

B2. Jenis Pekerjaan dan Sektor Pekerjaan 10 tahun dahulu (1997)

Bil	Jenis pekerjaan	Sektor 1. kerajaan 2. swasta 3. kerja sendiri
1.	Pekerjaan tuan/puan	
2.	Pekerjaan sampingan tuan/puan	
3.	Pekerjaan bapa tuan/puan	
4.	Pekerjaan ibu tuan/puan	
5.	Pekerjaan isteri tuan/puan	
6.	Pekerjaan sampingan isteri/suami	

B3. (a) Apakah pekerjaan pertama yang tuan/puan lakukan sebaik sahaja tamat dari sekolah/maktab/universiti

(b) Tahun _____

(c) Apakah sektor perkerjaan tuan/puan masa itu?

1. Kerajaan 2. Swasta 3. Bekerja sendiri, nyatakan _____

- B4. Nyatakan pekerjaan utama atau pekerjaan terakhir ibu bapa tuan/puan sekarang, sebelum bersara atau sebelum meninggal dunia
- (a) Bapa _____
 (b) Ibu _____
- B5. Apakah pekerjaan datuk/nenek tuan/puan, nyatakan _____
- B6. Tahap pekerjaan tuan/puan sekarang berbanding 10 tahun dahulu:
1. Amat tidak baik
 2. Kurang Baik
 3. Sama saja
 4. Baik
 5. Amat baik
- B7. Berdasarkan skala 1-5, nyatakan darjah kepuasan tuan/puan berpuas hati dengan pekerjaan yang tuan/puan lakukan sekarang?
1. Amat Tidak puas hati
 2. Tidak puas hati
 3. tidak pasti
 4. Puas hati
 5. Amat puas hati
- B8. Berdasarkan skala 1-5, nyatakan darjah kepuasan tuan/puan berpuas hati dengan pekerjaan dahulu (10 tahun dahulu)?
1. Amat Tidak puas hati
 2. Tidak puas hati
 3. tidak pasti
 4. Puas hati
 5. Amat puas hati
- B9. Bagaimana tuan/puan mengukur diri sendiri dari segi semangat kerja 10 tahun dahulu atau masa mula bekerja?
1. Sangat lemah
 2. Lemah
 3. Sederhana
 4. Kuat
 5. Sangat Kuat
- B10. Bagaimana tuan/puan mengukur diri sendiri dari segi semangat kerja sekarang?
1. Sangat lemah
 2. Lemah
 3. Sederhana
 4. Kuat
 5. Sangat Kuat
- B11. Adakah pekerjaan sekarang ini kerjaya yang tuan/puan inginkan?
1. Tidak
 2. Ya
 3. Tiada pilihan, yang diperturunkan
- B12. Pendapatan kasar bulanan tuan/puan (Gaji pokok + elaun dll) sekarang
1. Kurang dari RM 550, nyatakan RM _____
 2. RM 551-RM1000
 3. RM 1000- RM 1500
 4. RM1500- RM 2000
 5. RM 2000 ke atas, nyatakan RM _____
- B13. Pendapatan kasar bulanan tuan/puan (Gaji pokok + elaun dll) 10 tahun dahulu (1997)
1. Kurang dari RM 550, nyatakan RM _____
 2. RM 551-RM1000
 3. RM 1000- RM 1500
 4. RM1500- RM 2000
 5. RM 2000 ke atas, nyatakan RM _____
- B14. Pendapatan kasar bulanan **pasangan** tuan/puan (Gaji pokok + elaun dll) sekarang
1. Kurang dari RM 550, nyatakan RM _____
 2. RM 551-RM1000
 3. RM 1000- RM 1500
 4. RM1500- RM 2000
 5. RM 2000 ke atas, nyatakan RM _____

- B15. Pendapatan kasar bulanan **pasangan** tuan/puan (Gaji pokok + elaun dll) 10 tahun dahulu (1997)
1. Kurang dari RM 550, nyatakan RM _____
 2. RM 551-RM1000
 3. RM 1000- RM 1500
 4. RM1500- RM 2000
 5. RM 2000 ke atas, nyatakan RM _____
- B16. Adakah jumlah pendapatan 10 tahun dahulu itu mencukupi?
1. Tidak mencukupi
 2. Kurang mencukupi
 3. Sederhana
 4. Mencukupi
 5. Amat mencukupi
- B17. Adakah jumlah pendapatan sekarang mencukupi?
1. Tidak mencukupi
 2. Kurang mencukupi
 3. Sederhana
 4. Mencukupi
 5. Amat mencukupi
- B18. Adakah tuan/puan menyimpan pendapatan bulanan ini?
10 tahun Dahulu _____ Sekarang _____
1. Tidak menyimpan
 2. Menyimpan sedikit
 3. satu pertiga
 4. Separuh
 5. Lebih separuh disimpan
- B19. Tahap pendapatan tuan/puan sekarang adalah lebih baik berbanding 10 tahun dahulu:
1. Amat tidak baik
 2. Kurang baik
 3. Sama saja
 4. Lebih baik
 5. Amat lebih baik

SOALAN BERIKUT UNTUK DIJAWAB OLEH RESPONDEN YANG MENJADI MAJIKAN ATAU BEKERJA SENDIRI (seperti pemilik syarikat bot nelayan, perniagaan keropok lekor dan IKS lain)

- B20. Bila tuan/puan mula menceburi perniagaan/pemilikan bot laut dalam ini?
Tahun _____
- B21. Berapa bilangan pekerja/awak-awak? Nyatakan, _____
- B22. Siapakah mereka?
1. Adik beradik, bilangan _____
 2. Anak-anak, bilangan _____
 3. saudara/mara, bilangan _____
 4. jiran tetangga, bilangan _____
 5. lain-lain, nyatakan _____
- B23. Sebelum tuan/puan membuka perniagaan sendiri, adakah tuan/puan mempunyai pengalaman bekerja dalam syarikat swasta/kerajaan/taukeh/tekong?
1. tidak
 2. Ya

B34. Nyatakan badan-badan kerajaan yang tuan/puan pernah terima bantuan daripadanya untuk perniagaan tuan/puan

Institusi	Bentuk Bantuan
_____	_____
_____	_____
_____	_____

B35. Apakah tanpa bantuan kerajaan, tuan/puan ada keyakinan dapat maju secara berdikari dalam perniagaan?

1. Sangat tidak yakin 2. tidak yakin 3. tidak pasti 4. yakin 5. sangat yakin

B36. Untuk maju dalam perniagaan, apakah tuan/puan perlu mempunyai hubungan rapat dengan orang politik?

1. amat tidak perlu 2. tidak perlu 3. tidak pasti 4. perlu 5. amat perlu

B37. Berbanding dengan 10 tahun dahulu, dasar kerajaan sekarang banyak membantu para peniaga untuk berkembang maju

1. sangat tidak setuju 2. tidak setuju 3. tidak pasti 4. setuju 5. sangat setuju

B38. Kemudahan infrastruktur seperti kemudahan jalan raya, bekalan tenaga elektrik dan lain-lain banyak memberi sumbangan memajukan perniagaan jika dibandingkan dengan 10 tahun dahulu

1. sangat tidak setuju 2. tidak setuju 3. tidak pasti 4. setuju 5. sangat setuju

B39. Pandangan tuan/puan bahawa sektor perniagaan sekarang memberi lebih banyak persaingan?

1. sangat tidak setuju 2. tidak setuju 3. tidak pasti 4. setuju 5. sangat setuju

B40. Bagaimanakah kesan persaingan tersebut terhadap perniagaan tuan/puan sendiri?

1. Amat tidak baik 2. Kurang baik 3. Sama saja 4. Baik 5. Amat baik

B41. Adakah tuan/puan bersetuju dengan pandangan-pandangan berikut tentang persaingan :

1. Amat tidak setuju 2. tidak Setuju. 3. Tidak pasti 4. setuju 5. amat setuju

1. Persaingan memberi lebih semangat untuk maju dalam perniagaan
2. Campurtangan Kerajaan perlu untuk menyimbangkan persaingan dalam sesuatu perniagaan itu
3. Kadang kala persaingan yang ada sekarang menakutkan dan membimbangkan saya
4. Persaingan perniagaan di pantai timur kurang berbanding di pantai barat

SOALAN BERIKUT UNTUK DIJAWAB OLEH RESPONDEN YANG BEKERJA SEBAGAI NELAYAN

B42. Apakah faktor yang mendorong tuan/puan bekerja sebagai nelayan (*susun ikut keutamaan*)

1. sangat tidak setuju 2. tidak setuju 3. tidak pasti 4. setuju 5. sangat setuju

1. sebagai menyambung pekerjaan warisan/keturunan keluarga
2. tiada lagi pekerjaan yang sesuai
3. saya minat bekerja sebagai nelayan
4. pekerjaan nelayan ini perlu dikekalkan demi warisan bangsa
5. lain-lain, nyatakan _____

B43. Sila nyatakan kemahiran-kemahiran yang tuan/puan miliki
 1. Sangat tidak tahu 2. tidak tahu 3. tahu sedikit 4. tahu 5. amat tahu

1. Tahu memandu bot enjin laut dalam
2. servis enjin bot
3. menggunakan teknologi moden menangkap ikan
4. membaiki alat/pukat menangkap ikan
5. menguasai dan mahir mentafsir keadaan cuaca
6. membuat/memproses keropok kering, lekor, sotong kering dan lain-lain makanan sumber laut
7. mengendalikan mesin mengesan ikan di lautan (radar/solar)

B44. Sila nyatakan jenis-jenis alat menangkap ikan yang mahir digunakan

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

B45. Adakah faktor-faktor berikut yang menghalang para nelayan untuk lebih maju?
(Tanda ikut turutan)

1. sangat tidak setuju 2. tidak setuju 3. tidak pasti 4. setuju 5. sangat setuju

1. ketiadaan bot dan kelengkapan menangkap ikan sendiri
2. kekurangan modal
3. tiada kemahiran menggunakan teknologi moden penangkapan ikan
4. tidak mendapat bantuan kerajaan
5. kurang cukup usaha dan rancangan sendiri
6. kekurangan ikan (kebendaan) di lautan
7. orang tengah yang lebih mengaut keuntungan
8. pengurusan bantuan dari kerajaan yang kurang cekap
9. tiada kemahiran memasarkan hasil tangkapan
10. lain-lain, nyatakan _____

B46. Pada pendapat tuan/puan sendiri, apakah jenis kemahiran yang diperlukan oleh seseorang nelayan untuk maju ke hadapan?

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____

B47. Pada siapakah tuan/puan menjual hasil tangkapan ikan dan sumber laut lain? **(Tanda yg utama)**

1. Tidak 2. Ya

1. orang tengah
2. pemborong dari LKIM
3. berniaga sendiri
4. menjual terus kepada peniaga
5. lain-lain, nyatakan _____

B48. Sekiranya menjual kepada **orang tengah** mengapa? (*Tanda yg utama*)

1. Tidak 2.-Ya

1. harga yang lebih mahal
2. lebih mudah
3. terikat dengan hutang kepadanya
4. Bekerja dengan dia (sebagai tauke/majikan)
5. lain-lain, nyatakan _____

B49. Sekiranya menjual kepada **pemborong LKIM** mengapa? (*Tanda yg utama*)

1. harga yang lebih mahal
2. lebih mudah
3. lain-lain, nyatakan _____

B50. Sekiranya TIDAK menjual kepada orang tengah mengapa?

Nyatakan sebab, _____

B51. Sekiranya TIDAK menjual kepada pemborong LKIM mengapa?

Nyatakan sebab, _____

C. SIKAP TERHADAP PENDIDIKAN ANAK-ANAK

C1. Bilangan anak _____

C2. Bilangan anak yang bersekolah _____

C3. Pendidikan tertinggi anak-anak tuan/puan

Pendidikan anak	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Belum bersekolah										
Sekolah rendah										
SRP/ PMR										
SPM										
STPM										
Matrikulasi										
Diploma										
Ijazah										
Sarjana										
Doktor Falsafah										

C4. a. Bilangan anak yang telah bekerja _____

b. Bilangan anak yang tidak bekerja (menganggur) _____

C5. Apakah jenis pekerjaan anak tuan/ puan yang telah bekerja sekarang dan sektor pekerjaan mereka:

1. sektor kerajaan 2. swasta 3. kerja sendiri 4. kerja dengan perniagaan keluarga

1. Anak pertama
Jenis pekerjaan _____ sektor _____
2. Anak kedua
Jenis pekerjaan _____ sektor _____
3. Anak ketiga
Jenis pekerjaan _____ sektor _____
4. Anak lain, _____ sektor _____

C6. Adakah anak-anak memberikan wang saraan untuk tuan/puan sebulan?

1. Tidak 2. Ya, RM _____ 3. Kadang-kadang, RM _____

C7. Adakah tuan/puan membenarkan anak-anak tuan/puan melakukan pekerjaan seperti tuan/puan?

1. tidak 2. ya 3. ikut pilihan mereka

C8. Jika "tidak", apakah kerjaya yang tuan/puan inginkan untuk anak tuan/puan ?

1. Bidang perubatan
2. Kejuruteraan
3. Teknologi (komputer, maklumat dll)
4. Akauntan
5. Pendidikan (guru, pensyarah)
6. Ahli perniagaan
7. Ikut pilihan mereka
1. Lain-lain, nyatakan _____

Anak lelaki

Pilihan pertama

Pilihan kedua

Anak perempuan

Pilihan pertama

Pilihan kedua

C9. Nyatakan sektor yang tuan/puan inginkan untuk anak-anak tuan/puan:

1. Kerajaan 2. Swasta 3. Bekerja sendiri

Anak lelaki

Pilihan pertama

Pilihan kedua

Anak perempuan

Pilihan pertama

Pilihan kedua

C10. Adakah tuan/puan mahu anak tuan/puan bekerja di Terengganu juga?

1. tidak 2. ya 3. Ikut pilihan mereka

C11. Bagaimana hubungan anak-anak dengan tuan/ puan

1. Amat tidak mesra
2. Tidak mesra
3. sederhana
4. mesra
5. amat mesra

C12. Adakah tuan/puan menggalakkan anak-anak mengambil kelas tambahan di luar sekolah

1. tidak 2. ya

- C13. Adakah tuan/puan membelikan bahan rujukan tambahan untuk anak-anak belajar
 1. tidak 2. ya, kadang-kadang 3. ya, selalu
- C14. Adakah tuan/puan sentiasa memberi nasihat kepada anak-anak berkaitan dengan pelajaran mereka
 1. tidak pernah 2. jarang-jarang 3. sederhana 4. kerap kali 5. Amat Kerap
- C15. Adakah tuan/puan menggalakkan anak-anak membaca
 1. tidak pernah 2. jarang-jarang 3. sederhana 4. kerap kali 5. Amat Kerap
- C16. Pernahkah tuan/puan berunding dengan pihak sekolah/guru-guru berkaitan dengan pelajaran anak
 1. tidak pernah 2. jarang-jarang 3. sederhana 4. kerap kali 5. Amat Kerap
- C17. Pernahkah tuan/puan berbincang pasal pelajaran secara terbuka dan bersemuka dengan anak
 1. tidak pernah 2. jarang-jarang 3. sederhana 4. kerap kali 5. Amat Kerap
- C18. Berapa masa tuan/puan luangkan untuk membimbing pendidikan anak-anak tuan/ puan dalam seminggu
 1 Kurang 1jam ()
 2 1-2 jam ()
 3 2-3 jam ()
 4 lebih 3 jam ()

D. KELUARGA DAN KOMUNITI

- D1. Bilangan adik-beradik tuan/puan _____ orang
- D2. Jika masih hidup, apakah ibu bapa tuan/puan tinggal bersama tuan/puan ?
 1. Ya
 2. Mereka tinggal sendirian
 3. Mereka tinggal bersama anggota keluarga lain
 4. Tinggal bergilir-gilir dengan anak-anak
- D3. Sekiranya ibu/bapa tidak tinggal bersama, kekerapan mengunjungi ibu/bapa di kampung :
 1. Setiap minggu 2. Setiap bulan 3. Beberapa bulan sekali
 4. Setahun sekali 5. Lain-lain : _____
- D4. Apakah anda memberi wang saraan untuk ibu/bapa sebulan ?
 1. Ya : RM _____ 2. Tidak 3. Kadang-kadang : RM _____
- D5. Mengikut skala 1 – 5, bolehkah tuan/puan membuat penilaian tentang hubungan tuan/puan dengan pihak-pihak berikut :
 1. Sangat renggang 2. renggang 3. sederhana rapat 4. rapat 5. Amat rapat
- | | | | |
|--------------------|----------------------|----------------------|----------------------|
| 1. Ibu/bapa anda | <input type="text"/> | 3. Adik beradik anda | <input type="text"/> |
| 2. Ibu/bapa mertua | <input type="text"/> | 4. Adik beradik ipar | <input type="text"/> |
| | | 5. Saudara mara lain | <input type="text"/> |
- D6. Apakah tuan/puan sering berhubung dengan adik beradik / saudara-mara yang lain ?
 1. Tidak 2. kadang-kadang 3. Ya

D7. Apakah perkara berikut terdapat dalam kawasan kediaman tuan/puan ?

1. Tidak 2. Tak tahu/tidak pasti 3. Ya, ada.

- 1. Aktiviti di surau/masjid
- 2. Jiran-jiran saling mengenal dan membantu
- 3. Kenduri kahwin dibuat secara gotong-royong
- 4. Bila ada kematian, jiran saling menolong
- 5. Jiran saling bertukar makanan
- 6. Ada tempat anak-anak belajar Quran
- 7. Jiran kadang-kadang adakan tahlil, maulud, khatam Quran dan tuan/puan dijemput hadir
- 8. Lain-lain, nyatakan : _____

D8. Apakah tuan/puan terlibat dalam mana-mana aktiviti di bawah ini ?

1. Tidak 2. Sekali sekala 3. Kerap

- 1. Ke masjid/surau
- 2. Saling membantu jiran
- 3. Bila ada kenduri kahwin, tuan/puan ikut gotong-royong
- 4. Bila ada kematian tuan/puan saling menolong
- 5. Saling bertukar makanan dengan jiran
- 6. Hadir majlis-majlis keagamaan
- 7. Pinjam meminjam barang
- 8. Lain-lain, nyatakan : _____

D9. Nyatakan tahap keterlibatan anda dalam persatuan-persatuan berikut

- 1. tidak tahu pun ia wujud
- 2. sedar ada pertubuhan/kegiatan itu tapi tidak terlibat
- 3. anggota/penyokong sahaja
- 4. peserta yang aktif

Jenis Persatuan	Tahap penglibatan	Jawatan yang dipegang	
		DAHULU (10 tahun dulu)	SEKARANG
1. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)			
2. Jawatankuasa kampung (JKK)			
3. Jawatankuasa Surau/masjid			
4. Rukun Tetangga			
5. Parti-parti politik			
6. Persatuan perniagaan			
7. Pertubuhan Peladang			
8. Persatuan/kumpulan sukan			
9. Persatuan alam sekitar			
10. Persatuan pengguna			
11. lain-lain, nyatakan _____			

D10. Adakah tuan/puan terlibat dalam memberikan khidmat masyarakat kepada masyarakat setempat seperti ceramah dan lain-lain?

1. Tidak 2. Ya, kadang-kadang 3. Ya, selalu

D11. Adakah tuan/puan bersetuju dengan pandangan-pandangan berikut tentang keluarga :

1. Amat tidak setuju 2. tidak Setuju. 3. Tidak pasti 4. setuju 5. amat setuju

1. Tanggungjawab anak-anak adalah menjaga ibu bapa yang sudah tua
2. Apabila tuan/puan menghadapi masalah kewangan, tempat meminta pertolongan yang paling baik ialah anggota keluarga
3. Kerja lebih penting dari keluarga
4. Institusi rumahtangga memainkan peranan yang penting dalam pembentukan peribadi anak-anak.
5. Institusi keluarga di pantai timur lebih kukuh berbanding di pantai barat.
6. Amalan balik kampung dan menziarahi saudara mara dilakukan kerana terpaksa

D12. Mengambil kira keadaan masyarakat hari ini, apakah cara terbaik untuk mengurus kehidupan ibu/bapa yang sudah lanjut usia atau uzur ?

1. Amat tidak setuju 2. tidak Setuju. 3. Tidak pasti 4. setuju 5. amat setuju

1. Masukkan ke rumah Kebajikan Masyarakat
2. Letakkan di Pusat Penjagaan Wargatua swasta
3. Tinggal bergilir-gilir dengan anak-anak.
4. Tinggal di rumah mereka sendiri, tapi bayar pembantu untuk mengurus mereka
5. Tinggal dengan seorang anak sahaja tapi perbelanjaan dikongsi
6. lain-lain, nyatakan _____

D13. Bagaimanakah tanggapan tuan/puan mengenai tahap hubungan dalam komuniti tuan/puan

1. sangat renggang 2. renggang 3. sederhana 4. erat 5. sangat erat

D14. Sejauh manakah tuan/puan mengenali ahli komuniti tuan/puan

1. tidak tahu langsung 2. tahu serba sedikit 3. benar-benar mengenali

D15. Setakat manakah kekerapan tuan/puan dalam melakukan interaksi sosial sesama ahli komuniti

1. langsung tidak pernah 2. sekali-sekala 3. kadang-kadang

4. kerap 5. sangat kerap

1. bertegur sapa
2. berbual-bual ringkas
3. meluangkan masa bersama (spt warung kopi, wakaf dll)
4. bertukar maklumat
5. kunjung mengunjung ke rumah

D16. Adakah tuan/puan fikir yang dalam kampung/kejiranan ini ahli masyarakat umumnya saling percaya mempercayai antara satu sama lain

1. Sangat tidak percaya
2. Tidak percaya
3. Percaya juga
4. Memang percaya
5. Sangat percaya

D17. Adakah tuan/puan fikir beberapa tahun kebelakangan ini tahap kepercayaan di kalangan ahli komuniti telah semakin baik, atau semakin teruk atau kekal sama?

1. semakin teruk 2. sama 3. semakin baik

D18. Sila nyatakan sama ada tuan/puan bersetuju atau tidak bersetuju dengan pernyataan berikut:

1. sangat tidak setuju 2. tidak setuju 3. tidak pasti
4. setuju 5. sangat setuju

Bil	Pernyataan	Skala
1.	kebanyakan ahli masyarakat dalam kampung ini pada dasarnya jujur dan boleh dipercayai	
2.	Seseorang ahli masyarakat selalunya hanya berminat kepada kepentingan kebajikan sendiri dan keluarga mereka sahaja	
3.	ahli masyarakat kampung ini lebih boleh dipercayai berbanding dengan kampung lain	
4.	dalam kampung ini seseorang itu seperti mahu mengambil kesempatan atas diri saya	
5.	jika saya menghadapi masalah, akan ada seseorang yang akan memberi membantu	
6.	saya tidak memberi perhatian pada pandangan orang lain dalam kampung ini	
7.	kebanyakan individu dalam kampung ini bersedia membantu jika kita memerlukannya	
8.	kampung ini telah bertambah maju pada 10 tahun kebelakangan ini	
9.	saya merasa diri saya telah diterima sebagai ahli dalam komuniti kampung ini	
10.	Kalau ada sesiapa yang kehilangan kambing atau lembu di kampung ini, ada orang akan mencari dan memulangkannya kepada tuan punya	

D19. Bagaimana anggapan orang terhadap diri tuan/puan

1. Sangat pandang rendah 2. Pandang rendah 3. Biasa saja
4. Hormat 5. Sangat hormat

- a. pada masa 10 tahun dahulu: _____
b. Pada masa sekarang ; _____

D20. Apakah tuan/puan nampak perbezaan yang jelas tentang pandangan orang kampung terhadap kedudukan tuan/puan dahulu dengan kedudukan sekarang?

1. Tidak 2. Tidak pasti 3. Ya

D21. Kalau jiran-jiran atau orang kampung ada masalah, apakah mereka datang berbincang dengan tuan/puan untuk bertanya pendapat dan mencari penyelesaiannya?

1. Tidak ada 2. Sekali sekala 3. Kadang-kadang 4. Kerap 5. sangat kerap

E. SIKAP, NILAI DAN SEMANGAT DIRI

- E1. Tanda kenyataan berikut mengikut skala 1 hingga 5
 1. Sangat Tidak Setuju 2. Tidak Setuju 3. Tidak Pasti 4. Setuju 5. Sangat Setuju

Bil	KENYATAAN	SKALA
1.	Kekuatan kita terletak pada kumpulan	
2.	Dunia ini najis saja	
3.	Orang agama tidak akan papa dan hina	
4.	Kerja susah ganjarannya tinggi	
5.	Hujah akal sering menyesatkan kita dari beragama	
6.	Syurga mesti didahulukan daripada dunia	
7.	Orang beragama mesti cerdik dan baik	
8.	Setiap kerja yang berjaya mesti dikekalkan	
9.	Setiap pelajar mesti ada kemahiran	
10.	Orang beragama mesti bertindak untuk dapat untung	
11.	Lagi kaya lagi lupa tuhan	
12.	Kita mesti menguasai pelbagai bahasa dan ilmu	
13.	Pahala untuk ke akhirat adalah hasil kerja kita di dunia	
14.	Agama boleh menyelesaikan setiap masalah dan penyakit sosial	
15.	Sumbangan usaha kita yang menguatkan kumpulan kita	

- E2. Di dunia hari ini, kejayaan diukur dengan wang
 1. Sangat Tidak Setuju 2. Tidak Setuju 3. Tidak Pasti
 4. Setuju 5. Sangat Setuju
- E3. Pekerjaan seperti datuk nenek saya adalah paling baik
 1. Sangat Tidak Setuju 2. Tidak Setuju 3. Tidak Pasti
 4. Setuju 5. Sangat Setuju
- E4. Pilihan terbaik bagi masa depan anak-anak ialah pilihan mereka sendiri
 1. Sangat Tidak Setuju 2. Tidak Setuju 3. Tidak Pasti
 4. Setuju 5. Sangat Setuju
- E5. Kita boleh membuat sesuatu yang baru asalkan yang baru itu bawa keuntungan kepada saya
 1. Sangat Tidak Setuju 2. Tidak Setuju 3. Tidak Pasti
 4. Setuju 5. Sangat Setuju
- E6. Lebih baik berjaya beramai-ramai daripada berjaya seorang
 1. Sangat Tidak Setuju 2. Tidak Setuju 3. Tidak Pasti
 4. Setuju 5. Sangat Setuju
- E7. Berjaya di akhirat lebih baik daripada berjaya di dunia
 1. Sangat Tidak Setuju 2. Tidak Setuju 3. Tidak Pasti
 4. Setuju 5. Sangat Setuju
- E8. Saya sanggup belajar benda baru
 1. Sangat Tidak sanggup 2. Tidak sanggup 3. Sederhana
 4. Sanggup 5. Sangat sanggup
- E9. Pendidikan adalah penting bagi saya walaupun sudah berusia
 1. Sangat Tidak Setuju 2. Tidak Setuju 3. Tidak Pasti
 4. Setuju 5. Sangat Setuju
- E10. Saya sanggup mencari wang dan lain-lain untuk pastikan anak saya mendapat pendidikan
 1. Sangat Tidak Setuju 2. Tidak Setuju 3. Tidak Pasti
 4. Setuju 5. Sangat Setuju

- E11. Saya bersedia untuk bekerja selain daripada pekerjaan sekarang
 1. Sangat Tidak sanggup 2. Tidak sanggup 3. Sederhana
 4. Sanggup 5. Sangat sanggup
- E12. Saya bersedia untuk membuat dan berada dalam kampung nelayan tersusun
 1. Sangat Tidak sanggup 2. Tidak sanggup 3. Sederhana
 4. Sanggup 5. Sangat sanggup
- E13. Saya tak mudah patah semangat
 1. Sangat mudah 2. Mudah 3. Tak pasti
 4. Tak Mudah 5. Sangat tidak Mudah
- E14. Untuk mencapai kejayaan, saya tetap akan berusaha walaupun ada halangan
 1. Pasti tidak usaha 2. Tidak Usaha 3. Tidak Pasti
 4. Akan Usaha 5. Pasti akan usaha
- E15. Bila saya sudah buat keputusan untuk melaksanakan sesuatu, saya akan melakukannya
 1. Pasti tidak lakukan 2. Tidak lakukan 3. Tidak Pasti
 4. Akan lakukan 5. Pasti akan lakukan
- E16. Saya akan lakukan apa saja untuk berjaya walaupun kadang-kadang terpaksa ambil risiko
 1. Pasti tidak lakukan 2. Tidak lakukan 3. Tidak Pasti
 4. Akan lakukan 5. Pasti akan lakukan
- E17. Saya akan mencari pelbagai peluang untuk mengubah diri dan mencapai kejayaan
 1. Pasti tidak lakukan 2. Tidak lakukan 3. Tidak Pasti
 4. Akan lakukan 5. Pasti akan lakukan

F. KEHIDUPAN SEHARI-HARI

- F1. Nyatakan sumber-sumber berita yang tuan/puan rujuk
 1. Tak pernah 2. Kadang-kadang 3. Hari-hari
 1. TV 2. Akhbar 3. Internet
- F2. Secara purata, berapa jam dalam sehari tuan/puan gunakan untuk menonton TV?
 _____ jam
- F3. Adakah tuan/puan ada menonton rancangan yang memberikan maklumat tentang aktiviti yang berkaitan usahawan, pertanian dan rancangan lain seumpamanya, misalnya rancangan Agrotek di TV1?
 1. Tidak pernah 2. Sekali sekala 3. sekali seminggu
 4. Beberapa kali seminggu 5. Setiap hari
- F4. Apakah rancangan-rancangan sebegitu dapat membantu meningkatkan pengetahuan tuan/puan dalam bidang berkaitan pertanian, perikanan dan perniagaan?
 1. sangat tidak membantu 2. tidak membantu 3. tidak pasti
 4. membantu 5. sangat membantu
- F5. Masa yang digunakan untuk membaca akhbar setiap hari ? _____ jam
- F6. Berapa kerap tuan/puan membeli suratkhbar ?
 1. Tidak ada 4. Beberapa kali seminggu
 2. Sekali-sekala 5. Setiap hari
 3. Sekali seminggu

F7. Jenis media yang tuan/puan baca (*Jawapan berganda*)

- | | | | |
|----------------------|--------------------------|----------------------|--------------------------|
| 1. Berita Harian | <input type="checkbox"/> | 4. The Star | <input type="checkbox"/> |
| 2. Utusan Malaysia | <input type="checkbox"/> | 5. Harakah | <input type="checkbox"/> |
| 3. New Straits Times | <input type="checkbox"/> | 6. Lain-lain : _____ | <input type="checkbox"/> |

F8. Jenis bahan berita yang dibaca dan dicari apabila membaca akhbar?

- | | | |
|----------|------------------|----------|
| 1. tidak | 2. sekali sekala | 3. kerap |
|----------|------------------|----------|
-
- | | |
|---|--------------------------|
| a. hal ehwal dalam negara | <input type="checkbox"/> |
| b. hal ehwal luar negara | |
| c. ruangan ekonomi dalam dan luar negara | |
| d. ruangan berkaitan ekonomi sektor pertanian dan perikanan | |
| e. ruangan hiburan | |
| f. ruangan agama | |
| g. ruangan sukan | |
| h. ruangan sains dan teknologi | |
| i. ruangan kartun | |
| j. sidang pengarang | |
| k. lain-lain, nyatakan _____ | |

G. PEMILIKAN ASET

G1. Adakah tuan/puan atau keluarga mempunyai aset-aset ekonomi/benda seperti berikut:

KEMUDAHAN	10 TAHUN DULU	SEKARANG	Berapa kali telah ditukar
Peti sejuk			
Dapus gas			
Kerusi set sofa			
Mesin basuh			
Penghawa dingin			
Kipas			
Televisyen			
Mesin Jahit			
VCD/DVD			
Astro			
Sistem audio (sistem hi-fi)			
Kamera video			
Telefon talian tetap			
Telefon bimbit			
Telefon bimbit berkamera			
Insuran nyawa			
Rumah sewa			
Saham amanah			
Komputer peribadi			
Kad kredit (biasa)			
Kad kredit (emas)			
Talian internet			
Kereta nasional			
Kereta import			
Van/lori			
Kereta Pacuan 4 roda			
Motosikal			
Motosikal berkuasa tinggi			
Tanah (nyatakan keluasan)			
Rumah sendiri			
Rumah kedua			

UNTUK DIJAWAB OLEH RESPONDEN YANG MENCEBURKAN DIRI DALAM SEKTOR PERIKANAN, SEPERTI NELAYAN DAN MAJIKAN/PEMILIK BOT NELAYAN

G2. Adakah tuan/puan/keluarga memiliki aset-aset berikut:

KEMUDAHAN	10 TAHUN DULU (nyatakan bilangan)	SEKARANG (nyatakan bilangan)
Sampan tiada jentera		
Bot enjin sangkut		
Bot enjin dalam		
Pukat tunda		
Pukat tarik/jerut ikan		
Pukat tarik/jerut bilis		
Pukat tarik/jerut tuas		
Pukat hanyut		
Pukat tangkul		
Pancing		
Bubu		
Pukat bakul		
Pukat udang		

H. RUANG DAN PELUANG

H1. Pada pendapat tuan/puan, apakah kewujudan institusi-institusi ini dapat memberi sumbangan dan pengaruh yang baik kepada peningkatan taraf hidup bagi komuniti ini?

1. sangat tidak menyumbang 2. tidak menyumbang 3. tidak pasti
4. menyumbang 5. sangat menyumbang

Jenis pembangunan	Skala
1. Penubuhan Universiti Malaysia Terengganu –dulunya KUSTEM	
2. Univerisiti Darul Iman – cawangan KUSZA	
3. Institut Latihan Perindustrian Petroleum, Batu Rakit	
4. Kawasan perindustrian Gong Badak	
5. Lapangan Terbang Sultan Mahmud	
6. Maktab perguruan dan sekolah berasrama penuh di sekitar kawasan berdekatan ini	
7. Chalet dan hotel-hotel	
8. Masjid terapung	
9. Taman Budaya; Pusat Lumba Kuda (di Kuala Ibai)	

H2. Jika ada memberi sumbangan, apakah bentuk sumbangan tersebut dalam membantu peningkatan taraf hidup masyarakat setempat sekarang?

1. sangat tidak setuju 2. tidak setuju 3. tidak pasti 4. setuju 5. sangat setuju

1. Menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak
2. Memberi peluang untuk mendapatkan kerja sampingan
3. Kewujudan IPT dan institusi pendidikan lain memberi lebih motivasi pada anak-anak untuk belajar
4. Perniagaan kedai-kedai makan lebih berkembang maju
5. Perniagaan berasaskan laut seperti keropok lekor, kering dan lain-lain lebih baik
6. Peningkatan kepada sektor hartanah seperti rumah sewa
7. Lain-lain, nyatakan, _____

H3. Bagi diri dan keluarga tuan/puan sendiri, adakah pembangunan tersebut, khususnya yang berdekatan dengan tuan/puan ada memberikan kesan kepada peningkatan taraf hidup keluarga tuan/puan?

1. Sangat tidak memberi kesan
2. Tidak memberi kesan
3. Tidak pasti
4. Adalah sedikit memberi kesan, nyatakan _____
5. Amat memberi kesan, nyatakan _____

H4. Pada pendapat tuan/puan, apakah keadaan komuniti di pesisir pantai ini baik/lebih baik berbanding dengan 10 tahun lepas ?

1. lebih buruk
2. buruk
3. Sama saja
4. baik
5. Lebih baik

H5. Jika 'lebih baik', nyatakan perkara-perkara yang baik itu ?

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____

H6. Jika 'lebih buruk', nyatakan perkara yang buruk itu ?

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____

H7. Pandangan tuan/puan terhadap usaha kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup komuniti pesisir pantai ini?

1. amat tidak memuaskan
2. tidak memuaskan
3. tidak pasti
4. memuaskan
5. amat memuaskan

H8. Pandangan tuan/puan :

1. Amat tidak setuju
2. tidak Setuju
3. Tidak pasti
4. setuju
5. Amat setuju
0. Tidak tahu

1. Kekurangan peruntukan kewangan menyebabkan kerajaan negeri sukar melaksanakan program pembangunan luar bandar seperti di kalangan masyarakat nelayan
2. Kerenah birokrasi dalam pentadbiran kerajaan negeri menyebabkan bantuan lambat disalurkan kepada masyarakat pantai seperti kami
3. Hubungan yang baik adalah perlu dipertingkatkan antara masyarakat dan pentadbiran kerajaan negeri untuk memastikan pembangunan berjaya
4. Semua nelayan perlu menjadi ahli dalam Persatuan Nelayan untuk lebih maju
5. Hubungan yang baik perlu dipertingkatkan antara orang tengah dan nelayan untuk memastikan pendapatan yang lebih lumayan
6. Agensi dan jabatan kerajaan yang terlibat dalam program kemiskinan adalah cekap

H9. Adakah peluang-peluang berikut diberi untuk memajukan lagi komuniti pesisir ini

1. Tiada langsung
2. Ada, sedikit
3. Ada, banyak

1. Kemudahan pinjaman untuk modal berniaga
2. Memberikan insuran khusus kepada para nelayan
3. Menyediakan kursus kemahiran menggunakan teknologi moden menangkap ikan
4. Memberikan kursus pengurusan perniagaan/keusahawanan
5. Memberikan kursus pemasaran

H10. Nyatakan pihak yang terlibat membantu komuniti ini memberikan peluang-peluang di atas?

1. _____
2. _____
3. _____

H11. Adakah ada program pembangunan rakyat termiskin (PPRT) berikut di kampung ini?

1. Tidak 2. Ya 3. Tidak pasti

- | | |
|--|--------------------------|
| 1. Program bantuan rumah | <input type="checkbox"/> |
| 2. Program Penambahan Pendapatan | <input type="checkbox"/> |
| 3. Program Pembangunan Minda Insan | <input type="checkbox"/> |
| 4. Program Latihan dan Pendidikan | <input type="checkbox"/> |
| 5. Program Pembangunan Masyarakat Setempat | <input type="checkbox"/> |

H12. **Sekiranya ada**, adakah tuan/puan bersetuju bahawa program pembangunan rakyat termiskin (PPRT) berikut banyak membantu komuniti untuk keluar dari kemiskinan dan kemunduran?

1. amat tidak membantu 2. tidak membantu 3. tidak pasti
4. membantu 5. amat membantu

- | | |
|--|--------------------------|
| 1. Program bantuan rumah | <input type="checkbox"/> |
| 2. Program Penambahan Pendapatan | <input type="checkbox"/> |
| 3. Program Pembangunan Minda Insan | <input type="checkbox"/> |
| 4. Program Latihan dan Pendidikan | <input type="checkbox"/> |
| 5. Program Pembangunan Masyarakat Setempat | <input type="checkbox"/> |

H13. Nyatakan jenis-jenis aktiviti yang dijalankan berdasarkan program tersebut?

1. _____
2. _____
3. _____
4. _____

H14. Adakah tuan/puan ada menerima sebarang bantuan daripada program PPRT tersebut?

1. Tidak 2. Ya

H15. Jika Ya, nyatakan apakah program PPRT tersebut?

1. _____
2. _____
3. _____

H16. Adakah tuan/puan ada menerima bantuan dari agensi-agensi berikut:

1. Tiada 2. Ya

- | | |
|---------------------------------|--------------------------|
| 1. Baitulmal | <input type="checkbox"/> |
| 2. Jabatan Kebajikan Masyarakat | <input type="checkbox"/> |
| 3. Wang Ihsan | <input type="checkbox"/> |
| 4. Bantuan ASB | <input type="checkbox"/> |
| 5. lain-lain, nyatakan, _____ | <input type="checkbox"/> |

H17. Kalau Ya, berapa kerap menerima bantuan dari agensi tersebut (dalam tempoh 10 tahun ini)?
 1. tidak menentu, RM _____ 2. kadang kala, RM _____ 3. setahun sekali, RM _____
 4. setiap bulan, RM _____ 5. setiap minggu, RM _____

H18. Sejak bila tuan/puan menerima bantuan daripada agensi ini?
 Bulan/tahun : _____

H19. Adakah bantuan-bantuan yang diterima daripada agensi tersebut mencukupi untuk membantu menyara hidup tuan/puan sekeluarga?
 1. Sangat tidak mencukupi 2. tidak mencukupi 3. tidak pasti
 4. mencukupi 5. sangat mencukupi

H20. Siapakah yang mengesyorkan bantuan tersebut kepada tuan/puan?

1. Tidak 2. Ya

- 1. Ketua Kampung/JKKK
- 2. Pegawai Daerah
- 3. ADUN daerah
- 4. Imam/AJK Masjid
- 5. Anak-anak
- 6. saudara mara
- 7. memohon sendiri

H21. Jika tuan/puan memohon sendiri, bagaimanakah tuan/puan mengetahui tentang agensi bantuan ini?

1. Tidak 2. Ya

- 1. Melalui anak
- 2. melalui saudara mara
- 3. melalui jiran tetangga
- 4. melalui rakan sekerja/majikan
- 5. melalui masjid
- 6. melalui ketua kampung/JKKK
- 7. Melalui ADUN daerah/ketua UMNO
- 8. Melalui TV/akhbar/radio

H22. Sebelum menerima bantuan, adakah pegawai atau kakitangan agensi bantuan datang ke rumah tuan/puan?

1. Tidak 2. Ya

H23. Jika Ya, berapa kali mereka datang ke rumah tuan/puan?

1. 1 kali 2. 2 kali 3. 3 kali 4. banyak kali

H24. Kegunaan bantuan tersebut:

1. Tidak 2. Ya

- 1. menyara diri dan keluarga (makanan dan pakaian)
- 2. menyara persekolahan anak-anak
- 3. modal berniaga
- 4. membayar hutang
- 5. lain-lain, nyatakan, _____

- H25. Selain ada menerima bantuan, pernahkah tuan/puan mendapat peluang lain seperti menghadiri kursus atau latihan kemahiran hidup lain-lain di kampung ini?
 1. tidak pernah 2. Pernah
1. Jika pernah, bila : _____
 2. Bentuk latihan/kursus: _____
 3. Tempat, dimana : _____
- H26. Adakah tuan/puan merasakan latihan/kursus kemahiran hidup itu perlu untuk diri dan keluarga?
 1. sangat tidak perlu 2. Tidak perlu 3. tidak pasti 4. perlu 5. sangat perlu
- H27. Adakah tuan/puan bersetuju bahawa kursus/latihan kemahiran hidup atau perniagaan adalah bantuan yang paling utama untuk meningkatkan taraf hidup komuniti ini?
 1. Sangat tidak setuju 2. tidak setuju 3. tidak pasti 4. setuju 5. sangat setuju
- H28. Pada pendapat tuan/puan siapakah yang **paling penting** untuk menyampaikan maklumat tentang bantuan kerajaan kepada komuniti pesisir pantai ini? (sila beri ikut keutamaan)
1. Ketua Kampung/JKKK
 2. Imam Masjid/ AJK Masjid
 3. Ketua Belia
 4. Guru-guru sekolah
 5. Pejabat Pegawai Daerah
 6. Pegawai Kerajaan yang berkaitan dengan kebajikan masyarakat
 7. Ketua belia
 8. Pemimpin politik
- | |
|--|
| |
| |
| |
| |
| |
| |
| |
| |
- H29. Nyatakan kedudukan diri dan keluarga semasa sebelum dan selepas menerima bantuan dan peluang menghadiri latihan/kursus?
- a. Sebelum menerimanya:**
1. biasa, tiada alami banyak masalah
 2. susah dari segi ekonomi
 3. sangat susah
- b. selepas menerimanya:**
1. tiada apa-apa perubahan
 2. keadaan sosio-ekonomi keluarga lebih baik
- H30. Nyatakan pandangan tuan /puan tentang perkara berikut selepas menerima bantuan atau latihan/kursus kemahiran hidup:
1. sangat tidak setuju
 2. tidak setuju
 3. tidak pasti
 4. setuju
 5. sangat setuju
1. Taraf hidup keluarga bertambah baik
 2. pendapatan keluarga lebih memuaskan
 3. makanan harian keluarga lebih memuaskan
 4. tingkat kesihatan keluarga bertambah baik
 5. taraf persekolahan anak-anak bertambah baik
 6. keadaan rumah bertambah selesa
 7. bantuan berjaya mengurangkan kemiskinan
 8. mengurangkan beban hutang keluarga
 9. berguna sebagai modal dan memajukan perniagaan
- | |
|--|
| |
| |
| |
| |
| |
| |
| |
| |
| |

H31. Sekiranya pihak kerajaan menawarkan bantuan/kursus/latihan, bidang manakah yang tuan/puan minati? (mengikuti keutamaan)

1. peruncitan
 2. pemprosesan makanan
 3. penternakan
 4. perikanan
 5. pertanian
 6. akuakultur
 7. kraftangan
 8. lain-lain, nyatakan _____
- | |
|--|
| |
| |
| |
| |
| |
| |
| |
| |

H32. Jika tuan/puan minati untuk mana-mana bidang di atas, kenapa tuan/puan tidak mengusahakannya?

1. tidak ada modal
2. tidak ada tanah/tapak
3. tidak ada kemahiran/latihan berniaga
4. anggap diri sudah tua dan tidak mampu untuk usahakannya
5. tidak dapat bantuan dari pihak-pihak tertentu
6. lain-lain, nyatakan, _____

H33. Jika tuan/puan meminati bidang yang memerlukan pasaran, adakah tuan/puan mengetahui bagaimana untuk memasarkannya?

1. Tidak
2. Ya, tahu sikit-sikit
3. Ya, sangat tahu selok beloknya

H34. Nyatakan kepentingan bantuan-bantuan berikut kepada peningkatan taraf hidup tuan/puan dan bagi komuniti pesisir pantai ini mengikut keutamaan:

1. bantuan wang saku
 2. bantuan modal (projek komersial)
 3. bantuan latihan/kemahiran hidup
 4. bantuan membina rumah
 5. bantuan ASB
 6. bantuan tanah
 7. bantuan pendidikan anak-anak
- | |
|--|
| |
| |
| |
| |
| |
| |
| |

H35. Apakah tuan/puan bersetuju dengan pernyataan berikut:

- | | | |
|----------------|----------------------|-----------------|
| 0. Tidak tahu | 1. Amat tidak setuju | 2. Tidak setuju |
| 3. Tidak pasti | 4. Setuju | 5. Amat setuju |

1. Orang kampung seperti di sini terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan
2. Orang kampung seperti di sini boleh maju asalkan mereka berani mencuba dan kuat berusaha

H36. Secara keseluruhannya menurut pandangan tuan/puan, bagaimanakah situasi tuan/puan dan keluarga sekarang berbanding dengan situasi keluarga 10 tahun dahulu?

Dari segi material/pemilikan aset

1. Jauh lebih buruk
2. Lebih buruk
3. Sama sahaja
4. Lebih Baik
5. Jauh lebih baik

Dari segi peluang pekerjaan

1. Jauh lebih buruk
2. Lebih buruk
3. Sama sahaja
4. Lebih Baik
5. Jauh lebih baik

Dari segi peluang peningkatan pendapatan

1. Jauh lebih buruk
2. Lebih buruk
3. Sama sahaja
4. Lebih Baik
5. Jauh lebih baik

Dari segi peluang pendidikan

1. Jauh lebih buruk
2. Lebih buruk
3. Sama sahaja
4. Lebih Baik
5. Jauh lebih baik

Dari segi peluang peningkatan status sosial

1. Jauh lebih buruk
2. Lebih buruk
3. Sama sahaja
4. Lebih Baik
5. Jauh lebih baik

Dari segi pergaulan

1. Jauh lebih buruk
2. Lebih buruk
3. Sama sahaja
4. Lebih Baik
5. Jauh lebih baik

Dari segi masalah sosial, nyatakan _____

1. Jauh lebih buruk
2. Lebih buruk
3. Sama sahaja
4. Lebih Baik
5. Jauh lebih baik

TERIMA KASIH ATAS KERJASAMA ANDA